TERHADAP ISLAM

karangan Muhammad Qutb

KANDUNGAN

فَأَمَّا الَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ زَيْغٌ فَيَتَّبِعُونَ مَا تَشَابَهَ مِنْهُ ابْتِغَاءَ الْفِتْنَةِ وَابْتِغَاءَ تَأْوِيلِهِ

"Dengan nama Allah Tuhan Yang Maha Pemurah dan Penyayang.

Orang-orang yang mempunyai

kesesatan di hati mereka akan

menurut sesuatu yang mengeliru

dengan tujuan menimbulkan fitnah dan

dengan tujuan menyelewengkan pentafsirannya".

(Ali-Imran – Ayat 7)

Kata Pengantar Edisi Yang Keenam

SEWAKTU menulis buku ini beberapa tahun yang lampau, saya tidak menduga bahwa ia akan mendapat sambutan dan penghargaan yang sehangat dan setinggi ini. Apabila buku ini diulangi cetak sekali demi sekali, saya bersyukur kepada nikmat Allah dan berterima kasih kepada para pembaca yang telah menunjukkan minat mereka kepada pembicaraan-pembicaraan yang terkandung di dalamnya. Tetapi kini saya mulai merasa bahwa selepas cetakan yang keenam ini buku ini tidak perlu lagi diulangi cetak, kerana pada hemat saya masanya telah tiba kepada kita untuk mengubahkan pembicaraan kita. Kita kini lebih baik memperkatakan tentang Islam sendiri dan hubungannya dengan seluruh bidang hidup juga memperkatakan peranan positifnya dalam kehidupan manusia sebagaimana yang telah saya lakukan di dalam buku-buku lain yang lahir selepas buku ini. Kini lebih baik kita mempèrkatakan hal-hal ini dan membicarakan pengeliruan pengeliruan yang disebarkan oleh musuh-musuh Islam dengan maksud supaya kita berada dalam keadaan yang defensif.

Walau bagaimanapun, namun selepas saya membaca buku "Islam In Modern History" karangan orientalis Encik Wilfred Cantwill Smith dan dapati bahwa pengarangnya telah merujukkan kepada buku saya ini sebanyak tiga tempat dengan kata-kata yang begitu marah dan dendam hingga sampai kepada darjah caci maki, maka lantas saya memutuskan bahwa buku ini yang sedemikian hebat menimbulkan kemarahan orientalis berjiwa Crusade yang meluap-luap itu harus dikekalkan dan diulangi cetaknya beberapa kali lagi.

Seluruh kepujian dan kesyukuran saya hadapkan kepada Allah. Dan dan Allah juga saya pohon taufiq.

— Muhammad Qutb.

Sekapur Sirih

RAMAI kaum intelek hari ini menghadapi krisis yang hebat terhadap agama. Apakah agama merupakan salah satu dan kenyataan-kenyataan hidup? Seandainya agama pernah merupakan satu kenyataan hidup di masa yang lampau, adakah ia masih tetap merupakan kenyataan hidup di zaman moden ini, di mana sains telah mengubahkan seluruh bidang hidup dan di mana tiada tempat lagi untuk sesuatu yang lain melainkan sains dan hakikat-hakikat yang diakui sains saja.

Apakah agama merupakan satu keperluan umat manusia? Atau agama hanya merupakan satu kecenderungan peribadi semata-mata dengan erti siapa suka boleh beragama dan siapa tidak suka boleh jadi atheis saja kerana kedua-dua pendirian itu sama saja?

Kaum intelek itu juga menghadapi krisis yang sama apabila mereka berdepan dengan agama Islam. Muballigh-muballigh Islam selalu mengatakan kepada orang ramai bahwa agama Islam adalah satu agama yang unik. Islam bukan semata-mata sistem kepercayaan bukan semata-mata sistem untuk meluhurkan jiwa dan mengasuh manusia dengan perangai-perangai yang tinggi, malah di samping itu semua, Islam adalah satu sistem ekonomi yang adil, satu sistem sosial yang seimbang, satu kumpulan undang-undang civil, undang-undang jinayah dan undang-undang antarabangsa. Islam satu pimpinan fikiran dan satu didikan jasmani dan seluruhnya di dasarkan di atas kepercayaan, pembimbingan akhlak dan pembersihan jiwa.

Apa yang dikatakan itu telah membingungkan kaum intelek, kerana selama ini mereka menyangka Islam sudah mati dan tujuan-tujuannya telah tamat. Justru kerana itulah mereka terperanjat apabila muballigh-mubaljjgh Islam mengatakan kepada mereka bahwa Islam bukanlah legasi zaman purba yang kini disimpan di muzium fikiran-fikiran, peraturan dan

kepercayaan kepercayaan tua, malah Islam suatu sistem yang masih hidup Hingga ke detik sekarang. Islam mempunyai cukup daya untuk hidup di zaman depan, iaitu daya-daya hidup yang tidak dipunyai oleh mana-mana sistem lain yang diketahui oleh umat manusia sejak dulu hingga sekarang termasuk sistem sosialisma dan komunisma.

Sampai di sini mereka semakin terperanjat, mereka tidak tersabar lagi dan terus memekik, "Adakah sistem yang telah menghalalkan perhambaan, feudalisma dan kapitalisma, adakah sistem yang menganggapkan nilai kaum wanita sama dengan separuh nilai lelaki dan mengurung mereka di dalam rumah, adakah sistem yang menjalankan hukuman rejam, kerat tangan dan sebat, adakah sistem yang membiarkan penganutnya hidup mengemis dan membahagikan mereka kepada berbagai-bágai kelas yang memeras satu sama lain, adakah sistem yang tidak memberi jaminan hidup yang lumayan kepada orang-orang yang berusaha, adakah sistem yang sedemikian boleh hidup di zaman moden ini apatah lagi di masa depan? Adakah sistem yang sedemikian mempunyai kesanggupan untuk memasuki satu pertarungan yang maha hebat yang berlaku di hari ini di antara berbagai-bagai sistem sosial dan ekonomi yang berlandaskan prinsip-prinsip ilmiah; adakah sistem yang sedemikian mempunyai kesanggupan untuk berdiri tegak di dalarn pertarungan itu apatah lagi untuk menentang dan berjuang?

Sebelum pergi lebih jauh, golongan intelek ini harus lebih dulu mengetahui dan manakah sumbernya mereka menerima pendapat pendapat yang keliru dan meragukan itu, agar mereka benar-benar tahu samada pendapat-pendapat yang mereka laung-laungkan itu merupakan hasil pemikiran mereka sendini atau mereka melaung laungkan pendapat itu sebagai pak-pak turut yang memekik-mekik sesuatu yang tidak dimengerti oleh mereka sendiri.

Sebetulnya pendapat-pendapat yang keliru dan meragukan itu bukanlah hasil dan usaha-usaha pemikiran mereka yang objektif. Sebagai buktinya marilah kita kembali beberapa langkah ke zaman silam untuk mengetahui secebis sejarah moden.

Di zaman-zaman tengah, Peperangan-peperangan Salib (Crusade) yang sengit telah berlaku di antara negeri-negeri Eropah dan negeri-negeri Islam, kemudian peperangan-peperangan itu berhenti sesudah melalui satu jangka waktu yang lama. Tetapi salah sekali jika ada orang yang menyangka bahwa Peperangan Salib itu telah tamat setakat itu saja seperti yang telah ditegaskan secara terusterang oleh Lord Allenby ketika angkatan beliau selesai menakluk Jerusalem di dalam peperangan besar yang pertama, "Sekarang Peperangan-peperangan Salib telah tamat!"

Di dalam dua abad yang lampau penjajahan Eropah mengancam dunia Islam. Inggeris memasuki negeri Mesir pada tahun 1882 berikutan dengan pengkhianatan yang telah dilakukan oleh Khidiwi Taufiq yang telah sanggup bekerjasama dengan penjajah untuk menghancurkan revolusi rakyat yang dipimpin oleh Urabi. Selepas itu Inggeris merasa perlu menjalankan satu polisi untuk memperkukuhkan kedudukannya di negeri-negeri Islam dan untuk menjamin keselamatan mereka dan ledakan semangat Islamiah yang mungkin tercetus pada suatu hari yang hampir.

Di sini biar kita memberi peluãng kepada Tuan Gladstone Perdana Menteri lnggeris di zaman Queen Victoria menerangkan polisi itu dengan jelas dan terusterang. Beliau mengangkat al-Quran dan berkata kepada para anggota-anggota Parlimen Inggeris, 'Selama kitab ini berada di tangan orang Mesir, maka selama itulah kita tidak akan menikmati keamanan di negeri itu."

Jadi, yang menjadi sasaran-sasaran polisi Inggeris ialah melemahkan ilmu agama Islam, mengikiskan kesuciannya pada hati penganut memusnahkan imejnya di dalam fikiran dan hati kecil mereka agar mereka keluar dan agama itu dan menjauhi diri dari undang-undang dan

peraturannya, supaya dengan langkah demikian penjajah-penjajah Inggeris dapat bertapak kukuh di negeri itu. Demikianlah polisi yang dijalankan Inggeris di Mesir.

Di samping itu Inggeris mengatur pula satu polisi pendidikan yang mengabaikan pengajian dan penjelasan tentang hakikat agama Islam. Apa yang diajar di sekolah-sekolah hanya ibadat ibadat, sembahyang-sembahyang, zikir-zikir dan ucapan-ucapan tasbih, tariqah-tariqah sufi. Cara membaca Quran untuk mengambil berkat dan ajaran-ajaran akhlak secara teori saja. Penuntut-penuntut tidak pernah diajar tentang Islam sebagai satu sistem ekonomi dan sosial, sebagai satu sistem pemerintahan atau sebagai satu sistem pendidikan dan pengajaran atau sebagai satu cara hidup dan pemimpin kehidupan.

Apa yang diajar kepada mereka ialah keraguan-keraguan dan kekeliruan-kekeliruan faham terhadap Islam yang diatur oleh para orientalis dan lain-lain pendokong-pendokong perjuangan salib dan Eropah. Mereka berbuat demikian agar umat Muslimin terkeliru dengan agama mereka sendiri dan agar politik penjajahan Inggeris yang keji itu terlaksana.

Dan sebagai pelajaran ganti mereka mengajar anak-anak muda Islam tentang keagungan Eropah. Mereka diajar bahwa sistem-sistem kemasyarakatan yang sebenar ialah sistem-sistem kemasyarakatan yang telah berjaya membangun negara-negara Eropah. Mereka diajar bahwa sistem ekonomi yang tulin ialah sistem ekonomi yang telah disusun oleh otak-otak orang Eropah, mereka diajar bahwa perlembagaan pemerintahan yang paling baik ialah perlembagaan yang telah dihasil dan dikembangkan oleh pengalaman orang-orang Eropah, mereka seterusnya diajar bahwa hak-hak manusia itu adalah hasil deklarasi revolusi Perancis, dan sistem demokrasi adalah diasas dan dimajukap oleh bahasa Inggeris, sedangkan tamaddun hari ini adalah dibatu asaskan oleh Empayar Rome.

Pendeknya orang-orang Inggeris menggambarkan negeri Eropah kepada pelajar-pelajar Islam sebagai satu-satunya negeri raksaksa yang tiada siapa yang boleh menandinginya dan meng gambarkan negeri Timur sebagai negara Awang Kenit yang kerdil yang tidak boleh berdiri di atas kaki sendiri, malah pasti selama-lamanya tunduk dan menumpang kemajuan negeri Eropah.

Dan akhirnya politik yang diaturkan oleh Inggeris telah membawa hasil yang baik, di mana jenerasi-jenerasi muda Mesir tidak lagi merasa mempunyai kewujudan dan keperibadian sendiri, mereka seluruhnya telah diperhambakan Eropah dan mereka telah terbenam sedalam-dalamnya di dalam perbudakan Eropah, mereka tidak dapat melihat dengan mata hati mereka sendiri, mereka tidak dapat berfikir dengan akal fikiran mereka sendiri, mereka melihat mengikut apa yang dilihat oleh orang-orang Eropah dan mereka hanya mendokong fikiran-fikiran yang dikehendaki oleh orang orang Eropah.

Kaum intelek hari ini merupakan buah-buah hasil dan politik yang disusun oleh penjajah. Mereka tidak mengetahui sesuatu darihal Islam kecuali fahaman-fahaman dan gambaran-gambaran yang menimbulkan keraguan, malah mereka tidak memahami seluruh ajaran Islam kecuali mengikut apa yang diajar oleh guru-guru Eropah. Dan justru kerana itu mereka turut menganjur persis seperti orang-orang Eropah supaya agama dipisahkannya dan pemerintahan dan dipisahkan dan sains.

Akibat kejahilan dan kelalaian, mereka lupa bahwa agama yang telah ditinggalkan oleh Eropah itu suatu agama yang berlainan dan agama yang diperjuangkan pengembang-pengembang Islam. Suasana-suasana yang melingkupi Eropah dan yang, telah memaksakannya bertindak memusuhi dan memencilkan agama adalah suasana-suasana yang khusus bagi orang-orang Eropah di sana saja. Suasana-suasana itu tidak berlaku di negeri-negeni Islam di Timur, malah tidak mungkin berlaku di sini.

Justru kerana itu apabila kaum intelek kita menyeru agar kita menepikan saja agama atau memisahkan agarna dan pentadbiran sosial, politik dan ekonomi negara, maka sebetulnya mereka telah mengimpotkan fikiran-fikiran yang telah disediakan oleh orang orang Eropah dan mengulangi seperti burung kakak tua apa yang diucapkan oleh orang-orang Eropah di negeri-negeri mereka.

Di Eropah pergolakan telah terjadi di antara sains dan agama, kerana gereja-gereja di sana telah pun menganut pendapat-pendapat ilmiah dan teori-teori dogmatis yang tertentu dan menganggapkannya sebagai fakta-fakta ilmiah yang qudus yang diturun dan langit. Oleh kerana itu apabila sains teori dan amali mendedahkan kesilapan fikiran-fikiran ilmiah dan teori-teori dogmatis yang didokong mereka, maka tentulah orangramai di sana mempercayai pendapat-pendapat sains dan menolak' pendapat-pendapat gereja dan seterusnya tidak mempercayai agama yang diajarkan oleh para padri itu.

Pergolakan ini semakin bertambah sengit, begitu juga keinginan untuk membebaskan diri semakin meluap apabila gereja gereja di Eropah mendakwa dirinya mempunyai kuasa ketuhanan dan bertindak mempergunakan kekuasaan itu dengan sewenang wenang. Akibahnya kekuasaan-kekuasaan gereja menjadi hantu jembalang yang menakutkan orang ramai siang dan malam. Mereka telah dibebankan dengan berbagai-bagai pemerasan. Mereka dipaksa mematuhi perintah-perintah padri dan mempercayai kekarutati-kekarutan dan kharafat-kharafat dengan nama Allah.

Ahli-ahli sains disiksa dan dibakar kerana kesalahan, misalnya, mengeluarkan pendapat bahwa bumi ini bulat. Akibah-akibahnya telah menimbulkan reaksi yang buruk, di mana setiap orang yang berfikiran dan berdhamir yang bebas merasa berkewajipan untuk menghancurkan kekuasaan gereja yang jelik itu atau setidak-tidak nya untuk membelenggukan kekuasaan itu agar ia tidak lagi menindas dan mengongkong orang ramai. Dan justru kerana itu usaha-usaha untuk memburuk-burukkan ajaran agama yang digaris oleh gereja dan usaha-usaha mencari titik kelemahan agama Kristian telah menjadi satu kewajipan suci yang didokong oleh segenap cerdikpandai yang bebas.

Tetapi mengapa kita yang tinggal di negeri-negeri Islam turut sebok seperti orang-orang Eropah? Mengapa kita harus memisahkan sains dan agama? Dan apakah perlunya bagi kita mencetuskan satu pergolakan dan pertentangan sengit di antara sains dan agama? Manakah satu hakikat ilmiah yang bersih dan motif nafsu telah di dapati bertentangan dengan agama dan dengan prinsip prinsip kepercayaan agama? Dan bilakah ahli-ahli sains pernah disiksa dan diburu dalam pemerintahan Islam? Sejarah sendiri telah menyaksikan betapa ramainya tokoh-tokoh ilmu perubatan, ilmu astronomi, ilmu ukur, ilmu fizika dan ilmu kimia yang muncul di bawah naungan pemerintahan Islam. Mereka seluruhnya tidak pernah mengalami komplek pententangan di antara sains dan kepercayaan, begitu juga di antara mereka dan pemerintah pemenintah tidak pernah berlaku sengketa-sengketa sehingga membawa kepada tindakan-tindakan pembakaran dan penyiksaan.

Apakah sebab yang telah mendorong golongan intelek Islam itu bertindak memisahkan agama dan sains, bertindak mencaci, dan menyalah-nyalahkan agama tanpa pengertian dan pengajian, malah serupa dengan lolongan-lolongan orang yang mengidap demam panas? Sebab tidak lain dan tidak bukan melainkan kerana mereka telah termakan racun penjajah tanpa disedari oleh mereka.

Sebenarnya saya tidak masukkan kaum intelek jenis ini ke dalam perhitungan saya ketika menulis buku ini, kerana saya sedar mereka tidak akan pulang kepada kebenaran sehingga guru-guru yang menjadi ikutan mereka di Barat kembali kepada kebenaran setelah mereka kecewa dengan tamaddun mereka yang tidak mempercayai Tuhan dan setelah mereka

sedar bahwa tamaddun yang tidak percayakan Tuhan itu bukanlah jalan keselamatan dan kesejahteraan. Ketika itu barulah mereka kepingin kembali kepada satu sistem hidup yang mendokong kebendaan dan serentak dengan itu menjunjung prinsip-prinsip rohaniab, iaitu satu sistem yang melingkupi kepercayaan dan kehidupan sama serentak.

Golongan yang ada di dalam perhitungan saya ketika menulis buku ini ialah golongan anak-anak muda yang jujur, enlightened dan suka berfikir, golongan anak-anak muda yang benar-benar mempunyai hasrat untuk mencari dan menemui kebenaran, tetapi mereka telah dihalangi oleh kekeliruan-kekeliruan faham mengenai Islam yang ditaburi oleh penjajah, iaitu kekeliruan-kekeliruan yang tidak dapat ditolak oleh mereka kerana kuasa penjajah telah membuta mata mereka dan membiar mereka meraba-raba dalam kegeliraan dan kerana hamba penjajah dan syaitan-syaitan komunisma begitu hebat bekerja menyesatkan mereka supaya mereka tidak dapat menemui jalan kebenaran, jalan kebebasan, kéhormatan dan kebanggaan.

Dan itu kepada golongan anak-anak muda yang jujur dan suka berfikir inilah saya persembahkan buku ini dan saya harap semuga Allah memberi taufiq kepada saya dalam usaha-usaha saya untuk menghapuskan kekeliruan-kekeliruan yang berceracak di tengah jalan mereka meñuju kebenaran.

Adakah Agama Sudah Lapuk?

KERANA terpesona dengan kemajuan-kemajuan sains di dalam abad kedelapan belas dan kesembilan belas, ramai cerdik pandai-cerdik pandai Barat menyangka bahwa peranan agama telah berakhir atau tidak berguna lagi, kerana tempatnya telah diambil oleh sains.

Kebanyakan tokoh-tokoh ilmu masyarakat dan ilmu jiwa di Barat berpegang dengan sangkaan sedemikian. Frued ahli jiwa terkemuka—misalnya—telah membahagikan kehidupan manusia kepada tiga peringkat perkembangan jiwa iaitu:

1) Peringkat mempercayai tahyul atau kharafat.

2) Peringkat mempercayai agama.

3) Peringkat mempercayai sains.

Tadi, di dalam sekapur sirih, telah saya jelaskan faktor-faktor dan suasana-suasana yang bertanggungjawab mendorong cerdik pandai Eropah berpegang dengan teori seperti ini iaitu teori yang menentang dan memandang jejek kepada agama. Di sana telah saya tegaskan bahwa pergolakan yang tercetus di antara gereja-gereja dan kaum cerdikpandai telah membuat mereka benar-benar merasa bahwa apa yang dikatakan oleh gereja itu merupakan pendapat-pendapat yang kolot, mundur, lapuk dan karut. Justru kerana itu pendapat gereja harus digantikan dengan pendapat sains agar manusia mendapat kesempatan untuk tampil maju menuju jalan tamaddun.

Kemudian timbul pula penyakit suka meniru di negeri-negeri Islam yang terjajah dan penyakit inilah yang menibuat mereka menyangka bahwa satu-satunya, jalan untuk mencapai kemajuan ialah mengikuti jalan-jalan yang dirintis oleh negara-negara Eropah yang maju dan berkuasa hari ini. Dan ini bererti mereka harus membuang agama mereka sebagaimana Eropah telah membuang agamanya. Tanpa bertindak demikian mereka akan terus menerus berada dalam kejatuhan, kemunduran dan kekarutan.

Tetapi mereka lupa bahwa tidak semua cerdik pandai dan pengarang-pengarang di Eropah memusuhi agama, rnalah di antara, mereka terdapat tokoh-tokoh yang berjiwa bebas dan materialisma Eropah yang tidak percaya kepada Tuhan itu. Mereka menganggapkan kepercayaan agama sebagai satu keperluan jiwa dan keperluan akal manusia. Di antara tokoh-tokoh yang seperti itu ialah James Jean seorang ahli astronomi. Mula-mula beliau tidak percaya kepada Tuhan, tetapi akhirnya hasil-hasil dan penyiasatan-penyiasatan ilmiah yang dilakukan olehnya telah meyakinkan beliau bahwa masaalah-masaalah sains yang paling, besar tidak dapat dihurai tanpa mempunyai kewujudan Tuhan.

Jeans Bridge ahli pengajian masyanakat yang terkemuka tampil lebih jauh dan itu lagi. Beliau telah memberi sanjungannya yang tinggi kepada Islam kerana kejayaannya memadukan kebendaan dengan rohaniah dalam satu sistem fikiran yang dicampur dengan peraturan-peraturan hidup yang peraktis. Somerset Maugham, novelis Inggeris yang terkemuka telah membuat satu rumusan yang bijak apabila ia berkata. begini: “Eropah telah membuang Tuhannya kerana ia telah menemui satu tuhan yang baru iaitu sains.”

Tetapi sains seberubah-ubah dan tidak tetap. Kadang kadang hari ini Ia membenarkan pendapat-pendapat yang telah ditolaknya di hari kelmarin dan mungkin besok dia menolak pula pendapat-pendapat yang diterimanya pada hari ini. Justru kerana itu penyembah-penyembah sains sentiasa gelisah dan tidak tetap.

Satu hakikat yang jelas ialah kegelisahan yang sentiasa dialami oleh dunia Barat hingga merosakkan saraf mereka dan mengakibatkan mereka menderitai berbagai-bagai penyakit jiwa

dan saraf adalah hasil dan satu pergolakan yang tidak berhenti-henti berlaku di negara mereka, sedangkan mereka tidak mempunyai satu pegangan yang kukuh samada di bumi atau di langit. Segala sesuatu di sekeliling mereka dilanda perubahan-perubahan; sistem-sistem ekonomi berubah-ubah, sistem politik juga berubah-ubah, hubungan individual dan internasional berubah dan fakta-fakta sains juga turut berubah.

Oleh itu seandainya di sana tidak terdapat satu pegangan atau kepercayaan kukuh yang dapat digunakan oleh individu-individu dalam pertarungan mereka yang hebat untuk menghadapi cabaran cabaran hidup, maka tentulah akibahnya satu saja iaitu kegelisahan dan kekacauan batin.

Seandainya kepercayaan kepada agama itu tidak mempunyai faedah yang lain dan membeni keteñteraman jiwa kepada manusia di bumi Allah, di mana manusia bekerja, berbakti, bertindak menentang kuasa bejat dan zalim untuk mencari keredhaan Allah dan di mana meneka berjuang memaju dan memakmurkan bumi untuk melaksanakan kehendak-kehendak Allah dan mengharapkan ganjaran yang akan dikurniakanNya, maka faedah yang sedemikian itu pun sudah cukup untuk menjadi alasan mengapa kita perlu berpegang dengan agama dan ajaran-ajarannya yang baik.

Apakah yang akan tenjadi kepada manusia yang hidup tanpa kepercayaan kepada Allah dan tanpa kepercayaan kepada alam akhirat yang kekal abadi?

Tentulah mereka akan dikongkongi oleh perasaan fana dan rnusnah, perasaan betapa pendeknya umur mereka dan betapa kerdilnya hidup mereka di samping cita-cita dan angan-angan mereka yang mengawan tinggi. Perasaan-perasaan sedemikian tentu akan mendorong mereka bertindak dengan gelojoh dan terburu-buru untuk mencapai sebanyak-banyak kenikmatan dunia dalam usia mereka yang pendek itu. Mereka akan bermatian berjuang untuk merebut kesenangan-kesenangan dan kekayaan dunia dalam satu pertarungan yang ganas, kerana inilah saja satu-satunya peluang buat mereka untuk mencapaikan faedah-faedah yang immediate hidup di dunia.

Jika demikian gugurlah manusia dan statusnya yang tinggi. Taraf perasaan, fikiran cita-cita dan matlamat hidup dan cara mereka melaksanakannya juga turut jatuh dan statusnya yang tinggi. Mereka sekalian akan terjerumus ke dalam satu pergolakan hidup yang kejam dan tidak berperikemanusiaan, pergolakan yang tandus dan perasaan belas kasihan, timbangrasa dan tolong menolong. Mereka akan terjerumus ke dalam lembah nafsu, dan keinginan-keinginan naluri hingga mereka tidak mempunyai kesempatan lagi untuk meluhurkan perasaan-perasaan dan meninggikan nilai kemanusiaannya.

Dan tentulah dalam pergolakan itu mereka beroleh beberapa keuntungan dan kenikmatan, tetapi keuntungan dan kenikmatan itu akan musnah semuanya akibah perebutan dan pergolakan mereka yang sengit. Orang-orang perseorangan akan terbelenggu kepada hawa nafsu seolah-olah mereka hamba abdinya yang patuh untuk melayani segala keinginannya. Bangsa-bangsa pula akan tercebur ke dalam peperangan-peperangan ngeri yang merusakkan kenikmatan hidup di dunia, sedangkan ilmu pengetahuan yang merupakan sebagai alat-alat hidup yang maha penting yang sepatutnya membawa kemunafaatan akan berubah menjadi alat yang membawa kemusnahan dan kehancuran yang mengerikan.

Seandainya kepercayaan agama itu tidak mempunyai suatu tugas lain di dalam kehidupan manusia selain dan memberi kelegaan jiwa dan harapan untuk mencapai hidup abadi di alam akhirat, di mana tercapainya segala cita-cita mereka dan di mana mereka dapat mengecapi seluruh kenikmatan yang diimpikan. mereka, dan seandainya kepercayaan agama tidak dapat memberi sesuatu yang lain dan ajaran-ajaran yang boleh meredakan pergolakan mereka di muka bumi dan sesuatu yang lain dan kesempatan-kesempatan untuk menyuburkan

perasaan-perasaan kasih sayang, persaudaraan dan timbangrasa, maka itu pun sudah cukup untuk dijadikan alasan mengapa kita perlu berpegang dengan kepercayaan agama dan ajaran-ajarannya yang baik.

Siapakah yang memberi kesabaran dan ketabahannya kepada pejuang-pejuang prinsip-prinsip hidup yang tinggi, kepada pejuang pejuang dasar-dasar kemanusiaan dan kepada pejuang akidah-akidah yang luhur yang menentang kuasa-kuasa jahat dan zalim untuk menegakkan prinsip-pninsip yang luhur itu? Apakah faedah-faedah yang di tunggu-tunggu mereka? Setengah-setengah pejuang malah kebanyakan pejuang pernah menghabiskan umur hidupnya sedangkan mereka tidak dapat mencapài faedah yang diharap-harapkan mereka. Kepercayaandan perjuangan yang berlandaskan faedah peribadi tidak akan berjaya melainkan sekadar mencapai matlamatnya yang kecil saja, kemudian perjuangan itu akan disapu oleh ribut badai hawa nafsu dan oporcunisma kerana perjuangan yang sedemikian tidak mempunyai akar-akar yang kukuh.

Dari itu, yang mendorong pejuang-pejuang itu bersabar dan bertabah hati dalam perjuangan-perjuangan mereka yang luhur bukanlah faedah-faedah kebendaan yang immediate.

Memang benar di sana ada setengah-setengah pejuang reformasi masyarakat yang mengambil kekuatan dan kesabaran mereka dan perasaan hasad dengki dan dendam kesumat mereka atau dan perasaan hasad dengki dan dendam kesumat satu golongan yang tertentu atau dan perasaan hasad dengki dan dendam kesumat jenerasi sezamannya. Mereka mungkin berjaya mencapaikan beberapa matalamat dan perjuangan reformasi mereka. Mungkin perasaan hasad dengki dan dendam kesumat mereka begitu hebat dan meluap-luap hingga mereka sanggup memikul seluruh penderitaan dan kesiksaan dalam perjuangan mencapai matalamat-mata lamat yang diimpikan mereka, tetapi perjuangan yang diasaskan di atas hasad dengki dan dendam kesumat itu tidak akan dapat membawa manusia ke arah kebajikan dan kebenaran. Perjuangan yang sedemikian mungkin berjaya menyelesaikan beberapa masaalah sementara atau mungkin berjaya menghapuskan sesuatu kezaliman yang wujud dalam masyarakat, tetapi ta tidak akan berjaya menjadi ubat yang mujarrab untuk mengubati segala masaalah yang dihadapi manusia, malah perjuangan itu sudah tentu akan menyeleweng akibab didorong hasad dengki dan dendam kesumat dan ini akan menjadikan perjuangan mereka sebagai perjuangan menukar satu kejahatan dengan satu kejahatan yang lain, kezaliman dengan satu kezaliman yang lain.

Kepercayaan-kepercayaan yang tidak memperjuangkan faedah kebendaan yang immediate atau tidak bersendikan hasad dengki atau yang memperjuangkan prinsip kasih sayang dan persaudaraan yang benar atau yang memperjuangkan kebajikan dan memerangi segala bentuk kejahatan. maka itulah satu-satunya kepercayaan yang dapat memberi faedah kepada manusia dan dapat meletakkan mereka di bans depan angkatan tamaddun manusia.

Kepercayaan yang semurni itu tentulah tidak dapat ditegakkan melainkan dengan keimanan kepada perasaan cinta yang agung, cinta yang lahir dan kecintaan kepada Allah, cinta yang lahir dan kecintaan kepada kebaikan mutlak yang menyampaikan kepada Allah, cinta yang lahir dan kecintaan kepada kebenaran mutlak yang menjadi ukuran nilai-nilai hidup.

Kepercayaan yang semurni itu tentulah tidak dapat ditegakkan melainkan dengan keimanan kepada alam akhirat yang mengikiskan dan jiwa manusia perasaan fana' dan musnah di alam bumi, perasaan hilangnya usaha-usaha yang baik tanpa ganjaran, hilangnya sentimen-sentimen yang luhur tanpa balasan dan mengisikannya dengan perasaan merasa kekal dan abadi.

Apa yang diperkatakan tadi hanya mengenai kepercayaan kepada Allah dan kepercayaan kepada alam akhirat saja, tetapi Islam tidak hanya terbatas sekadar itu saja.

Orang-orang yang menganggap Islam sebagai satu agama yang sudah lapuk tidak tahu mengapa Islam ini diturun ke bumi. Mereka hanya tahu sebagaimana yang mereka hafal dan pelajaran-pelajaran sejarah Islam yang disusun oleh penjajah untuk diajar di sekolah-sekolah, bahwa Islam adalah diturun untuk melarang manusia menyembah berhala dan untuk memimpin manusia menyembah Allah Yang Tunggal. Dulu orang-orang Arab hidup dengan sistem suku-suku yang bertentangan dan berseteru terhadap satu sama lain, kemudian datang Islam merapatkan hubungan mereka dan menjadikan mereka satu umat yang padu. Dulu orang-orang Arab minum arak, main judi, dan terbiat di dalam berbagai-bagai perangai yang keji, kemudian datang Islam melarang dan mengharamkan mereka berbuat demikian. Islam juga meng haramkan beberapa adat mereka yang jelik seperti adat membalas bela dan menanam anak perempuan dan sebagainya.

Kemudian Islam menyeru orang-orang yang beriman supaya mengembangkan da'wah Islam dan usaha dá'wah itu telah pun dijalankan mereka dengan sebaik-baiknya. Dalam proses perkembangan Islam itu berbagai peperangan dan pertempuran telah berlaku dan akhirnya Islam tersebar rata hingga ke perbatasan berbagai-bagai negara yang wujud di hari ini.

Menurut mereka, inilah saja tugas Islam, iaitu satu tugas sejarah yang telah pun tamat sekarang ini atau satu tugas yang sudah pun tidak berguna atau lapuk.di masa ini, kerana di dunia Islam sekarang tiada orang yang menyembah berhala lagi, sistem suku-suku telah pun hancur menjadi bangsa-bangsa yang padu. Arak, judi dan persoalan-persoalan keruntuhan akhlak dibiarkan saja kepada perkembangan masyarakat, walaupun perbuatan perbuatan itu telah diharam oleh agama-agama, namun ia tetap wujud dan tidak guna lagi dicuba-cuba menghapuskannya. Soal mengembang dakwah sudah pun tamat juga, kerana di zaman sejarah moden sekarang tiada ruang lagi untuk berdakwah. Bertolak dan hakikat ini nyatalah bahwa Islam sudah pun habis tugasnya di dunia ini, kewajipan kita sekarang malah mencari prinsip-pninsip hidup yang moden kerana dengan prinsip-prinsip ini saja pun sudah cukup.

Fikiran-fikiran itu merupakan hasil ilham pengajian-pengajian yang kita ajar kepada anak-anak kita di sekolah-sekolah, juga hasil ilham dan apa yang dinamakan mereka sebagai "Kenyataan".

Itulah fikiran dan otak-otak yang lemah dan jiwa-jiwa yang telah diperhambakan oleh Barat.

Sebetulnya mereka tidak mengerti untuk apakah Islam di turunkan? Tujuan Islam dapat diterangkan dengan sepatah kata saja iaitu pembebasan pembebasan diri dan segala kuasa yang wujud di dunia, iaitu kuasa yang mahu mengikatkan kebebasan manusia atau yang mahu menghalanginya dan kemajuan menuju jalan kebajikan.

Islam mahu membebaskan manusia dan kuasa-kuasa zalim yang memperbudakkan manusia dan menghinakan mereka dengan paksaan dan ancaman-ancaman, kuasa-kuasa yang memaksa manusia menurut jalan yang salah, kuasa-kuasa yang meragut kehormatan dan maruah manusia, kuasa-kuasa yang merampas harta benda dan jiwa manusia. Islam mahu membebaskan mereka dan kezaliman-kezaliman kuasa-kuasa itu dengan mengembalikan seluruh kuasa yang mutlak hanya kepada Allah Yang Tunggal saja.

Islam mahu menegakkan satu hakikat yang agung yang seharusnya diterima oleh manusia iaitu hanya Allah saja yang memiliki seluruh kerajaan alam, dia saja yang berkuasa di atas seluruh hambaNya, dan seluruh manusia adalah hambaNya belaka. Mereka tidak punya kuasa apa walaupun di atas diri mereka sendiri. Mereka seluruhnya akan kembali mengadap Allah di hari kiamat.

Dengan pegangan sedemikian seseorang itu akan merasa bebas dan perasaan takut kepada sesama manusia yang tidak punya kuasa apa-apa. Malah dia dan orang-orang lain seluruhnya adalah tunduk kepada iradat Allah.

Islam juga datang untuk membebaskan manusia dan kuasa keinginan nafsu walaupun keinginan mahu hidup kerana keinginan nafsu merupakan senjata yang digunakan oleh kuasa-kuasa zalim samada secara sedar atau tidak sedar untuk memperbudakkan manusia. Seandainya manusia tidak tamakkan kelazatan-kelazatan nafsu tentulah mereka tidak akan menerirna perbudakan dan tentulah mereka tidak akan berhenti menentang kezaliman yang menimpa mereka. Justru kerana itulah Islam memberi perhatian yang berat dalam usaha membebaskan manusia dan keinginan keinginan nafsu, agar mereka dapat menentang kejahatan selaku seorang pejuang yang berani bukan selaku seorang pengecut.

Firman Allah "Katakanlah kepada mereka adakah ibubapa kamu, anak kamu, saudara-saudara kamu, suami-suami dan isteri-isteri kamu dan keluarga kamu, adakah harta-harta kekayaan yang kamu miliki dan perniagaan yang kamu bimbangkan kerugiannya dan rumah-rumah kediaman yang disukai kamu itu lebih dicintai oleh kamu dan Allah, dan RasulNya dan dan perjuangan untuk jalanNya? Jika demikian maka tunggulah hingga Allah memberi keputusanNya dan sesungguhnya Allah itu tidak memberi hidayah kepada kaum yang fasik." – Surah Attaubah.

Dalam ayat ini Allah meletakkan seluruh keinginan kepada kenikmatan-kenikmatan di satu daun neraca dan meletakkan pula pada satu daun neraca yang lain kecintaan kepada Allah yang melambangkan seluruh perasaan kasih sayang, kecintaan kepada kebajikan dan kebenaran, kesediaan berjuang untuk jalan Allah dan untuk seluruh prinsip-prinsip yang luhur. Allah mahukan kecintaan kepadaNya harus melebihi kecintaan kepada keinginan keinginan yang lain sebagai satu syarat iman yang sebenar.

Tujuan pembebasan dan kuasa nafsu keinginan bukanlah hanya dimaksudkan semata-mata untuk memerangi pihak-pihak yang zalim dan sewenang-wenang di dalam masyarakat saja, malah pembebasan yang sedemikian haruslah merupakãn satu matalamat penjuangan kepada setiap orang untuk menyelamatkan dirinya dan perhambaan naluri-naluri yang buas dan keji.

Orang-orang yang tenggelam dalam kelazatan-kelazatan nafsu pada mula-mulanya ia menyangka bahwa dia hanya menikmati kesenangap hidup lebih banyak dan orang lain, tetapi tidak lama kemudian sangkaannya yang salah itu akan membawanya kepada perhambaan nafsu yang tidak dapat dielakkannya, malah akan membawanya kepada satu kerunsingan yang tidak akan memberi kerehatan kepadanya lagi.

Keinginan-keinginan nafsu tidak akan kenyang; semakin banyak dilayani semakin bertambah rakus dan bersemarak dan akhirnya membuat seseorang itu terus dibelenggu olehnya. Sementara itu orang yang dikongkingi nafsu selalunya terjerumus ke taraf yang paling rendah dan hina, di mana seluruh cita-citanya hanya berligar di sekitar menyahut dan memuaskan kehendak-kehendak nafsunya saja.

Manusia tidak akan maju kecuali mereka dapat membebaskan dirinya dan tekanan-tekanan keperluan agar dia dapat bekerja penuh bebas samada pekerjaannya itu dalam bentuk mencari ilmu pengetahuan yang boleh rnenyenangkan kehidupannya atau dalam bentuk menciptakan kesenian yang memberi keindahan kepadanya atau bertipa pegangan kepada ajaranajaran yang boleh membawa kepada perasaan yang luhur.

Bertolak dan hakikat ini Islam menekan betapa perlunya manusia dibebaskan dan keinginan nafsu. Tetapi pembebasan itu bukanlah dengan menganjur mereka inenjalani

kehidupan kepadrian kesenangan kesenangan hidup, malah mereka memenuhi keinginan itu dengan sederhana dan sopan dan menganjur mereka menikmati esenangan hidup sekadar yang berpatutan dan memenuhi keperluan saja, agar seseorang itu dapat menggunakan tenaga-tenaganya yang dinamis itu untuk meninggi kan ajaran-ajaran Allah di bumi.

Pendeknya dalam hubungan ini Islam bertujuan memberi faedah-faedah kepada seseorang supaya Ia dapat menikmati sebahagian dan kesenangan hidup dan ketenteraman jiwa di samping memberi faedah kepada masyarakat seluruhnya dengan menggalakkan mereka kerja-kerja untuk kebajikan dan kemajuan sesuai dengan konsep agung Islam, iaitu menyelaraskan kepentingan-kepentingan peribadi dengan kepentingan masyarakat.

Islam juga berjuang untuk membebaskan manusia dan tahyul, kerana manusia telah pun tenggelam di dalam berbagai-bagai kepercayaan tahyul. Setengah-setengah tahyul itu dan bikinan mereka sendiri kemudian mereka hubungkannya dengan tuhan tuhan yang dibikin oleh tangan mereka, sedangkan setengah setengah tahyul pula dan bikinan ahli-ahli agama kemudian mereka hubungkannya dengan Allah. Dan seluruh tahyul itu adalah muncul akibah dan kejahilan akal manusia. Justru kerana itu Islam datang untuk menyelamatkan mereka dan kepercayaan kepercayaan tahyul dalam bentuk kepercayaan kepada tuhan-tuhan yang palsu kepercayaan kepada dongeng-dongeng Yahudi dan kepercayaan-kepercayaan kepada kharafat gereja dan Islam berjuang untuk mengembalikan mereka kepada Allah yang sebenar dalam satu sistem kepercayaan yang simpal dan rasional.

Selanjutnya Islam menyeru manusia menggunakàn akal mereka untuk memahami hakikat-hakikat hidup, tanpa menimbulkan pertentangan di antara akal dan agama, atau pertentangan di antara agama dan sains. Mereka tidak terpaksa mempercayai perkana-perkara tahyul untuk beriman kepada Allah dan tidak pula terpaksa kufur dengan Allah untuk mempercayai hakikat-hakikat sains, malah Islam menanamkan dalam hati mereka satu konsep yang lurus dan jelas bahwa seluruh kejadian di alam ini adalah dijadikan untuk manusia dan bahwa setiap hakikat Ilmiah yang didapati mereka atau setiap faedah kebendaan yang dinikmati mereka adalah dari pemberian dan kurniaan Allah. Mereka harus bersyukur kepadaNya dan membalas dengan amal ibadat yang jujur. Ini bererti bahwa ilmu pengetahuan yang didapati manusia itu merupakan sebahagian dan iman bukan merupakan satu unsur yang bertentangan dengan iman.

Itulah tujuan-tujuan yang tidak lapuk, dan tidak akan menjadi lapuk selama manusia berada di muka bumi ini.

Tetapi apakah kini manusia telah dapat menyelamatkan diri mereka dan kepercayaan-kepercayaan tahyul? Adakah mereka telah berjaya menyelamatkan din dan pemerintah-pemerintah yang zalim dan sewenang-wenang? Adakah mereka telah berjaya membebaskan diri dan tindasan-tindasan jasad dan jeritan-jeritan nafsyu syahwat?

Separuh penduduk dunia hari ini masih menyembah berhala iaitu di Cina, India dan di berbagai-bagai bangsa di merata pelusuk bumi. Hampir-hampir separuh dan mereka pula menyembah khurafat-khurafat lain yang tidak kurang menyesatkan manusia dan kebenaran dan tidak kurang pula merusakkan jiwa mereka, malah merusakkan hubung mereka satu sama lain. Dan di antara khurafat yang paling menyesat dan bahaya ialah khurafat sains.

Sains sebetulnya merupakan satu alat raksaksa dan alat-alat ilmu pengetahuan. Sains telah membawa manusia kepada kemajuan begitu jauh ke depan. Tetapi sikap orang-orang Barat yang telah mempercayai sains sebagai satu tuhan dan menolak saluran-saluran ilmu pengetahuan yang lain telah menyesatkan manusia dan tujuan hidupnya yang sebenar dan menyempit skop hidupnya terbatas dalam alam pancaindera di mana mereka dapat melakukan sains-sains ujian. Biarpun bagaimana luas bidang sains ujian, namun ia masih sempit jika

dibandingkan dengan seluruh tenaga yang ada pada manusia dan biarpun bagaimana tinggi nilai sains ujian, namun ia masih rendah dibandingkan dengan kemampuan manusia untuk memanjat darjah yang lebih tinggi apabila ia menggunakan fikiran dan rohnya sekali. Ketika itu ia dapat berhubung dengan Allah roh yang maha besar dan dapat memetik cahaya ilmu pengetahuan yang sebenar dengan pancaindera dan mata hatinya.

Selain dan itu di sana ada lagi satu khurafat, di mana orang-orang yang percaya kepada sains menyangka bahwa sains dapat menembusi segala rahsia alam dan rahsia hidup, malah mereka juga menyangka bahwa apa yang dikatakan sains itulah saja yang benar dan sesuatu yang tidak dapat diukur oleh sains adalah khurafat semata-mata.

Walau bagaimanapun sains masih dalam peningkat usia kebudakan lagi. Banyak dan hakikat sains masing-masing terumbang-ambing antara benar atau tidak. Dan ahli-ahli sains masih lagi tidak berjaya untuk membongkarkan hakikat-hakikat segala sesuatu. Sains hanya boleh menerangkan gejala-geiala lahirnya saja tetapi tidak berjaya menembusi hakikat-hakikatnya.

Ahli-ahli sains begitu gopoh hingga tergamak menafikan adanya roh. Mereka juga menafikan kemampuan makhluk manusia yang mempunyai kuasa pancaindera yang terbatas Itu untuk menembusi pagar-pagar kebendaan demi untuk berhubung dengan alam ghaib 'menerusi pancaran 'telepathy' atau menerusi mimpi-mimpi yang profetis. Ini bukanlah kerana perkara itu tidak benar, malah kerana ujian sains belum lagi dapat membuktikan kebenarannya.

Oleh kerana Allah tidak dapat ditunduk kepada sains ujian, mereka lantas mengkesampingkan Allah dan setengah dan mereka secara tenang-terangan menafikan adanya Allah.

Dunia hari ini amat memerlukan kepada agama Islam sama seperti dunia memerlukannya sebelum seribu tiga ratus tahun yang lampau. Dunia memerlukan kepada Islam untuk menyelamatkannya dan kepercayaan-kepercayaan tahyul dan untuk mengangkatkan jiwa dan akal manusia dan tercebur ke dalam kepercayaan kepercayaan yang karut samada kepercayaan itu berupa penyembahan berhala atau berupa penyembahan sains yang jelik seperti yang dilakukan oleh umat Barat yang dikatakan progresif itu. Malah dunia memerlukan kepada Islam untuk mengembalikan suasana damai di antara agama dan sains, juga untuk mengembalikán kementapan hidup kepada umat manusia yang telah dikoyak rabakkan oleh doktrin-doktrin Barat yang salah, doktrin yang telah memisahkan di antara akal dan dhamin mereka dan doktrin yang sengaja mengkonfrontasikan di antara keperluan mereka kepada sains dengan keperluan meneka kepada Allah.

Dunia memerlukan kepada Islam untuk melenyapkan saki baki ajaran Greek yang jelik yang diwarisi oleh Eropah moden melalui Empayar Rome di zaman purba, iaitu ajaran yang menggambarkan selalu adanya hubungan dan perseteruan di antara manusia dan tuhan-tuhan ajaran yang menggambarkan bahwa setiap rahsia ilmü pengetahuan yang dicapai manusia adalah dirampas dan tuhan-tuhan atau diambil secara paksa setelah berlakunya pergelutan dan perlawanan dengan tuhan-tuhan. Berdasarkan ajaran ini setiap penemuan ilmu pengetahuan yang dicapai manusia adalah dianggap sebagai satu kemenangan manusia melawan tuhan-tuhan mereka.

Itulah ajaran jelik yang masih melekat di dalam akal tak sedar umat Eropah dan umat Barat umumnya. Gejala ini dapat dilihat pada telatah kata-kata mereka seperti. "Manusia berjaya menakluki necer," atau sains telah berjaya merampaskan rahsia alam dan sebagainya. Gejala ini juga dapat dilihat pada perasaan mereka terhadap Allah. di mana mereka merasa bahwa kelemahan manusia itulah satu sebab yang memaksa manusia tunduk kepada Allah.

Dan itu setiap penemuan ilmu pengetahuan yang dapat dicapai manusia merupakan satu langkah yang mengangkatkan darjat manusia dan menurunkan darjat Tuhan dan perlawanan itu akan berjalan terus sehingga manusia berjaya mencapai seluruh rahsia ilmu pengetahuan dan berjaya menciptakan "Hayat" yang sedang menjadi impian para ahli sains hari ini, Dan apabila impian ini berjaya maka bererti manusia dapat menamatkan ketundukan mereka terhadap Allah dan tibalah. masanya bagi mereka untuk menjadi Tuhan sendiri.

Dunia hari ini amat memerlukan kepada Islam untuk menyelamatkan manusia dan kesesatan seperti itu, untuk mengembalikan keamanan dan ketenteraman kepada jiwa mereka, untuk mencetuskan perasaan di hati mereka bahwa Allah sentiasa kasihan belas dan menyayangi mereka, untuk memahamkan mereka bahwa setiap ilmu pengetahuan setiap kebajikan yang dapat dicapai mereka adalah merupakan pengurniaan-pengurniaan dari Allah, iaitu pengurniaan yang diberi Allah dengan penuh kerelaan selama manusia menggunakannya untuk kebajikan dan kebaikan umum. Seterusnya untuk memahamkan bahwa Allah dalam konsep Islam sama sekali tidak marahkan manusia kerana mereka mencapai sesuatu ilmu pengetahuan dan Allah sama sekali tidak bimbangkan persaingan manusia, malah Allah hanya murka apabila mereka cuba menggunakan ilmu pengetahuan mereka untuk tujuan-tujuan merusak dan membahayakan orang lain.

Hari ini manusia amat memerlukan kepada Islam untuk menyelamatkan mereka dan golongan penzalim sebagai mana Islam pernah menyelamatkan mereka dan golongan itu sebelum seribu tiga ratus tahun yang lampau.

Golongan penzalim-penzalim itu memang ramai. Setengah mereka berupa pemerintah-pemerintah dan raja-raja orang berkuasa dan kaum kapitalis yang menghiSap darah kaum boroh dan menindas mereka dengan kemiskinan dan kepapaan. Setengah pula berupa pemerintah-pemerintah diktator yang memerintah dengan pedang, peluru dan intipan-intipan polis rahsia kemudian mereka mendakwa bahwa tindakan-tindakan yang telah diambil mereka adalah berupa pelaksanaan-pelaksanaan dan kemahuan rakyat jelata atau dan kehendak-kehendak kaum proliteriat.

Islam menyelamatkan manusia dan para penganiaya dan pemerintah-pemerintah yang tyrant di alam kenyataan bukan di alam impian Ada setengah-setengah orang merungut kalau inilah tujuan Islam, mengapa Ia tidak menyelamatkan rakyat-rakyat di negeri Islam dan pemerintah-pemerintah mereka yang zalim yang selalu menyumbat mulut mereka, menghisap darah .mereka dan mencabul kehormatan-kehormatan mereka atas nama Islam?

Jawabnya, sebenarnya Islam tidak memerintah di negeri-negeri itu, dan penduduk-penduduknya juga bukanlah orang-orang Islam sejati melainkan nama saja Islam. Ini sesuai dengan apa yang dikatakan oleh Allah, "Sesiapa yang tidak memerintah mengikut undang-undang yang diturun oleh Allah, mereka adalah orang orang yang tidak beriman", (Surah al-Maidah (44)) dan firmanNya lagi. "Demi TuhanMu mereka belum lagi beriman dengan sebenar-benarnya melainkan apabila mereka sanggup berhakimkan engkau untuk menyelesaikan pertelingkahan yang berlaku di antara mereka dan kemudian mereka tidak pula merasa apa-apa perasaan terkilan terhadap keputusan-keputusan yang telah diberikan Engkau. Malah mereka menenima dengan penuh kerelaan."(Surah al-Ra'd (17))

Bentuk Islam yang kita dakwahkan ini tentulah berlainan dengan bentuk Islam yang diamalkan oleh pemerintah-pemerintah di negeri-negeri Islam kerana Islam bentuk itu adalah bertentangan dengan syari'at-syariat Allah. Sekali mereka memerintah mengikut undang-undang Eropah dan sekali pula dengan undang-undang Islam, sedangkan mereka gagal untuk membenikan keadilan kepada rakyat jelata baik melalui undang-undang Eropah atau melalui apa yang dikatakan undang-undang Islam.

Bentuk Islam yang kita dawahkan ini ialah bentuk Islam yang menggoncangkan singgahsana-singgahsana, menggulingkan pemerintah.pemerintah yang zalim dan memaksa mereka samada mereka mahu memerintah menurut undang-undangnya atau mereka dibuang dan negeri. Sesuatu yang bersifat buih-buihan akan menghilang lenyap. Dan hanya sesuatu yang berguna saja akan kekal di bumi. (Surah al-Nisa' (65))

Apabila negeri itu diperintah menurut hukum-hukum Islam, maka tiada tempat lagi bagi pemerintah yang zalim di negeri Islam, kerana Islam tidak mahu menerima pemerintah yang zalim. Dan tiada seorang pun yang dibenar memerintah menurut undang-undang dan fikirannya. Malah ia harus memerintah menurut undang Allah dan RasulNya yang sentiasa adil dan bertimbang rasa.

Apabila negeri-negeri itu diperintah menurut hukum Islam, maka ini bererti seluruh jenerasi mudanya harus terdidik dengan semangat Islam, harus percaya dengan ajaran dan harus sanggup berjuang untuk kepentingan agama Allah Apabila keadaan yang seperti ini wujud di negeri-negeri itu, maka tidak ada pilihan lagi bagi pemerintah melainkan menjalankan undang-undang Allah. Jika tidak rakyat jelata sama sekali tidak wajib memberi ketaatan kepada mereka. Demikian juga pemerintah Islam itu tidak mempunyai hak-hak istimewa yang melebihi hak-hak rakyat jelata yang lain dalam segi undang-undang dan kewangan negara. Mereka juga tidak boleh memegang kuasa pemerintahan melainkan dengan pilihan rakyat. laitu satu pilihanraya yang bebas dan segala ikatan. satu pilihan raya yang menitikberatkan padá sifat-sifat bijaksana. adil dan bertimbangrasa.

Apabila negeri-negeri itu diperintah oleh Islam. Maka bukan saja membebaskan umat Muslimin dari kezaliman-kezaliman dalam negeri. Malah juga membebaskan mereka dan kezaliman dan pencerobohan asing samada dalam bentuk penjajahan atau ancaman penjajahan kerana Islam adalah agama yang mempertahankan kemulinan dan maruah. Agama yang bukan saja enggan tunduk kepada penjajahan, malah mengecamkan mana-mana umatnya yang merelakan penjajahan atau menyerah diri kepada kuasa penjajahan, agama yang menyeru umatnya agar bangkit menentang penjajahan dengan segala daya dan segala alat perjuangan.

Betapa perlunya kita umat Muslimin hari ini kepada Islam, betapa perlunya kita berdiri di bawah panji-panjinya untuk membersihkan tanahair kita dan nuda-nuda penjajahan, untuk membebaskan jiwa kita, kekayaan kita, kehormatan kita, akidah akidah kita dan fikiran-fikiran kita dan cengkaman-cengkamannya yang jelik agar kita benar-benar layak menggunakan nama Allah yang kita sembah dan benar-benar layak menjadi pemeluk agama Nya yang telah diperkenankanNya untuk menjadi agama kita pada hari Ia berkata," Pada hari ini Aku telah sempurnakan agama kamu, Aku telah menggenapkan nikmatKu dan Aku telah memperkenankan Islam menjadi agama kamu.", (Surah Al-Maidah : 3)

Tetapi peranan Islam bukanlah terbatas sekadar ini saja. Kerana kesan pembebasan dunia Islam dan cengkaman kuasa-kuasa yang zalim di dalam dan di luar negeri bukanlah terbatas kepada rakyat jelata negeri-negeri Islam saja, malah pembebasan itu merupakan satu nikmat kepada dunia seluruhnya yang masih menderita dengan luka-luka perang dan masih terancam oleh peperangan masa depan yang akan membawa malapetaka kemusnahan yang amat mengerikan

Dunia hari ini telah berpecah kepada dua blok agung, iaitu blok kapitalisma dan blok komunisma. Kedua-dua blok itu sedang bertarung hebat untuk merebut pengaruh, sumber-sumber bahan mentah dan tempat-tempat yang stratijis, mereka bertarung untuk merebut negara-negera Islam yang terbentang lebar menyambung lautan ke lautan, negara-negara kita yang kaya dengan sumber-sumber bahan mentah, yang kaya dengan umat manusia dan tempat-tempat yang stratijis. Mereka bertarung untuk menakluk kita seolah-olah kita

kumpulan sampah manusia yang tidak masuk hitungan, manusia yang hanya menyerah kepada kuasa-kuasa yang menang seperti menyerahnya abdi-abdi kepadatuan-tuan emasnya atau bagai abdi-abdi yang berpindah milik dan satu tuan emas ke satu tuan emas seperti berpindahnya barang barang dan benda-benda yang tidak bernyawa.

Seandainya Islam dapat membangunkan identitinya kembali — dan kini pun Islam sedang menuju ke arah itu — maka pertarungan kuasa-kuasa besar yang akan mengakibahkan keruntuhan dunia ini akan terhenti dengan sendiri dan dunia akan melihat munculnya satu blok ketiga yang akan memberi perimbangan kuasa di antara bangsa satu blok yang mempunyai kesanggupan untuk memenangkan mana-mana blok saja di antara dua blok yang bertarung itu. Apabila keadaan ini berlaku, maka kuasa-kuasa besar Russia dan Amerika tidak akan dapat menjadikan kita barang-barang rebutan mereka lagi seperti yang dilakukan mereka sekarang ini malah mereka akan berlumba-lumba untuk bersahabat dengan negeri Islam dan umat Muslimin.

Pendeknya dunia kini amat memerlukan kepada kemenangan Islam walaupun agama ini hanya diimani oleh umat Islam yang wujud pada hari ini saja, kerana kemenangan Islam akan merihat kan dunia dan ketakutan perang yang sentiasa mengancam ketenteraman jiwa dan menegangkan urat saraf mereka

* * * * *

Dunia juga memerlukan kepada Islam untuk menyelamatkannya dan kekuasaan nafsu-nafsu yang liar. Lihatlah negara-negera Eropah kini sedang bergelimang di dalam nafsu-nafsu keinginan yang kotor. Apakah kesannya yang berlaku di dunia? Sains terus maju, tetapi jiwa manusla masih ditakuk lama juga. Satu hal yang tidak pernah berlaku ialah manusia yang sedang dibelenggu oleh nafsu-nafsu keinginan yang liar atau tenggelam didalam kenikmatan syahwat yang jakun boleh mencipta kemajuan.

Kemajuan sains telah mengkagitkan setengah manusia di Timur dan di Barat. Mereka menyangka roket-roket, bom atom, radio, alat-alat pencuci letrik dan sebagainya merupakan pertanda-pertanda kemajuan, tetapi alat-alat itu sebetulnya tidak boleh dijadikan ukuran kernajuan yang sebenar, malah ukuran kemajuan yang sebenar ialah kesanggupan manusia untuk menaklukkan keinginan-keinginan nafsunya. Ia dianggap maju apabila ia mampu menaklukkan nafsunya dan dianggap mundur apabila ia gagal menaklukkannya biarpun bagaimana tinggi dan maju ilmu pengetahuannya.

Ini bukanlah ukuran sewenang-wenang yang hanya digariskan oleh agama-agama dan ilmu akhlak tanpa alasan-alasan konkrit dan kenyataan. Marilah kita tinjau lembaran-lembaran sejarah. Beberapa banyak negara yang dapat hidup dengan utuh, padu dan dapat menghulurkan daya usaha untuk kebajikan dan kemajuan manusia, sedangkan rakyat jelata mereka asyik berpoya-poya dengan kenikmatan-kenikmatan hidup yang melewati batas? Apakah faktor yang menghancurkan keagungan kerajaan Greek, Roman dan Farsi di zaman-zarnan purba? Dan selanjutnya apakah faktor yang meruntuhkan dunia Islam di akhir zaman kerajaan Abbasiah? Apakah yang telah berlaku kepada negeri Perancis yang terkenal dengan kebebasan-kebebasan sex di dalam Peperangan Dunia Yang Kedua? Bukankah kerajaan ini telah menyerah kalah di permulaan perang lagi, kerana rakyat jelatanya lebih mementingkan kepuasan nafsu dan perpoyaan hidup dan memperlengkapkan diri mereka dengan kekuatan-kekuatan yang perlu untuk mempertahankan tanahair mereka. Rakyat jelata Perancis lebih bimbangkan kehancuran kelab-kelab malam oleh bom-bom musuh dari kehancuran identiti dan kehormatan negara mereka yang bersejarah.

Kini Amerika merupakan satu negara impian kepada setengah setengah pemimpin bebal di negeri-negeri Timur. Sedangkan Amerika sebenarnya satu umat yang sedang tenggelam di

dalam kenikmatan-kenikmatan hidup yang fasik. Walaupun di samping itu Amerika merupakan satu negara yang cukup kuat dan penghasilan-penghasilan kebendaannya merupakan penghasilan yang paling agung di dunia. Ini memang benar, tetapi mereka yang impikan kebesaran Amerika lupa bahwa Amerika adalah satu negara muda yang masih penuh bertenaga dan masih muda jiwa dan jasadnya. Dan biasanya orang yang masih muda itu memang tahan menanggung sakit. Malah dan luar ia seolah-olah tidak memperlihatkan sebarang tanda sakit pun. Tetapi mata orangyang bijaksana dapat melihat gajala-gejala penyakit yang sedang di derita Amerika di sebalik rupa lahirnya yang gagah dan mengelirukan itu.

Sebagai contoh memadailah kita menyebutkan dua peristiwa yang dilapurkan akhbar-akhbar agar orang-orang yang selalu tertipu dengan rupa paras yang lahir itu sedar bahwa undang undang Allah tidak pernah berubah dan bahwa sains dengan segala rekaan-rekaannya itu tidak dapat mengubahkan tabiat manusia atan tabiat kejadian-kejadian yang lain kerana sains adalah sebahagian dan undang-undang Allah dan undang-undang Allah tetap tidak akan berubah.

Berita pertama ialah peristiwa penyingkiran 33 orang pegawai Kementerian Luar Amerika kerana pekerti-pekerti sex yang abnormal, kerana pekerti-pekerti sedemikian, tidak melayakkan mereka untuk diamanahkan dengan rahsia-rahsia negara.

Berita kedua ialah peristiwa pelarian seratus dua puluh ribu rakyat Amerika dan kerahan tentera yang diwajibkan di Amerika. ini adalah satu bilangan yang agak besar jika dibandingkan dengan jumlah umum tentera Amerika dan jika difikirkan dan segi satu negara yang masih muda yang bercita-cita untuk menakluk dunia.

Peristiwa-peristiwa lain sudah tentu akan mengikuti lagi apabila rakyat Amerika masih meneruskan perpoyaan mereka dengan kenikmatan-kenikmatan hidup yang kotor dan fasik.

Di samping itu penghasilan Amerika yang besar hanya terbatas di dalam bidang kebendaan saja, sedangkan penghasilannya di dalam bidang prinsip-pninsip dan nilai-nilai hidup yang tinggi adalah amat sedikit sekali walaupun ia sebuah negara yang kaya, muda dan mempunyai sumber-sumber yang kaya yang tersimpan di dalam buminya dan di dalam orang-orangnya. Ini di sebabkan kerana rakyat Amerika begitu asyik dengan kebebasan-kebebasan sex yang tidak jauh bezanya dan kebebasan binatang, kebebasan yang menurunkan maruah diri mereka hingga ke paras jentera jentera yang tidak berperasaan.

Layanan buruk Amenika terhadap kaum Negro sudah cukup menjadi satu contoh yang hidup untuk menilaikan taraf jiwa dan darjah kemanusiaannya.

Sebetulnya dunia tidak akan maju dengan telatah-telatah menjerumuskan diri di dalam lumpun-lunipun nafsu syabwat yang kotor.

Dunia hari ini amat memerlukan Islam sebagaimana ia memerlukannya sebelum seribu tiga ratus tahun yang lampau untuk menyelamatkan manusia dan perhambaan nafsu syahwat dan untuk mengarahkan tenaga-tenaga dinamis mereka ke arah tujuan-tujuan yang luhur agar dunia ini dipenuhi kebajikan dan agar manusia benar-benar layak den pengurniaan-pengurniaan yang diberikan Allah kepada mereka.

Tiada seorang pun yang boleh mengatakan bahawa percubaan yang sedemikian adalah satu percubaan yang gagal dan sia-sia, kerana sebelum ini manusia telah pun melakukan percubaan seperti itu dan mereka telah berjaya meningkat maju, sedangkan menurut undang-undang alam apa yang pennah berlaku sekali mungkin berlaku sekali lagi pula, dan manusia itu tetap manusia juga, tetapi sebelum kelahiran Islam, manusia diwaktu itu telah pun terjerumus ke dalam perhambaan nafsu syahwat yang hampir hampir sama dengan

perhambaan nafsu syahwat yang mengongkongi manusia di zaman moden ini. Yang berbeza ialah perubahan bahan-bahan kenikmatan nafsu syahwat saja. Kota Rome di zaman purba tidak kurang fasik dan lucah dari kota Paris, London dan bandar-bandar Amerika yang lain. Negara Farsi di zaman purba juga tenggelam di dalam kekacauan akhlak seperti yang dialami oleh negara-negara komunis, tetapi apabila Islam muncul, Ia telah berjaya menukarkan seluruh keadaan ini kepada satu bentuk hidup yang luhur, murni dan dinamis, satu bentuk kehidupan yang berjuang untuk kebajikan dan kemajuan di bumi, malah Islam merupakan satu tenaga pendorong yang menolak manusia di Timur dan di Barat ke arah kemajuan fikiran dan rohaniah. Reformasi yang telab dibawa oleh Islam telah dapat mematahkan kejahatan-kejahatan yang selama ini telah menenggelamkan manusia.

Sejak itu dunia Islam merupakan sumber-sumber ilmu pengetahuan, kebajikan dan kemajuan di seluruh dunia dalam satu jangka waktu yang panjang. Dan di sepanjang zaman itu dunia Islam tidak pernah merasa perlu kepada penyingkiran undang undang akhlak, kepada keruntuhan pekerti dan kebebasan sex untuk mendapatkan kekuatan kebendaan, kemajuan ilmu pengetahuan dan fikiran, malah penganut Islam di waktu itu merupakan contoh-contoh tauladan yang gemilang dalam segenap bidang. Tetapi apabila dunia Islam mulai meninggalkan akhlak akhlak Islam yang luhur dan mulai diperhambakan oleh nafsu syahwat, maka ia juga terpaksa menerima akibah jelik dan undang undang Allah.

Tenaga-tenaga baru yang sedang digembelingkan hari ini untuk tampil ke muka merupakan satu tenaga raksaksa yang diambil dan warisan zaman lampau. Tenaga-tenaga itu sekarang sedang berjuang melengkapkan dirinya dengan alat-alat kekuatan zaman moden dan sedang merindukan zaman depannya yang lengkap dengan segala faktor-faktor kemajuan dan kekuatan. Seandainya tenaga itu sudah cukup lengkap nanti, maka ia akan sanggup mengembalikan miracle yang pernah diciptakannya ketika ia lahir pada permulaan kalinya di zaman lampau, ketika itu Islam sekali lagi akan berusaha mengangkatkan umat manusia dan perlembahan nafsu syahwat yang kotor kepada taraf insaniah yang luhur, iaitu manusia yang sentiasa berusaha untuk kemajuan di bumi tetapi sentiasa menyintai darjah-darjah yang tinggi di langit.

Di samping itu semua, lslam tidak cukup dengan hanya merupakan satu agama yang mengandungi kepercayaan rohaniah semata-mata atau merupakan perjuangan untuk membersihkan akhlak manusia saja atau merupakan da'wah yang semata-mata mengajak manusia berfikir dan meneliti kejadian-kejadian Allah, malah Islam adalah satu agama yang praktis yang menyelenggara kehidupan hal ehwal di bumi. Seluruh hubungan manusia baik kecil atau besar, baik bersifat politik atau ekonomi atau sosial adalah diletakkan di bawah pemerhatiannya dan seluruh hubungan itu diatur dengan undang-undang dan peraturan-peraturan, sedangkan undang-undang dan peraturan itu adalah disusun dalam satu bentuk yang unik yang menjalin perhubungan yang rapat di antara manusia dengan masyarakatnya, di antara akal dengan hati noraninya, di antara kerja-kerja kehidupan dengan amal-ibadat, di antara bumi dengan langit dan di antara dunia dan akhirat.

Ruangan ini tidak cukup untuk dihuraikan dengan jelas tentang sistem-sistem politik, ekonomi dan sosial Islam begitu juga ruangan-ruangan akan datang akan digunakan seluruhnya untuk memberi gambaran mengenai sistem Islam di dalam berbagai-bagai segi ketika dibincangkan persoalan-persoalan yang mengeliru yang ditimbulkan oleh orang-orang Barat dan para pemujanya terhadap agama Islam yang suci ini. Tetapi untuk ruangan ini cukuplah kami bentangkan hakikat-hakikat yang berikut:

Pertama: Islam bukanlah satu dawah yang bersifat teori saja, malah Islam merupakan satu sistem hidup yang praktis yang mengakui keperluan-keperluan manusia yang hakiki dan berjuang agar keperluan-keperluan itu dapat dicapai manusia.

Kedua: Dalam usahanya untuk mencapaikan keperluan keperluan manusia yang hakiki itu Islam sentiasa berusaha memelihara dasar perimbangan yang mutlak di antara keperluan-keperluan badannya dengan keperluan akal dan rohnya. Islam tidak membenarkan keperluan-keperluan itu menindas satu sama lain. Dengan erti Islam tidak menindaskan keinginan keinginan nafsu demi untuk mempertinggikan rohaniah manusia, begitu juga Islam tidak membenarkan seseorang itu menyahuti panggilan keinginan nafsu hingga sampai kepada batas yang menurunkan manusia ke darjah kebuasan binatang, malah Islam cuba menyatukan kedua-dua tuntutan badan dan roh itu dalam satu peraturan yang padu dan utuh.

Seterusnya Islam cuba memperimbangkan di antara tuntutan tuntutan individu dengan tuntutan masyarakat, dengan erti Islam tidak membenarkan pencerobohan seseorang terhadap seseorang yang lain, pencerobohan individu terhadap masyarakat atau pencerobohan masyarakat terhadap individu atau pencerobohan satu golongan terhadap satu golongan yang lain atau pencerobohan satu negara terhadap satu negara, malah Islam berdiri sama tengah sebagai tembok yang menghalangi mereka dan berlanggar dan bertempur, malah Islam menganjurkan mereka agar mengadakan kerjasama yang rapat untuk kebajikan umat manusia.

Dan pada akhirnya Islam cuba mempertimbangkan sistem masyarakat di antara berbagai-bagai kekuatan, iaitu Islam cuba memperimbangkan di antara kekuatan-kekuatan kebendaan dengan kekuatan-kekuatap rohaniah dan memperimbangkan di antara faktor-faktor ekonomi dengan faktor-faktor .kemanusiaan yang lain.

Tidak seperti komunisma, Islam tidak mengakui hanya factor-faktor ekonomi atau kekuatan kebendaan saja yang menguasai manusia. Begitu juga tida seperti kepercayaan-kepercayaan rohaniah tulin dan tidak pula seperti pegangan-pegangan idealisma. Islam tidak mempercayai bahwa faktor-faktor rohaniah dan cita-cita yang idealis saja satu-satunya kekuatan yang dapat menyusun kehidupan manusia, malah Islam mengakui bahwa kombinasi dan seluruh faktor-faktor itulah yang dapat menyusun kehidupan manusia dan bahwa undang-undang dan peraturan hidup yang paling baik itu ialah peraturan hidup yang paling lengkap yang dapat melayani tuntutan-tuntutan jasmani, tuntutan akal dan tuntutan rohaniah dalam satu bentuk hidup yang seimbang dan harmoni.

Ketiga: Islam mempunyai peraturan masyarakat dan sistem ekonomi yang tersendiri. Kadang-kadang peraturan dan sistem itu secara kebetulan bertemu atau sejajar dengan setengah-setengah aspek sistem kapitalisma atau komunisma, malah Islam dapat mengumpulkan semua aspek-aspek yang baik dan dua sistem itu tanpa terlibat di dalam kesilapan-kesilapan dan penyelewengan penyelewengan keduanya. Sistem Islam adalah suatu sistem yang tidak terlalu menitikberatkan individualisma sehingga sampai kepada batas yang jelik seperti yang diamalkan oleh orang-orang Barat yang menganggapkan individu itu sebagai asas yang pokok dan sebagai makhluk suci yang harus diberi seluruh kebebasan dan masyarakat sama sekali tidak berhak untuk menyekatkan mana-mana kebebasannya. Dan konsep inilah timbulnya sistem kapitalisma ‘yang berlandaskan kebebasan individu untuk mengeksploitasikan orang-orang lain. Sistem Islam juga tidak terlalu menitik beratkan kolektivisma seperti yang diamalkan oleh negara Eropah Timur yang menganggap masyarakat itu sebagai asas yang pokok, sedangkan individu hanya merupakan sebiji debu sesat yang tidak mempunyai identiti yang tersendiri dan kewujudan identitinya hanya berlaku apabila Ia berada di tengah kelumpuk masyarakat saja. Menurut sistem ini hanya masyarakat saja yang mempunyai kebebasan dan kuasa yang mutlak, sedangkan individu tidak berhak membantah

dan menuntut hak-haknya. Dan sinilah tirnbulnya sistem komunisma yang mengakui negara sebagai satu-satunya pihak yang mempunyai kuasa mutlak untuk menentukan corak hidup rakyat jelata.

Islam adalah satu-satunya sistem hidup yang mengambil jalan tengah di antara sistem kapitalisma dan sistem komunism ia mengakui dan memperimbangkan hak-hak individu dan hak-hak masyarakat; Ia memberikan individu kebebasan-kebebasan yang dapat menunjulkan identitinya tetapi tidak sampai mencerubuhi identiti orang lain. ia juga memberikan masyarakat atau negara kuasa-kuasa yang luas untuk membetulkan susunan-susunan perhubungan sosial dan ekonomi masyarakat apabila menyeleweng dan garis keseimbangannya. Dan seluruh tindakan pembetulan itu dilakukan di atas asas-asas muhibbah dan saling mengerti di antara individu-individu dan golongan-golongan, bukan di atas asas dendam dan pertentangan kelas yang menjadi landasan fàlsafah komunisma dan cara-cara pelaksanaannya.

Sistem hidup yang dibawa oleh Islam itu, bukanlah satu sistem yang dilahirkan di bawah tekanan-tekanan kepentingan ekonom dan bukanlah satu sistem yang lahir akibah dan pertarungan pihak-pihak yang rnempunyai kepentingan-kepentingan yang bertentangan malah sistem itu lahir dengan sendirinya saja, ia lahir sewaktu dunia masih lagi belum membeni nilai kepada faktor ekonomi, sewaktu dunia masih lagi belum mengetahui sedikitpun tentang konsep keadilan sosial persis seperti yang difahamkan oleh kita sekarang.

Dan hingga ke saat ini sistem Islam masih merupakan satu sistem yang progresif dibandingkan dengan sistem kapitalisma dan komunisma iaitu dua sistem yang baru saja dikenali oleh dunia moden di dalam bidang sosial dan ekonomi.

Keperluan asasi manusia yang diperjuangkan oleh Karl Marx dan yang harus dilaksanakan oleh negara menurut beliau ialah makanan, tempat kediaman dan kepuasan sex. Perjuangan beliau yang sedemikian telah mencetuskan satu revolusi besar di dalam sejarah manusia, tetapi sebenarnya apa yang diperjuangkan oleh beliau itu merupakan beberapa keperluan yang pernah diperjuangkan oleh Islam sebelum seribu tiga ratus tahun yang Iampau. Rasulullah pernah bersabda, “Sesiapa yang ditugas menjalankan urusan kami (negara) dan tidak mempunyai rumah kediaman, maka dia berhak mendapat sebuah rumah, atau tidak mempunyai isteri, ia berhak mendapat seorang isteri, atau tidak mempunyai khadam, ia berhak mendapat seorang khadam, atau tidak mempunyai kenderaan, ia berhak mendapat satu kenderaan.” Anjuran ini meliputi seluruh keperluan-keperluan hidup asasi manusia yang diperjuangkan oleh Karl Marx, malah Rasulullah telah menambahkan keperluan yang lain lagi tanpa menggunakan perjuangan kelas atau revolusi-revolusi yang berdarah dan tanpa menafikan rukun-rukun hidup manusia yang lain yang melewati keperluan-keperluan hidup yang asasi itu.

Inilah beberapa ciri-ciri yang jelas dan sistem Islam.

Seandainya Islam mempunyai asas perjuangan yang sebaik itu dan merupakan sâtu agama luas yang meliputi segenap jurusan hidup manusia, yang meliputi gerak diam mereka, yang meliputi fikiran-fikiran dan perasaan-perasaan mereka, yang meliputi kerja kerja dan amal ibadat mereka, yang meliputi persoalan-persoalan ekonomi dan persoalan-persoalan sosial mereka, yang meliputi kecenderungan-kecenderung semula jadi mereka dan meliputi cinta rindu rohaniah mereka, kemudian untuk seluruhnya itu. Islam mengadakan pula undang-undang yang seimbang dan unik di dalam sejarah, maka agama yang sedemikian sifatnya itu tidak akan meñjadi satu agama lapuk yang hilang tujuan-tujuan perjuangannya, kerana yang menjadi tujuan dan matalamat Islam ialah seluruh bidang hidup selama wujudnya hidup di alam ini.

Dunia dengan persoalan hidup yang di hari ini amat memerlukan inspirasi dan organisasi Islam.

Dunia dengan persoalan perkáuman yang memuncak dalam bentuk pergeseran kaum yang jelik di Amerika dan Afrika Selatan di abad dua puluh masih memerlukan kepada inspirasi Islam yang telah berjaya menyelesaikan masaalah-masaalah perkauman kulit hitam putih dan merah itu di dalam dunia kenyataan bukannya di da1am dunia impian. Islam meletak dasarnya bahwa di sana tiada siapa yang boleh melebihi orang lain melainkan dengan taqwa.

Di samping itu Islam bukan saja memberi kepada hamba hamba abdi yang berkulit hitam hak-hak sama rata insaniah, malah mengangkat mereka ke taraf yang dicita-cita oleh setiap pemerintah dan pentadbir negara. Rasulullah pernah bersabda, "Dengarlah segala penintah dan patuhilah kepada pemerintah kamu walaupun dia seorang hamba Habsyi yang berkepala seperti buah anggur selama ia memenintah menurut kitab Allah." – Hadith Al-Bukhari

Dunia yang sedang terbelenggu di bawah penjajahan penjajahan dan perhambaan yang liar masih memerlukan kepada inspirasi Islam yang mengharamkan penjajahan yang bertujuan melakukan eksploitasi Islam telah melayani negara-negara yang ditakluknya dengan maksud-maksud mengembangkan da'wah Islamiah dengan layanan-layanan yang jujur dan bersih dan belum pernah dilakukan oleh pemerintah-pemerintah Eropah yang bertamaddun. Khalifah Omar al-Khattab telah menjatuhkan hukuman supaya anak Gabnor Amru bin al dipukul balas, malah beliau hampir-hampir hendak memukul kepala Amru bin al 'As sendiri, kerana kesalahan anaknya yang memukul seorang pemuda Mesir dan keturunan Qibti tanpa sesuatu kesalahan, sedangkan Amru bin al-'As adalah seorang panglima besar dan seorang gabnor yang dihormati ramai.

Dunia yang sedang bergelumang di dalam kejahatan-kejahatan kapitalisma masih memerlukan sistem Islam yang mengharamkan riba dan monopoli yang menjadi dua rukun sistem kapitalisma tiga belas abad yang lampau.

Dunia yang sedang dipengaruhi komunisma yang memperjuangkan kebendaan dan atheisma masih memerlukan sistem Islam yang sanggup mendirikan konsep keadilan masyarakat dalam bentuknya yang paling sempurna tanpa memerlukan kepada tindakan mengeringkan sumber-sumber rohaniah dalam kehidupan manusia atau kepada tindakan membataskan dunia manusia pada alam yang hanya dikuasai oleh inderia-inderia saja dan tanpa memerlukan kepada tindakan memaksa fahaman komunisma secara tindak-tanduk kediktatoran. Islam telah menegaskan kepada manusia. "Tiada paksaan di dalam agama Islam, jalan hidayat dan jalan sesat masing-masing telah pun terbentang nyata. "(Surah al-Baqarah (25))

Dunia yang terancam oleh peperangan masih memerlukan sistem Islam, kerana Islam sajalah satu-satunya jalan yang praktis menuju perdamaian dalam jangka waktu yang panjang.

Ya, Islam masih belum lapuk dan peranan Islam untuk membentuk masa depan manusia tidak kurang hebat dan peranannya di zaman lampau yang telah menerangi alam, ketika mana negara-negara Eropah masih berada di zaman gelita yang pekat.

Islam dan Perhambaan

BARANGKALI pengeliruan di bidang ini merupakan satu pengeliruan yang paling jahat yang dimainkan oleh penganut penganut komunis untuk menggugatkan keimanan angkatan muda terhadap Islam. Kata mereka, seandainya Islam itu benar benar sesuai dengan setiap zaman seperti yang didakwakan oleh para penda'wahnya tentulah Islam tidak menghalalkan perhambaan, kerana penghalalannya itu merupakan satu bukti yang nyata bahwa Islam hanya satu agama yang sesuai untuk satu jangka zaman yang tertentu saja. Islam telah pun selesai menjalankan tugasnya. Oleh itu Islam hanya merupakan agama yang patut tinggal dalam kenangan sejarah saja.

Pemuda-pemuda Islam sendiri telah mengalami beberapa kesangsian di dalam perkara ini. Bagaimana Islam sebagai agama yang datang dari Allah dan tidak diragui kebenarannya itu tergamak menghalalkan perhambaan? Bàgaimana Islam yang datang untuk membawa kebajikan kepada seluruh umat manusia di seluruh zamannya tergamak menghalalkan perhambaan? Bagaimana Islam yang mengemukakan konsep samarata yang sempurna dan memulangkan seluruh asal manusia itu kepada satu nenek tergamak menjadikan perhambaan sebahagian dan sistem undang undang dan peraturan hidupnya?

Adakah Allah mahu membahagikan manusia selama-lamanya kepada golongan hamba dan golongan tuanmas-tuanmas? Begitu kah kehendak Allah di bumi ini? Adakah Allah yang pernah mengatakan bahwa "Ia telah memuliakan kejadian manusia, "(Surah al-Isra' (70)) rela agar satu kumpulan manusia itu dijadikan bahan-bahan jual beli seperti yang dialami oleh hamba abdi? Seandainya Allah tidak merelakan hal ini mengapa ia tidak menerangkan di dalam kitab suciNya dengan tegas bahwa perhambaan itu suatu amalan yang diharamkan sebagaimana Ia telah memberi keterangan yang jelas mengharamkan minum arak, berjudi, makan nba dan sebagainya dan perbuatan-perbuatan yang dikeji Islam.

Pemuda-pemuda Islam itu memang yakin bahwa Islam adalah satu agama yang benar, tetapi sikap mereka dalam persoalan ini samalah dengan sikap Nabi Ibrahim ketika ditanya Allah, "Apakah tidak engkau percaya?" Jawab Ibrahim, "Hamba memang percaya tetapi permintaan hamba itu ialah untuk mendapat keyakinan yang menenteramkan hati hamba saja."(Surah aI-Baqarah (260))

Tetapi pemuda-pemuda yang telah dirusakkan fikiran dan kepercayaannya oleh kaum penjajah, mereka tidak lagi berfikir panjang menyelami hakikat persoalan ini, malah terus mengambil kesimpulan tanpa menyiasat lebih mendalam bahwa Islam adalah satu sistem hidup yang lapuk yang telah kehabisan tujuan tujuannya.

Kaum komunis merupakan pendakwa-pendakwa yang mendokong satu faham ilmiah yang falsu yang diterima dan pemimpin-pemimpin mereka, satu faham yang menjadi kebanggaan mereka dan satu faham yang mereka anggap sebagai satu hakikat yang abadi yang tidak dapat diragui dan disangkalkan lagi, iaitu faham "Dailektik kebendaan". Faham ini telah membahagikan kehidupan manusia kepada peringkat-peringkat perkembangan ekonomi yang tertentu iaitu peringkat komunisma yang pertama, peringkat perhambaan, peringkat feudal, peringkat kapitalis dan peringkat komunisma yang kedua (peringkat kesudahan alam). Menurut faham ini seluruh kepercayaan, peraturan-peraturan dan fikiran yang diketahui oleh manusia merupakan pencerminan dan satu bentuk penghidupan ekonomi atau merupakan satu tahap perkembangan ekonomi, yang wujud di zaman itu. Sedangkan kepercayaan. peratunan-peraturan dan fikiran-fikiran itu pula memang secocok dengan masa itu, tetapi tidak secocok lagi dengan peringkat perkembangan ekonomi selepas itu yang tegak di atas satu asas ekonomi yang baru. Berdasarkan hakikat ini di sana tidak ada satu sistem pun yang dapat

dikatakan sesuai untuk semua zaman dan generasi. Seandainya Islam lahir ketika dunia sedang berada di penghabisan peringkat perhambaan dan di permulaan peringkat feudal, maka undang-undang, kepercayaan dan peraturan-peraturan hidup yang dibawa oleh Islam itu adalah sesual untuk peringkat zaman itu saja. Oleh kerana itulah Islam mengakui sistem perhambaan dan mengharuskan sistem feuda Islam tidak mempunyai kemampuan untuk mendahului perkembangan ekonomi atau untuk mengadakan satu sistem baru yang belum matang persediaan-persediaan ekonominya, kerana menurut Karl Marx hal yang seperti itu mustahil berlaku.

Di ruangan ini kami ingin membincangkan persoalan perhambaan di dalam kontek hakikat sejarah, sosial dan saikoloji dan terpisah jauh dan segala debu-debu pengeliruan yang ditaburkan oleh kaum komunis. Seandainaya kita mendapat hakikat yang objektif, maka kita tidak lagi perlu mendengar dakwaan-dakwaan kaum komunis yang menyeleweng dan para ahli ilmunya yang falsu.

* * * * *

Apabila kita melihat masaalah perhambaan dengan latar belakang dan suasana abad dua puluh, dan apabila kita melihat masaalah itu dan kacamata kekejaman yang dilakukan di dunia hamba abdi yang pernah dirakamkan oleh sejarah di negeri Rome di zaman purba, tentulah kita memandang hina kepada persoalan perhambaan itu dan tentulah perasaan kita tidak dapat menerima perhambaan itu sebagai satu perkara yang patut diakui oleh mana-mana agama atau mana-mana sistem hidup malah perasaan memandáng hina dan jelik kepada hamba-hamba itu semakin mengongkongi jiwa kita hingga kita tertanya-tanya mengapakah Islam turut mengakui perhambaan itu, sedangkan seluruh ajaran dan bimbingannya adalah bertujuan untuk membebaskan manusia dan perhambaan di dalam segala bentuk dan warnanya. Dan dengan perasaan yang meluap-luap itu juga kita bercita-cita dengan penuh perasaan jika Islam dapat menenteramkan hati dan akal fikiran kita dengan bertindak mengharamkan perhambaan itu dengan nas-nas yang tegas.

Di sini marilah kita berhenti sebentar meninjau hakikat hakikat sejarah. Sebetulnya kekejaman-kekejaman perhambaan yang berlaku di negeri Rome di zaman purba itu tidak pernah berlaku di dalam sejarah Islam. Seandainya kita melihat dengan sepintas lalu keadaan-keadaan penderitaan hidup yang dialami oleh hamba abdi di Empayar Rome, tentulah akan menyedarkan kita betapa jauhnya perbedaan dan perubahan yang telah dibawa oleh Islam kepada kaum hamba abdi walaupun ia tidak sekali gus membebaskan mereka.

Hamba abdi di dalam tradisi Rome hanya barangan bukannya manusia. Mereka tidak sedikit pun memnunyal hak-hak sebagai manusia walaupun mereka memikul seluruh beban-beban kerja yang berat. Perhambaan di zaman itu datangnya dan penaklukan penaklukan perang, sedangkan peperangan-peperangan itu pula bukanlah peperangan untuk menegakkan sesuatu gagasan dan dasar hidup yang luhur, malah satu-satunya sebab peperangan itu ialah keinginan untuk memperhambakan manusia-manusia lain dan mempergunakan mereka untuk kepentingan-kepentingan orang-orang Rome.

Tegasnya, untuk membolehkan orang-orang Rome hidup dengan penuh kemakmuran dan kemewahan, dan untuk membolehkan mereka menikmati mandi dengan air dingin dan air panas, pakalan yang serba indah, makanan-makanan yang serba lazat dan hiburan-hiburan yang penuh nafsu, arak, perempuan, tari menari, majlis-majlis keramaian dan anika pesta, untuk membolehkan ini semua, orang-orang Rome harus bertindak memperhambakan rakyat negeri-negeri lain dan menghisapkan darah mereka. Negeri Mesir juga pernah mengalami penindasan penindasan yang sedemikian ketika negeri itu dijajahi Empayar Rome dan sebelum

dibebaskan oleh Islam, kerana Mesir di zaman itu merupakan bendang gandum dan sumber kewangan kepada Empayar Rome.

Untuk mengisi keinginan-keinginan yang penuh nafsu itu kerajaan Rome mengembangkan penjajahannya dan akibah dan penjajahan itu lahirlah kaum hamba abdi yang diperlakukan sebagai barang-barang yang tidak mempunyai identiti manusia dan tidak mempunyai hak-hak manusia, meneka bekerja di sawah bendang, sedangkan kaki mereka dibelenggu dengan rantai-rantai yang berat untuk menahan mereka dani melarikan di Mereka diberi makan sekadar untuk mereka hidup agar mereka dapat bekerja bukan kerana mereka berhak menenima makanan itu seperti berhaknya binatang-binatang dan pokok-pokok hidup yang lain. Mereka pula disebat dengan ganas ketika mereka bekerja dan keganasan itu dilakukan mereka bukan kerana tujuan yang lain' melainkan semata-mata untuk mencapai kenikmatan dan kelazatan jahat yang dapat dirasa oleh tuanmas-tuanmas atau wakilnya apabila mereka menyiksakan makhluk-makhluk yang malang itu.

Kemudian kaum abdi itu tidur di dalam bilik-bilik penjara yang gelap, busuk dan kotor di mana menghuninya tikus dan serangga. Puluhan orang, kadang-kadang sampai lima puluh orang mereka disumbat dalam satu bilik penjara dengan rantai rantai belenggu. Mereka tidak diberi ruang yang secukupnya walaupun seluas ruang yang diberi kepada lembu-lembu di dalam kandang.

Tetapi yang lebih buruk dan kejam dan itu lagi ialah mereka memaksa kaum abdi itu memasuki pertandingan-pertandingan pedang dan lembing yang merupakan satu pesta yang amat diminati mereka. lnilah satu pertanda yang paling nyata menunjukkan bagaimana jeliknya tabiat ganas orang Rome purba dan tabiat ini diwarisi pula oleh Eropah moden sebagaimana dapat dilihat di dalam bentuk-bentuk penjajahan dan eksploitasi eksploitasi mereka yang kejam.

Pesta-pesta pertandingan yang ganas itu dihadiri oleh para pembesar dan kadang-kadang dikepalai oleh Serimaharaja Rome sendiri untuk menyaksikan pertandingan yang sungguh-sungguh di antara hamba abdi itu. mereka menikam dan menetak satu sama lain dengan pedang dan lembing di mana-mana saja bahagian badan yang diluangi mereka tanpa belas kasihan lagi.

Kegirangan memuncak, tepuk sorak menggemakan angkasa dan ketawa hilai terbahak-bahak senang dan gembira apabila mereka yang bertanding itu dapat menjatuh dan membunuh lawannya.

Demikianlah nasib hamba abdi di negeri Rome di zaman purba. Mereka tidak mempunyai apa-apa kedudukan di sisi undang-undang, sedangkan tuanmasnya mempunyái hak mutlak untuk membunuh, menyiksa dan mengeksploitasikan hamba hamba abdi mereka tanpa hak mengadu kerana di sana tidak ada pihak yang bérhak membicarakan pengaduan-pengaduan dan para hamba abdi.

Di samping itu layanan terhadap hamba abdi di Farsi, India dan lain-lain negeri tidak begitu jauh bezanya dan layanan-layanan di negeri Rome yang kita bicarakan tadi, di mana keinsanan hamba abdi dipersia-siakan dan di mana mereka dibebankan dengan kerja-kerja yang berat tanpa ganjaran yang wajar.

Kemudian Islam muncul. Ia muncul untuk mengembalikan keinsanan hamba abdi itu. Ia muncul menegaskan kepada tuanmas-tuanmas, "Di antara setengah dengan setengah kamu (suami yang merdek dan isteri dari hamba) adalah sama dan segi asal keturunan dan keimanan."(Surah al-Nisa(25)). Ia muncul untuk memberi amaran. "Sesiapa yang membunuh hambanya akan dibalas bunuh oleh Kami, sesiapa yang mencederakan hidung hambanya akan

dibalas cedera oleh Kami dan sesiapa yang memotong kemaluan hambanya akan dibalas sepertinya oleh Kami.(Hadith riwayat al-Bukhari, Muslim, Abu Daud, Turmuzi dan al-Nasai’). Ia datang untuk menegakkan dasar kesatuan dan persamaan keturunan dan persamaan kesudahan hidup. Ia menunjulkan prokiamasi, “Kamu sekalian anak-anak cucu Adam adalah diciptakan dan tanah.”(Hadith riwayat Muslim dan Abu Daud) Ia datang untuk menandaskan bahwa kelebihan di antara tuanmas dan hamba bukan terletak kerana seseorang itu tuanmas dan seseorang itu hamba, malah pokok kelebihan terletak pada sifat taqwa. Sabda Rasulullah (s), “Tiada kelebihan bagi orang Arab di atas orang yang bukan Arab, tiada kelebihan bagi orang yang bukan Arab di atas orang Arab, tiada kelebihan bagi bangsa yang berkulit hitam di atas bangsa yang berkulit kemerahan dan tiada kelebihan dan bangsa yang berkulit kemerahan di atas bangsa yang berkulit hitam melainkan dengan taqwa.”(Hadith dikeluarkan oleh al-Tabari)

Islam datang untuk memerintah tuanmas-tuanmas agar mereka memberi layanan yang baik terhadap hamba abdi mereka. Firman Allah, kamu memberi layanan yang baik kepada dua ibubapa, kepada kaum kerabat, kepada anak-anak yatim, kepada orang-orang fakir miskin, kepada jiran tetangga yang dekat, kepada jiran tetangga yang jauh, kepada teman sejawat, kepada orang perantauan dan kepada hamba abdi kamu. Sesungguhnya Allah tidak sukakan orang-orang yang angkuh dan membangga-banggakan diri.”(Surah al-Nisa (36))

Islam datang untuk memberi penentuan bahwa perhubungan di antara tuanmas dan hamba abdi bukanlah perhubungan untuk menindas, untuk memperbudak, untuk mengeksploitasi dan untuk menghina, malah ialah perhubungan kekerabatan dan persaudaraan. Tuanmas-tuanmas dianggap keluarga hamba abdi yang harus dipinta keizinan mereka lebih dulu jika hendak mengahwini mereka. Firman Allah, “Kamu boleh mengahwini wanita yang beriman dan hamba-hamba yang dimiliki kamu. Dan Allah itu amat mengetahui keimananmu. Di antara setengah dengan setengah kamu adalah sama dan segi keturunan dan keimanan, kerana itu kahwinilah mereka dengan izin keluarganya (tuanmasnya) dan berilah maskahwinnya menurut yang patut.”(Surah al-Nisa (25))

Islam datang untuk menetapkan bahwa kaum hamba abdi itu adalah saudara kepada tuanmas-tuanmas Sabda Rasulullah, “Hamba abdi kamu adalah saudara kamu, sesiapa yang memiliki saudaranya maka hendaklah ia memberikannya makanan yang sama dengan makanan yang dimakan olehnya dan memberikannya pakaian yang sama dengan pakaian yang dipakai olehnya dan janganlah kamu bebankan mereka dengan kenja-kerja yang di luar kesanggupan mereka, dan jika kamu menyuruh mereka melakukan kerja-kerja yang berat maka hendaklah kamu membantu mereka.” (Hadith riwayat al-Bukhari)

Di samping itu untuk menjaga perasaan hamba abdi, Rasululla telah berpesan, “Janganlah seorang pun dan kamu berkata, “Ini abdiku” malah hendaklah ia berkata, “Ini anak mudaku dan ini anak gadisku.” (Riwayat Abu Hurairah)

Berdasarkan pesanan-pesanan ini Abu Hurairah telah menahan seorang lelaki yang menunggang, sedangkan hambanya berlari di belakangnya lalu berkata, “Biarlah dia menunggang sama di belakang awak kerana dia adalah saudara awak. Dan roh awak sama saja dengan rohnya.”

Apa yang disebutkan itu bukanlah merupakan keseluruhan sikap Islam terhadap hamba, tetapi sebelum kita menerangkan Iebih jauh adalah wajar bagi kita menerangkan perubahan yang besar yang dibawa oleh Islam ke dalam masyarakat hamba abdi dalam peringkat ini.

Di zaman Islam kaum abdi bukanlah lagi merupakan barangan, malah mereka dipandang sebagai manusia yang mempunyai roh yang sama dengan roh tuanmasnya Sebelum

itu umat-umat yang lain di dunia menganggapkan kaum abdi sebagai jenis manusia yang berlainan dan jenis manusia tuánmas. Mereka dijadikan untuk diperhamba dan diperhina. Justru kerana itu hati kecil kaum tuanmas tidak sedikit pun merasa berdosa apabila mereka membunuh, menyiksa, menyelar dengan api dan membebankan hamba abdi mereka dengan kerja-kerja yang kotor dan kerja-kerja yang berat. Menurut kepercayaan orang-orang Hindu, kaum abdi dari golongan hina adalah dijadikan dari tapak kaki Tuhan, kerana itu mereka hina dina dan tidak boleh mengangkatkan diri mereka dan taraf yang telah ditetapkan oleh Tuhán itu melainkan dengan kesanggupan menanggung kehinaan dan kesengsaraan agar ruh mereka akan dapat berpindah selepa matinya kelak kepada, makhtuk yang lebih mulia. Mereka bukan saja hidup dalam keadaan hina, malah mereka juga dipaksa menerima kehinaan itu tanpa bantahan.

Dan sinilah Islam telah berjaya mengangkatkan kaum abdi ke taraf persaudaraan dengan orang-orang yang merdeka dan kejayaan ini bukan hanya di alam impian yang ideal malah di alam kenyataan.

Sejarah telah menyaksi dan pejuang-pejuang Salib yang fanatik dan Eropah juga telah mengaku bahwa layanan terhadap kaum abdi di zaman permulaan lahirnya Islam telah sampai kepada batas perikemanusiaan yang tinggi yang tidak berlaku di tempat-tempat yang lain, malah layanan yang baik ini sampai kepada batas yang membuat kaum abdi yang telah mendapat kemerdekaan mereka enggan berpisah dengan tuanmas-tuanmas mereka walaupun mereka bebas untuk berbuat demikian setelah mereka memiliki kebebasan ekonomi dan mempunyai kesanggupan untuk memikul tanggungjawab-tanggungjawab sendiri. Ini disebabkan kerana mereka menganggapkan diri mereka sebagai anggota-anggota keluarga tuanmas mereka yang mempunyai pertalian yang seakan-akan pertalian darah keturunan.

Pendeknya di zaman Islam, kaum abdi telah menjadi manusia yang mempunyai kehormatan yang diperlindungi oleh undang-undang. Mereka tidak boleh dicerubuhi dengan kata-kata yang kasar atau dengan tindakan yang agresif.

Rasulullah telah melarang tuanmas dan menyebut-nyebutkan kepada kaum abdi mereka bahwa mereka abdi, malah Rasulullah menyuruh mereka bercakap dengan kaum abdi itu dengan menggunakan kata-kata yang menimbul rasa kasih sayang dan mesra terhadap mereka dan melenyapkan perasaan perhambaan pada mereka.

Ketika membuat arahan-arahan itu Rasulullah bersabda kepada tuanmas “Allah telah membuat kamu menjadi tuanmas mereka, dan seandainya Allah kehendaki, ia juga boleh menjadikan mereka tuanmas-tuanmas kamu” - “Hadith ini telah disebut oleh Al-Imam Al-Ghazali dalam kitab Ihya Ulumuddin ketika membicarakan Hak-Hak Hamba”. Jadi perhambaan itu hanya merupakan suatu kedudukan yang kebetulan saja. Kaum abdi juga mungkin dapat menjadi tuanmas kepada tuanmas yang memiliki mereka sekarang. Maksud dan pernyataan Rasulullah itu ialah untuk melenyapkan keangkuhan dan kesombongan tuanmas-tuanmas dan mengembalikan mereka kepada pertalian persaudaraan dan insaniah yang mengikat seluruh manusia dan mengembalikan mereka kepada perhubungan kasih sayang yang harus menjalinkan mereka semua.

Islam juga telah menetapkan bahwa sebarang penyiksaan fizikal terhadap hamba abdi harus dibalaskan dengan penyiksaan fizikal yang sama. Sabda Rasulullah, “Barangsiapa yang membunuh hambanya kami akan hukumnya dibunuh balas”. Ini adalah satu prinsip yang amat tegas yang menunjukkan Islam mempertahankan hak persamaan keinsanan yang sempurna di antara kaum abdi dan tuanmas, malah sabda itu merupakan satu pernyataan jaminan yang jelas terhadap nasib hidup kaum abdi iaitu walaupun mereka kini dikelaskan sebagai abdi, namun kedudukan mereka yang secara kebetulan itu tidaklah menghilangkan

sifat kemanusian mereka yang asli. Ini adalah satu jaminan yang cukup sempurna yang belum pernah diberi oleh mana-mana undang dan peraturan perhambaan yang wujud malah Islam lebih jauh lagi menentukan bahwa perbuatan menempeling hamba abdi yang dilakukan tanpa maksud mengajar adab sopan adalah dianggap satu perbuatan yang boleh dijadikan alasan yang legal untuk dibebaskan hamba itu, kerana tempeling dengan maksud mengajar itu pula mempunyai batasan-batasan yang tidak boleh dilewati sama seperti batas-batas tuanmas itu mengajar anaknya sendiri.

Kini marilah kita pindah kepada tahap pembebasan yang kedua yang dilakukan oleh Islam iaitu tahap pembebasan yang sebenar atau realistis, kerana tahap pembebasan yang pertama tadi hanya merupakan tahap pembebasan hamba abdi dan segi rohaniah, iaitu mengembalikan peribadi keinsanannya dan meletakkan batu asas layanan yang saksama agar kaum abdi itu diperlakukan sebagai manusia yang terhormat yang tidak berbeda dan segi asal keturunannya dan tuanmas-tuanmas mereka. Mereka hanya mempunyai kebebasan yang terbatas untuk membuat perhubungan secara lángsung dengan masyarakat akibah dan keadaan kebetulan yang telah menimpa mereka dan aspek ini kaum abdi mempunyai seluruh hak-hak yang harus dinikmati oleh manusia yang lain.'

Tetapi Islam merasa tidak cukup dengan melakukan pembebasan pada tahap rohaniah saja, kerana dasar perjuangannya yang pokok ialah mewujudkan persamaan yang sempurna di antara manusia dan memberi kebebasan penuh kepada setiap orang dan justru kerana itu Islam mengaturkan tindakan-tindakan yang praktis untuk membebaskan kaum abdi dengan menggunakan dua cara yang besar, iaitu pertama pembebasan dengan sukarela oleh tuanmas dan kedua mukatabah iaitu memberi hak kepada abdi menebuskan kemerdekaan dirinya

Pembebasan ialah tindakan sukarela dari tuanmas membebaskan hamba-hamba yang dimilikinya. Islam telah memberi galakan yang sebesar-sebesarnya supaya manusia membebaskan hamba sahayanya dan Rasulullah sendiri telah membebaskan semua hamba-hamba sahayanya dan langkah yang suci ini telah diikuti pula oleh sahabat-sahabatnya. Sayyidina Abu Bakar telah mengorbankan wang kekayaannya yang besar membeli hamba abdi dan pembesar-pembesar Quraisy yang kafir untuk maksud membebaskan mereka dari perhambaan. Jabatan Baitulmal juga turut memain peranan membebaskan hamba abdi dengan membëli hamba-hamba abdi dan tuanmas-tuanmas mereka kemudian membebaskan mereka dan perhambaan sebaik saja Baitulmal mendapat wang lebih. Yahaya bin Said pernah bercerita katanya, "Khalifah Omar bin Abdul Aziz telah mengirim saya untuk memungut zakat-zakat negeri Afrika. Setelah terkumpulnya zakat-zakat itu saya pun mencari kaum fakir miskin untuk dibahagi bahagi kepada mereka, tetapi saya tidak mendapati seorang miskin pun, begitu juga tiada seorang miskin yang datang meminta habuan zakat dan jabatan kami, kerana baginda Omar bin Abdul Aziz telah menyediakan kemakmuran yang cukup kepada rakyat jelatanya. "Akhirnya saya gunakan wang itu membeli hamba-hamba abdi dan membebaskan mereka dan perhambaan."

Rasulullah telah membebaskan mana-mana saja tawanan perang yang dapat mengajar tulis baca kepada sepuluh orang Islam atau dapat memberi perkhidmatan-perkhidmatan lain yang sama kepada orang-orang Islam.

Al-Quran dengan tegas menyatakan bahwa setengah dosa itu boleh dibayar kifarat atau dihapuskan dengan membebaskan hamba abdi. Demikian juga Rasulullah sentiasa menggalakkan umatnya supaya membebaskan hamba abdi untuk menghapuskan mana-mana dosa yang telah dilakukannya. Langkah ini adalah dituju untuk membolehkan hamba abdi sebanyak-banyaknya mencapai kemerdekaan mereka, kerana dosa-dosa yang dilakukan

manusia itu tidak kunjung putus atau seperti yang dikatakan Rasulullah setiap anak Adam itu tidak sunyi dan dosa.

Di sini sungguh elok kita menarik perhatian khusus kepada salah satu peratunan membayar kifarat untuk menghapuskan dosa, iaitu pembayaran kifarat kerana membunuh orang lain yang telah ditetapkan oleh Islam, kerana peraturan ini dengan jelas sekali mencerminkan bagaimana sikap Islam terhadap perhambaan Islam telah menetapkan bahwa pembayaran kifarat kerana membunuh orang lain dengan tidak sengaja ialah membayar sejumlah wang sagu hati kepada keluarga orang terbunuh dan membebaskan seorang hamba yang mu'min. Firman Allah, "Siapa yang membunuh seseorang Islam yang lain tanpa sengaja maka hendaklah ia membebaskan seorang hamba dan membayar sejumlah wang sagu hati kepada keluarganya."(Surah'an-Nisa'(92)).

Si mati yang terbunuh tanpa sengaja itu adalah satu nyawa manusia yang disayangi dan dirasa kehilangan oleh keluarga dan masyarakatnya kerana ia terbunuh tanpa sebab yang wajar, justru kerana itu Islam menentukan pembayaran gantirugi dan dua belah pihak. Satu pihak ganti rugi kepada keluarga si mati yang terbunuh yang berupa pembayaran sejumlah wang gantirugi yang harus dibayar kepada keluarganya. Satu pihak lagi gantirugi kepada masyarakat yang berupa pembebasan seorang hamba mu'min. Seolah-olah pembebasan hamba itu sama ertinya dengan menghidupkan kembali satu jiwa yang terbunuh tanpa sengaja, dan ini satu bukti bahwa Islam memandang perhambaan itu sebagai maut atau serupa dengan maut di samping Islam mengadakan jaminan-jaminan yang lain terhadap keselamatan dan kesejahteraan kaum abdi. Kerana itu Islam mengambil segala apa saja kesempatan "Untuk menghidupkan kembali kaum abdi dengan membebaskan mereka dan belenggu perhambaan. "(Dari buku "al-Adalah'a1-Ij fil Islam," Sayid Qutub)

Sejarah telah menyebut betapa banyaknya bilangan kaum abdi yang telah mencapai kemerdekaan melalui pembebasan yang diberikan oleh tuanmas-tuanmas mereka, jumlah bilangan merekayang mendapat kemerdekaan yang sedemikian ramai itu tidak ada tolok bandingnya dengan umat-umat yang lain sama ada sebelum Islam atau beberapa abad selepas Islam hingga sampai ke permulaan zaman moden ini. Faktor-faktor yang mendorong ke arah pembebasan abdi adalah lahir dan perasaan insaniah yang tulin, lahir dan dhamir manusia yang ingin mencari kerelaan Allah semata-mata bukan mencari kerelaan dan sesuatu yang lain.

Mukatabah iaitu kewajipan memberi kebebasan kepada hamba abdi apabila dipinta oleh mereka dengan kesanggupan membayar sejumlah wang tebusan yang dipersetujui bersama di antaranya dengan tuanmasnya. Pembebasan di sini merupakan satu pembebasan yang wajib yang tidak boleh ditolak atau ditangguh oleh tuanmas setelah selesai pembayaran wang tebusan itu dan pemerintah harus campur tangan untuk membebaskan hamba itu sepenuhnya apabila terjadi sesuatu kemungkiran dan pihak tuanmas.

Dengan wujudnya peraturan mukatabah, Islam telah membuka satu lagi pintu kemerdekaan kepada kaum abdi yang ingin menjadi manusia merdeka tanpa susah payah menunggu keihsanan tuanmas membebaskannya di suatu ketika yang baik yang mungkin berlaku atau tidak kepada mereka.

Mulai dan detik seseorang hamba abdi itu mengemukakan permohonannya untuk membebaskan dirinya dan perhambaan — iaitu satu permohonan yang tidak boleh ditolak sebaik saja dipinta oleh mana-mana hamba abdi, pembebasannya tidak mengancam keselamatan pemerintahan Islam seluruh perkhidmatannya dengan tuanmasnya mestilah dinilaikan dengan upah-upah yang tertentu, dan boleh juga ia dibenarkan bekerja di luar jika Ia suka hingga ia dapat mengumpulkan wang tebusan dirinya sebanyak yang telah dipersetujui itu.

Mukatabah ini juga berlaku di Eropah di abad yang keempat belas iaitu sesudah tujuh abad peraturan ini dikemukakan oleh Islam. Tetapi amalan mukatabah di Eropah jauh berbeza dan amalan mukatabah di dalam Islam, di Eropah pemerintah tidak memberi jaminan kemerdekaan kepada hamba-hamba yang terlibat dalam peesetujuan mukatabah itu.

Di samping itu di dalam Islam terdapat usaha-usaha membebaskan kaum abdi dengan sukarela tanpa bayaran tebusan diri, malah semata-mata kerana cintakan Allah dan menyempurnakan ibadatnya. Al-Quran telah menerangkan tentang golongan golongan orang yang berhak menerima zakat. Firman Allah "Sesungguhnya kumputan wang zakat itu wajib dibahagikan kepada golongan fakir miskin dan kepada orang-orang yang menguruskan pengutipan zakat dan wajib diguna untuk membebaskan hamba abdi." (Surah al-Taubat(6O))

Ayat itu begitu jelas menegaskan bahwa kumpulan wang zakat yang disimpan di Baitulmal atau di Jabatan Perbendaharaan menurut istilah moden wajib digunakan untuk membantu hamba abdi membayar wang tebusan kemerdekaan dirinya seandainya mereka tidak mampu membayarnya melalui usaha-usaha sendiri.

Semua peraturan ini menunjukkan Islam telahpun menjalankan langkah yang praktis dan meluas untuk membebaskan kaum abdi dan belenggu perhambaan. Ini bererti Islam telah pun mendului perkembangan sejarah pembebasan hamba sekurang sekurangnya tujuh abad sebelum perkembangan itu bermula dalam sejarah Eropah. Di samping itu peraturan jaminan pemerintah atas persetuiuan mukatabab merupakan satu peraturan yang tidak dikenali di dunia Barat melainkan di permulaan zaman modennya saja. Dan satu lagi gejala yang tidak pernah dikenali di dunia Barat ialah peraturan memberi layanan yang baik kepada kaum hamba abdi dan perkembangan membebaskan hamba abdi secata sukarela tanpa dipaksa oleh tekanan perkembangan ekonomi atau politik persis seperti tekanan-tekanan yang telah memaksa dunia Barat membebaskan abdi mereka.

Bertolak dan hakikat-hakikat ini gugurlah dakwaan dan teori-teori ilmiah komunisma yang falsu yang mengatakan bahwa kemunculan Islam itu hanya merupakan satu cincin di dalam rangkaian cincin - cincin perkembangan ekonomi yang lahir pada saatnya yang tepat mengikut undang-undang daya dialektik kebendaan, laitu satu undang-undang yang mendakwa bahwa setiap sistem hidup yang muncul termasuk sistem hidup Islam hanya merupakan pencerminan atau akibah dan perkembangan ekonomi yang wujud ketika itu, dan seluruh ajaran dan idea-idea dan sistem itu adalah sesuai untuk zaman itu saja, ia sama sekali tidak boleh mendului perkembangan kehendak zaman. Inilah undang ciptaan otak Karl Mark yang dianggap selama lamanya benar dan suci! Tetapi Islam telah membuktikan bahwa kemunculannya bukanlah diwahikan oleh sistem-sistem ekonomi yang wujud di Semenanjung Arab atau yang wujud di seluruh dunia di zaman itu baik dalam daya usahanya membebaskan kaum abdi atau dalam sistem pembahagian kekayaan atau dalam sistem hubungan antara pemerintah dengan rakyat jelata atau dalam sistem hubungan di antara pemilik dan penyewa yang disusun olehnya, malah Islam secara spontan dan original menciptakan sistem-sistem sosial dan ekonominya, malah masih banyak terdapat di dalam Islam peraturan-peraturan yang unik di dalam sejarah.

Di sini timbul satu pertanyaan yang mungkin membengongkan akal dan hati iaitu seandainya Islam begitu jauh mengaturkan langkah-langkahnya ke arah membebaskan hamba abdi dan mendului seluruh umat yang lain membebaskan kaum abdi dengan sukarela tanpa ditekan dan dipaksa, maka mengapakah Islam tidak terus pula melaksanakan satu langkah yang muktamad lagi dengan mengumumkan satu proklamasi yang tegas meng hapuskan sama sekali dasar perhambaan, kerana bukankah dengan langkah begitu Islam dapat menyumbangkan satu kebaktian yang tidak ternilai kepada umat manusia dan dapat

membuktikannya sebagai satu sistem hidup yang paling sempurna, satu sistem yang benar-benar layak dikatakan lahir dan Allah yang telah menjadikan manusia dan mengurniakan mereka dengan kelebihan-kelebihan dan keistimewaan-keistimewaan yang mengatasi seluruh makhluk yang lain.

Untuk menjawab pertanyaan ini kita harus lebih dulu memahami hakikat-hakikat sosial, saikologi dan politik yang menyelubungi persoalan hamba abdi iaitu hakikat-hakikat yang telah melewatkan proklamasi pembebasan abdi yang ditunggu tunggu dan diimpi-impikan itu. Memang wajar diakui bahwa pembebasan hamba abdi secara menyeluruh atau total itu memanglah tersangat lewat dan jangka waktu yang dikehendaki Islam atau dan jangka yang sepatutnya seandainya Islam dapat berjalan dan bertugas dengan lurus tanpa dirusakkan oleh nafsu-nafsu dan penyelewengan-penyelewengan manusia.

Pertama-tama yang harus disebutkan di sini ialah Islam muncul di kala sistem perhambaan diakui oleh seluruh pelusuk dunia, malah di kala itu perhambaan merupakan satu sistem ekonomi dan sosial yang begitu lumrah. Tiada seorang pun yang cuba mengingkar sistem itu, dan tiada siapa pun yang pernah berfikir bahwa sistem itu boleh diubah. Justru inilah proses penghapusan sistem perhambaan ini memerlukan langkah langkah yang beransur-ansur dan jangka waktu yang panjang. Proses pengharaman arak juga telah memakan waktu banyak tahun, sedangkan arak pada pokoknya merupakan satu kebiasaan peribadi saja walaupun ada kaitan-kaitan dengan masyarakat kerana setengah orang Arab di zaman jahiliah sendiri pernah menjejekkan arak dan memandangnya sebagai satu minuman keji yang tidak layak dengan orang-orang yang berjiwa mulia dan sopan.

Tetapi akar umbi sistem perhambaan lebih dalam bertunjang di dalam kehidupan masyarakat dan di dalam jiwa individu individu di zaman itu, kerana. di dalam sistem perhambaan tercakup semua faktor-faktor peribadi. sosial dan ekonomi. Tiada seorang yang memandang sistem itu sebagai keji dan hina. Olëh kerana itulah proses penghapusan sistem itu memerlukan jangka waktu yang lebih lanjut dari yang dapat dikejarkan oleh usia hidup Rasulullah yang merupakan periode turunnya wahyu-wahyu yang menggariskan dasar-dasal peraturan dan undang-undang.

Lagi pula Allah lebih mengetahui dengan apa yang diciptakan Nya. Seandainya ia mengetahui bahwa penghapusan minuman arak dapat dilakukan dengan mengeluarkan satu hukum yang dapat dikuatkuasakan dengan serta merta tentulah Allah tidak bertindak mengharamkannya dengan beransur-ansur dalam jangka waktu banyak tahun. Begitu juga seandainya Allah itu mengetahui bahwa pemberantrasan abdi dapat dilakukan dengan hanya mengeluar satu hukum muktamad, tentulah tidak ada sebab bagiNya untuk melewatkan prokiamasi hukum itu.

Penegasan kami bahwa agama Islam itu diturun untuk seluruh generasi manusia dan bahwa Islam itu cukup mempunyai unsur unsur untuk survival bukanlah dimaksudkan bahwa Islam telah pun menyusun dengan detail seluruh undang-undang dan peraturan bagi setiap masaalah baru yang timbul di dalam semua generasi manusja, malah Islam hanya menggariskan undang-undang dan peraturan-peraturan bagi masaalah-masaalah dasar yang tidak berubah dan satu masa ke satu masa, iaitu masalah-masalah yang ada kaitan dengan intisari keperibadian manusia dan ada hubungan dengan kecenderungan semulajadi mereka. Ada pun masaalah.masaalah yang bukan dasar yang sentiasa berubah maka Islam merasa cukup dengan menetapkan garis-garis umum, di mana kegiatan manusia harus berkembang dalam lingkungan garis-garjs itu. Inilah yang telah dibuat oleh Islam di dalam masaalah perhambaan. Di mana ia menetapkan garis-garis umum yang cukup untuk melaksanakan pembebasan hamba abdi melalui pembebasan sukarela dan pembebasan mukatabah, dan di

mana Islam telah menunjukkan jalan yang harus diikuti manusia untuk mengatasi masaalah perhambaan yang tua itu agar lambat laun tiba waktunya yang wajar, di mana sistem perhambaan lenyap buat selamanya.

Islam diturun bukan untuk mengubahkan tabiat-tabiat manusia. malah ia diturun untuk mendidik dan membaikkan nanusia dalam lingkungan batas fitrah dan tabiat keinsanan mereka, dan seterusnya untuk memajukan manusia semaju majunya tanpa tindasan dan paksaan. Islam telah pun mencapai kemajuan dalam rangka usaha memberi didikan yang sempurna kepada sebilangan manusia, iaitu satu kemajuan yang belum pernah dicapai oleh mana-mana sistem hidup yang lain di dalam sejarah. Walaupun demikian, Islam tidak ditugas untuk mengubahkan seluruh manusia kepada taraf yang setinggi itu, kerana seandainya Allah menghendaki demikian tentulah dan mula lagi ia akan menjadikan semua manusia ini malaikat-malaikat dan tentulah ia akan memberikan kepada mereka kewajipan-kewajipan malaikat yang tak pernah mengingkari larangan Allah dan tetap mematuhi segala suruhan tetapi Allah telah menjadikan mereka manusia dan ia tahu sejauh mana daya-daya kesanggupan rnereka dan sejauh mana pula perlunya waktu untuk mematangkan mereka.

Walau bagaimanapun jasa Islam telah cukup atas inisiatifnya memulakan gerakan pembebasan hamba abdi di alam ini selama tujuh abad sebelum dilakukan oleh umat-umat Barat yang tidak beragama Islam. Dan segi kenyataan Islam telah pun benjaya menghapuskan seluruh sumber perhambaan di Semenanjung Tanah. Arab dan tentulah Islam juga dapat menghapuskan perhambaan di dunia Islam selepas itu seandainya tidak ada sumber baru yang sentiasa mengalirkan perhambaan di segenap tempat sedangkan Islam di waktu itu tidak dapat melenyapkan sumber perhambaan yang báru itu, kerana ia tidak lagi merupakan satu persoalan yang menyangkut Islam saja. Malah menyangkut musuh-musuhnya yang tidak dapat dikuasainya. Sumber baru perhambaan yang dikatakan tadi ialah perhambaan akibah peperangan-peperangan. Hal ini akan kami bicarakan nanti dengan lebih detail selepas ini.

Yang kedua yang patut kita sebutkan ialah kemerdekaan itu biasanya bukanlah dicapai dengan pengurniaan. Malah harus direbut dengan usaha perjuangan. Pembebasaan hamba dengan mengeluarkan dekri tidak berjaya membebaskan hamba-hamba abdi. Pengalaman Amerika membebaskan seluruh hamba abdi dengan dekri Abraham Lincoln merupakan sebaik-baik bukti yang membenarkan pendapat kami kerana hamba-hamba yang dibebaskan oleh Abraham Lincoln dengan dekri itu tidak mampu hidup dengan kemerdekaan malah kebanyakan mereka kembali semula kepada tuanmas-tuanmas mereka dengan harapan agar mereka diterima balik sebagai hamba. kerana jiwa mereka sebenarnya belum lagi merdeka.

Walaupun persoalan ini agak ganjil. Namun ia tidak ganjil apabila ditinjau dengan berdasarkan hakikat-hakikat saikologi. Hidup itu ialah satu kebiasaan dan suasana-suasana yang melingkungi hidup seseorang itulah yang membentuk perasaan dan jiwanya. Saikoloji hamba berlainan dan saikoloji orang yang merdeka. Hal ini bukanlah kerana sang itu manusia dan jenis lain seperti yang dipercayai oleh orang-orang purba. Malah kerana kehidupannya yang berlangsung selama-lamanya di dalam perhambaan itulah yang menyebabkan jiwanya terbentuk dengan suasana-suasana perhambaan hingga perasaan taat setianya menjadi begitu subur dan perasaan tanggungjawabnya menjadi begitu kurus.

Seorang abdi boleh melaksanakan berbagai-bagai tugas apablia disuruh oleh tuanmasnya dan perintah itu akan dilaksanakannya dengan penuh kepatuhan. Tetapi ia tidak boleh melakukan sesuatu kerja yang harus dipikul sendiri tanggungjawabnya walaupun kerja itu agak senang. Ini bukanlah kerja itu diluar kesanggupan badannya atau di luar pengertian akal fikirannya, tetapi ialah kerana jiwanya tidak sanggup memikul tanggungjawab. Ia menyangka tanggungjawab-tanggungjawab itu sebagai perkara perkara besar yang merbahaya

atau sebagai persoalan-persoajan yang tidak dapat diselesaikan olehnya. Justru kerana itu dia melarikan dirinya dan tanggungjawab agar ia terhindar dan akibah-akibahnya yang besar.

Bagi orang-orang yang meneliti mentaliti pemerintah Mesir dan pemerintah-pemerintah negeri Timur umumnya di zaman zaman kebelakangan ini tentulah mereka dapat melihat kesan kesan perhambaan batin yang begitu mendalam yang telah ditanam oleh penjajah-penjajah Barat di dalam jiwa umat-umat Timur agar mereka mudah dijajahi. Di sana terdapat projek-projek yang terbengkalai, yang kebanyakannya disebabkan oleh sikap pengecut dan tidak berani bertanggungjawab dan pemerintah-pemerintah itu sendiri. Mereka tidak sanggup melaksanakan mana-mana rancangan melainkan lebih dulu mereka mengundang pakar-pakar Inggeris, Amerika dan sebagainya agar orang-orang inilah yang dapat mengambil alih tanggungjawab rancangan-rancangan itu bagi pihak mereka, dan mengeluarkan perintah melaksanakan rancangan itu.

Demikian juga di sana terdapat kelumpuhan yang mengongkongi kakitangan pejabat-pejabat kerajaan yang telah begitu ketat terikat dengan rotin-rotin yang usang, ini disebabkan kerana setiap orang dan mereka tidak sanggup melaksanakan sesuatu melainkan setelah diperintahkan oleh ketua pejabatnya, sedangkan ketua pejabat ini pula tidak sanggup berbuat apa-apa melainkan hanya mematuhi apa yang telah diperintahkan oleh yang berhormat menterinya pula. Ini bukanlah kerana mereka semuanya tidak mempunyai kemampuan menjalankan tugas-tugas mereka. Malah kerana perasaan tanggungjawab tidak ada pada mereka. Apa yang ada pada mereka ialah perasaan kepatuhan yang berlebih-lebihan. Mereka ini samalah dengan kaum abdi walaupun mereka secara resminya orang-orang merdeka.

Keadaan jiwa yang terasuh dalam suasana-suasana perhambaan itulah yang membuat seseorang hamba itu berjiwa hamba. Pendeknya jiwa hamba itu pada asalnya dibentuk oleh suasana-suasana luar kemudian ia tegak berdiri sendiri persis seperti dahan pokok yang menjalar di bumi kemudian mengeluar kan akar-akarnya sendiri dan hidup berasingan dan pokok asalnya. Jiwa hamba yang sedemikian tidak dapat dihapuskan melalui dekri pemerintah yang mengharamkan perhambaan itu. malah ia harus diasuh dan dalam. juga dengan mewujudkan suasana-suasana hidup yang dapat membentuk dan menyuburkan kembali perasaan perasaan baru dan watak-watak keperibadian yang normal dalam jiwa abdi yang sekian lama rusak itu.

Inilah yang telah dibuat oleh Islam. Mula-mula ia bertindak menyuruh manusia memberi layanan-layanan baik kepada hamba abdi, kerana layanan yang baik merupakan sebaik-baik langkah untuk memulih imbangan jiwa hamba yang rusak itu dan memulangkan kembali kehormatannya agar ia kembali merasa mempunyai harga dirinya sebagai manusia. Dengan pemulihan jiwa yang sedemikian barulah seseorang hamba yang dibebaskan itu dapat mengecapi nikmat kebebasan dan tidak lagi lari dan kebebasan seperti yang pernah berlaku kepada hamba-hamba abdi di Amerika yang telah dibeni kemendekaan kepada mereka.

Dalam usaha mengadakan layanan yang baik dan mengembalikan semula harga diri sebagai manusia kepada kaum abdi. Islam telah berusaha hingga kepada batas yang menakjubkan; Dan dalam hubungan ini kami telah pun membawa sebelum ini beberapa contoh-contoh dan ayat-ayat Quran dan Hadith-hadit Rasulullah dan di sini kami ingin membawa pula contoh-contoh pelaksanaan yang realistis.

Rasulullah sendiri telah mempersaudarakan di antara bekas-bekas hamba dengan ketua-ketua kaum Arab yang merdeka iaitu beliau mempersaudarakan di antana Bilal bin Rabah dengan Khalid bin Ruwaihat al-Khathami di antara Zaid (bekas hambanya) dengan bapa saudaranya Hamzah di antana Khadijah bin Zaid dengan Abu Bakar. Persaudaraan yang

dilakukan sedemikian memberikan satu perhubungan yang hakiki yang sama dengan perhubungan darah dan sampai kepada batas pesaka mempesakai di antara satu sama lain.

Tetapi Rasulullah tidak berpada setakat itu saja. Malah beliau telah mengahwinkan sepupunya Zainab binti Jahsy dengan Zaid (bekas hambanya). Sedangkan perkahwinan itu merupakan satu persoalan yang amat sensitif terutama bagi pihak Zainab yang bersedia menerima untuk dikahwinkan dengan orang yang mempunyai darjat yang lebih tinggi darinya) tetapi tidak bersedia menerima suami yang berdarjat lebih rendah darinya samada dan segi keturunan atau kekayaan, malah ia merasa perkahwinan seperti itu menjatuhkan kehormatan dan menggugatkan rasa kebanggaannya, tetapi tujuan Rasulullah dengan perkahwinan Zaid dengan sepupunya itu adalah untuk mencapai satu maksud yang lebih luhur dan segala-galanya, iaitu mengangkatkan hamba abdi dan lembah kehinaan, di mana ia telah ditolak jatuh oleh angkara angkara manusia yang zalim, ke taraf yang sama dengan ketua ketua kaum Quraisy.

Malah Rasulullah tidak cukup sekadar itu saja bahkan beliau telah melantikkan Zaid (bekas hambanya untuk mengepalai satu angkatan tentera yang terdiri dan kaum Ansar dan Mahajirin yang menjadi pembesar-pembesar Arab. Dan apabila Zaid gugur Syahid di medan pertempuran itu. Rasulullah telah melantik anaknya Usamah bin Zaid untuk mengepalai satu angkatan tentera yang terkandung di dalamnya Abu Bakar dan Omar yang selama ini bertugas selaku menteri-menteri Rasulullah dan kemudiannya menjadi khalifah-khalifahnya. Ini bererti bahwa perbuatan perbuatan Rasulullah itu bukanlah dituju semata-mata untuk memberi hak persamaan sebagai manusia kepada kaum abdi. malah beliau memberi pula kepada mereka hak memimpin dan mengetuai orang-orang merdeka. Dalam hubungan ini Rasulullah sampai bersabda, “Berilah ketaatan dan kepatuhan kamu walaupun kamu diperintah oleh seôrang abdi bangsa Habsyah yang berkepala seperti buah anggur selama ia memerintah kamu dengan berdasarkan kitab Allah yang maha tinggi. “(Riwayat aI-Bukhari) Dengan hadith ini Rasulullah telah memberi kepada para bekas hamba hak memegang setinggi-tinggi jawatan negara. iaitu menjadi pemerintah atau khalifah umat Muslimin. Ujar Khalifah Sayyidina Omar ketika beliau melantik seorang lain sebagai ganti tubuhnya. “Jika Salim bekas hamba Abu Huzaifah masih hidup tentulah saya akan lantikkannya memegang jawatan ini.” Dengan sikap yang sedemikian. Omar telah berjalan di atas prinsip yang telah digaris oleh Rasulullah.

Khalifah Omar telah menunjukkan satu tauladan lain lagi dan tauladan-tauladan yang gemilang berhubung dengan sikap menghormati bekas-bekas hamba. Pada suatu masa beliau telah ditentang keras oleh Bilal bin Rabah seorang bekas hamba dalam soal harta rampasan perang. Beliàu tidak mendapat satu jalan untuk mengatasi tentangan-tentangan Bilal lalu beliau berdoa. “Ya Allah damaikan aku dengan Bilal dan kawan-kawannya.” Beliau berkata demikian sedangkan beliau sewaktu itu seorang Khalifah yang memegang tampuk pemerintahan umat Muslimin. di mana ia boleh mengeluarkan perintah agar Bilal itu taat kepãda keputusan beliau jika beliau kehendaki.

Inilah contoh-contoh yang telah ditunjukkan oleh Islam. Iaitu contoh-contoh yang dituju untuk memerdekakan kaum abdi dan dalam jiwa mereka — seperti yang kami telah tegaskan di awal penibicaraan ini — agar mereka merasa mempunyai keperibadian sendiri yang kelak akan mendorong mereka menuntut kemerdekaan diri mereka. Inilah satu jaminan hakiki untuk mencapai pembebasan.

Memang benar bahwa Islam menggalakkan pembebasan kaum abdi dan menganjurkan kearah itu dengan berbagai-bagai cara dan sarana, tetapi penggalakan itu sendiri merupakan sebahagian dan pendidikan jiwa kepada hamba abdi agar mereka sedar bahwa mereka mempunyai kemungkinan-kemungkinan untuk mendapatkan kemerdekaan dan untuk

menikmati hak-hak yang dinkmati oleh golongan tuanmas. Ini akan menambahkan kegemaran mereka untuk mencapai kemerdekaan dan untuk memikul segala risiko dalam usaha mendapatkan kebebasan itu. Ketika itu meneka akan segera diberikan kemerdekaan kerana mereka kini benar-benar Wajar untuk menerima dan memeliharakan kemerdekaan itu.

Tentulah di sana terdapat perbedaan yang besar di antara sistem yang menggalakkan kaum abdi menuntut sendiri kemerdekaan diri mereka dan mengadakan segala macam saranan untuk mereka mencapaikannya, kemudian kemerdekaan itu akan diberikan kepada mereka apabila mereka menuntut sendiri kemerdekaan itu dengan sistem yang membiarkan perhambaan menjadi kian sulit dan meruncing hingga mencetuskan revolusi-revolusi ekonomi dan sosial yang memakan ratusan dan ribuan korban jiwa. Setelah itu barulah kemerdekaan itu diberi kepada pejuang-pejuangnya secara terpaksa.

Di antara keistimewaan-keistimewaan Islam yang besar dalam usaha-usaha membebaskan hamba abdi ialah Islan telah menggalakkan pembebasan itu dan luar dan dari dalam Islam tidak hanya sekadar menunjulkan niat yang baik seperti yang dilakukan oleh Presiden Lincoln dengan mengeluarkan satu akta yang mengharamkan perhambaan sedangkan pengasuhan jiwa ke arah kemerdekaan itu tidak diberi kepada hamba abdi. Ini membuktikan betapa mendalamnya Islam memahami tabiat manusia dan betapa bijaknya Islam memilih cara-cara yang terbaik untuk mengatasi masaalah perhambaan.

Islam telah bertindak memberikan hak-hak kemerdekaan kepada kaum abdi sambil mendidik mereka menyintai kemerdekaan itu dan bersedia untuk memikul segala tanggungiawabnya. Islam bertindak demikian untuk mewujudkan saling mengerti dan saling kasih di antara golongan-golongan masyarakat sebelum mereka bertarung satu sama lain untuk merebutkan hak-hak itu seperti yang berlaku di Eropah. Di mana terjadinya pertarungan yang sengit yang menimbulkan perasaan-perasaan dendam kesumat yang pahit dan melenyapkan perasaan perikemanusiaan di hati mereka dan akibahnya telah memusnahkan kebajikan-kebajikan yang mungkin dapat dicapai oleh manusia di tengah jalan kehidupan mereka.

Akhirnya marilah kita kembali memperkatakan tentang faktor yang paling besar yang mendorong Islam meletakkan asas pembebasan kaum abdi kemudian membiarkan proses pembebasan itu berjalan secara beransur-ansur menurut hukum alam hingga tamat.

Sebelum ini telah kami katakan bahwa Islam telah berjaya melenyapkan segala sumber perhambaan zaman purba. Melainkan hanya satu sumber saja lagi yang tidak terdaya dihapuskan iaitu perhambaan menerusi peperangan. Kini marilah kita membicarakan hal ini agak lebih detail.

Menurut adat zaman purba yang berjalan di masa itu orang-orang tawanan perang itu dijadikan hamba abdi atau dibunuh (Dalam satu ensiklopedia sejarah yang bernama "Universal History of theWorld" di muka surät 2273 tersebut, "Pada tahun 599 Masihi, Seri Maharaja Marius — kerana desakan ekonomi — telah enggan, membayar tebusan untuk membebaskan beberapa ribu tenteranya yang telah ditawan oleh Khan Alawar kerana itu Khan Alawar te membunuh seluruh tawanan itu). Ini telah bertunjang begitu lama dan jauh dalam sejarah manusia purbakala iaitu sejak generasi pertama manusia muncul di alam ini lagi. Kemudian adat ini menjadi sebati dengan kehidupan mereka di dalam berbagai-bagai tahap perkembangan mereka. Ketika lahirnya Islam umat manusia masih kukuh mengamalkan adat ini. Dan apabila berlaku peperangan-peperangan di antara pihak Islam dengan musuh musuhnya. maka tawanan-tawanan perang dan orang-orang Islam telah dijadikan hamba-hamba abdi oleh musuh-musuh mereka. Kemerdekaan mereka dirampas. Kaum lelaki mereka diperlakukan dengan kejam dan ganas. Sedangkan kaum perempuan mereka dicabuli kehormatan oleh siapa saja yang suka. Perempuan Islam yang ditawan bebas diperkosakan

bersama-sama oleh bapa-bapa, anak-anak dan teman-temannya yang ingin menikmati tubuhnya tanpa aturan, tanpa undang-undang dan tanpa menghormati keinsanan perempuan-perempuan itu samada mereka perawan atau tidak. Demikian juga kanak-kanak yang ditakluk sebagai tawanan perang, mereka akan dibesarkan di dalam suasana perhambaan yang penuh hina dina.

Dalam menghadapi keadaan-keadaan yang seperti ini pihak Islam tentulah tidak mungkin melepaskan begitu saja musuh musuh yang menjadi tawanan mereka. Tentulah tidak dapat dianggap sebagai satu politik perang yang baik, jika anda terus menggalakkan musuh-musuh menentang anda dengan melepaskan tawanan-tawanan mereka sedangkan keluarga anda dan saudara saudara yang seagama dengan anda yang menjadi tawanan mereka diperlakukan seksaan-seksaan yang teruk. Satu-satunya tindakan balas yang adil dalam menghadapi keadaan yang jelik ini ialah memberi layanan yang setimpal. Hanya inilah satu-satunya undang-undang yang dapat dipraktikkan anda.

Jadi Islam terpaksa melakukan tindakan balas selama musuh-musuhnya begitu degil memperhambakan tawanan tawanan perang. Islam tidak mempunyai alternatif yang lain dan tidak mampu untuk menguasai keadaan ia terpaksa meneruskan tindakan balas hingga musuh-musuhnya bersetuju mengubahkan sikap melayani tawanan-tawanan perang itu kepada satu dasar yang lain dan dasar perhambaan. Namun demikian. kita harus melihat betapa jauhnya perbedaan-perbedaan di antara Islam dengan sistem-sistem yang lain dalam persoalan perang dan tawanan tawanan perang.

Peperangan-peperangan yang telah berlangsung dan masih terus berlangsung dalam dunia bukan Islam adalah dituju untuk menyerang, mengancam dan menjajah. Peperangan itu dicetuskan kerana satu negara ingin menjajah satu negara yang lain. ingin memperluaskan perbatasan negaranya. ingin mengeksploitasikan sumber-sumber kekayaan negara yang dijajahinya. atau kerana memenuhi keinginan seseorang raja atau seseorang penglima yang begitu berhasrat untuk mengagung-agung dan mendaulatkan dirinya atau yang begitu kepingin untuk membalas dendam atau sebagainya dan objektif-objektif duniawi yang rendah. Tawanan tawanan perang yang diperhambakan itu bukan kerana mereka tidak seagama dengan penawan-penawan mereka bukan kerana taraf pemikiran dan fizikal mereka lebih rendah dan taraf penawan-penawan mereka. Malah mereka diperhambakan semata-mata kerana mereka kalah dalam peperangan.

Di samping itu peperangan yang dicetuskan itu tidak pula mempunyai tradisi-tradisi yang mengharamkan pencabulan kehormatan. Pemusnahan bandar-bandar yang tidak memberi penentangan dan pembunuhan perempuan, kanak-kanak dan orang tua Dan ini adalah satu akibah yang lojis selamna peperangan in dicetuskan bukan kerana mempertahankan satu akidah satu dasar atau satu matalamat hidup yang luhur.

Apabila Islam muncul ia lantas melenyapkan penyelewengan-penyelewengan itu dan niengharamkan seluruh bentuk peperangan melainkan peperangan kerana mempertahankan agama Allah dan peperangan menghalangi pencerobohan terhadap umat Islam, juga peperangan untuk menghancurkan kuasa-kuasa yang sewenang-wenang yang bertindak mengganggu-gugatkan agama Allah dengan paksaan dan kekerasan, atau peperangan untuk menghapuskan kuasa-kuasa penyesat yang menghalangi usaha-usaha da'wah lslamiah kepada uniat manusia agar mereka dapat mendengar dan mematuhi agama yang benar.

Firman Allah, "Perangilah mereka yang memerangi kamu demi kepentingan agama Allah, tetapi janganlah kamu menceroboh, kerana Allah tidak sukakan penceroboh-penceroboh,"(Surah al-Baqarah(190)) FirmanNya lagi, "Perangilah mereka sehingga

terhapusnya ancaman fitnah dan agama seluruhnya terkhusus kepada Allah."(Surah al-Anfal(39)

Da'wah Islamiah adalah satu da'wah damai yang tidak memaksa sesiapa pun. Firman Allah, 'Tiada paksaan di dalam agama, kerana jalan yang benar telah pun terbentang nyata dan berbeda dan jalan yang sesat."(Surah al-Baqarah(256)

Terpeliharanya kaum Yahudi dan kaum Kristian mengamalkan agama mereka masing-masing di dalam negara-negara Islam sehingga ke saat ini merupakan satu bukti yang konkrit yang tidak dapat dibantah dan diingkari bahwa Islam tidak pernah memaksa orang-orang yang bukan Islam memeluk agama Islam dengari kekuatan mata pedang (Hal ini diakui benar oleh seorang pengarang Barat yang terkenal yang beragama Kristian iaitu Sir T.W. Arnold di dalam bukunya "The Preaching of Islam.").

Apabila umat manusia menerima agama Islam dan menerima petunjuk dan agama yang benar itu. maka peperangan dan pergaduhan tidak akan wujud lagi. Begitu juga penjajahan satu negara terhadap negara yang lain tidak akan timbul. Diskriminasi di antara seseorang Islam dengan seseorang Islam yang lain juga tidak akan berlaku di dunia "Tiada kelebihan bagi bangsa terhadap bangsa yang hukan Arab melainkan dengan taqwa."

Sesiapa yang enggan menerima agama Islam dan ingin tetap berpegang dengan agamanya di bawah lindungan agama Islam, ia bebas berbuat demikian tanpa nienerima sebarang paksaan atau tindasan tatapi ia harus membayar jizyah sebagai bayaran perlindungan yang diberikan oleh Islam. Namun demikian. bayaran jizyah itu akan gugur seandainya umat Islam tidak mampu memberi perlindungan kepadanya - Contoh-contoh seperti ini memang banyak Di antaranya ialah dua contoh yang disebut dalam buku Arnold '(The Preaching of Islam hâlaman 58). Ujar beliau. "Di dalam perjanjian yang telah diadakan dengan penduduk-penduduk negeri yang berhampiran dengan Hirah telah dicatat demikian. "Jika kami dapat mempertahankan keselamatan kamu, kami berhak menerima jizyah dan jika sebaliknya. kami tidak berhak lagi menerima jizyah. Ujar beliau lagi. "Apabila Abu Ubaidah penglima Islam mengetahui bahwa Heraclius sedang bersiap sedia untuk menyerangnya, beliau pun menulis kepada Gabnor bandar-bandar yang terdedah di Syam menyuruh mereka mengembalikan semula wang-wang jizyah yang dipungut dan penduduk-penduduk bandar itu. Beliau menulis kepada penduduk penduduk itu, "Kami terpaksa memulangkan balik wang-wang jizyah kepada tuan-tuan sekalian, kerana kami mendapat berita satu angkatan musuh yang besar sedang bersedia untuk menyerang kami, sedangkan tuan-tuan dulunya telah mensyaratkan kepada kami agar dengan bayaran itu kami sanggup mempertahankan keselamatan tuan-tuan. Kini kami mengaku tidak mempunyai kesanggupan untuk mempertahankan keselamatan tuan tuan. Kerana itu kami terpaksa pulangkan kembali bayaran jizyah yang telah kami pungut dan tuan-tuan sekalian. Kami tetap mematuhi syarat-syarat yang telah dipersetujukan di antara kami dengan tuan-tuan andainya Allah memberi kemenangan kepada kami."

Sebaliknya sesiapa yang enggan menerima Islam dan enggan pula membayar jizyah, mereka adalah dianggap pengacau-pengacau yang degil dan angkuh. Mereka sengaja tidak ingin melihat da'wah lslamiah berkembang. Malah mereka mahu melindungi cahaya agama yang benar itu dengan kekuatan kebendaan mereka dari mata umat manusia yang ingin mencari hidayah.

Di saat inilah saja peperangan diizinkan. tetapi peperangan itu tidaklah pula dilancarkan tanpa amaran dan proklamasi untuk memberi peluang yang terakhir demi menghindarkan pertumpahan darah dan menegakkan keamanan firman Allah. "Seandainya mereka condong kepada perdamaian, maka hendaklah kamu juga condong kepadanya dan bertawakkallah kepada Allah."(Surah al-Anfal (61))

Itulah satu-satunya bentuk peperangan Islam. Iaitu satu peperangan yang bukan dilancar atas motif penjajahan dan penaklukan atau atas keinginan eksploitasi. dan bukan pula satu peperangan yang dilancarkan untuk memenuhi keinginan gila mana-mana penglima perang atau mana-mana raja yang berkuku besi. Malah ia adalah satu peperangan untuk mempertahankan agama Allah dan untuk menyampaikan hidayah kepada manusia setelah gagalnya segala jalan-jalan damai yang lain untuk memberi pertunjuk kepada mereka

Di samping itu peperangan yang dihalalkan Islam itu mempunyai tradisi-tradisi yang ketat seperti yang dapat dilihat dalam satu taklimat Rasulullah yang berbunyi:

"Berperanglah dengan nama Allah untuk kepentingan agama Allah. Bunuhlah mereka yang enggan beriman kepada Allah. Berperanglah. Tetapi jangan kamu lakukan pengkhianatan. Jangan kamu memotong-motong anggota musuh dan janganlah kamu membunuh kanak-kanak." (Hadith ini dikeluarkan oleh Muslim. Abu Daud dan al-Turmuzi))

Pembunuhan tidak dibenarkan kecuali terhadap mereka yang memikul senjata untuk memerangi orang-orang Islam. Begitu juga Islam tidak membenarkan tentera-tenteranya melakukan tindakan pemusnahan, penjahanaman dan pencabulan kehormatan atau melakukan tindakan-tindakan ganas untuk memuaskan nafsu jahat dan durjana.) Firman Allah, "Sesungguhnya Allah tidak sukakan orang-orang yang melakukan kerusakan dan kemusnahan."

Tentera-tentera Muslimin telah mematuhi tradisi-tradisi yang luhur ini dalam segenap peperangan yang diharungi mereka. Walaupun ketika mereka menang di dalam Peperangan Salib yang penuh dengan pengkhianatan musuh itu, di mana sebelüm itu musuh-musuh mereka yang kejam telah melakukan pencabulan pencabulan kehormatan dan mencerobohi kesucian Masjid al-Aqsa dengan menyerang dan membunuh orang-orang awam yang berlindung di masjid itu. Walaupun demikian mereka tidak bertindak membalas dendam ketika mereka mencapai kemenangan gemilang. Sedangkan mereka telah diizin Allah untuk melakukan tindakan-tindakan yang setimpal. firman Allah. "Sesiapa yang menceroboh ke atas kamu. maka hendaklah kamu membalas pencerobohan mereka sama seperti pencerobohan yang telah dilakukan ke atas kamu". (Surah al-Baqarah (194)) tetapi tentera-tentera Muslimin ketika itu telah memperlihatkan satu contoh yang ideal yang belum pernah dilakukan oleh tentera-tentera bukan Islam di mana-mana negeri di dunia walaupun di zaman moden ini.

ltulah perbedaan pokok dalam matalamat-matalamat perang dan tradisi-tradisi perang di antara tentera-tentera Muslimin dengan tentera-tentera yang bukan Islam. Bagi tentera-tentera Muslimin, mereka memang berhak jika mereka mahu untuk menganggapkan tawanan-tawanan musuh yang telah melancarkan serangan bersenjata menentang agama yang benar dan mempertahankan agama keberhalaan mereka yang rencah dan kepercayaan syirik mereka yang karut marut itu sebagai kaum yang tidak berperikemanusiaan dan kerana itu mereka wajar dijadikan hamba-hamba abdi.

Mana-mana manusia yang terus berdegil mempertahankan agama yang karut setelah melihat sendiri cahaya agama yang benar. bererti ada sesuatu yang rusak dan menyeleweng di dalam akal mereka. Mereka adalah orang-orang yang tidak mempunyai ciri-ciri peribadi insan dan tidak wajar untuk menerima kehormatan sebagai insan dan menikmati kebebasan sebagai insan yang merdeka.

Namun demikian Islam tidak juga memilih jalan ini. Islam tidak membenar diperhambakan mereka dengan semata-mata alasan kerana mereka tidak mempunyai ciri-ciri peribadi manusia yang sempurna malah Islam menggunakan dasar tindakan setimpal iaitu memperhambakan tawanan-tawanan perang sebagai tindak balas terhadap pihak musuh yang memperhambakan tawanan tawanan orang-orang Islam. Ini bererti Islam menggantungkan

soal perhambaan kepada persetujuan kerajaan-kerajaan yang berperang untuk menggunakan satu dasar yang lain dan dasar perhambaan. Inilah satu-satunya jalan untuk menjamin agar orang-orang Islam yang tertawan tidak diperhambakan begitu saja tanpa satu tindakan balas.

Satu hal yang amat patut disebutkan di dalam pembicaraan ini ialah hanya satu ayat saja yang tersebut di dalam al-Quran yang menyinggung masaalah tawanan perang yang berbunyi. “Kamu boleh membebaskan mereka atau menerima bayaran tebusan dan mereka hingga peperangan itu berhenti . “(Surah Muhammad (4))

Ayat itu tidak menyebut sebarang soal memperhambakan tawanan perang agar tidak menjadi satu undang-undang tetap kepada manusia. Malah ia hanya menyebut soal tebus diri atau pembebasan tanpa suatu bayaran kerana kedua-dua inilah saja yang menjadi undang-undang tetap yang dikehendaki oleh al-Quran agar manusia menggunakan kedua-dua peraturan itu dalam menyelesaikan masaalah tawanan perang di masa-masa depan yang hampir atau jauh Apa yang telah dilakukan oleh orang Islam menggunakan tindakan memperhambakan tawanan-tawanan perang adalah semata-mata suatu tindakan balas yang terpaksa dilakukan bukanlah satu tindakan yang dilakukan kerana mematuhi satu-satu nas tertentu di dalam undang-undang Islam.

Ini bererti bahwa tindakan memperhambakan tawanan perang bukanlah menjadi tradisi undang-undang Islam. Malah Islam tidak akan menggunakan tindakan itu selama pihak musuh tidak menggunakannya. Rasulullah sendiri telah bertindak membebaskan setengah-setengah tawanan di dalam Peperangan Badar tanpa bayaran tebusan diri. Sementara setengah-setengah tawanan itu dibebaskan dengan bayaran tebusan. Begitu juga Rasulullah pernah memulangkan tawanan-tawanan Kristian Najran dengan bayaran diat. Seluruh tindakan yang dilakukan Rasulullah itu ialah untuk dijadikan contoh bagi zaman depan manusia. Ketika mana mereka harus berusaha membebaskan diri mereka dan legasi-legasi mereka yang jelik dan harus berusaha mengawalkan keinginan-keinginan mereka yang liar agar mereka tetap teguh dengan dasar-dasar perikemanusiaan walaupun di medan pertempuran. Islam akan menjadi pihak yang pertama sekali mengalu-ngalukan perubahan itu.

Selain dari itu. tawanan-tawanan perang yang jatuh ke tangan tentera Islam telah diberi layanan-layanan yang baik dan berperikemanusiaan seperti yang telah kita perkatakan sebelum ini Mereka tidak mengalami penghinaan dan siksaan-siksaan. Begitu juga mereka telah dibuka pintu untuk membebaskan diri mereka apabila mereka ingin dan mempunyai kesanggupan untuk memikul tanggungjawab hidup mereka sendiri walaupun kebanyakan mereka sebelum menjadi tawanan perang itu masih dalam status hamba yang belum merdeka kerana mereka adalah abdi-abdi orang-orang Farsi dan Roman yang telah dihantar ke medan perang untuk menentang orang-orang Islam.

Berhubung dengan tawanan perempuan. Islam memberi layanan yang sebaik-baiknya kepada mereka. iaitu layanan yang tidak dapat dibanding dengan layanan yang diterima mereka di negeri-negeri yang bukan Islam. Kehormatan mereka tidak bebas dicabul secara hubungan zina oleh siapa saja seperti yang sering berlaku kepada tawanan-tawanan wanita di dalam peperangan peperangan. Malah tawanan-tawanan itu hanya dijadikan kepunyaan tuanmas mereka saja. tiada siapa pun selain dan tuanmas yang berhak meniduri mereka. Di samping itu mereka diberi hak membebaskan diri mereka dengan mukatabah. malah mereka akan menjadi manusia merdeka sebaik saja mereka melahirkan anak tuanmas mereka, demikian juga anak-anak mereka turut menjadi manusia merdeka Mereka sentiasa mendapat layanan-layanan baik seperti yang diarahkan oleh Islam.

Itulah kisah perhambaan di dalam Islam, satu kisah yang ditulis dalam satu lembaran sejarah manusia yang cemerlang.

Islam pada dasarnya tidak menyetujui perhambaan. Buktinya Islam berusaha membebaskan kaum abdi dengan bermacam macam cara dan mengeringkan segala suh supaya tidak mendapat nafas baru.

Cuma di sana terdapat satu keadaan darurat yang tidak dapat dielak oleh Islam, kerana keadaan itu bukan menyangkut pihaknya saja, malah menyangkut kerajaan-kerajaan dan kaum-kaum lain yang di luar kuasanya. Mereka telah memperhambakan tawanan tawanan Islam dan mengazabkan mereka dengan berbagai-bagai siksaan. Keadaan ini sudah tentu memerlukan balasan yang setimpal dan pihak Islam (sekurang-kurangnya dan segi dasar perhambaan, bukan dan segi layanan terhadap kaum abdi).

Keadaan ini telah memaksa Islam tidak dapat dengan sekaligus menghapuskan perhambaan hingga negeri-negeri lain yang menentang Islam itu bersetuju menghapuskan dasar perhambaan perang yang merupakan satu-satunya sumber perhambaan yang dibenarkan Islam. Sebaik saja persetujuan yang demikian tercapai, Islam akan kembali kepada dasar pokoknya yang ditandaskan dengan begitu lantang iaitu dasar kemerdekaan untuk semua dan dasar persamaan untuk semua.

Perhambaan-perhambaan yang berlaku di dalam beberapa babak sejarah Islam menerusi saluran-saluran yang lain dan saluran peperangan agama seperti perhambaan melalui jual beli dan colek-mencolek adalah tidak dihalal sama sekali oleh Islam. Perbuatan itu tidak benar dan tidak adil untuk dihubungkan kepada ajaran Islam sebagaimana tidak adilnya untuk dihubungkan dosa-dosa dan tindak-tanduk jahat pemerintah-pemerintah Islam han ini kepada Islam.

Dalam persoalan ini kita harus mengingatkan hakikat-hakikat berikut:

Pertama: Wujudnya berbagai-bagai sumber perhambaan di negeri-negeri yang lain tanpa didorong oleh keadaan-keadaan darurat. malah semata-mata didorongkan oleh nafsu ingin memperhambakan manusia dan nafsu ingin menjajah bangsa bangsa yang lain. Begitu juga di sana terdapat perhambaan kerana kemiskinan. perhambaan melalui keturunan-keturunan yang tertentu dan perhambaan kerana bekerja di tanah-tanah tertentu. Seluruh sumber perhambaan itu telah dihapuskan oleh Islam kecuali perhambaan melalui peperangan agama yang tidak dapat dielak oleh Islam. Ia dibenarkan semata-mata untuk keperluan tindakbalas yang setimpal tetapi perhambaan ini akan berakhir apabila keadaan tidak memerlunya lagi.

Keduá: Walaupun di Eropah terdapat banyak sumber sumber perhambaan yang wujud tanpa tekanan-tekanan keadaan darurat. namun orang-orang Eropah tidak pernah benar-benar membebaskan hamba-hamba abdi biarpun pada akhirnya mereka dengan sukarela membebaskan abdi-abdi itu. Penulis-penulis Eropah sendiri mengaku bahwa pembebasan abdi-abdi di Eropah berlaku apabila hasil-hasil pekerjaan mereka merosot akibah keadaan-keadaan hidup mereka yang buruk, kehilangan kegemaran dan kemampuan mereka untuk bekerja keras hingga perbelanjaan perbelanjaan sara hidup dan perbelanjaan mengawal abdi-abdi itu menjadi lebih besar dan pendapatan yang dihasilkan mereka. Jadi pembebasan abdi dalam keadaan yang sedemikian merupakan hasil dan perhitungan ekonomi semata-mata setelah dikira untung dan ruginya. Pembebasan itu sama sekali tidak mempunyai apa-apa erti perikemanusiaan yang benar-benar menjunjung kehormatan abdi sebagai manusia. sedangkan dasar inilah yang sepatutnya menjadi pendorong pembebasan kaum abdi. Selain dan itu pembebasan abdi di Eropah dilaksanakan setelah berturut-turut berlakunya pemberontakan. yang dicetuskan oleh kaum abdi dan ini menyebabkan usaha-usaha untuk terus memperhambakan mereka tidak mungkin dilaksanakan lagi.

Namun demikian kaum abdi di Eropah tidak juga dapat mencapai kemerdekaan mereka. Kedudukan mereka ditukar dan hamba tuanmas kepada hamba tanah. Mereka dijual beli bersama tanah dan diwajibkan bertani di tanah itu dan sama sekali tidak diizinkan meninggalkannya. Mana-mana abdi yang lari dari tanah itu akan ditangkap dan dikembalikan semula dengan kuatkuasa undang-undang ke tanah itu, di mana mereka disiksa dengan belenggu dan diselar dengan api.

Inilah bentuk perhambaan yang hidup terus di Eropah hingga akhirnya diberantaskan oleh Revolusi Perancis di abad yang kedelapan belas. iaitu setelah Islam selesai menetapkan dasar pembebasan kaum abdi selama lebih seribu seratus tahun terdulu.

Ketiga: Kita tidak seharusnya tertipu dengan nama-nama yang indah. Revolusi Perancis telah membasmikan perhambaan di Eropah. sementara Lincoln menghapuskan perhambaan di Amerika. kemudian seluruh negara mengambil kata sepakat untuk membatalkan perhambaan semuanya itu pada lahir saja sedangkan yang sebenarnya di manakah perhambaan yang telah dibasmikan itu? Apakah nama penindasan yang sedang berlaku di merata pelusuk dunia? Apakah nama penindasan yang dilakukan Perancis di Aljeria? Apakah nama diskriminasi yang dilakukan Amenika terhadap orang Negro? Dan apakah nama penindasan yang dilakukan oleh Inggenis terhadap orang-orang kulit hitam di Afrika Selatan?

Bukankah perhambaan itu bererti satu kaum menindas satu kaum yang lain. satu kaum merampas hak-hak halal satu kaum yang lain? Itulah erti perhambaan yang sebenar dan tiada erti yang lain lagi. Mengapakah kita tidak menamakan sesuatu itu dengan namanya yang sebenar? Mengapakah kita namakan perhambaan dalam bentuk-bentuk yang jelik ini sebagai kemerdekaan. persaudaraan dan persamaan? Apakah ertinya menggunakan nama-nama yang indah. sedangkan di belakangnya terdapat hakikat-hakikat penindasan yang paling jelik yang pernah dikenali manusia di dalam sejarah hidupnya yang panjang di dunia ini?

Islam telah memperlihatkan sikapnya yang terusterang dan tegas dalam apa yang diperjuangkannya. Islam menerangkan terus terang kepada orang ramai apakah yang dikatakan penhambaan. Apakah sebabnya yang tunggal dan bagaimanakah jalan yang terbuka kepada seseorang hamba untuk menuju kebebasan. Dan Islam juga menerangkan bahwa jalan untuk menghapuskan perhambaan itu memang ada dengan syarat semua negara mencapai kata sepakat tidak akan memperhambakan tawanan-tawanan perang.

Tetapi di dalam tamaddun falsu yang kita hidup dalam pelukannya hari ini tidak terdapat sifat terusterang dalam cara-cara dan tujuan-tujuan perjuangannya. Malah tamaddun itu cukup pintar memutarbelitkan hakikat-hakikat dan mengabui mata dengan slogan-slogan falsu yang disapu dengan cat-cat yang cantik dan menarik. Tamaddun itu telah membunuh beribu-ribu bumiputra Tunisia. Aljeria dan Morocco tanpa satu kesalahan kecuali kerana mereka tampil menuntut kemerdekaan. menuntut hak kehormatan insaniah. Menuntut hidup bebas dalam tanahair sendiri tanpa campurtangan asing. juga kerana mereka ingin berbicara dengan bahasa ibunda sendiri, menganut agama sendiri, berkhidmat kepada diri sendiri dan seterusnya kerana mereka ingin membuat hubungan-hubungan yang bebas dengan negara-negara di dunia untuk memutuskan persoalan-persoalan politik dan ekonomi yang dihadapi mereka. Kaum bumiputra yang tidak berdosa itu telah dibunuh dan ditutup di dalam penjara yang kotor tanpa makanan dan minuman, kehormatan mereka dicabul dan kaum wanita mereka dinodai dan dibunuh tanpa suatu kesalahan. Perempuan-perempuan yang mengandung dibelah perut untuk bertaruh samada kandungannya lelaki atau perempuan.

Inilah yang dinamakan tamaddun dan peradaban abad dua puluh dan inilah yang dinamakan penyebaran prinsip-prinsip kebebasan, persaudaraan dan persamaan. Sedangkan layanan layanan ideal dan murah hati yang dilakukan Islam terhadap kaum abdi sebelum tiga

belas abad yang lampau dengan tujuan untuk menghormati umat manusia dalam seluruh keadaan hidupnya. juga penjelasan Islam bahwa perhambaan itu merupakan satu kedudukan sementara bukannya satu kedudukan yang tetap. Maka semuanya telah dicapkan sebagai kemunduran. kekolotan dan kejakunan.

Tamaddun yang hipokrit itu juga tidak terperanjat ketika orang-orang Amerika meletakkan di hotel-hotel dan kelab-kelab mereka notis yang berbunyi. "Negro dan anjing tidak dibenarkan masuk" dan ketika segerombolan orang-orang kulit putih yang mengaku bertamaddun itu membunuh seorang Negro. mencampakkannya ke bumi dan menendangkan dengan kasut mereka hingga mati, sedangkan anggota-anggota polis berdiri beku tanpa bergerak dan bertindak untuk campurtangan. Mereka tidak merasa berkewajipan untuk menyelamatkan saudara senegara, sebahasa dan seagama terutama sekali sesama manusia. Semuanya itu kerana satu kesalahan iaitu si Negro yang berkulit hitam itu berani berjalan-jalan di samping seorang gadis kulit putih walaupun dengan pelawaan dan inisiatif gadis itu sendiri. Inilah puncak tamaddun dan kemajuan abad dua puluh

Sebagai perbandingan lihatlah ketika seorang abdi Farsi mengancam hendak membunuh Sayyidina Omar, sedangkan beliau benar-benar faham ma'ksud dan ancaman itu. beliau tidak berkata apa-apa. Si abdi itu tidak dipenjara dan tidak pula dibuang negeri. Malah beliau jauh sekali dan memerintah agar abdi itu dibunuh saja kerana ia adalah satu manusia hina yang menyembah api dan mempertahankan penyembahannya dengan degil walaupun ia telah melihat agama yang benar dengan mata kepalanya sendiri. Alangkah jakunnya Omar dan alangkah besarnya penghinaan beliau terhadap kehormatan manusia kerana ketika beliau diancam oleh hamba itu. beliau hanya berkata. "Si hamba itu mengancam hendak membunuhku", kemudian ia membiarkan hamba itu bergerak bebas dan akhirnya si hamba itu mendapat kesempatan membunuh beliau dan ketika itu barulah si hamba itu ditangkap dengari tuduhan membunuh Khalifah umat Islam. sedangkan sebeluni itu beliau tidak berhak untuk menangkapnya.

Di samping itu kita melihat pula kisah bangsa-bangsa berwarna di Afrika yang diharam menikmati hak-hak asasi manusia dan kisah-kisah mereka yang dibunuh dan diburu menurut istilah yang digunakan akhbar-akhbar Inggeris. Mereka diperlakukan sedemikian rupa kerana kesalahan mereka menyedari harga diri dan tampil dengan penuh keberanian menuntut kemerdekaan mereka. Inilah kemuncak keadilan Inggeris dan kemuncak tamaddun insaniah Barat, malah inilah prinsip-prinsip luhur yang memungkinkan kuasa-kuasa Eropah mengembangkan dominasinya ke atas negara-negara yang lain. Tetapi Islam adalah terlalu jakun kerana ia bertindak memperhambakan tawanan perang sebagai satu tindakan balas yang setimpal, bukan untuk menegakkan dasar perhambaan. Islam terlalu reaksioner dan begitu mundur hingga sanggup mengajar umatnya, "Hendaklah kamu patuh dan taat setia walaupun kamu diperintah oleh seorang hamba Habsyi yang berkepala seperti buah anggur.

Berhubung dengan kaum wanita, mereka mempunyai masaalah yang berbeda.

Islam menghalalkan tuanmas untuk memiliki hamba-hamba perempuan dari tawanan perang (Ada pun hamba-hamba perempuan yang dibeli di pasar-pasar hamba dan disimpan oleh Khàlifah-khalifah, amir-amir dan hartawan-hartawan Islam adalah terkeluar dan ajaran Is'am) dan dialah seorang sahaja yang dihalal menikmati hubungan jenis dengan mereka dan jika ia suka, ia boleh memilih antara mereka sebagai isteti. Eropah mencemuhkan peraturan ini tetapi ia tidak memandang jejek kepada cara kebinatangan yang menganggapkan hamba-hamba perempuan itu sebagai barang-barang yang halal kepada siapa saja dan sebagai tubuh-tubuh yang tidak punya kehormatan, tubuh-tubuh yang hanya bertugas untuk memenuhi keinginan hava waniah lelaki yang bertaraf binatang

Kesalahan Islam yang sebenar dalam persoalan ini ialah ia tidak dapat menghalalkan pelacuran. Di masa dulu perempuan. perempuan tawanan perang di negei-negeri yang lain tidak menjadi perempuan pelacur yang hina, kerana tiada seorang yang sanggup membela nasibnya dan kerana tuanmas-tuanmas yang menawan mereka tidak sedikit pun merasa terguris kehormatan diri mereka apabila mereka menjerumuskan perempuan-perempuan itu ke dalam kehidupan pelacuran yang keji. Malah tuanmas-tuanmas ini mendapat keuntungan dan perniagaan kehormatan yang kotor itu. Tetapi Islam yang dianggap reaksioner dan mundur itu tidak pernah menghalalkan pelacuran, malah Islam berusaha agar masyarakat bérsih dan dosa-dosa pelacuran. Islam menghalalkan perempuan-perempuan tawanan perang itu kepada tuanmas-tuanmas mereka saja, sedangkan tuanmas-tuanmas pula diwajibkan memberi makanan dan pakaian yang sewajarnya kepada mereka di samping menjaga mereka dan terjerumüs ke dalam dosa perzinaan. Mereka juga diwajibkan memberi kepuasan sex kepada hamba perempuan itu di samping memberi kepuasan sex kepada diri mereka sendiri secara terhormat.

Tetapi hati norani Eropah tidak sanggup menentang nafsu kebinatangan itu Kerana itu ia menghalalkan pelacuran dan memberikan perlindungan undang-undang, malah Eropah berusaha memajukan pelacuran di mana-mana saja negeri-negeni yang dijajahkan mereka. Jadi, yang berubah ialah nama perhambaan saja tetapi hakikat perhambaan masih tetap kekal. Perempuan yang melacurkan diri sama saja dengan hamba, mereka terpaksa memberi kepuasan sex kepada siapa saja yang meminta, sedangkan pelanggan-pelanggan yang datang itu tidak menaruh minat apa-apa terhadap perempuan-perempuan itu selain dan keinginan mencari kepuasan nafsu kebinatangan mereka yang liar. Tentulah tidak terdapat titik-titik pertemuan di antara pelacuran yang kotor dengan perhubungan yang bersih yang terdapat pada hamba hamba perempuan dengan tuanmas-tuanmas mereka di dalam Islam.

Islam selama-.lamanya bersikap terus-terang. Ia memanggil sesuatu dengan namanya yang betul, perhambaan dipanggil perhambaan, hamba-hamba perempuan dipanggil hamba-hamba perempuan kemudian ia menetapkan garis-garis layanan sewajar yang harus dilakukan terhadap mereka. Tetapi walau bagai manapun, Islam tidak pernah berkata bahwa perhambaan itu merupakan satu status yang tetap atau satu status yang sesual dengan kehormatan manusia di masa depan, malah perhambaan merupakan satu langkah atau tindakan darurat dalam peperangan yang akan berakhir apabila semua pihak bersetuju tidak akan memperhambakan tawanan-tawanan perang.

Tetapi tamaddun Barat yang falsu tidak mempunyai sikap terus terang seperti itu. Ia tidak berani mengatakan pelàcuran itu sebagai perhambaan, malah Ia mengatakan pelacuran itu sebagai satu keperluan masyarakat.

Mengapa pelacuran merupakan satu keperluan? Kerana lelaki Barat yang bertamaddun itu tidak mahu menanggung sara hidup siapa pun baik si isteri mahu pun si anak. Dia hanya ingin memuaskan nafsunya tanpa tanggungjawab. Dia inginkan tubuh perempuan untuk dicurahkan nafsu sexnya. Dia tidak peduli siapa perempuan itu. Dia tidak menghirau bagaimana perasaan perempuan itu terhadap dirinya dan bagaimana perasaan hatinya terhadap perempuan itu. Dia hanya mahukan tubuh perempuan semata-mata seperti binatang, sedangkan si perempuan pula menerima pelawaan itu bukan dan satu lelaki yang tertentu saja, malah ia menerimanya dan siapa saja yang lalu di jalan.

Inilah keperluan masyarakat yang menghalalkan perhambaan perempuan di negeri-negeri Barat di zaman moden ini sedangkan yang sebenarnya pelacuran sama sekali tidak merupakan satu keperluan masyarakat seandainya lelaki Barat itu dapat menghapuskan sitat-

sifat kebinatangan dan pementingan dirinya dan Sanggup untuk meningkat kepada taraf insaniah yang tinggi.

Kerajaan Barat yang telah bertindak menghapuskan pelacuran itu bukanlah kerana didorong oleh kehormatan yang terguris atau kerana didorong oleh kemajuan jiwa dan rohaniahnya yang menjejekkan pelacuran itu, malah kerana pelacur-pelacur amacer telah mengambil tempat pelacur-pelacur professional, di mana kerajaan tidak perlu lagi campurtangan.

Pun demikian, orang-orang Barat masih begitu nekad mengecam sistem jariah di dalam Islam, iaitu satu sistem yang telah berlangsung sejak sebelum seribu tiga ratus tahun yang lalu, satu sistem yang diakui untuk sementara waktu bukan untuk selama lamanya. dan walau bagaimanapun, sistem jariah di dalam Islam itu adalah jauh lebih mulia dan lebih murni dan sistem pelacuran yang berlangsung di abad dua puluh hari ini, satu sistem yang diakui tamaddun Barat sebagal sistem yang neceral, yang tidak dibantahi oleh sesiapa dan tiada siapa yang cuba membenterasnya. Malah tiada siapa yang membantah seandainya sistem ini terus berlangsung sehingga ke akhir zaman.

Mungkin ada orang yang cuba mempertahankan bahwa pelacur-pelacur amacer adalah menyerah diri mereka dengan sukarela tanpa dipaksa oleh sesiapa pun. Mereka memiliki sepenuh kebebasan yang halal bagi mereka. Tetapi di zaman dulu juga terdapat ramai kaum abdi yang menyerahkan kembali kemerdekaan yang telah dikurniakan kepada mereka dan secara sukarela menawar untuk menjadi hamba kembali tanpa dipaksa oleh sesiapapun. Walaupun begitu. kami tidak dapat menganggapkan kesukarelaan yang sedemikian sebagai satu sebab yang boleh menghalalkan perhambaan samada di dalam Islam atau di dalam sistem yang bukan Islam. Yang harus menjadi pokok perbincangan dalam menilaikan sesuatu sistem ialah samada atau tidak corak-corak ekonomi, sosial, politik, aliran fikiran dan kerohanian yang dicetuskan oleh sistem itu mendorong manusia menerima perhambaan atau menjerumus mereka ke dalam perhambaan. Dalam hubungan ini dapatlah dikatakan bahwa bentuk-bentuk tamaddun Eropah itulah yang telah mendorong manusia ke arah pelacuran samada pelacuran resmi atau pelacuran secara arnacer.

Itulah kisah perhambaan di negeri-negeri Barat sehingga ke abad dua puluh, iaitu perhambaan lelaki dan perempuan, perhambaan bangsa dan kaum, perhambaan yang lahir dan berbagai-bagai sumber dan sebab, perhambaan yang bukan wujud oleh tekanan keadaan darurat seperti yang pernah dialami Islam di masa lampau, malah perhambaan yang lahir akibat kehinaan jiwa orang-orang Barat dan keruntuhan moral mereka hingga ke taraf yang tidak sesuai dengan umat manusia

Di samping itu anda tidak payah memperkatakan tentang perhambaan negara-negara komunis yang telah memperbudakkan rakyat jelatanya hingga mereka tidak mempunyai kebebasan untuk memilih kerja dan tempat kerja yang disukai mereka. Begitu juga anda tidak usah memperkatakan tentang perhambaan kaum kapitalis terhadap kaum boroh di negeri-negeri Barat hingga mereka tidak mempunyai apa-apa kebebasan melainkan kebebasan memilih majikan yang memperhambakan mereka. Anda tidak payah menyinggung kedua-dua bentuk perhambaan itu, kerana di sana tentulah ada pendokong-pendokong dan penyolong penyokong masing-masing. Cukuplah dengan bentuk-bentuk perhambaan yang jelas yang kita telah bentangkan sekejap tadi iaitu perhambaan-perhambaan yang berlangsung atas nama tamaddun dan kemajuan masyarakat manusia.

Malah kini cukuplah bagi anda membuat kesimpulan sendiri adakah umat manusia dalam masa empat belas abad belakangan ini terus-menerus mencapai kemajuan yang gemilang tanpa bimbingan Islam, atau mereka terus-menerus mundur hingga hari di mana

mereka ini kembali memerlukan bimbingan Islam untuk mengeluarkan mereka dan kegelitaan hidup?

Islam dan Sistem Feudal

BARU-BARU ini (Cetakan pertama buku ini ialah pada tahun 1953) saya dengar seorang siswa mengemukakan sebuah tesis dalam mana ia membuktikan bahwa Islam adalah satu sistem feudalis dan dengan tesis itu ia telah berjaya mendapat ijazah M.A. Saya begitu terperanjat dan takjub terhadap siswa dan mahaguru-mahaguru yang memberi ijazah itu. Mungkin siswa itu jahil atau mempunyai niat yang tidak baik terhadap Islam. Tetapi mengapa pula mahaguru-mahaguru itu ikut terlibat sama? Mengapa mereka sanggup turun ke darjah yang begitu dangkal dalam memahami sistem-sistem masyarakat. ekonomi dan hakikat-hakikat sejarah?

Tetapi ketakjuban yang menyelubungi saya itu tidak lama kemudian hilang apabila saya terkenang siapakah sebenarnya para mahaguru yang mulia itu. Mereka adalah satu jenerasi yang telah dibentuk penjajah untuk menyesatkan jenerasi-jenerasi yang datang. Mereka adalah golongan yang dididik oleh Dunlop (Dunlop seorang pegawai Inggeris yang ditugaskan merancang dan melaksanakan dasar-dasar pelajaran di Mesir) dan dihantar ke Eropah untuk menambahkan ilmu pengetahuan mereka sedangkan yang sebenarnya pengiriman itu merupakan satu komplot untuk menjauh dan memencilkan mereka dan unsur-unsur kebudayaan dan keperibadian mereka yang sebenar, malah untuk menjadikan mereka jejek dan memandang rendah kepada diri mereka sendiri, memandang hina kepada sejarah mereka dan kepada agama mereka. Bertolak dan hakikat ini tidaklah kita takjub mengapa mereka sanggup melakukan penyelewengan sedemikian besar.

Sekarang marilah kita bincangkan apakah hakikat feudalisma dan apakah ciri-cirinya? Untuk tujuan ini kami kutipkan keterangan yang telah ditulis oleh Dr. Rasyid al-Barrawi dalam bukunya, "Sistem Sosialisnia". iaitu satu buku yang sudah tentu berpandukan kepada sumber-sumber rojokan Barat. Ketika memperkatakan tentang sistem feudalisma antara lain beliau menulis:

"Sistem feudalisma adalah satu cara penghasilan melalui perhambaan tanah serfdom. Menurut definisi mereka: Feudalisma adalah satu sistem di mana kaum pekerja yang menjadi pengeluar pengeluar secara langsung itu harus membayar kepada tuan tanah atau kepada wakilnya sebahagian dan faedah-faedah ekonomi yang tertentu samada berupa perkhidmatan-perkhidmatan atau 'berupa bayaran-bayaran dalam bentuk wang tunai atau barang-barang. Untuk lebih jelas baiklah kami terangkan bahwa masyarakat feudalisma itu adalah terbahagi kepada dua kelas manusia. Pertama golongan tuan-tuan tanah, kedua golongan yang mengerjakan tanah-tanah itu yang terdiri dari peladang-peladang, buruh-buruh tani dan kaum abdi.,walaupun golongan yang akhir ini merosot terus dengan cepatnya. Golongan kaum peladang yang menjadi pengeluar-pengeluar secara langsung itu mendapat hak memiliki seruang tanah yang dikerjakan menurut cara masing masing untuk mengeluarkan hasil-hasil yang dapat menyarakan hidup mereka, sedangkan di rumah-rumah pula mereka membuat perusahaan-perusahaan kecil yang ada kaitan dengan pertanian. Sebagai balasan dan faedah-faedah dan kemudahan-kemudahan itu, mereka diwajibkan melakukan kerja-kerja yang tertentu seperti menyumbangkan perkhidmatan mingguan di tanah-tanah kepunyaaan tuan tanah dengan menggunakan alat-alat dan binatang mereka masing juga menyumbang kan perkhidmatan tambahan di musim-musim menuai dan mempersembahkan hadiah-hadiah pada hari-hari perayaan istimewa. Seterusnya mereka diwajibkan mengisar hasil-hasil bijian mereka dan memerahkan hasil anggur di pengisar yang disediakan oleh tuan tanah.

"Di samping itu tuan tanah memegang kuasa-kuasa pemerintahan dan pengadilan terhadap penduduk yang tinggal dálam kawasan tanahnya dengan erti dialah yang berhak mengatur bentuk-bentuk kehidupan sosial dan politik di kawasan itu.

"……tetapi kaum peladang yang menjadi pengeluar yang sebenar itu bukanlah manusia merdeka dalam ertikata yang kita ketahui sekarang. Mereka tidak mempunyai hak milik yang nutlak di atas tanah-tanah yang dikerjakan mereka itu, kerana tanah-tanah itu tidak boleh dijual, diwarisi atau diberikan kepada orang-orang lain. Mereka terpaksa melakukan kerja-kerja tertentu di tanah-tanah kepunyaan tuan tanah walaupun bertentangan dengan kepentigannya. Mereka juga diwajibkan membayar cukai-cukai resmi tertentu dengan kadar yang tidak terbatas kepada tuan tanah sebagai tanda pengakuan kerakyatan mereka kepada tuan tanah. Apabila tanah-tanah itu berpindah ke tangan tuan tanah yang lain. Mereka juga turut berpindah bersama tanah dan satu tangan ke satu tangan. Mereka tidak mempunyai kebebasan untuk meninggalkan tanah itu atau untuk bekerja pada tuan tanah yang lain. Kaum peladang dalam sistem feudalis merupakan cincin tengah yang menyambung di antara kaum abdi di zaman-zaman pertengahan dengan kaum peladang yang bebas di zaman moden.

"…….dalam sistem feudalis, tuan tanahlah yang mempunyai hak mutlak dalam menentukan ruangan tanah yang akan diberikan kepada peladang dan dalam menentukan jenis-jenis kerja yang harus dilaksanakan oleh mereka. Dan seluruh keputusannya tidak terikat kepada peraturan-peraturan yang dijalankan oleh tuan tanah yang lain dan tidak pula tunduk kepada tuntutan kaum peladang."

Selanjutnya penulis itu berkata lagi. "Di abad ketiga belas telah terjadi satu gerakan perpindahan haram yang dilakukan oleh kaum peladang, iaitu satu gerakan yang terkenal sebagai. 'Pelarian kaum peladang' Sebagai reaksinya tuan-tuan tanah telah berusaha untuk mendapatkan kembali peladang-peladang yang lari itu. Satu perjanjian telah diadakan di antara tuan-tuan tanah supaya menangkap mana-mana kaum peladang yang lari dan memasuki kawasan-kawasan tanah mereka, tetapi usaha-usaha itu gagal apabila pelarian itu merupakan gerakan umum kaum peladang. Oleh kerana tuan-tuan tanah itu memerlukan kepada pekerja-pekerja untuk mengerjakan usaha-usaha pertanian. Maka penjanjian yang tercapai di antara tuan-tuan tanah tadi beransur ansur mansukh. Demikianlah gagalnya usaha-usaha tuan tanah yang ingin mengadakan kerjasama di antara mereka.

"Untuk mengatasi masaalah ini timbullah satu fikiran baru iaitu menghapuskan kerja-kerja paksa dan menetapkan upahan upahan tunai kepada kaum peladang. Dengan perubahan itu ramailah kaum peladang dapat menyimpan wang lebih hingga mereka dapat membeli kebebasan peribadi mereka dan anak-anak raja dan tuan-tuan tanah yang sedang menghadapi kesulitan kewangan. Walaupun ketika itu perubahan-perubahan sedemikian belum lagi menjadi tradisi umum hingga menjelang abad yang keempat belas. Namun yang pentingnya ialah bahwa sejak itu asas-asas masyarakat feudalis mulai beransur-ansur runtuh dan terus runtuh di abad-abad selanjutnya." (Dan buku "Al-Nizamul Isytiraki" di antara halaman 22 dan 33)

Itulah ciri-ciri feudalisma. Kami sengaja kutipkannya dengan detail agar kita mendapat gambaran yang jelas tentang feudalisma dan tidak terkeliru dengan ciri-ciri dan gejala-gejala lain yang mungkin sekali imbas kelihatan serupa. Berdasarkan ciri-ciri ini dapatlah kita bertanya bila dan dimanakah bentuk feudalisma yang seperti itu pernah berlaku di dalam sejarah Islam?

Mungkin juga setengah-setengah pengkaji terkeliru dengan satu gejala yang terdapat dalam masyarakat Islam di waktu itu dan gejala inilah yang digunakan oleh opurcunis-opurcunis untuk menaburkan kekeliruan di sekitar Islam. Gejala itu ialah wujudnya satu masyarakat Islam di satu ketika. di mana penduduknya terbahagi kepada kaum pemilik tanah dan kaum peladang yang bekerja di kawasan tanah-tanah itu Tetapi gejala ini hanya pada lahirnya saja kelihatan serupa dengan gejala feudalisma, sedangkan yang sebenarnya sama

sekali tidak serupa seperti yang dituduh mereka. Untuk menyenangkan kita membuat perbandingan di antara sistem feudalisma dengan sistem Islam marilah kita kembali mempelajari ciri-ciri asasi feudalisma yang benikut

Pertama: Adanya kerakyatan atau perhambaan tanah serfdom yang tetap.

Kedua: Adanya kewajipan tertentu yang harus dilaksanakan oleh kaum peladang terhadap tuan-tuan tanah, iaitu termasuk:

(1) Perkhidmatan paksa yang percuma sehari seminggu di dalam tanah-tanah tuan tanah.

(2) Perkhidmatan paksa percuma di musim-musim menuai.

(3) Persembahan hadiah-hadiah di hari-hari raya dan hari-hari besar di mana kaum peladang yang miskin mempersembahkan hadiah kepada tuan tanah yang kaya raya.

(4) Mengisarkan biji di pengisar yang disediakan oleh tuan tanah (di sini sengaja kita tidak sebutkan kewajipan memerahkan anggur-anggur di tempat pemerahan yang disediakan oleh tuan tanah kerana pembikinan arak diharam di dalam Islam).

Ketiga: Tuan tanah mempunyai hak yang mutlak dalam menentukan kadar kawasan tanah yang diberikan kepada setiap kaum peladang juga kadar perkhidmatan dan cukai yang dikenakan ke atas mereka.

Keempat: Tuan tanah mempunyai hak menjalankan pemerintahan dan pengadilan di atas kaum peladang yang mendiami tanahnya mengikut undang.undang dan peraturan pilihannya sendiri tanpa tertunduk kepada satu undang-undang umum yang tetap.

Kelima: Kaum peladang terpaksa membeli kemerdekaan dengan wang ketika sistem feudalisma mulai menghadapi keruntuhan.

Telitilah ciri-ciri feudalisma ini kemudian bandingkanlah dengan ciri-ciri yang terdapat di dalam sistem Islam. kerana sejarah Islam memang terbuka kepada semua orang.

Islam tidak mengenal peraturan perhambaan tanah yang tetap di luar daerah perhambaan. Kita telah pun menjelaskan asal usul perhambaan dan cara-cara untuk membebaskan diri darinya. Di dalam sistem Islam tidak terdapat perhambaan tanah. Islam hanya mengenal peraturan perhambaan yang lahir akibah peperangan saja dan bilangan hamba-hamba itu pula terlalu kecil jika dibandingkan dengan jumlah besar penduduk. Mereka bekerja di dalam tanah-tanah tuan tanah andainya mereka tidak dibebaskan secara sukarela atau andainya mereka tidak menuntut kemerdekaan mereka melalui mukatabah. Tetapi perhambaan di dalam Islam tidak sama dengan perhambaan tanah yang kekal yang terdapat dalam sistem feudalisma kerana dalam sistem feudalisma semua kaum peladang dan buruh tani bukan saja menjadi hamba rakyat kepada tuan tanah, malah menjadi hamba kepada tanah itu sendiri, yang mana mereka tidak dibenarkan meninggalkan tanah itu dan tidak pula mempunyai jalan keluar untuk membebaskan diri mereka dan kewajipan yang dipaksakan ke atas mereka oleh tuan-tuan tanah.

Jenis perhambaan dan kerakyatan yang sedemikian tidak terdapat di dalam sistem Islam, kerana pada dasarnya Islam tidak mengakui kehambaan dan kerakyatan kepada yang lain melainkan kepada Allah selaku pencipta hayat. Perbuatan memperhambakan diri kepada mana-mana makhluk Allah sama sekali tidak sesuai dengan mana-mana dasar Islam. Peraturan perhambaan yang terdapat di dalam sistem Islam hanya merupakan satu tindakan darurat untuk sementara waktu saja dan serentak dengan itu Islam bekerja dengan menggunakan segala sarana untuk menghapuskan perhambaan itu di samping menggalakkan kaum abdi itu

sendiri berusaha membebaskan diri mereka. juga Islam mewajibkan pemerintah memberi bantuan-bantuan dan penlindungan yang sewajar kepada mereka.

Dalam segi ekonomi Islam sama sekali tidak mendirikan struktur ekonominya di atas dasar memperhambakan manusia kepada manusia yang lain. Peraturan perhambaan yang wujud di dalam sistem Islam itu hanya merupakan satu masaalah kecualian seperti yang telah kita jelaskan sebelum ini. Islam memperlihatkan toleransinya terhadap peraturan perhambaan untuk beberapa waktu sehingga kaum abdi itu memperlihatkan kebebasan jiwa mereka dan kesanggupan mereka untuk memikul tanggungjawab sebagai manusia merdeka. Ketika itu Islam akan mengembalikan kemerdekaan kepada mereka.

Malah Islam membangunkan struktur ekonomi di atas dasar kebebasan bekerja. Dasar kerjasama sepenuh dan saling berkhidmat antara semua individu, sedangkan tugas pemerintah Islam pula ialah memberi bantuan kepada orang-orang yang mempunyai pendapatan kecil yang tidak membolehkan mereka untuk hidup lumayan dan kepada orang-orang yang tidak mampu bekerja kerana sebab-sebab yang tertentu. Selama setiap orang hidup di bawah jaminan dan perlindungan negara, maka tiada sebab buat sesiapa pun untuk memperhambakan dirinya kepada tuan-tuan tanah. sedangkan ia masih memiliki kebebasan dan kehormatan diri dan masih mempunyai jalan-jalan yang lain untuk memenuhi tuntutan-tuntutan hidupnya yang asasi.

Dan sini ternyatalah bahwa Islam, baik dan aspek rohaniah atau dari aspek ekonomi menentang sistem feudalisma dalam bentuknya yang terkenal itu. Islam datang untuk menyelamatkan manusia dan menjadi hamba tanah dan membebaskan mereka dan kedurjanaan tuan-tuan tanah.

Sejarah Islam tidak pernah mengakui adanya tanggungan-tanggungan dan komitmen-komitmen yang mengikatkan kaum peladang untuk faedah tuan-tuan tanah. malah tidak pernah berlaku dalam sistem Islam bahwa seseorang itu diwajibkan melaksana tugas-tugas ‘atau komitmen -komitmen tertentu terhadap tuan-tuan tanah, kerana Islam tidak mengakui sistem perhambaan kepada tuan tanah. Malah Islam mengadakan asas perhubungan yang bebas di antara kaum peladang dengan tuan-tanah.

Satu-satunya bentuk perhubungan di antara kaum peladang dan tuan tanah yang diakui Islam ialah menyewa tanah atau berpawah. Mengikut peraturan ini seseorang peladang itu bebas untuk menyewa sebanyak mana tanah yang dimampukannya dan dengañ sewaan itu ia mempunyai sepenuh kebebasan untuk mengerjakan tanah itu di atas perbelanjaannya sendiri. Sedangkan seluruh hasilnya akan dinikmati olehnya, atau si peladang itu berpawah dengan tuan tanah. Dalam mana tuan tanah menanggung semua perbelanjaan pertanjan. Sedangkan pihaknya menyumbangkan tenaga kerja dan hasilnya dibahagikan sama banyak di antara keduanya pada akhir tahun.

Di dalam kedua-dua peraturan sewa dan berpawah itu tidak terdapat komitmen-komitmen atau tugas secara paksa yang harus dilaksanakan oleh peladang untuk faedah tuan-tuan tanah. Begitu juga tidak terdapat sebarang peraturan eksploitasi atau sebarang khidmat percuma. Malah kedua-dua peraturan itu merupakan komitmen yang mengikatkan kedua-dua belah pihak yang diakui sama tarafnya dan segi kebebasan, hak-hak dan kewajipan.kewajipan Pertama si peladang itu bebas untuk memilih mana-mana tanah yang akan disewakannya dan bebas pula memilih mana-mana tuan tanah yang akan dipawahinya. Kedua ia bebas mengadakan rundingan dengan tuan tanah dalam menentukan kadar sewa. Andainya sewaan dan pawahan itu tidak mendatangkan keuntungan ia berhak pula untuk tidak bekerja di tanah itu. sedangkan tuan tanah tidak berhak untuk memaksakan sesuatu pun terhadapnya. Apabila ia rela berpawah maka ia dan tuan tanah akan menikmati hak-hak yang sama dan segi undang

undang dan keuntungan dan pawahan itu adalah dibahagi sama banyak di antara kedua pihak itu.

Tidak seperti yang berlaku di dalam sistem feudalis, di dalam sistem Islam kita melihat pihak tuan-tuan tanah yang kaya- itulah yang menyampaikan kepada peladang-peladangnya berbagai-bagai hadiah dan pemberian di hari-hari raya dan hari-hari besar terutama di bulan Ramadhan, iaitu satu bulan yang amat mulia di sisi umat Islam, di mana berlakunya kunjung mengunjung di antara kaum kerabat dan kawan-kawan teman, dan diadakan jamuan-jamuan yang dapat mengumpulkan kaum kerabat dan sahábat-sahabat yang jauh dan dekat, dan dapat membantukan orang-orang yang miskin. Tentulah satu hal yang logik dan rasional jika pihak yang kaya mengadakan hadiah-hadiah dan pemberian-pemberian kepada pihak yang miskin dan bukan pihak yang miskin yang diwajibkan memberi hadiah-hadiah kepada yang kaya seperti yang berlaku di dalam sistem feudalis Barat.

Mengikut tradisi di negeri-negeri Islam, tuan-tuan tanah tidak berhak memaksa kaum peladang yang hidup di dalam tanah meneka menggunakan pengisar-pengisar yang disediakan mereka, malah kaum peladang bebas mengadakan pengisar-pengisar itu untuk mencari rezeki mereka.

Dari sini dapatlah kita melihat bahwa komitmen-komitmen atau tugas-tugas yang diatur dalam bentuk eksploitasi atau buruh paksa itu tidak terdapat di dalam sistem Islam. Malah Islam mengaturkan satu perhubungan yang bebas yang berdasarkan saling menghormati dan persamaan taraf yang mutlak di antara kaum peladang dan tuan tanah.

Seandainya di dalam sistem feudalis Barat kita melihat tuan-tuan tanah melaksanakan tugas-tugas memberi perlindungan kepada kaum peladang dengan mengambil bayaran dalam bentuk bentuk eksploitasi atau buruh paksa, maka di dalam sistem Islam kita melihat tugas-tugas itu dilaksanakan secara sukarela oleh hartawan-hartawan Islam tanpa suatu bayaran, kerana mereka menganggapkan tugas-tugas itu sebagai ibadat mereka kepada Allah. Inilah titik perbedaan yang besar di antara sistem hidup yang berdasarkan akidah-akidah yang luhur dengan sistem hidup yang kosong dan akidah-akidah. Dalam sistem yang pertama kita melihat perkhidmatan-perkhidmatan sosial merupakan satu bentuk ibadat manusia kepada Allah, sedangkan di dalam sistein yang kedua kita melihat perkhidmatan-perkhidmatan sosial itu merupakan satu amalan perniagaan, di mana setiap pihak cuba mendapatkan keuntungan yang sebanyak dan membayar sekecil-kecilnya, akibahnya pihak yang paling banyak mendapat keuntungan ialah tuan-tuan tanah yang kuat bukannya kaum peladang yang berhak.

Begitu juga dasar memberi hak yang mutlak kepada tuan tanah untuk menentuk kawasan-kawasan taüah yang akan diberikan kepada kaum peladang dan jenis-jenis perkhidmatan yang wajib dilakukan kaum peladang yang menjadi ciri yang ketiga dan sistem feudalis Barat adalah tidak terdapat di dalam sistem Islam. Dasar itu memang sesuai dengan konsep ketuanan dan perhambaan tanah yang didokong di Barat, tetapi bertentangan dengan konsep Islam yang berdasarkan akidah-akidah yang luhur yang menentang konsep ketuanan tuan tanah dan konsep perhambaan tanah.

Menurut sistem Islam, asas yang menentukan kadar luas sempit tanah yang akan disewa oleh Peladang itu ialah kemampuan kewangannya dan kemahuannya yang bebas, sedangkan peraturan perkhidmatan di dalam kawasan tanah itu pula ialah "Dan peladang untuk peladang". Di dalam hubungan ini pihak tuan tanah tidak mempunyal hak-hak yang lain selain dari hak menuntut bayaran sewa.

Dalam peraturan pawah pula, kadar luas tanah yang akan dikerjakan oleh peladang itu adalah bergantung kepada kekuatan tubuh badannya dan kepada bilangan tenaga kerja yang dimilikinya dan yang biasanya terdiri dari anak-anak. Apabila perjanjian pawah itu telah

dipersetujui, satu-satunya tugas pihak peladang ialah melaksanakan segala kerja-kerja yang perlu di kawasan tanah yang dianggap sebagai milik bersama itu sehingga tanah-tanah itu mengeluar hasil-hasilnya. Ia tidak boleh dipaksa bekerja dalam kawasan-kawasan tanah milik tuan tanah yang tidak fermasuk di dalam perjanjian pawah tanah itu.

Segi perbedaan yang paling penting di antara sistem feudalis dan sistem Islam ialah dalam sistem feudalis tuan tanah menikmati hak menjalankan pemerintahan dan pengadilan terhadap penduduk-penduduk tanahnya. Dialah yang berhak mengatur dan menentukan bentuk kehidupan sosial dan politik di kawasan itu, sedangkan hak-hak yang sedemikian tidak terdapat di dalam sistem Islam.

Di masa itu negeri-negeri Eropah tidak mempunyai satu undang-undang umum yang konkrit mengenai hubungan kaum peladang dengan tuan tanah. Hinggakan undang-undang Roman yang kemudian menjadi asas seluruh perundangan di negeri-negeri Eropah itu juga telah memberi hak memerintah yang mutlak kepada tuan-tuan tanah di dalam kawasan-kawasan tanah milik mereka. Merekalah yang membuat undang-undang, melaksanakan udang-undang dan menjalankan pengadilan di atas penduduk penduduk tanah mereka. Di tangan mereka terkumpul seluruh kuasa, laitu kuasa perundangan, kuasa pengadilan dan kuasa pelaksanaan undang-undang sehingga setiap feudalis di waktu itu seolah-olah merupakan satu kerajaan dalam kerajaan, di mana kerajaan yang sebenar tidak berhak untuk campur tangan dalam urusan-urusan kawasan tanahnya selama ia menunaikan pembayaran-pembayaran cukai dan memikul tugas-tugas ketenteraan di waktu-waktu yang diperlukan.

Keadaan-keadaan yang sedemikian tidak terdapat di dalam sistem Islam, kerana Islam di waktu-waktu itu mempunyai satu kerajaan pusat yang menjalankan undang-undang umum yang konkrit di selunuh wilayah pemerintahannya. Semua hakim-hakim dilantik oleh kerajaan pusat dan diberi kuasa yang bebas untuk menjalankan pengadilan dalam batas ikhtisas masing-masing, tiada siapa yang boleh mengganggu pengadilan mereka kecuali mereka melakukan kesilapan atau menyalahgunakan kuasa mereka Walaupun ketika bentuk pemerintahan Islam telah berubah kepada bentuk pemerintahan beraja yang diwarisi, iaitu satu bentuk pemerintahan yang bertentangan dengan Islam, namun ciri-ciri sistem pemerintahan Islam tetap terpelihara. Misalnya kerajaan masih tetap mempunyai kuasa yang tertinggi di atas semua orang yang hidup dalam wilayah-wilayah takluknya dan undang-undang negara dipatuhi di segenap tempat dan cara pelaksaannya sama saja kepada semua orang yang hidup di merata pelusuk negara. Tiada perbedaan undang kecuali perbedaan pentafsiran yang kadang berlaku di antara para ahli undang Hal ini adalah berlaku páda setiap undang-undang di dunia ini.

Dengan adanya undang yang satu dan menyeluruh itu, maka tuan-tuan tanah tidak lagi berpeluang untuk membuat undang sesuka hati sendiri untuk memerintah kaum peladang yang hidup dalam kawasan tanah mereka, malah undang undang yang harus dikuatkuasakan di sana ialah undang yang diatur oleh Allah untuk semua lapisan manusia tanpa sesuatu perbedaan pun samada di antara tuan tanah dan peladang yang kedua-duanya merdeka atau di antara hamba dan tuanmas, di mana seseorang menjadi milik kepada seseorang yang lain kerana sebab-sebab darurat.

Bagaimanapun tidaklah dapat dinafikan bahwa di dalam sejarah Islam terdapat kes-kes, di mana beberapa hakim telah membuat keputusan-keputusau yang bertentangan dengan undang undang dan dhamirnya sendiri dengan tujuan untuk membela kepentiñgan feudalis atau pemerintah-pemerintah, tetapi kes-kes yang sedikit itu tidak seharusnya dipandang sebagai satu dasar umum, kerana kes-kes itu adalah bertentangan dengan kenyataan-kenyataan sejarah Islam yang sebenar yang memang diakui oleh orang-orang Barat sendiri. Begitu juga

kes-kes itu tidak dapat dipegang begitu saja dengan menepikan semua contoh contoh pengadilan Islam lain yang cemerlang, di maña hakim-hakim telah membuat keputusan yang tegas mempertahankan hak orang-orang yang miskin yang kadang-kadang bukan saja bertentangan dengan kepentingan feudalis atau kepentingan gabnor atau kepentingan menteri, malah kadang-kadang bertentangan dengan kepentingan khalifah sendiri yang memegang tampuk kekuasaan dan pemerintahan Walaupun demikian, hakim-hakim itu tidak juga dipecat atau dibatas dendam oleh pemerintah.

Demikian juga di dâlam sejarah Islam tidak terdapat gerakan pelarian dalam kalangan kaum peladang seperti yang terjadi di Eropah. kerana Peladang-peladang di negeri Islam di zaman itu adalah bebas bukan saja untuk berpindah dan satu kawasan pertanian ke satu kawasan pertanian yang lain, malah bebas berpindah dan satu negeri ke satu negeri yang lain dalam sempadan empayer Islam yang luas saujana itu. Tiada suatu pun yang menghalangi kebebasan berpindah kecuali kemahuan peladang peladang itu sendiri yang ingin menetap di satu kawasan tanah yang tertentu seperti yang dilakukan oleh kaum peladang di negeri Mesir, sedangkan kaum peladang di lain-lain negeri Islam kurang mempunyai perasaan terikat dengan kawasan bumi yang tertentu, malah mereka lebih aktif berpindah dan satu kawasan ke satu kawasan. Tiada satu pun balangan yang menyekat perpindahan mereka seperti yang dialami oleh peladang-peladang di negeri Eropah yang terikat dengan sistem-sistem perhambaan bumi dan berbagai-bagai tugas yang diwajibkan ke atas mereka oleh feudalis-feudalis. Di peringkat akhir sejarah feudalis Eropah, kaum peladang terpaksa membeli kemerdekaan mereka dengan harta. Peristiwa yang sedemikian tidak pernah berlaku di dalam sejarah umat Islam, sebabnya kerana seluruh mereka adalah manusia manusia merdeka yang tidak perlu lagi membeli kemerdekaan.

Selain dan itu di dalam negeri-negeri Islam di zaman itu terdapat banyak estate-estate kecil yang dimiliki orang-orang perseorangan yang dapat menampung keperluan-keperluan hidup mereka di sampmg wujudnya berbagai-bagai peluang pekerjaan di darat dan di laut dan di berbagai-bagai perusahaan yang terkenal di zaman itu. Kemudahan-kemudahan hidup yang sedemikian dengan sendirinya menjadikan negara Islam di waktu itu terhindar dan bentuk hidup feudalis yang gelap gelita yang telah menyelubu ngi negeri-negeri Eropah di Zaman-zaman Tengah itu. Sistem feudalis inilah yang bertanggungjawab menyebarkan kegelapan fikiran dan kejahilan rohaniah di negeri-negeni Eropah yang pada akhirnya dapat diselamatkan apabila negeri-negeri itu berhubung dengan negeri Islam, iaitu sekali melalui Peperangan-peperangan Salib dan sekali pula melalui negeri Andalusia. Perhubungan-perhubungan ini telah membuka mata Eropah dan membawanya ke zaman renaissance dan sejak itu mulailah Eropah merangkak keluar dan alam fikiran yang gelap kepada alam fikiran yang benderang.

Bertolak dan hakikat-hakikat ini dapatlah kita melihat bahawa sistem feudalis tidak pernah tegak di negeri-negeri Islam selama Islam dijadikan dasar pemerintahan di negeri-negeri itu. Islam dengan dasar-dasar rohaniah, dengan sistem ekonomi, dengan akibah-akibah dan undang-undangnya tidak mengizinkan wujudnya sistem feudalis. Bukan sekadar itu saja, malah Islam bertindak melenyapkan sarana-sarana yang membawa kepada sistem itu. Gejala-gejala yang seakan-akan sistem feudalisma yang dilihat di zaman pemerintahan keluarga diraja Umaiyah dan Abbasiah hanya terbatas di beberapa kawasan saja dan tidak pernah berkembang menjadi ciri kehidupan seluruh masyarakat Islam di zaman itu.

Sistem feudalis yang sebenar hanya wujud di negeri-negeri Islam di zaman moden saja, iaitu di akhir pemerintahan Empayer Osmani, di mana akidah-akidah Islam telah kekeringan pada hati umat Muslimin, dan di mana kuasa-kuasa politik dipegang oleh orang-orang yang tidak mengenal Islam kecuali namanya saja seperti khalifah-khalifah Osmani, Muhammad Ali al-Kabir dan anak-anaknya dan seterusnya raja-raja di negeri Arab. Keadaari itu semakin buruk

lagi apabila faham kebendaan Eropah yang tidak bertuhan itu mencengkam negeri-negeri Islam melalui berbagai-bagai bentuk penjajahan. Faham kebendaan itulah yang telah merusakkan semangat kedermawanan, kerjasama dan tolong menolong di dajam masyarakat Islam dan melahirkan satu bentuk hidup, di mana orang-orang kaya melakukan eksploitasi-eksploitasj yang jelik dan di mana orang-orang miskin ditindas dan diperhamba di estate-estate diraja dan estate-estate anak-anak raja dan sebagainya dan feudalis-feudalis besar.

Sistem feudalis yang diimpot dan negeri Eropah masih lagi hidup di setengah.setengah negeni Islam yang belum dilandai revolusi Islam.. Bagaimanapun, sistem hidup yang wujud di negeri-negeri itu bukanlah sistem hidup Islam, dan Islam sama sekali tidak bertanggungjawab di atas kemunculan sistem ini, kerana Islam hanya boleh dipertanggungjawabkan apabila ia benar-benar memegang tampuk pemerintahan negeri-negeri itu.

Sebetulnya undang-undang yang sebenar memerintah negeri negeri Islam hari ini ialah undang-undang Barat yang dibawa oleh segolongan manusia yang mendapat pendidikan kaum penjajah.

Mereka begitu setia mendokong undang-undang itu sama seperti setianya kaum abdi mendokong perhambaan.

Dan perbincangan tadi dapatlah diámbil beberapa kesimpulan yang berguna di saat kita meninjau pergolakan ideoloji-ideoloji dan isma-isma yang sedang bersemarak hari ini di dunia moden. Di antara kesimpulan- kesimpulan itu:

Pertama: Faktor hak milik atau ownership itu tidaklah dengan sendirinya mesti melahirkan feudalisma tanpa kemahuan manusia, tetapi yang melahirkan feudalisma ialah cara milik dan bentuk perhubungan yang wujud di antara tuan-tuan tanah dengan yang bukan tuan-tuan tanah. Kerana itu di dalam negeri-negeri Islam kita melihat adanya hak milik, tetapi tidak adanya feudalisma, kerana sistem Islam baik dan segi teori dan praktik telah mengaturkan perhubungan-perhubungan di antara orang ramai dalam bentuk yang tidak mengizinkan terdirinya sistem feudalis.

Kedua: Berlakunya sistem feudalis di negeri-negeri Eropah bukanlah kerana sistem feudalis itu merupakan satu feudalis ekonomi yang neceral yang mahu tidak mahu harus dilalui umat Eropah, malah terjerumusnya negeri-negeri Eropah ke dalam sistem itu adalah disebabkan kerana tidak adanya satu sistem atau satu akidah yang bertugas mengawal keinginan-keinginan orang ramai dan mengatur perhubungan-perhubungan yang wajar di antara mereka. Seandainya sistem dan akidah yang sedemikian itu wujud seperti di negeri-negeri Islam tentulah perhubungan-perhubungan ekonomi dapat diatur dengan baik dan tentulah tingkat perkembangan ekonomi tidak akan merupakan satu kekuatan jabriah yang mengongkong fikiran dan perasaan orangramai hingga tidak lagi dapat dipertingkatkan dan dibimbingkan ke arah kebebasan.

Ketiga: Susunan tertib tingkat-tingkat perkembangan ekonomi, iaitu dan tingkat masyarakat komunis yang pertama, kepada tingkat perhambaan, tingkat masyarakat feudalis, tingkat masyarakat kapitalis dan akhirnya kepada tingkat masyarakat komunis yang Acedua seperti yang telah ditandaskan oleh teori kebendaan dialektik sebagai tingkat-tingkat perkembangan biasa yang harus dilalui oleh setiap masyarakat manusia itu adalah sebenarnya hanyá berlaku di negara-negara Eropah saja, sedangkan di negeri-negeri yang lain tingkat-tingkat perkembangan itu tidak semestinya berlaku sedemikian. Dan kita telah pun melihat bahwa negeri Islam tidak pernah melalui tingkat masyarakat feudal dalam sejarah perkembangannya dan tidak akan melalui tingkat masyarakat komunis di akhir perkembangan sejarahnya nanti.

Islam Dan Kapitalisma

KAPITALISMA tidak sempat tumbuh di negeri-negeri Islam di zaman lampau, kerana pertumbuhan kapitalisma adalah berlangsung setelah wujudnya rekaan-rekaan alat-alat jentera.

Dan ini telah berlaku di Barat secara kebetulan. Kami katakan, "Secara kebetulan" kerana rekaan alat-alat jentera itu mungkin lahir di tangan umat Muslimin Arab di Andalusia seandainya kerajaan Islam dapat terus berdiri tegak di sana dan tidak dibunuh oleh kefanatikan agama Kristian dan kezaliman-kezaliman mahkamah Inquisasi (Inquisation mahkamah-mahkatnah yang ditubuh khusus untuk menyiasat dan menghukum orang-orang yang bertentangan dengan kepercayaan-kepercayaan Kristian) yang paling jelik di dalam sejarah dunia ini, di mana berlakunya penindasan-penindasan yang kejam akibah perbedaan kepercayaan, dan kegiatan mahkamah-mahkamah itu pada hakikatnya adalah ditujukan kepada orang-orang Islam.

Kemajuan ilmiah di Andalusia di waktu itu sedang berkembang ke arah penciptaan alat-alat jentera, tetapi malangnya pergolakan politik di waktu itu telah menyebabkan umat Muslimin terusir dan Andalusia dan mengakibahkan kemajuan ilmiah di sana terbantut selama beberapa abad hingga Eropah bangkit dan tidurnya dan mendokong kembali ilmu-ilmu pengetahuan yang dirintis oleh umat Muslimin bersama-sama ilmu-ilmu Greek yang dipelihara oleh universiti-universiti Islam, dan berkat ilmu-ilmu pengetahuan inilah Eropah dapat meluncur maju menuju ke arah penciptaan alat-alat jentera.

Sebetulnya kapitalisma adalah diimpot ke negeri-negeri Islam ketika negeri-negeri itu dijajah oleh kuasa-kuasa Barat dan ketika umat Islam tenggelam di dalam kemiskinan, kejahilan, penyakit dan kemunduran. Kemudian sistem itu perlahan-perlahan berkembang menurut hukum-hukum evolusi. Oleh kerana itu setengah-tengah orang menyangka bahwa Islam telah menerima bulat-bulat sistem kapitalisma, dan bahwa di dalam Islam tidak terdapat peruntukan undang-undang dan peraturan-peraturan yang menentang kapitalisma, kerana Islam sendiri mengharuskan "Milik peribadi" yang kemudian beransur-ansur berubah menurut perkembangan ekonomi dunia kepada "Milik kapitalis". Tegasnya menurut mereka selama Islam menerima dasar "Milik peribadi" maka tentulah bérerti ia menerima kapitalisma yang lahir dan dasar itu.

Untuk menjawab tuduhan itu dapatlah kita menunjukkan kepada satu hakikat yang jelas, yang diketahui oleh semua orang yang mempelajari ekonomi iaitu sistem kapitalisma tidak dapat subur dan tegak dengan bentuknya yang ada sekarang ini tanpa amalan riba dan monopoli, sedangkan kedua-dua amalan itu telah diharamkan oleh islam selama lebih seribu tahun sebelum lahirnya sistem kapitalisma.

Supaya kita tidak bergopoh-gapah menjawab tuduhan itu, marilah kita bincangkan lebih jauh sedikit, iaitu seandainya penciptaan alat-alat jentera telah berlaku di dalam dunia Islam di zaman dulu, bagaimana Islam akan menghadapi perkembangan perkembangan ekonomi yang timbul akibah dan penciptaan alat-alat jentera itu dan bagaimana Islam akan mengatur undang undang dan peraturannya mengenai masaalah-masaalah kerja dan pengeluaran?

AhIi-ahli ekonomi termasuk mereka yang menentang sistem kapitalisma terutama Karl Marx mempunyai pendapat yang sama dan sebulat bahwa kapitalisma pada permulaan lahirnya merupakan satu bentuk perkembangan ekonomi yang telah membawa kemajuan yang 'besar dan membeni perkhidtnatan-perkhidmatan yang luas kepada manusia dalam segala bidang hidup mereka. Misalnya kapitalisma telah menambahkan hasil produksi, memajukan alat-alat perhubungan dan pengangkutan. mengeksploitasi sumber-sumber bahan mentah

dalam rangka yang luas dan mengangkatkan taraf hidup kaum pekerja kepada satu taraf yang lebih tinggi dibandingkan dengan taraf hidup ketika mereka bergantung sepenuhnya kepada usaha pertanian.

Tetapi gambaran kapitalisma yang cemerlang ini tidak berlanjutan lama kerana perkembangan neceral dan kapitalisma telah mengakibahkan penimbunan kekayaan pada tangan kapitalis kapitalis dan kemerosotan kekayaan yang nisbi pada kaum pekerja. Keadaan sedemikian telah mendorong kaum kapitalis mempergunakan kaum pekerja yang dipandang óleh komunis sebagal pengeluar yang hakiki untuk mengeluarkan sebanyak-banyak hasil dengan upah yang kedil yang tidak dapat memberikan kepada mereka satu kehidupan yang lumayan, sedangkan kaum kapitalis membolot semua keuntungan hingga membawa mereka bergelumang dalam kehidupan mewah makmur yang fasik.

Di samping itu kekerdilan upah yang didapati oleh kaum pekerja menyebabkan mereka tidak mampu membeli atau mengguna semua hasil-hasil kilang kaum kapitalis. Seandainya kaum pekerja dapat membeli atau menggunakan semua atau sebahagian besar dan hasil produksi itu tentulah kaum kapitalis tidak mendapat keuntungan atau mengalami kemerosotan keuntungan. Hal ini tentulah tidak disukai kapitalis-kapitalis kerana tujuan produksi mereka ialah untuk mendapat keuntungan, bukan untuk maksud semata-mata penggunaan. Keadaan ini telah menyebabkan terjadinya kelebihan produksi yang bertimbun timbun dan setahun ke setahun hingga negeri-negeri kapitalis mahu tidak mahu terpaksa berusaha mencani pasaran-pasaran baru untuk disalurkan hasil-hasil pengeluarannya yang berlebih-lebihan itu. Dan kemuncak dan usaha-usaha itu telah melahirkan penjajahan-penjajahan dan perebutan pasaran dan bahan-bahan mentah hingga menimbulkan peperangan-peperangan yang menjahanamkan semua pihak.

Selain dan itu, sistem kapitalisma selalu terdedah kepada krisis-krisis berkala akibah kemelesetan atau depresi yang disebabkan oleh kekecilan upah dan sedikitnya penggunaan dunia terhadap barang keluaran yang berlebth-lebihan itu.

Setengah-setengah propagandis faham kebendaan dan pendokong-pendokong faham jabriah ekonomi merujukkan seluruh masaalah-masaalah keburukan sistem kapitalisma kepada watak semulajadi modal itu sendiri bukan kepada niat-niat yang buruk dan keinginan eksploitasi yang gelojoh dan kaum kapitalis. Ini adalah satu cara berfikir yang anih yang seolah-olah telah menjadikan manusia dengan seluruh fikiran dan perasaannya sebagai makhluk pasif yang tidak mempunyai sebarang daya dan kudrat untuk menghadapi kekuatan ekonomi.

Walau bagaimanapun, marilah kita kembali kepada pokok perbincangan apakah sikap Islam seandainya sistem kapitalisma tumbuh di dunia Islam di zaman dulu? Pertama-tama Islam tentulah tidak menentang atau menghalangi segi-segi kebaikan sistem kapitalisma yang telah membawa kemajuan dan kebajikan kepada umat manusia pada peningkat pertama pertumbuha seperti yang telah ditegaskan oleh ahli-ahli ekonomi termasuk Karl Marx sendiri, kerana Islam sama sekali tidak menentang sebarang kebajikan untuk umat manusia, malah tugas Islam yang abadi ialah menyebarkan kebajikan ke seluruh pelusuk alam.

Tetapi Islam tidak akan membiarkan sistem kapitalisma bebas lepas sesukanya tanpa mengadakan undang-undang dan peraturan untuk menyelaraskan perhubungan-perhubungan kerja dengan pengeluaran dan untuk membasmikan unsur-unsur eksploitasi yang jelik samada akibah dan sikap tamak kaum kapitalis atau akibah dan watak semula jadi modal itu sendiri.

Dasar perundangan Islam dalam perkara ini ialah memberi hak kepada pekerja untuk mengongsikan keuntungan bersama sama pemodal. Dalam hubungan ini Islam telah mendulul seluruh kerajaan.kerajann kapitalis yang lain. Menurut setengah ahli perundangan Maliki,

seseorang pekerja berhak mendapat keuntungan yang sama banyak apabila pemodal itu menyediakan seluruh modal yang diperlukan dan pekerja memberikan seluruh tenaga kerja. Tegasnya Islam menganggapkan usaha pemodal untuk menyediakan modal sama dengan usaha pekerja untuk menghasilkan pengeluaran, dan berdasarkan hakikat ini kedua-dua pihak berhak mendapat bahagian keuntungan yang sama banyak.

Dan apa yang disebutkan tadi ternyatalah bahwa Islam memandang berat kepada dasar keadilan dan dalam kontek ini Ia telah mendului sistem-sistem yang lain samada di bidang pemikiran atau pelaksanaan.

Di samping itu, dasar keadilan yang diperjuangkan Islam adalah satu dasar yang diwujudkan secara sukarela bukan kerana dipaksa oleh tekanan keadaan-keadaan ekonomi dan bukan pula sebagai hasil dan pertentangan kelas yang dianggap oleh setengah setengah doktrin ekonomi sebagai satu-satunya faktor yang berkesan dalam perkembangan hubungan-hubungan ekonomi.

Pada peringkat permulaan, perusahaan-perusahaan hanya berupa perusahaan-perusahaan tangan yang simpal yang aikerja kan oleh segelintir pekerja di bengkel-bengkel yang simpal saja, kerana itu, undang-undang dan peraturan Islam yang telah kami sebutkan tadi setakat itu saja pun sudah cukup untuk mengaturkan hubungan-hubungan di antara kerja dan modal di atas satu lunas keadilan yang tidak pernah diimpikan oleh Eropah di sepanjang sejarahnya.

Tetapi undang-undang dan peraturan Islam mengenai hubungan kerja dan modal hanya terhenti setakat itu saja, kerana dunia Islam selepas itu digugat oleh berbagai-bagai malapetaka yang melanggannya dan segenap pelusuk. Sekali ia diserang oleh kaum Tartar dan sekali pula diserang oleh kaum Turki yang ganas. Di samping itu umat Islam diusir dan Andalusia dan terlibat di dalam berbagai-bagai pergolakan sesama sendiri yang menghalangkan tenaga umat Muslimin dan membina kemajuan dan membuat mereka terkongkong kepada kebodohan fikiran, kebekuan rohaniah dan perasaan, yang mana kesan-kesannya masih dialami mereka hingga ke masa-masa belakañgan ini.

Dan ketika terbantutnya perkembangan feqah atau ilmu perundangan Islam itu, dunia Barat terus mengalami perubahan yang begitu pesat selepas mereka berjaya menciptakan alat-alat jentera. Berbagai-bagai perubahan. berlaku setiap hani dan berbagai-bagai corak perhubungan baru antara manusia telah terbentuk, tetapi dunia Islam tidak ikut sama di dalam perubahan perubahan itu dan tidak pula berusaha melahirkan undang-undang dan peraturan yang sesuai dengan perkembangan.perkembangan itu.

Tetapi ilmu perundangan atau feqah adalah satu perkara dan syariat adalah satu perkara yang lain pula. Syariat merupakan sumber perundangan tetap yang mengandungi prinsip-prinsip umum terkadang-kadang mengandungi perincian-perincian yang lengkap, sedangkan feqah merupakan undang-undang dan peraturan yang sentiasa berkembang yang diambil dan syariat untuk di sesuaikan dengan kehendak-kehendak zaman. Tegasnya ilmu feqah atau ilmu perundangan itu merupakan sesuatu unsur yang sentiasa berkembang dan tidak terbantut pada satu zaman atau satu jenerasi.

Bagaimanapun, dalam menghadapi perkembangan perkembangan sistem kapitalisma umat Islam tidak perlu bersusah payah untuk mengadakan dan melaksanakan unclang-undang dan peraturan-peraturan baru yang diambil dan syariat. Kerana syariat telah pun mengemukakan prinsip-prinsip hukurn yang tegas dan jelas.

Menurut ahli-ahli ekonomi, perkembangan sistem kapitalisma dan bentuknya yang baik dan simpal di tingkat permulaannya kepada bentuknya yang jelik seperti di hari ini adalah

semakin banyak bergantung kepada pinjaman-pinjaman nasional. Dari sinilah timbulnya sistem bank yang mengaturkan kegiatan pemodalan yang besar dan mengadakan pinjaman-pinjaman modal untuk menjalankan perusahaan-perusahaan dengan mengenakan faedah atau bunga-bunga yang tertentu.(Hadith-hadith yang melarang monopoli itu memang banyak di antaranya yang paling ringkas dan padat ialah hadith yang berbunyi "Sesiapa yang melakukan monopoli, Ia adalah seorang yang bersalah)

Di sini tidaklah perlu bagi kami menjelaskan dengan panjang lebar tentang detail perjalanan ekonomi yang kompleketed itu, kerana hal ini dapatlah dirujukkan kepada buku-buku ekonomi andainya ada orang-orang yang gemar mengetahui detail-detail itu. Apa yang kami rasa perlu ditegaskan di sini ialah bahwa pinjaman pinjaman yang berbunga dan lain transaksi bank yang berdasarkan bunga yang diamalkan oleh sistem kapitalisma adalah tidak dibenarkan oleh Islam.

Menurut ahli-ahli ekonomi lagi, persaingan hebat yang wujud di dalam sistem kapitalisma telah mengakibahkan hancurnya syarikat-syarikat kecil atau telah mendorong syarikat-syarikat itu bergabung satu sama lain menjadi sebuah syarikat raksaksa dan kedua-dua akibah itu melahirkan sistem monopoli iaitu satu sistem yang diharamkan oleh Islam seperti yang terkandung di dalam banyak hadith-hadithnya.

Berdasarkan hakikat-hakikat ini, sistem kapitalisma tidak akan dapat berkembang seandainya sistem itu tumbuh di dalam naungan Islam — kepada bentuknya yang jelik yang terdapat pada hari ini dan bertanggungjawab melahirkan eksploitasi-eksploitasi yang buruk dan menimbulkan penjajahan dan peperangan peperangan.

Dari Itu seandainya sistem kapitalisma itu tumbuh di bawah naungan Islam, maka bagaimanakah sistem itu akan menyusun langkahnya? Adakah perkembangannya akan terhenti setakat membangun perusahaan-perusahaan kecil sekadar yang dapat dilayani oleh perkembangan feqah atau ilmu perundangan Islam dewasa itu atau sistem itu akan mengambil satu jalan baik yang lain yang dapat menghindar manusia dan akibah-akibah buruk yang ditakuti itu?

Soal membataskan perusahaan setakat perusahaan-perusahaan yang kecil adalah tidak timbul kerana di dalam Islam tidak terdapat bimbingan yang sedemikian, malah Islam tentulah akan menggalakkan pertumbuhan rekaan-rekaan yang akan membawa perubahan besar kepada alat-alat pengeluaran, di mana pengeluaran besar-besaran (Mass production) dapat dilaksanakan.

Di samping itu Islam akan mengatur hubungan di antara pemodal dan pekerja dalam satu bentuk perhubungan yang berlainan dan apa yang telah berlaku di Eropah di dalam abad yang kesembilan belas dan dua puluh. Ini memang dapat dilakukan rnelalui usaha-usaha mengaturkan peraturan dan undang-undang ekonomi mengikut prinsip-prinsip Islam sendiri seperti mengadakan undang-undang pembahagian keuntungan atas kadar yang sama banyak di antara pemodal dan pekerja iaitu satu undang-undang yang memang telah dipelopori Islam dalam menyelesaikan masaalah upah.

Dengan undang-undang ini Islam dapat menghindari dua perkara serentak dalam satu masa, iaitu menghindari riba dan monopoli yang diharamkan oleh syariatnya dan menghindari kezaliman yang akan menimpa kaum buruh apabila mereka dibiarkan menjadi mangsa pemodal-pemodal yang memperguna dan menghisapkan darah mereka, setelah itu mereka ditinggal merana dalam kemiskinan atau dalam kehidupan yang menghina kan kehormatan manusia. Hubungan kaum pemodal dan kaum buruh dalam bentuk yang sedemikian adalah satu hubungan yang tidak dapat diterima oleh Islam.

Tidak wajar bagi sesiapa pun untuk mengatakan Islam tidak mungkin melaksanakan sistem ekonominya yang adil itu sebelum menempuh ujian-ujian yang pahit dan pergolakan-pergolakan kelas serta tekanan ekonomi yang akan mendorongnya beransur-ansur mengubahkan undang-undang dan peraturannya, kerana sejaran telah membuktikan dengan tegas bahwa Islam telah berjaya mendului evolusi manusia dalam menghadapi masaalah-masaalah perhambaan feudalisma dan kapitalisma di permulaan perkembangannya. Semua masaalah-masaalah ini telah diselesaikannya secara spontan dan sukarela tanpa terpengaruh kepada sebarang tekanan dan luar. Atau dengan lain-lain perkataan Islam telah menghadapi masaalah-masaalah itu atas dorongan konsep kebenaran dan keadilan yang menjadi intisari perjuangannya iaitu konsep-konsep yang telah diejek-ejekkan oleh Fredrick Engles dan lain-lain pengarang komunis.

Di samping itu sejarah telah membuktikan bahwa Russia juga telah berpindah dan fes feudalisma kepada fes komunisma tanpa melalui fes kapitalisma dan ini bererti bahwa Russia sendiri— negara yang menganut fikiran Marx — dalam praktiknya telah mendustai Marx yang menentukan batas-batas fes perkembangan yang harus dilalui masyarakat manusia.

Soal penjajahan, peperangan-peperangan, penindasan bangsa-bangsa dan seluruh kejahatan-kejahatan kapitalisma memanglah ditentang hebat oleh Islam. Prinsip-prinsip Islam sama sekali tidak bertujuan untuk menjajah umat manusia atau untuk melancarkan peperangan demi penindasan dan eksploitasi, kerana satu-satunya peperangan yang dihalalkan oleh Islam ialah peperangan untuk menentang pencerobohan, atau peperangan untuk menyebarkan da'wah Islamiah apabila da'wah secara damai itu telah ditentang dan diganggu dengan kekuatan senjata.

Begitu juga Islam tidak menenima pendapat komunis yang mengatakan bahwa penjajahan itu merupakan satu fes yang pasti dilalui masyarakat manusia dan bahwa penjajahan itu tidak dapat ditentang oleh doktrin-doktrin dan prinsip-prinsip moral kerana menurut komunis penjajahan merupakan masaalah ekonomi akibah wujudnya surplus atau kelebihan hasil-hasil pengeluaran di negeri-negeri perusahaan dan perlunya negara-negara itu kepada pasaran-pasaran luar yang dapat menelankan kelebihan-kelebihan itu

Islam tidak dapat menerima semua cakap-cakap kosong mengenai kepastian bahwa kapitalisma tetap membawa kepada penjajahan, kerana orang-orang komunis sendiri mengakui bahwa Russia dapat menyelesaikan masaalah-masaalah kelebihan produksi itu dengan satu cara yang lain, iaitu menambahkan upah kaum buruh hingga mereka dapat membeli kelebihan itu dan mengurangkan masa kerja mereka. Dengan cara ini surplus atau kelebihan barang-barang produksi tidak akan bertimbun banyak hingga memerlukan tindakan menjajah negeri-negeri yang lain untuk disalurkan kelebihan itu. Tetapi cara penyelesaian seperti itu bukanlah hanya di dapati dalam sistem komunisma saja.

Sejarah telah membuktikan bahwa penjajahan merupakan satu kecenderungan manusia sejak zaman berzaman lagi, ia bukanlah hasil dan kapitalisma. Apa yang disumbangkan oleh kapitalisma hanya menambahkan kekuatan penjajahan itu di zaman moden dengan alat-alat senjata yang menjahanamkan Bagaimanapun, penjajahan Roman di zaman punba juga tidak kurang kejamnya dan penjajahan di zaman moden dan segi eksploitasi negeri menang terhadap negeri yang kalah.

Demikian juga sejarah telah membuktikan bahwa Islam adalah satu sistem yang paling murni di antara sistem-sistem yang lain dalam aspek yang bersangkutan dengan perang. Kerana peperangan-peperangan Islam pada keseluruhannya bersih dan eksploitasi dan penjajahan, Oleh kerana itu seandainya revolusi industri berlaku di dalam dunja Islam, maka

sudah tentu Islam dapat menyelesaikan masaalah kelebihan produksi itu tanpa melalui peperangan dan penjajahan:

Di samping itu dapatlah dikatakan bahwa masaalah kelebihan produksi itu adalah hasil dan sistem kapitalisma dalam bentuknya yang ada sekarang, tetapi jika dasar-dasar pokok kapitalisma itu telah berubah maka masaalah kelebihan tidak akan berbangkit. (Lihat ulasan yang lebih detail di dalam buku "Al-Riba" karangan Abu Aala al-Maududi)

Dalam segi yang lain pula pihak pemerintah di dalam negara Islam tidak akan berdiri beku dan membisu terhadap masaalah penimbunan kekayaan di tangan segelintir rakyatnya, sedangkan majoriti rakyat yang lain berada di dalam kemiskinan dan deprivasi. Kerana penimbunan harta yang sedemikian adalah bertentangan dengan dasar Islam yang mewajibkan kekayaan itu dibahagi kepada semua orang "Agar kekayaan itu tidak hanya beredar di dalam kalangan orang kaya saja" seperti yang ditegaskan di dalam al-Quran(Surah (9)). Pihak pemerintah di dalam negara Islam adalah ditugas menjalankan undang-undang Islam dengan apa jalan dan cara yang difikir wajar selama tidak menimbulkan kezalinian dan kemudaratan kepada mana-mana pihak. Dalam hubungan ini pihak pemerintah diberi sepenuh kuasa untuk bertindak demi kepatuhan kepada perintah Allah.

Di samping itu di sana terdapat beberapa peraturan Islam yang dengan sendirinya dapat mengelakkan terjadinya gejala penimbunan harta kekayaan di tangan segelintir manusia. Di antaranya ialah peraturan pesaka yang membahagi harta peninggalan, dan peraturan zakat yang mengenakan 2 1/2 % zakat ke atas modal dan keuntungannya yang wajib dibayar setiap tahun, juga Undang-undang keselamatan sosial yang membenarkan— dalam keadaankeadaan tertentu — mengenakan cukai-cukai ke atas modal-modal sekadar yang diperlukan oleh Perbendaharaan Negara atau Baitulmal untuk menghadapi keadaan-keatjaan darurat, juga mengenakan undang.undang mengharamkan simpanan modal tanpa pelaburan dan mengharamkan sistern riba yang merupakan satu faktor utama yang menyebabkan berlakunya gejala penimbunan harta kekayaan di tangan segelintir manusia. Selain dan itu bentuk hubungan di antara individu-individu di dalam masyarakat Islam adalah dilandaskan di atas dasar saling membantu dan kerjasama.

Di sana juga terdapat jaminan-jaminan terhadap tuntutan tuntutan hidup asasi pegawai kerajaan yang ditegaskan oleh Rasulullah, "Sesiapa yang ditugas menjalankan urusan kami (negara) dan tidak mempunyai rumah kediaman, maka dia berhak mendapat sebuah rumah, atau tidak mempunyai isteri, ia berhak mendapat seorang isteri, atau tidak mempunyai khadam, ia berhak mendapat seorang khadam, atau tidak mempunyai kenderaan, ia berhak mendapat satu kenderaan!"(Riwayat AhMad dan Abu Daud)

Jaminan-jaminan itu menurut pertimbangan yang saksama tentulah tidak terbatas kepada pegawai-pegawai kerajaan saja, kerana keperluan-keperluan itu merupakan keperluan-keperluan hidup asasi setiap orang rakyat yang wajar dinikmatinya sebagai ganjaran perkhidmatannya kepada negara atau perkhidmatannya melalui mana-mana pekerjaan atau profesyen yang dapat di munafaatkan oleh masyarakat.

Seandainya negara harus memberi jaminan untuk memenuhi keperluan-keperluan hidup asasi kepada pegawai-pegawainya, ia berkewajipan pula memberi jaminan untuk memenuhi keperluan hidup kepada setiap rakyat yang bekerja di dalam negara itu. Pendapat kami ini adalah berdasarkan fakta bahwa Jabatan Perbendaharaan negara Islam adalah bertanggungjawab membantu orang-orang yang tidak dapat bekerja kerana sebab-sebab sakit, tua, masih kanak-kanak atau sebagainya, dan bertang gungjawab memenuhi keperluan-keperluan hidup mereka yang mempunyai punca pencarian yang tidak cukup.

Seluruh fakta yang telah disebutkan itu menunjukkan dengan jelas bahwa negara adalah bertanggungjawab untuk memenuhi keperluan-keperluan hidup asasi pekerja-pekerja kilang dengan apa cara sekali pun. Dalam kontek ini, cara tidaklah penting, kerana cara dapatlah disesuaikan dengan kehendak-kehendak masa, tetapi yang penting ialah pelaksanaan-pelaksanaan dasar yang menjamin keadilan pembahagian untung rugi yang harus dinikmati oleh setiap pekerja dalam negara. Dengan pelaksanaan dasar itu Islam melindungi kaum pekerja dan eksploitasi yang jelik, dan memberikan kepada mereka kehidupan yang bebas dan lumayan.

Islam tidak mungkin membenarkan sistem kapitalisma berkembang dengan bentuknya yang jelik seperti yang kita saksikan hari ini di negeri-negeri Barat yang bertamaddun itu, kerana undang-undang dan peraturan Islam samada yang telah dibentangkan dalam syariat atau yang diwujudkan menerusi ijtihad berdasar kan prinsip-prmsip umum syariat untuk menghadapi perkembangan-perkembangan keadaan semuanya akan menentang kejahatan-kelahatan yang wujud di dalam sistem kapitalisma, dan tidak akan membenarkan kapitalisma memerah keringat dan menghisap darah kaum buruh, menegak penjajahan, melancarkan peperangan-peperangan dan memperhambakan bangsa-bangsa yang lain.

Sebagaimana biasa Islam tidak hanya berpada dengan mengadakan undang-undang dan peraturan-peraturan ekonomi atau non ekonomi, malah di samping undang-undang itu Islam melancarkan pula dakwah akhlak dan dakwah rohaniah yang dimomokkan oleh orang-orang komunis, kerana dakwah-dakwah seperti ini dipandang mereka di Eropah sebagai usaha yang tergantung-gantung di awan dan tidak berpijak pada asas-asas yang praktis. Tetapi nilai-nilai dakwah di Eropah itu tidaklah sama dengan nilai dakwah di dalam Islam kerana di dalam Islam nilai-nilai moral dan rohaniah tidak dipisahkan dan rancangan rancangan ekonomi, malah kedua-duanya dicantum dan diselaraskan dalam satu bentuk yang unik. Tegasnya Islam bertindak menyelaraskan di antara usaha-usaha memupuk rohaniah dengan usaha membangun masyarakat, Islam tidak meninggalkan seseorang itu meraba-raba di dalam gelap untuk mencani penyesuaian di antara kenyataan dan cita-cita yang ideal, malah Islam mengaturkan undang-undang dan peraturannya dengan berdasarkan nilai-nilai moral dan mengaturkan nilai-nilai moral seimbang dengan undang-undang dan peraturan, jadi kedua-dua aspek itu bertemu dalam satu sistem, kedua-duanya menyempurnakan satu sama lain, kedua.duanya tidak pernah bertentangan atau terpisah di antara satu sama lain.

Matlamat dakwah akhlak di dalam Islam ialah mencegah dan menentang kemakmuran dan keliaran nafsu yang terjadi aklbah berkumpulnya kekayaan di tangan segelintir manusia. Begitu juga dakwah akhlak Islam menentang perbuatan menganiayai kaum buruh dengan pembayaran upah yang tidak sepadan, kerana perbuatan yang seperti itulah yang bertanggungjawab melahirkan gejala penimbunan kekayaan di tangan segelintir manusia. Seterusnya dakwah akhlak Islam menyeru manusia membelanjakan harta kekayaan mereka untuk kepentingan-kepentingan agama Allah walaupun berhabis-habisan, kerana Islam sedar bahwa orang-orang kaya hanya membelanjakan harta kekayaan mereka untuk faedah kenikmatan diri mereka masing-masing saja dan tidak gemar berbelanja untuk sabillilAllah dan dan sinilah menyebabkan majoriti rakyat hidup di dalam kemiskinan.(Tujuan anjuran itu bukanlah supaya tuanpunya-tuanpunya kilang memberi sedekah kepada kaum pekerja, malah sikap tuanpunya-tuanpunya kilang yang berpada dengan keuntungan yang ini dianggap sebagai perbelanjaa untuk sabil Allah, sebagaimana juga usaha-usaha merek mendirikan sekolali sekolah dan rumah-rumah sakit, dipandang sebagai pengorbanan untuk sabil Allah)

Da'wah akhlak yang dianjurkan oleh Islam itu dapat merapatkan hubungan manusia dengan Allah dan mendorong mereka memandang enteng kepada harta kekayaan dunia dan kenikmatannya demi untuk mencapai kerelaan Allah dan mengharapkan ganjaranNya di hari

akhirat. Sesiapa yang mempunyai hubungan yang mésra dengan Allah atau beriman kepada hari akhirat, kepada nikmat dan azabNya sudah tentu ia tidak akan begitu gelojoh dan haloba bekerja menimbunkan harta kekayaan dunia melaiui eksploitasi dan cara-cara yang tidak adil.

Demikianlah tugas dakwah akhlak dan dakwah rohaniah di dalam Islam. Ia memain peranan sebagai asas üntuk mengaturkan undang-undang dan peraturan ekonomi yang bertujuan mencegah kejahatan-kejahatan kapitalisma. Dan apabila undang-undang dan peraturan yang seumpama itu telah diadakan, maka ia akan dipatuhi bukan keran takut kepada hukumnya, malah kepatuhan itu kerana dicetuskan oleh keinsafan hati norani sendiri.

Sebagai penutupnya patutlah ditegaskan di sini bahwa sistem kapitalisma yang jelik yang terdapat di dalam negeri-negeri Islam hari ini bukanlah merupakan sebahagian dan sistem Islam, dan kerana itu Islam tidak bertanggungjawab terhadap kejahatan kejahatannya, kerana orang ramai yang hidup di dalam Negara-negara itu tidak lagi berpandu dengan ajaran-ajaran Islam dalam kehidupan ekonomi mereka.

Islam Dan Milik Peribadi

ADAKAH milik peribadi itu satu keinginan semulajadi? Orang komunis dan kuncu-kuncunya dengan tegas mengatakan tidak. Menurut mereka, milik peribadi itu tidak pernah wujud di dalam masyarakat-masyarakat pertama manusia, malah yang wujud di waktu itu ialah milik umum atau "Komunisma pertama". Tiada sebarang milik peribadi, malah segala sesuatu merupakan milik umum atau milik bersama, di mana seluruh anggota masyarakat hidup saling menyintai, saling membantu dan bersaudara, tetapi malangnya "Zaman kemalaikatan" yang gemilang itu tidak kekal lama, kerana sesudah manusia menemui cara-cara bercócok tanam mereka mulai terlibat dalam pertelingkahan-pertelingkahan menentukan batas milik tanah-tanah yang ditanam dan alat-alat pengeluaran, dan akibahnya melahirkan peperangan-peperangan yang membawa manusia kepada keadaan-keadaan hidup seperti di hari ini, di mana mereka masing-masing cintakan milik peribadi dan berjuang satu sama lain untuk mendapatkannya. Seterusnya menurut komunisma manusia tidak akan terselamat dan mala petaka pertarungan dan krisis-krisis yang melebar itu melainkan apabila mereka kembali kepada bentuk masyarakat mereka yang pertama, di mana milik peribadi tidak wujud dan di mana semua orang sama-sama memiliki apa yang dihasilkan oleh semua orang. Di kala itu barulah semangat saling cinta dan mesra akan menyelubungi masyarakat manusia.

Marilah kita tinggal pendapat komunis itu sebentar untuk meninjau pendapat ahli-ahli jiwa dan masyarakat terhadap hakikat ini.

Ahli-ahli kaji jiwa dan ahli-ahli kaji masyarakat tidak sependapat dalam menentukan manakah tingkahlaku-tingkahlaku dan keinginan-keinginan manusia yang semulajadi dan manakah tingkahlaku-tingkahlaku dan keinginan manusia yang tidak semulajadi. Perselisihan pendapat ini dengan sendirinya membawa mereka tidak sependapat pula tentang keinginan kepada milik peribadi. Adakah milik peribadi itu merupakan satu keinginan semulajadi yang lahir bersarna manusia tanpa campur tangan suasana-suasana masyarakat sekelilingnya atau adakah milik peribadi itu merupakan satu akibah yang diciptakan oleh suasana-suasana masyarakat sekelilingnya, atau dengan lain-lain perkataan apakah yang mendorong seseorang kanak-kanak itu begitu gemar untuk memiliki alat-alat permainan dan barang barang, adakah disebabkan kerana tidak banyak adanya alat-alat dan barang-barang itu hingga menimbulkan percubaan dan kanak-kanak lain untuk merampaskannya, misalnya di sana ada sepuluh orang kanak-kanak, sedangkan alat permainan hanya satu saja, sudah tentu mereka akan bertarung satu sama lain untuk mendapatkan permainan itu, tetapi jika setiap orang dan sepuluh orang kanak-kanak itu masing-masing dapat memiliki sebiji bola maka perkelahian tidak akan berlaku?

Kami ingin mengemukakan pandangan-pandangan kami terhadap pendapat-pendapat yang dikemukakan oleh komunis, ahli-ahli kaji jiwa dan kaji masyarakat tadi.

Pertama: Tiada seorang pun dan ahli kaji jiwa dan ahli kaji masyarakat yang dapat menegaskan dengan penuh kepastian bãhwa milik peribadi itu bukanlah suatu keinginan semulajadi, dan apa yang dapat ditegaskan oleh ahli kaji jiwa dan ahli kaji masyarakat yang berfaham kiri ialah sekadar mengatakan bahwa di sana tidak ada bukti-bukti yang muktamad bahwa milik penibadi itu adalah keinginan semulajadi. Dan di antara dua pendapat itu tentulah berbeda, malah seandainya orang-orang yang berfaham kiri itu mendapat dalil-dalil yang konkrit yang menentang pendapat mereka sudah tentu dalil-dalil itu akan ditolaknya kerana milik peribadi itu telah pun dipandang mereka dengan benci dan prajudis.

Kedua: Contoh kanak-kanak dengan permainan yang dikemukakan mereka tadi bukanlah merupakan alasan yang dapat menyokong pendapat mereka. Kerana konklusi tidak

wujudnya pertarungan dan perkelahian apabila sepuluh orang kanak-kanak masing-masing mempunyai sebiji bola itu tidaklah bererti bahwa keinginan semulajadi kepada milik peribadi itu tidak juga wujud, malah contoh itu hanya sekadar menunjukkan bahwa keinginan .kepada milik peribadi — dalam keadaan-keadaan yang normal — dapatlah dipenuhi apabila adanya persamaan milik yang mutlak di antara semua anggota masyarakat dan ini tentulah tidak bererti menafikan wujudnya keinginan itu sendiri, malah hanya menunjukkan bahwa keinginan itu boleh dibatas.

Tetapi apa yang sering kita lihat dalam kes-kes yang seperti ini ialah ramai kanak-kanak ingin mendapat mainan-mainan yang lebih banyak dan apa yang dimilikinya dan cuba merampas mainan-mainan kanak-kanak yang lain kecuali mereka dihalangi oleh satu kuasa pula yang di luar kesanggupan mereka.

Ketiga: Kami masih meragui tentang wujudnya "Zaman kemalaikatan" di dalam masyarakat pertama manusia seperti yang dikatakan oleh orang-orang komunis dan katakanlah "Zaman kemalaikatan" itu wujud, tetapi di zaman itu masih belum ada alat-alat pengeluar (Means of production), kerana itu pertarungan tentulah tidak mungkin terjadi untuk merebut sesuatu yang tidak ada. Sebab di zaman itu manusia mendapat makanan mereka dengan mudah dan secara langsung dan pokok-pokok kayu dan apabila mereka berburu mereka terpaksa keluar beramai-ramai kerana takutkan binatang-binatang buas. (Dalam hal itu pun mungkin ada orang-orang yang berani keluar berburu seorang diri untuk memperlihatkan kehandalan mereka. Kami akan memperkatakan hal ini sekali lagi selepas ini). Di zaman itu juga daging-daging binatang buruan yang dibunuh itu tidak dapat disimpan lama. Ia harus dihabiskan ketika itu juga. Jadi, tidak berlakunya perkelahian dan pertarungan di zaman itu bukanlah bererti tidak wujudnya keinginan milik peribadi, malah tidak wujudnya keinginan milik peribadi ketika itu mungkin kerana di sana tidak ada bahan-bahan yang wajar dijadikan rebutan Itulah sebabnya apabila mereka pandai bercocok tanam, perebutan dan pertarungan pun mulai berlaku di antara mereka untuk menentukan batas-batas tanah masing-masing ini menunjukkan bahwa keinginan milik peribadi yang terpendam selama ini telah meletus Leluar sebaik saja terdapat bahan-bahan yang wajar dijadikan rebutan.

Keempat: Tidak ada seorang pun yang dapat menafikan kemungkinan berlakunya perkelahian dan pertarungan di antara lelaki-lelaki di zaman itu untuk merebutkan seorang perempuan yang tertentu. Walaupun sistem "komunisma jantina"(Perempuan bebas dinikmati oleh semua lelaki.) berlaku di masa itu seperti yang didakwakan oleh pendokong-pendokong komunis, namun tiada seorang pun yang dapat mengatakan bahwa sistem itu seratus peratus menguasai masyarakat manusia yang pertama itu, malah wujudnya sistem itu tidak menahan berlakunya pertarungan-pertarungan di antara lelaki untuk merebut seorang perempuan yang tertentu yang dipandang mereka lebih cantik dan yang lain. Ini membawa kita kepada satu konklusi yang pen ting iaitu apabila segala benda itu sama dan serupa maka kemungkinan berlakunya pertarungan tidak ada lagi, tetapi apabila benda-benda dan nilai itu tidak sama dan berbeda-beda, maka pertarungan akan berlaku walaupun dalam masyarakat kemalaikatan yang diimaginasikan oleh kaum komunis iaitu satu bentuk masyarakat yang diimpikan mereka di masa akan datang.

Kelima: Pada akhirnya tiada siapa pun yang dapat menafikan adanya setengah-setengah orang yang hidup di zaman masyarakat manusia pertama itu yang ingin membangun keagungan-keagungan peribadinya melalui penonjolan keberanian, kekuatan, kesabaran dan sebagainya dan sifat-sifat kebanggaan yang lain. Hinggakan pada hari ini pun kita masih dapati ada setengah-setengah suku primitif — yang hidup dalam satu bentuk masyarakat yang sama dengan bentuk masyarakat komunis pertama yang dikatakan oleh kaum komunis — yang enggan mengahwinkan anak perempuannya melainkan dengan pemuda pemuda yang

sanggup menanggung 100 kali sebat dengan camti tanpa memperlihatkan tanda-tanda lemah atau sakit. Tidak syak lagi bahwa tujuan pemuda-pemuda itu berbuat demikian ialah untuk membuktikan kelebihan dan keagungan peribadinya yang dapat membedakan mereka dan pemuda-pemuda yang lain.

Seandainya segala sesuatu berlangsung mengikut dasar persamaan yang mutlak, sudah tentu tidak ada sebab untuk seseorang itu mengatakan, "Saya tidak serupa dengan orang lain" atau, "Saya lebih baik dan mereka". Ini membawa kita kepada satu konklusi pula iaitu seandainya milik peribadi itu bukan hasil dan dorongan keinginan semulajadi, namun ini tetap mempunyai hubungan yang rapat dengan satu keinginan semulajadi yang lain iaitu keinginan menunjukkan kelebihan peribadi yang bertunjang di dalam jiwa manusia sejak zaman entah berentah lagi.

Kaum komunis menuduh bahwa milik peribadi itu telah melahirkan kezaliman atau keadaan tidak adil di sepanjang sejarah manusia. Keraná itu milik peribadi harus ditiadakan jika manusia ingin memelihara keamanan dan menghindari pertarungan pertarungan yang pahit.

Tetapi nampaknya kaum komunis lupakan dua hakikat yang penting. Pertama keinginan-keinginan kepada milik peribadi mempunyai pengaruh yang besar dalam kemajuan manusia, kedua tiada kemajuan yang dicapai ketika masyarakat berada dalam tahap masyarakat komunis yang pertama, malah masyarakat manusia mulai bergerak maju selepas wujudnya pertarungan untuk mencapai milik peribadi. Ini menunjukkan bahwa pertarungan kerana mencapai milik peribadi itu tidak selama-lamanya jelik, malah wujudnya pertarungan itu dalam batas-batas yang makkul merupakan satu keperluan jiwa, sosial dan ekonomi kepada manusia. (Menurut Islam perlumbaan dan pertandingan itu bukanlah suatu kegiatan yang jelik, malah ia hànya akar menjadi jelik apabila dilakukan untuk, maksud yang jelik, tetapi pertandingan untuk maksud yang baik adalah digalakkan Allah dalam firmanNya "Hendaklah mereka berlumba-lumba dengan kerja kebajikan." Firman Allah lagi, "Jika Allak tidak menolak manusia setengah dengan setengah nescaya rusak binasalah bumi itu.")

Kerana itu Islam tidak menerima bahwa milik peribadi merupakan sumber mutlak kezaliman dan ketidakadilan di dalam masyarakat manusia.

Kezaliman dan ketidakadilan yang menemani milik peribadi di negeri-negeri Eropah dan lain-lain negeri yang bukan Islam adalah disebabkan kerana golongan yang memilik kekayaan di negeri negeri itu sendiri menjadi golongan yang menyusun undang-undang dan memerintah negara. Dan sudah tentu mereka akan menyusun undang-undang dan pentadbiran negara dalam bentuk yang sanggup melindungi kepentingan-kepentingan mereka walaupun menindas kepentingan golongan-golongan yang lain. Tetapi Islam tidak mengakui wujudnya kelas pemerintah, dan undang-undang di dalam Islam bukan hasil ciptaan satu kelas manusia tertentu, malah dan ciptaan Allah Tuhan sekalian alam. Kerana itu tidaklah makkul untuk mengatakan bahwa Allah juga melakukan dasar pilih kasih terhadap mana-mana makhlukNya atau mengutamakan satu kelas dengan perbelanjaan-perbelanjaan satu kelas yang lain.(Berkenaan dengan firman Allah, "Dan Allah telah melebihkan rezeki setengah kamu di atas setengah yang lain , maka ini adalah satu pembicaraan lain yang kami akan bincangkan dalam bab yang akan datang. Keadilan dan persamaan yang dimaksudkan di sini ialah keadilan dan persamaan undang-undang untuk semua manusia, yang menjadi satu prinsip yang amat dititikberatkan oleh Islam.) Tidak ada sebab bagi Allah untuk berbuat demikian.

Di samping itu pemerintah di dalam Islam adalah dipilih dah satu piihanraya bebas oleh umat Islam. Keutamaan kelas tidak dapat mencalunkan seseorang untuk menjadi pemerintah. Dan setelah ia dipilih menjadi pemerintah ia harus pula memerintah dengan undang-undang

yang bukan diciptakan olehnya malah diciptakan oleh Allah. Kuasa pemerintah yang ada padanya adalah bergantung kepada kesanggupannya untuk melaksanakan undang-undang Allah, tidak lebih dari itu. Dalam hubungan ini khalifah pertama Abu Bakar pernah berkata. "Taatilah kepadaku selama aku taatkan Allah, dan jika aku menderhakai Allah kamu tidak harus menaatiku lagi." Tegasnya pemerintah di dalam Islam tidak mempunyai kuasa yang legal untuk mengurniakan kepada dirinya atau orang lain sebarang undang-undang istimewa, kerana itu ia tidak mempunyai kuasa untuk membeda-bedakan di antara satu kelas rakyat dengan satu kelas yang lain. Begitu juga ia tidak mempunyai kuasa untuk tunduk kepada pengaruh politik kelas bermilik dengan mengadakan undang-undang yang melindungi kepentingan-kepentingan mereka dan menindas kepentingan golongan rakyat murba yang tidak bermilik.

Patut ditegaskan di sini iaitu apabila kami memperkatakan tentang pemenintahan Islam maka kami maksudkan ialah satu tempoh pemerintahan di dalam sejarah Islam, di mana dasar Islam dipraktikkan sepenuhnya. Kami tidak maksudkan tempoh-tempoh pemerintahan yang lain yang diandai korapsi hingga menubahkan sistem pemerintahan Islam kepada pemerintahan beraja yang sewenang-wenang, kerana Islam tidak mengakui bentuk pemerintahan seperti itu dan tidak pula bertanggungjawab terhadap kejelikan-kejelikannya.

Walaupun tempoh pemerintahan yang mempraktikkan hukum-hukum dan keadilan Islam serta seluruh idealismanya pendek, namun ini tidaklah bererti bahwa sistem pemerintahan Islam merupakan satu sistem khayali yang tidak dapat dipraktik kan di alam kenyataan. Kerana apabila sesuatu sistem itu satu kali dapat dilaksanakan dengan jayanya, maka tentulah sistem itu dapat dilaksanakan dengan jayanya pada kali yang lain pula. Seluruh umat Islam adalah berkewajipan berjuang untuk membangun kembali zaman pemerintahan yang keemasan itu. Dan kini peluang pembangunan semula itu lebih mudah dapat dicapai oleh jenerasi umat Islam sekarang dan generasi datuk nenek mereka yang hidup di zaman gelita.(Lihat bab "Islam dan Idealisma")

Kini jelaslah bahwa di dalam sistem pemerintahan Islam golongan yang bermilik tidak mendapat peluang untuk mengadakan undang-undang yang melindungi kepentingan-kepentingan mereka, malah mereka sama seperti golongan-golongan yang lain harus tunduk kepada satu unclang-undang umum, di mana setiap orang menikmati hak-hak kehormatan dan kemanusiaan yang sama. Dan apabila terjadi berbedaan faham dalam menginterpre tasikan sesuatu nas atau peruntukan undang-undang seperti yang sering berlaku pada semua undang-undang maka hal ini akan diserahkan kepada pertimbangan ahui undang-undang (fuqaha')(Iaitu dalam masalah-masalah yang tidak didapati nas-nas yang tegas). Dalam hubungan ini sejarah telah menyaksikan bahwa tokoh-tokoh besar perundangan Islam tidak pernah menginterpret undang-undang dengan maksud untuk melindungi kepentingan golongan yang bermilik, malah interpretasi mereka selamâ-lamanya meletakkan titikberat untuk menyempurnakan tuntutan dan hak-hak asasi kaum pekerja. Sebagai contoh ialah interpretasi mereka bahwa pekerja berhak mengungsi keuntungan yang sama banyak sebagaimana telah kami singgungkan pada bab yang lalu.

Islam tidak menaruh sangkaan yang terlalu buruk terhadap tabiat manusia hingga kepada batas menganggapkan milik peribadi itu sebagai selama-lamanya menjadi sumber yang melahirkai, kezaliman dan ketidakadjian di dalam masyarakat manusia.

Islam telah mencapai kejayaan yang amat tinggi dalam bidang mendidik jiwa manusia hingga walaupun setengah-setengah orang Islam (Kaum-kaum Ansar di Madinah) mempunyal milik yang kaya-raya, namun mereka — seperti yang diterangkan di dalam al Quran tidak menaruh perasaan yang tamak dalam hati mereka terhadap harta kekayaan yang telah

diberikan kepada mereka, mereka mengutamakan keperluan orang lain dan keperluan diri mereka sendiri walaupun mereka dalam kesempitan .(Surah al-Hasyr(9)) Kerana itu mereka dengan penuh kerelaan menerima orang lain turut mensyarikati harta kekayaan mereka tanpa mengharapkan sebarang balasan kecuali ganjaran keampunan dari Allah

Kita tidak seharusnya mengabaikan contoh-contoh pengurbanan yang murni itu, kerana ia merupakan satu cahaya petunjuk masa depan dan satu bukti kemungkman yang dapat dicapai oleh manusia di satu hari nanti.

Tetapi walau bagaimanapun, namun Islam tidak mahu hidup dalam dunia impian dan tidak membiarkan kepentingan orang ramaj semata-mata bergantung kepada niat-niat baik yang rnungkin ada dan mungkin tidak ada, malah di samping Islam memberj perhatian yang berat kepada pembersihan rohaniah, Ia tidak lupa pula kepada kenyataan-kenyataan yang praktis. Kerana itu Islam menyusun undang-undang yang menjamin pembahagian kekayaan yang adil. Sayyidina Othman pernah berkata, "Sesi yang tidak dapat dicegahkan dengan pengaruh ajaran-ajaran al-Quran akan dicegahkan Allah dengan kuatkuasa pemerintahan negara."

Marilah kita kembali kepada persoalan milik peribadi yang menjadi pokok pembicaraan kita.

Di dalam sejarah Islam, milik peribadi memang wujud, tetapi ia tidak melahirkan akibah-akibah yang tidak adil. Dalam dua bab yang lalu kami telah membawa dua contoh dari sejarah Islam. Pertama Islam telah membenarkan pemilikan tanah pertanian, tetapi kita telah melihat bahwa sistem pemilikan itu sama sékali tidak melahirkan feudalisma di dalam negara Islam sebagaimana yang telàh berlaku di Eropah, kerana Islam mempunyai cukup undang-undang ekonomi dan sosial yang dapat mencegah feudalisma dan menjamin taraf hidup yang wajar bagi golongan yang tidak bermilik serta melindungi mereka dan sebarang eksploitasi golongan yang bermilik.

Dalam satu contoh yang lain mengenai pemilikan modal kita telah katakan bahwa seandainya sistem kapitalisma itu berkembang di dalam negara-negara Islam, maka Islam hanya akan membenarkan aspek-aspek kapitalisma yang baik saja dan akan mencegah segala bentuk eksploitasi dan kezaliman dengan menggunakan seluruh undang-undang dan usaha-usaha pendidikan rohaniah yang ada padanya. Dengan demikian kapitalisma tidak dapat melahirkan akibah-akibah buruk seperti yang sedang dialami oleh masyarakat kapitalis Barat hari ini.

Di samping itu Islam tidak pula membeni kebebasan yang sewenang-wenang kepada hak milik peribadi, malah Islam membataskannya dengan hak-hak yang tertentu. Misalnya Islam menjadikan semua sumber orang ramai (public resources) sebagai milik orangramai dan Islam akan mengharamkan milik peribadi tertentu apabila diperlukan oleh prinsip keadilan dan akan membenarkannya jika terdapat jaminan-jaminan yang sanggup mencegah kezaliman dan eksploitasi manusia terhadap manusia.

Di sini kami ingin menyebutkan satu contoh dan negeri-negeri yang bukan Islam iaitu Inggeris, Amerika dan Perancis sebagai negara-negara yang paling terkenal dengan dasar diskriminasi kaum. Negara-negara ini telah mendakwa sebagai negara-negara yang paling maju, imbang dan baik hati di dunia, tetapi negara negara ini tidak menghapuskan milik peribadi. Apa yang dilakukan oleh mereka ialah mengadakan undang-undang yang menjamin agar pembahagian kekayaan di sana berlangsung dengan adil dan agar jurang perbezaan ekonomi di antara golongan dapat dirapatkan. Di samping itu mereka mengadakan peraturan peraturan yang memperimbangkan di antara upah dan kerja. Dalam kontek ini negara-negara itu merupakan negara-negara yang paling banyak merealisasikan sebahagian dan idea Islam.

Satu hal yang tidak mungkin dilakukan ialah pemisahan di antara mana-mana sistem ekonomi dengan falsafah pemikiran dan konsep kemasyarakatan yang berada di sebalik sistem itu. Seandainya kita menyemak tiga sistem yang diperjuangkan hari ini iaitu sistem kapitalis, sistem komunis dan sistem Islam, nescaya kita melihat sistem ekonomijnya dan konsep milik peribadinya mempunyai pertalian yang rapat dengan konsep kesosialannya misalnya sistem kapitalis telah ditegakkan di atas konsep bahwa individu adalah satu makhluk suci yang tidak harus bagi masyarakat melakukan sebarang tindakan menyekat kebebasannya dan kerana itu di dalam sistem kapitalis milik peribadi diizinkan tanpa batas, sedangkan sistem komunis pula telah dilandaskan di atas konsep bahwa masyarakat itu merupakan pokok, sedangkan individu dengan sendiriannya saja dianggap tidak mempunyai apa-apa entity, kerana itu komunisma meletakkan selurub hak milik itu di tangan kerajaan sebagai mewakili masyarakat dan menafikan milik peribadi kepada individu.

Kedua-dua konsep ini berlainan dengan konsep yang didokong Islam. Menurut Islam individu itu serentak mempunyai dua sifat dalam satu waktu, iaitu pertama sifatnya sebagai satu individu yang bebas, kedua sifatnya sebagai satu anggota di dalam masyarakat. Walaupun kadang-kadang responnya kepada salah satu sifat itu melebihi responnya kepada sifat yang satu lagi, namun demikian, pada akhirnya ia dapat memberi responnya yang sama dan seimbang kepada kedua-dua sifat itu.

Dalam konsep sosialnya yang didasarkan di atas teori tadi, Islam tidak memisahkan di antara individu dengan masyarakat dan tidak pula mengadu domba di antara kedua-duanya, di mana tiap-tiap satuñya cuba membunuh dan melenyapkan yang lain, selama tiap-tiap individu serentak mempunyai dua sifat iaitu sebagai seorang yang bebas dan sebagai anggota masyarakat, maka satu-satunya tugas undang-undang ialah memperseimbangkan di antara kedua kecenderungan iaitu di antara kecenderungan ke individuan dengan kecenderungan kemasyarakatan, juga memper seimbangkan di antara kepentingan individu dengan kepentingan kepentingan anggota-anggota masyarakat yang lain, pengimbangan itu dapat dilaksanakan tanpa mengurbanan kepentingan mana mana pihak atau tanpa bertindak melenyapkan individu untuk kepentingan masyarakat atau meleburkan masyarakat untuk kepentingan individu.

Bertolak dari konsep ini maka sistem ekonomi Islam mendokong konsep yang memperimbangkan di antara kapitalisma dengan komunisma dan dengan demikian Islam dapat menikmati aspek-aspek yang baik dan kedua-dua sistem itu tanpa terjerumus ke dalam aspek-aspeknya yang jelik dan menyeleweng. Islam pada dasarnya mengizinkan milik peribadi, tetapi di samping itu Islam mengadakan batas-batas tertentu guna menghindarkan dan kemungkinan-kemungkinannya yang membahayakan masyarakat. Demikian juga Islam mengizinkan masyarakat atau pemerintah yang mewakili masyarakat untuk membuat peraturan-peraturan guna mengawal dan meminda milik peribadi dan satu masa ke satu masa jika difikir perlu demi kebaikan orang ramai.

Pendeknya Islam tidak merasa terancam oleh milik peribadi kerana Islam mempunyai berbagai-bagai sarana untuk mengelakkan sebarang kemungkinannya yang berbahaya. Tindakan mengizinkan milik peribadi pada dasarnya di samping memberi hak dan kuasa kepada masyarakat untuk menyusun dan mengawalnya adalah lebih baik dan terus bertindak menghapuskan milik peribadi itu samasekali, dengan semata-mata berlandaskan teori yang tidak konkrit yang mengatakan keinginan kepada milik peribadi itu bukanlah satu kéinginan semulajadi dan bukan pula merupakan keperluan manusia. Tindakan Russia di masa-masa belakangan yang membenarkan beberapa bentuk milik peribadi kepada rakyatnya dalam batas-batas tertentu merupakan satu bukti yang gagah bahwa peraturan yang dapat memberi

respon kepada tabiat semulajadi manusia adalah merupakan satu peraturan yang baik semada kepada individu atau kepada masyarakat.

Tetapi marilah pula kita bertanya mengapa kita harus bertindak menghapuskan milik peribadi? Dan untuk tujuan apakah kita harus menuntut Islam menghapuskan milik peribadi?

Menurut komunisma penghapusan milik peribadi merupakan satu-satunya jalan untuk mewujudkan persamaan atau samarata di antara rakyat di samping menghapuskan keinginan untuk rnemerintah dan berkuasa. Tetapi kini Russia telah pun bertindak menghapuskan pemilikan sarana-sarana produksi (Means of production) dan adakah dengan penghapusan itu Russia telah berjaya mencapai matalamat yang dikehendaki olehnya? Tidakkah Russia ketika berada di bawah pemerintahan Stalin telah membenarkan peraturan kerja overtime kepada boroh-boroh yang masih mempunyai banyak tenaga untuk mendapat upah tambahan dan tidakkah dengan peraturan itu bererti Russia telah menimbulkan perbedaan pendapatan upah di antara kaum pekeria itu sendiri.

Di samping itu adakah seluruh rakyat Russia mendapat upah atau gaji yang sama di seluruh Republik Soviet? Adakah gaji jurutera sama dengan gaji boroh? Adakah gaji doktor sama dengan gaji jururawat? Propagandis-propagandis komunis sendiri telah menggembar-gemburkan kepada kita bahwa gaji yang paling tinggi di Russia ialah gaji jurutera dan bahwa para seniman di sana menikmati pendapatan yang lebih lumayan dan golongan-golongan yang lain. Ini bererti bahwa orang-orang komunis sendiri mengakui adanya perbedaan upah di antara berbagai-bagai golongan rakyat Russia, malah perbedaan itu bukan saja berlaku di antara berbagai-bagai golongan, bahkan di antara anggota anggota dan satu golongan yang sama seperti yang berlaku di dalam golongan kaum boroh itu stndiri.

Adakah dengan penghapusan milik peribadi itu Russia telah berjaya menghapuskan keinginan untuk berkuasa dan berbeda dan orang lain? Jika jawapannya benar, maka bagaimana pula cara mereka memilih ketua-ketua kesatuan sekerja, ketua-ketua kilang, ketua-ketua pejabat dan komisar (Commisar)? Dan bagaimana mereka membedakan di antara anggota yang aktif dengan anggota yang tidak aktif di dalam parti komunis yang memerintah Russia?

Ketika mempersoalkan samada milik peribadi itu harus dikekal atau harus dihapus, patutlah kita mengakui tidakkah di dalam tabiat manus itu terdapat keinginan semulajadi untuk berkuasa dan berbeda dan orang lain?

Seandainya penghapusan milik peribadi tidak juga dapat menyelamatkan manusia dan kejahatan-kejahatan yang mahu dihindarkan oleh komunis, maka mengapa pula kita harus meneladani komunis dan turut melakukan tindakan yang bertentangan dengan tabiat manusia itu atau turut melakukan penindasan terhadap keinginan semulajadi manusia dengan tujuan untuk mencapaikan sesuatu yang mustahil?

Seandainya mereka berkata bahwa di Russia perbedaan di antara golongan dengan golongan dan perbedaan di antara individu dengan individu hanya merupakan perbedaan yang kecil yang tidak sampai kepada had mewah di satu golongan dan had menderita di satu golongan yang lain, maka kami pun boleh berkata bahwa di dalam sistem Islam juga begitu, malah seribu tiga ratus tahun sebelum munculnya komunis, Islam telah memperjuangkan dasar mendekat dan mengecilkan jurang perbedaan di antara orangramai di samping mengharamkan kemewahan dan melenyapkan penderitaan. Tetapi untuk melaksanakan tujuan tujuan itu Islam tidak hanya menyerah kepada kuatkuasa undang undang semata-mata, malah ia menyerah pula kepada kejujuran kepercayaan manusia kepada Allah, kepada dasar membuat kebajikan dan saling menyintai sesama manusia.

Islam dan Sistem Kelas

FIRMAN Allah, "Dan Allah telah melebihkan pendapatan rezeki setengah kamu di atas setengah yang lain."(Surah an-Nahli (71))

Firman Allah lagi Kami telah mengangkatkan darjah darjah setengah kamu di atas setengah yang lain."(Surah al-Zukhruf(32))

Wahai kaum Muslimin tidakkah hakikat perbedaan di antara setengah dengan setengah orang itu telah diterang di dalam al-Quran dan ayat-ayat tadi? Jadi bagaimana kamu mendakwa bahwa Islam tidak mengakui sistem kelas-kelas?

Untuk mengetahui samada Islam mengizinkan sistem kelas kelas atau tidak mengizinkannya eloklah lebih dulu kita mengetahui apakah yang dimaksud dengan sistem kelas-kelas itu?

Seandainya kita meninjau sejarah negara-negara Eropah di zaman-zaman tengah kita akan melihat masyarakat manusia ketika itu terbahagi kepada beberapa kelas iaitu kelas bangsawan, kelas ahli-ahli agama, dan kelas rakyat jelata. Semuanya merupakan kelas-kelas manusia yang begitu jelas berbeda dengan ciri-ciri khusus yang berlainan dan satu kelas dengan satu kelas yang lain hingga dapat dikenali dengan sekilas pandang saja.

Kelas ahli-ahli agama misalnya dapat dikenali dengan pakaian-pakaian mereka yang berbeda dan orang lain dan mereka di zaman itu mempunyai pengaruh yang begitu besar di dalam masyarakat. Kuasa Pope di zaman itu, menurut anggapannya, adalah mengatasi kuasa raja-raja dan emperor-emperor dan dengan demikian kuasa Pope selalu bertentangan dengan kuasa raja-raja dan emperor-emperor dan menurut Pope dialah yang mengurniakan kuasa memerintah kepada raja-raja dan emperor-emperor itu kerana itu raja-raja dan emperor-emperor berusaha untuk membebaskan diri mereka dan kuasa Pope. Gereja-gereja di waktu itu mempunyai harta wakaf yang begitu banyak yang diwakafkan oleh orang ramai yang beriman dan dipungut dan cukai-cukai yang dikenakan ke atas orang ramai, malah gereja di zaman itu kadang kadang mempunyai pasukan-pasukan askar yang lengkap.

Sedangkan golongan bangsawan pula menganggap kebangsawanan itu sebagai satu hak yang diwarisi mereka dan satu jenerasi ke satu jenerasi. Seorang itu dilahir bangsawan dan akan kekal sebagai bangsawan sehingga akhir hayatnya tanpa diperhitungkan samada mulia atau hinanya kerja-kerja yang dilakukan semasa hidupnya dan samada sesuai atau tidaknya tindak-tanduk mereka dengan sifat-sifat kebangsawanan yang didakwakan mereka.

Di zaman feudal kaum bangsawan mempunyai kuasa mutlak di atas rakyat jelata yang hidup di dalam kawasan tanah yang dipunyai mereka. Seluruh kuasa undangan, kuasa pengadilan dan kuasa pentadbiran adalah berada di tangan mereka. Kehendak-kehendak dan hawa nafsu mereka merupakan undang-undang yang dipaksakan ke atas rakyat jelata.

Walaupun dewan-dewan perwakilan pernah dibentuk di zaman itu, namun anggota-anggota dewan itu adalah seluruhnya terdiri dan kaum bangsawan. Kerana itu dengan sendirinya segala undang-undang dan peraturan yang diluluskan oleh dewan itu adalah dituju untuk melindungi kepentingan mereka, untuk memelihara hak-hak istimewa mereka dan untuk mendewa-dewakan hak kebangsawanan mereka sebagai satu hak yang suci.

Orang ramai atau rakyat jelata di zaman itu adalah dianggap sebagai sampah sarap yang tidak mempunyai apa-apa hak dan keutamaan, malah mereka hanya dibebankan dengan segala macam kewajipan saja. Mereka hidup mewarisi kehinaan, kemiskinan dan perhambaan dan satu jenerasi ke satu jenerasi.

Kemudian perubahan-perubahan ekonomi yang penting telah berlaku di Eropah dan akibah perubahan itu melahirkan satu golongan baru, iaitu golongan borjuis yang menentang dan mengambil alih hak-hak istimewa kaum bangsawan. Dengan pimpinan kaum borjuis yang baru ini rakyat jelata telah meletuskan Revolusi Perancis, iaitu satu revolusi yang pada lahirnya telah menghapuskan sistem kelas-kelas dan pada teorinya telah memproklamirkan prinsip-prinsip kebebasan, persaudaraan dan persamaan.

Tetapi di zaman moden golongan kapitalis telah mengambil tempat golongan bangsawan di zaman lampau dan walaupun pengambilan alih itu berlangsung dengan berselindung di balik tabir dan dengan beberapa perubahan yang diperlukan oleh perkembangan ekonomi, namun hakikat asasi tidak berubah, kerana golongan kapitalis tetap merupakan golongan yang memegang tampuk kekayaan, pengaruh dan kekuasaan memerintah masyarakat. Walaupun di dalam sistem kapitalis ini terdapat gejala-gejala kebebasan seperti yang dicerminkan oleh adanya sistem pilihanraya-pilihanraya yang demokratis, namun golongan kapitalis tetap tahu bagaimana hendak menyeludup ke dalam parlimen dan jabatan-jabatan kerajaan untuk menjayakan rancangan-rancangan yang dikehendaki oleh mereka dengan cara-cara yang tidak jujur dan dengan menggunakan berbagai bagai istilah yang mengelirukan.

Malah di dalam negeri Inggeris sendiri iaitu satu negeri yang dianggap sebagai ibu demokrasi masih terdapat Dewan Para Lord (House of Lords) atau Dewan Para Bangsawan. Dan seterusnya di dalam negeri Inggeris sendiri masih dipraktikkan undang-undang feudalis yang menentukan bahwa anak sulung saja yang berhak menerima pesaka, sedangkan anak-anak yang lain baik lelaki atau perempuan dinafikan terus dan hak menerima pesaka. Tujuan asasi dan undang-undang itu ialah untuk mengelakkan pemecahan harta kekayaan keluarga atau dengan lain-lain perkataan untuk memelihara harta kekayaan keluarga supaya tetap dan kukuh guna menjaga prestij keluarga yang turun-temurun seperti yang di nikmati oleh golongan-golongan feudal di zaman-zaman tengah yang lampau.

Inilah yang dikatakan sistem kelas, iaitu satu sistem yang dapat dirumuskan dalam satu hakikat yang berikut, iaitu kelas yang memegang tampuk kekayaan itulah kelas yang memegang tampuk pemenintahan. Mereka secara langsung atau tidak langsung menyusun undang-undang negara untuk melindungi kepentingan-kepentingan mereka dan untuk mengekalkan rakyat jelata di bahwa kekuasaan mereka dan akibahnya rakyat jelata tidak dapat menikmati banyak hak mereka yang halal.

Berdasarkan hakikat-hakikat yang telah kita bentangkan tadi dapatlah kita mengerti dengan mudah bahwa sistem kelas-kelas yang seperti itu tidak terdapat di dalam Islam. Kerana pertama di dalam Islam tidak terdapat peraturan mewarisi darjah kebangsawanan seperti yang dilakukan oleh golongan bangsawan di negeri negeri Eropah. Demikian juga di dalam Islam tidak terdapat peraturan mewarisi singgahsana pemerintahan dan peraturan yang melahirkan golongan anak-anak bangsawan yang disebut sebagai keluarga diraja. Adanya peraturan-peraturan yang seperti itu di dalam negeri-negeri Islam sama seperti adanya orang-orang Islam yang minum arak, berjudi dan makan riba, yang mana dengan wujudnya orang-orang yang sedemikian tiada siapa pun yang boleh mengatakan bahwa Islam pernah menghalalkan arak, judi dan makan nba.

Kedua: Di dalam Islam tidak terdapat peraturan yang bertujuan mengekalkan harta kekayaan pada tangan segolongan manusia yang tertentu yang dapat diwarisi mereka dan satu jenerasi ke satu jenerasi dan tidak akan terkeluar dan tangan mereka. Islam menentang peraturan yang seperti itu dan dalam hubungan ini al-Quran telah menerangkan dengan tegas, “Agar harta kekayaan itu tidak hanya beredar di antara golongan kamu yang kaya saja.”

Di samping itu Islam telah mengadakan undang-undang pemecahan dan pembahagian kekayaan yang berjalan terus menerus agar kekayaan itu dibahagikan semula di antara anggota anggota keluarga menurut kadar-kadar yang baru. Kita maksudkan dengan undang-undang itu ialah undang-undang pesaka yang bertujuan membahagikan peninggalan harta kekayaan kepada sebilangan besar keluarga. Dengan undang-undang ini kekayaan satu jenerasi akan dipecah dan dibahagi di antara anggota-anggota keluarga sebaik saja mereka mati. Peninggalan harta kekayaan tidak akan bertumpuk pada satu tangan kecuali di dalam kes-kes yang jarang, di mana seluruh kekayaan itu akan diwarisi oleh seorang anak lelaki yang tiada bersaudara dan tiada berkerabat yang lain. Kes-kes yang sedemikian tidak boleh dijadikan ukuran dan tidak pula boleh dijadikan alasan untuk mengeritik sistem Islam. Walaupun demikian, namun Islam tidak juga membiarkan kes-kes yang seperti ini berlaku begitu saja, malah Islam menentukan sebahagian yang tertentu dan harta peninggalan itu dibahagjkan kepada orang-orang miskin yang tidak mempunyai sebarang pertalian kerabat dengan si mati itu. Pemberian ini seolah-olah samalah dengan cukai pesaka di zaman moden sekarang ini. Firman Allah, "Dan apabila sewaktu pembahagian harta pesaka ini hadir kerabat-kerabat, anak-anak yatim dan orang-orang miskin, maka berilah mereka sekadar tertentu dan harta itu dan ucapkanlah kepada mereka kata-kata yang baik."(Surah al-Nisa (8)) Dengan cara yang sedemikian Islam dapat menyelesaikan masaalah penimbunan kekayaan pada satu tangan dan dapat menjadikan pemilik-pemilik kekayaan itu sebagai individu-individu biasa bukan sebagai satu golongan atau kelas. Dan apabila mereka mati harta kekayaan itu akan dibahagikan pula kepada keluarga masing-masing menurut kadar-kadar yang tententu.

Sejarah telah menyaksikan bahwa kekayaan-kekayaan di dalam masyaraka Islam sentiasa berpindah dan satu tangan ke tangan yang lain, tanpa bertumpuk pada tangan segolongan orang-orang yang tertentu saja.

Satu hakikat paling penting yang patut kita tegaskan sekali lagi di sini ialah kuasa perundangan Islam bukan milik satu golongan manusia yang tententu, kerana di dalam pemerintahan Islam tiada seorang pun yang berhak mengatur undang-undang menurut selera dan mizajnya, malah di dalam pemerintahan Islam undang-undang Ilahi yang diturun dan langit harus menjadi undang-undang yang memerintah seluruh rakyat jelata tanpa memilih bulu dan kasih dan tanpa menganiayai seseorang pun. Dan dan sini ternyatalah bahwa di dalam Islam tidak terdapat sama sekali kelas-kelas di dalam masyarakat, kerana wujudnya kelas kelas itu mempunyai hubungan yang rapat dengan hak istimewa memegang teraju membuat undañg-undang dan apabila hak istimewa ini tidak ada dan apabila tiada seorang pun yang berhak membuat undang-undang sendiri untuk melindungi kepentingan kepentingan dirinya dengan mengenepikan kepentingan kepentingan orang lain. Maka tiada erti lagi wujudnya kelas-kelas.

Tujuan dua ayat Quran yang kami sebutkan di permulaan bab ini iaitu:

(1) "Allah telah melebihkan pendapatan rezeki setengah kamu di atas setengah yang lain.'

(2) "Dan kami telah mengangkatkan darjah-darjah setengah kamu di atas setengah yang lain."

Tujuan kedua-dua ayat ini tidak lebih dan satu penjelasan terhadap apa yang sebenar berlaku di dunia ini samada di negeri-negeri Islam atau di negeri-negeri yang bukan Islam, di mana manusia tetap berbeda-beda samada pada pangkat dan darjah atau pada pendapatan-pendapatan hidup. Misalnya di Russia sendiri orang ramai mendapat gaji dan mempunyai pendapatan yang berbeda-beda. Ketua-ketua tidak sama dengan orang orang bawahan. Pegawai-pegarai tentera tidak sama dengan perajurit-perajurit biasa. Di antara mereka tetap terdapat perbedaan-perbedaan pangkat dan upah. Ini satu hakikat hidup yang tidak dapat dielak dan satu hakikat yang wujud di mana-mana saja.

Di samping itu kedua-dua ayat itu pula tidak menjelaskan bahwa perbedaan itu berlaku dengan satu sebab yang tertentu, misalnya ayat-ayat itu tidak mengatakan bahwa perbedaan itu adalah berlaku akibah dan sistem kapitalisma atau akibah dan sistem komunisma atau akibah dan sistem Islam. Demikian juga ayat-ayat itu tidak mengatakan bahwa perbedaan itu adalah selama-lamanya adil atau zalim menurut ukuran kita di bumi, malah apa yang diperkatakan oleh ayat-ayat itu ialah satu kenyataan atau keadaan hakiki yang berlaku di mana-mana. Dan segala apa yang berlaku di muka bumi ini sudah tentu termasuk di dalam lingkungan iradat Allah.

Walaubagaimanapun kita tidak menafikan bahwa di dalam Islam terdapat kelas hamba seperti yang diterangkan oleh al-Quran, tetapi persoalan kelas hamba itu telah pun bincangkan dengan cukup lebar, di mana kita telah tegaskan bahwa perhambaan itu hanya satu sistem sementara yang dipaksa oleh keadaan-keadaan yang tidak dapat dihindari Islam di waktu itu, atau dengan lain-lain perkataan perhambaan bukanlah salah satu prinsip dalam konsep masyarakat Islam, malah satu keperluan untuk sementara waktu saja. Di samping itu kita telah terangkan pula bagaimana Islam memberi layanan yang istimewa kepada kaum hamba abdi. Kerana itu kita merasa tidak perlu lagi mengulangi di sini segala apa yang kita telah sentuh di bab perhambaan yang lampau, tetapi cukuplah dengan membawa satu kisah terkenal di mana Sayyidina Omar memperlihatkan sikap Islam yang tegas terhadap konsep kelas-kelas itu. Kisah itu begini:

Di suatu masa seorang bangsawan Arab yang telah memeluk Islam sedang mengerjakan amalan fardhu haji. Ia kelihatan begitu angkuh dengan kebangsawanannya, pakaiannya labuh menyapu bumi yang dilaluinya, iaitu satu ciri kebanggaan zaman jahiliah. Ia hanya Islam pada lahirnya saja, sedangkan batinnya belum lagi diresapi jiwa Islam yang sebenar. Ketika berada bersama-sama orang ramai mengerja tawaf tiba-tiba ekor bajunya yang panjang meleret itu telah dipijak tanpa sengaja oleh seorang abdi. Dengan segera ia menahan abdi yang kurang ajar itu dan terus menampar mukanya dengan penuh kemarahan dan keangkuhan. Lantas si abdi itu mengadu kepada Khalifah Omar. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Sayyidina Omar setelah mendengar pangaduan abdi itu? Adakah beliau berkata kepada si abdi, "Itu tidak apa: Kerana awak abdi, sedangkan dia bangsawan yang memiliki banyak hak-hak kehormatan?' 'Adakah beliau mengeluarkan satu peraturan baru yang dituju untuk melindungkan baju-baju para angsawan dan dipijak oleh kaum abdi atau mengeluarkan satu undang-undang baru yang mempastikan kaum abdi menerima tamparan-tamparan para bangsawan dengan penuh rela?

Tidak. malah Sayyidina Omar menggesa supaya bangsawan itu dipanggil kehadapannya dan supaya abdi itu menampar balas muka bangsawan itu agat ia benar-benar mengerti bahwa syariat Islam tidak membezakan di antara satu manusia dengan satu manusia yang lain walaupun di antara keduanya terdapat perbedaan kedudukan dan kekayaan oleh sebab-sebab yang tertentu. Keputusan Sayyidina, Omar tidak dapat ditelan oleh bangsawan yang angkuh itu. Ia cuba mengelak dan hukuman tegas yang menyamaratakan antara manusia itu dan apabila ia tidak berjaya mendapat jalan keluar ia terus lari dari Omar dan pada akhirnya keluar dan agama Islam.

Inilah sikap lslam yang tegas yang tidak mengakui sebarang hak istimewa kelas. Soal perbedaan kekayaan atau pendapatan ántara seseorang dengan seseorang yang lain adalah satu soal yang lain yang tidak harus dicampuradukkan dengan masaalah kelas-kelas. Di dalam Islam kekayaan tidak memberi kuasa undang-undang dan pengadilan kepada pemilik-pemiliknya. Seluruh rakyat jelata masyarakat Islam harus diperintah dengan satu undang-undang dan peraturan saja.

Sebelum ini telah kita tegaskan bahwa di dalam Islam tuan tanah tidak diberi sebarang hak untuk menindas dan memperhambakan orang lain, demikian juga kaum kapitalis yang wujud di dalam masyarakat Islam yang sebenar. Kuasa seseorang pemerintah Islam tidaklah diambil dari sokongan golongan-golongan yang bermilik malah diambil dan persetujuan rakyat melalui pemilihan umum, juga dan kesanggupannya menjalankan undang-undang Allah.

Di samping itu semua, kita ingin menyebutkan sekali lagi di sini bahwa di dunia ini tidak terdapat satu masyarakat, di mana seluruh penduduknya mendapat pembahagian harta kekayaan yang sama banyak. Masyarakat yang sedemikian tidak wujud walaupun di negeri komunis yang telah mendabik dada sebagai satu negeri yang telah menghapuskan kelas-kelas, kerana apa yang sebenar berlaku ialah negeri komunis telah mengekalkan kelas pemerintahan dan menghapuskan kelas kelas yang lain.

Islam Dan Zakat

KAUM komunis dan kuncu-kuncu penjajah mengejek sistem zakat. Mereka mencabar pengembang-pengembang Islam. Wahai pengembang-pengembang Islam adakah tuan tuan mahu menegakkan keadilan Islam dengan sistem zakat? Adakah tuan-tuan mahukan rakyat jelata hidup dengan ihsan wang wang zakat yang dikeluarkan oleh orang orang kaya yang budiman? Inikah yang dikatakan keadilan menurut istilah tuan-tuan Adakah tuan-tuan rela melihat kehormatan manusia dihina sedemikian rupa?

Mereka telah salah mengerti dan punca kesilapan mereka yang paling besar ialah kerana mereka menyangka bahwa zakat itu sedekah atau satu pemberian secara ihsan dan orang kaya kepada orang-orang miskin. Jika mereka berfikir dengan akal yang waras tentulah mereka dapati bahwa gambaran zakat yang sebenar tidak begitu, kerana dan segi lojik apabila dikatakan sedekah atau pemberian secara ihsan dengan sendirinya bererti bahwa pemberian itu merupakan satu pemberian sukareka yang tidak diwajibkan oleh pemerintah atau undang-undang, sedangkan yang sebenarnya zakat bukan sedekah malah satu pembayaran yang diwajibkan oleh undang-undang dan mana-mana pihak yang menunjukkan keengganan untuk membayar zakat mereka akan di tentang oleh negara dengan kekuatan senjata dan jika perlu mereka halal dibunuh kerana mereka dianggap sebagai kaum murtad. Jika zakat itu sedekah atau satu pemberian secara ihsan saja tentulah tindakan-tmdakan sedemikian tidak berlaku.

Zakat — dan segi kaca mata kewangan — merupakan satu sistem cukai berperaturan yang pertama kali di dalam sejarah ekonomi dunia. Sedangkan sebelum ini, cukai-cukai hanya dikenakan ke atas orang ramai mengikut sesuka hati pemerintah dan jumlah cukai yang harus dipungut bergantung kepada sejauh mana keperluan kewangan yang dikehendaki pemerintah, untuk memenuhi kepentingan-kepentingan peribadi mereka. Di samping itu bebanan membayar cukai selama-lamanya lebih banyak dipikul oleh orang-orang miskin dan orang-orang kaya atau hanya dipikul oleh orang-orang miskin saja.

Tetapi apabila lahir Islam pemungutan cukai atau zakat telah diatur dengan kadar-kadar yang tertentu saja dan tidak boleh lebih dan itu jika negara berada dalam keadaan normal. Di samping itu Islam membebankan kewajipan membayar zakat ke atas orang orang kaya dan orang-orang yang sederhana kaya saja, sedangkan orang-orang miskin dibebaskan dan kewajipan itu.

Inilah hakikat zakat yang pertama yang harus diingati ketika memperkatakan tentang zakat.

Hakikat yang kedua ialah pembahagian hasil pungutan zakat kepada orang-orang miskin haruslah diselenggarakan oleh negara bukan oleh orang-orang kaya itu sendini, apa yang dikatakan “Baitulmal” dalam Islam tidak lain melainkan samalah dengan “Kementenian Kewangan’ sekarang yang mengumpulkan seluruh hasil pendapatan negara dan mengaturkan anggaran-anggaran perbelanjaan bagi setiap jabatan kerajaan.

Seandainya negara menyalurkan hasil-hasil zakat itu untuk membantu orang-orang yang memerlukan pertolongan yang tidak dapat bekerja atau tidak mempunyai punca pendapatan hidup yang cukup, maka pemberian itu bukanlah bererti sedekah atau pemberian secara ihsan yang menjatuhkan kehormatan orang orang yang memenlukan pertolongan itu. Sebagaimana tiada siapa yang boleh mengatakan bahwa pegawai-pegawai yang bersara yang menerima pencen dan kerajaan dan boroh-bonoh yang mendapat faedah dan rancangan keselamatan sosial sebagai pengemis pengemis yang hidup dengan ihsan dan sedekah orang-orang kaya. Begitulah juga halnya dengan kanak-kanak dan orang-orang tua yang tidak berdaya untuk bekerja yang mendapat bantuan-bantuan kerajaan. Tentulah tiada siapa yang

boleh mengatakan bahwa kehormatan mereka telah terguris kerana menerima bantuan itu. Sebab pada dasarnya negara adalah berkewajipan melakukan tugas-tugas perikemanusiaan itu.

Rancangan keselamatan sosial yang diselengganakan oleh negara sekarang merupakan satu sistem yang paling baru yang dapat ditelurkan oleh manusia setelah sekian banyak menempuhi pengalaman-pengalaman yang pahit dan setelah sekian lama hidup di dalam kezaliman-kezaliman sosial.

Dalam hubungan ini Islam dapat berbangga kerana ia telah mempelopori sistem keselamatan sosial itu ketika negeri-negeri Eropah sedang hidup di dalam zaman kegelitaan lagi. Tetapi sudah menjadi kebiasaan berfikir kepada setengah-setengah orang bahwa mana-mana sistem yang diimport dan Barat adalah baik belaka dan mana-mana sistem yang dibawa oleh Islam adalah lapuk dan mundur belaka.

Hakikat yang ketiga seandainya keadaan hidup orang ramai di permulaan Islam itu memerlukan orang-orang miskin di waktu itu menerima pembayaran zakat dalam bentuk wang tunai atau matabenda, namun cara yang sedemikian bukanlah merupakan satu-satunya cara membayar zakat yang dinaskan oleh Allah, malah di sana tidak ada nas-nas yang menegah agar zakat itu dibayar kepada orang-orang yang berhak menerimanya dalam bentuk sekolah-sekolah percuma untuk anak-anak mereka, hospital-hospital percuma untuk perubatan mereka, kesatuan kesatuan kerjasama yang memberi punca-punca kehidupan kepada mereka, kilang-kilang dan yayasan yang memberi pekerjaan pekerjaan kepada mereka dan sebagainya dan badan-badan dan rancangan-rancangan perkhidmatan sosial yang wujud di zaman moden ini. Pemberian zakat dalam bentuk wang tunai tidak perlu dikeluarkan melainkan kepada orang-orang yang tidak berjaya bekerja dengan sebab sakit, tua atau masih dalam usia kanak kanak, sedangkan orang-orang yang lain dan mereka bolehlah menerima zakat dalam bentuk pekerjaan-pekerjaan dan perkhidmatan-perkhidmatan.

Hakikat yang keempat masyarakat Islam sama sekali tidak bertujuan untuk selama-lamanya mewujudkan golongan fakir miskin yang semata-mata hidup dengan harta zakat. Masyarakat Islam pernah sampai kepada kemuncaknya yang ideal di zaman Khalifah Omar bin Abdul Aziz, di mana zakat dipungut tetapi pegawai-pegawai pemungutnya tidak dapat menemui orang-orang miskin atau seoráng miskin pun untuk dibahagikan harta zakat yang dipungut itu. Marilah kita dengar Yahya bin Said mengisahkan peristiwa itu. “Khalifah Omar bin Abdul Aziz telah menugaskan saya untuk menyelenggarakan pemungutan zakat dan Afrika dan sesudah selesai mengumpulkan harta zakat itu kami mencari golongan fikir miskin untuk dibahagi-bahagikan zakat itu, tetapi tidak seorang miskin yang dapat kami temui dan tidak ada seorang pun yang mahu menerima zakat itu dan kami, kerana Omar bin Abdul Aziz telah membuat semua orang hidup senang.”

Tidak syak lagi bahwa setiap masyarakat itu tidak sunyi dan orang-orang miskin dan orang-orang yang memerlukan pertolongan. Kerana itu peraturan-peraturan dan undang-undang yang tertentu pastilah diadakan untuk menghadapi keadaan yang seperti itu. Oleh sebab Islam sentiasa menguasai masyarakat-masyarakat baru yang tidak seimbang pembahagian kekayaannya, maka undang-undang yang sedemikian perlulah dipraktikkan agar masyarakat-masyarakat itu perlahan-lahan meningkat maju hingga sampai kepada kemuncaknya yang ideal yang wujud di zaman pemerintahan Khalifah Omar bin Abdul Aziz.

Sedekah ialah harta yang dikeluarkan oleh orang-orang kaya secara derma atau ihsan. Pemberian sedekah memanglah di persetujui dan digalakkan oleh Islam. Di samping itu pemberian sedekah dapat dilakukan dengan berbagai-bagai cara seperti memberi bantuan kewangan kepada ibubapa, kaum kerabat dan orang-orang yang memerlukan pertolongan.

Sedekah juga dapat dilakukan dalam bentuk perkhidmatan-perkhidmatan yang baik dan kata-kata yang manis.

Dalam hubungan ini tiada siapa yang boleh mengatakan bahwa seseorang yang membantu keluarganya bererti menyinggung perasaan dan kehormatan mereka, malah pemberian itu merupakan pernyataan kasih sayang, simpati, perpaduan dan timbang rasa.

Seandainya anda memberi hadiah kepada saudara anda atau mengadakan jamuan untuk menghormati kaum kerabat anda atau memberi perkhidmatan kepada mereka, maka tentulah perbuatan perbuatan anda yang baik itu tidak akan menimbulkan kebencian dan dendam kesumat mereka dan tidak akan menyebabkan mereka merasa terhina dan tersinggung.

Memberi sedekah atau derma kepada orang-orang miskin dalam bentuk mata benda atau wang tunai samalah dengan pemberian zakat dalam bentuk mata benda atau wang tunai di permulaan Islam. Pemberian yang sedemikian adalah sesuai dan dapat diterima di waktu itu sebagai satu cara yang baik untuk membantu orang-orang yang melarat dan orang-orang yang memerlukan bantuan. Tetapi cara pemberian sedekah yang seperti itu bukanlah merupakan satu-satunya jalan yang telah ditentukan Allah hingga tidak boleh diubah atau dielakkan lagi, malah pemberian sedekah itu dapatlah dilakukan dengan berbagai-bagai cara. Ia boleh disalurkan dalam bentuk derma-derma kepada pertubuhan-pertubuhan atau yayasan kebajikan masyarakat atau dalam bentuk-bentuk bantuan kepada kerajaan-kerajaan Islam bagi mencukupi keperluan kewangannya untuk menjalankan projek-projek pembangunannya.

Dalam satu aspek yang lain, pemberian sedekah samalah dengan pemberian zakat, iaitu selama adanya golongan fakir miskin dalam masyarakat maka selama itulah mereka pasti dibantu dengan segala cara untuk membolehkan mereka mencapai kenikmatan hidup, tetapi ini bukanlah pula bererti bahwa masyarakat Islam harus selama-lamanya mempunyai golongan fakir miskin, malah apabila perkembangan masyarakat Islam telah tiba kepada satu peringkat yang ideal seperti di zaman Khalifah Omar bin Abdul Aziz, maka tidak ada lagi golongan fakir miskin yang memerlukan pemberian zakat dan sedekah dan ketika itu zakat dan sedekah akan digunakan untuk satu peruntukan penting yang diperlukan oleh setiap masyarakat di dunia, iaitu peruntukan untuk membantu orang-orang Islam yang tidak mampu bekerja kerana sesuatu sebab yang tertentu.

Kerana itu satu hakikat yang patut kita peringatkan di sini ialah Islam tidak pernah menganjur rakyat jelata menggantungkan hidup mereka kepada sedekah dan derma. Islam memperjuangkan dasar bahwa kerajaan harus menjamin kehidupan rakyat jelata yang tidak mampu bekerja dan tugas itu tidaklah dilakukannya dengan motif sedekah dan derma, malah kerajaan dalam Islam adalah ditugas mengadakan pekerjaan-pekerjaan kepada setiap rakyat yang mampu bekerja. Pada suatu hari seorang lelaki datang meminta sesuatu dan Rasulullah untuk menyarakan hidupnya. Lalu Rasulullah memberikannya sebilah kapak dan seutas tali kemudian beliau menyuruh lelaki itu mengusahakan kayu api dan menjualkannya untuk mendapatkan sara hidupnya. Setelah itu beliau berpesan agar lelaki itu kembali menemuinya untuk melapurkan apa yang telah dikerjakannya. Bagi orang-orang yang hanya melihat gambaran-gambaran abad dua puluh saja tentulah memandang cerita itu sebagai - contoh tunggal yang tidak mempunyai apa-apa erti, tambahan pula contoh itu hanya melibatkan sebilah kapak, seutas tali dan seorang lelaki sa sedangkan kehidupan di zaman moden ini melibatkan kilang-kilang yang besar dan berjuta-juta boroh yang menganggür dan seterusnya kehidupan di zaman ini berlangsung dalam bentuk satu kerajaan yang teratur rapi dan mempunyai berbagai-bagai cabang ikhtisas. Pendapat yang sedemikian nyatalah satu pendapat yang naif, kerana Rasulullah tentulah tidak diminta untuk memperkatakan hal-hal kilang yang besar atau untuk mengadakan peraturan-peraturan kilang yang akan muncul lebih seribu

tahun selepas beliau. Kerana, andainya Rasulullah berbuat demikian tentulah tiada seorang pun manusia di zamannya yang dapat memahami apa yang diperkatakan beliau. Dalam hubungan ini cukuplah kepada Rasulullah meletakkan dasar-dasar umum undang-undang dan menyerahkan kepada setiap jenerasi mengadakan cara-cara pelaksanaan masing-masing dalam lingkungan dasar-dasar ini.

Dalam cerita yang kami telah bentangkan tadi terdapat beberapa prinsip yang jelas iaitu kesedaran Rasulullah 'bahwa di antara kewajipannya selaku kepala negara ialah mengadakan pekerjaan kepada lelaki yang tidak berpekerjaan dan beliau telah pun mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengadakan pekerjaan itu mengikut keadaan dan keperluan zaman itu dan untuk mempastikan tanggungjawabnya beliau telah menyuruh pula lelaki itu kembali menemuinya untuk melapurkan hasil pekerjaannya.

Rasa tanggungjawab yang sedemikian tentulah disokong sepenuhnya oleh teori politik dan kemasyarakatan yang termoden di zaman ini tetapi seandainya negara tidak mampu mengadakan pekerjaan-pekerjaan kerana sebab-sebab yang di luar kemahuannya, maka jabatan Baitulmal atau perbendaharaan negara akan bertugas membantu mereka sehingga keadaan pulih kembali. Orang-orang Islam harus bersikap budiman terhadap diri mereka, terhadap negara dan terhadap orang ramai.

Islam Dan Wanita

NEGARA-NEGARA Timur hari ini sibuk dengan persoalan hak-hak wanita dan persoalan menuntuk hak-hak persamaan sepenuh dengan lelaki. Di tengah-tengah kesibukan yang seakan-akan diserang wabak demam itu, juara-juara pejuang hak hak wanita telah menggunakan nama Islam ketika mengemukakan dakwaan-dakwaan mereka. Setengahnya dengan ekstrim mendakwa bahwa Islam telah menetapkan hak-hak yang sama di antara dua jenis itu di dalam segala perkara dan setengahnya pula dengan penuh kejahilan menuduh bahwa Islam adalah musuh wanita, Islam menjatuhkan taraf dan kehormatan wanita, Islam menghancurkan perasaan wanita yang ingin berbangga dengan keperibadiannya, malah Islam meletakkan wanita pada status yang hampir sama dengan binatang, Islam menganggap wanita sebagai semata-mata alat untuk lelaki memenuhi nafsu berahinya dan sebagai alat untuk melahirkan keturunan tidak lebih dari itu. Pendeknya taraf wanita tidak lebih dan taraf hamba kepada lelaki, di mana lelaki menguasai dan mengatasi wanita di dalam segala hal.

Kedua-dua golongan itu masing-masing tidak memahami hakikat Islam atau boleh jadi juga mereka memahami hakikat Islam tetapi mereka dengan sengaja mencampuradukkan di antara kebenaran dengan kebatilan dengan maksud menimbulkan keadaan fitnah dan kekecohan di dalam masyarakat atau dengan maksud untuk memancing di air yang keruh.

Sebelum kita memperkatakan tentang hakikat kedudukan wanita di dalam Islam, eloklah lebih dulu kita membuat tinjauan sepintas lalu terhadap sejarah gerakan pembebasan wanita di negeri-negeri Barat yang menjadi sumber kekecohan dan tauladan yang diikuti oleh negara-negara Timur.

Di zaman lampau wanita-wanita di negeri-negeri Eropah dan dunia seluruhnya dipandang selaku makhluk-makhluk yang tidak mempunyai sebarang hak dan nilai. Ahli-ahli ilmu dan ahli-ahli falsafah di zaman itu sibuk berbincang di antara sesama mereka samada wanita itu mempunyai roh atau tidak mempunyai roh, dan seandainya wanita itu mempunyai roh, maka adakah roh itu merupakan roh kemanusiaan atau roh kebinatangan dan seandai nya wanita itu dianggap mempunyai roh kemanusiaan, maka adakah kedudukan sosial dan kemanusiaannya itu sama dengan kedudukan seorang hamba kepada lelaki atau sedikit lebih tinggi dan itu?

Keadaan itu tidak berubah walaupun di zaman-zaman gemilang mereka yang pendek, di mana perempuan menikmati kedudukan sosial yang tinggi di dalam masyarakat Greek dan Empayar Roman. Kerana kedudukan istimewa yang dicapai mereka di masa-masa itu bukanlah satu kedudukan yang dapat dinikmati oleh semua perempuan, malah oleh segelintir perempuan yang ternama saja atas sifat peribadi masing-masing. Lebih tepat kedudukan sosial yang tinggi itu hanya dapat dirasai oleh wanita wanita ibu kota saja yang bertugas selaku hiasan majlis-majlis keraian dan selaku alat-alat kemewahan di majlis-majlis hartawan hartawan dan pembesar-pembesar yang begitu berhasrat untuk berbangga-bangga dan berpoya-poya.

Di samping itu kehormatan yang diberikan kepada wanita wanita di masa-masa itu bukanlah merupakan satu penghormatan yang hakiki sebagai makhluk manusia yang berhak menerima kehormatan tanpa melihat kepada kenikmatan nafsu yang di berikannya kepada lelaki.

Kedudukan wanita juga tidak berubah di zaman-zaman perhambaan dan feudal di negeri-negeri Eropah. Wanita-wanita yang hidup dalam kejahilan di waktu itu dimanja-manjakan sebagai alat mewah dan memuaskan nafsu syahwat dan kemudian mereka dibiarkan

hidup seperti haiwan yang makan minum, mengandung, melahirkan anak dan bekerja siang dan malam.

Dan apabila berlakunya Revolusi Industri di Eropah, satu malapetaka besar yang belum pernah dialami kaum wanita di sepanjang sejarah mereka tiba-tiba telah menimpa mereka.

Orang-orang Eropah di segala zamannya memperlihatkan sikap yang keras dan bakhil terhadap kaum wanita. Mereka tidak mengerti dengan sikap-sikap murah hati dan sukarelawan yang tidak mengharapkan sebarang faedah-faedah yang dekat atau jauh. Mereka menanggung sarahidup kaum perempuan semata-mata kerana dipaksakan oleh kedudukan ekonomi yang wujud di zaman perhambaan dan feudal dalam masyarakat pertanian, di mana wanita bekerja di rumah di dalam perusahaan-perusahaan kecil seperti yang lumrah dilakukan dalam masyarakat pertanian. Dan dengan pekerjaan-pekerjaan yang sedemikian bererti kaum wanita membayar sara hidup mereka yang ditanggung oleh kaum lelaki itu.

Tetapi dengan meletusnya Revolusi Industri, maka seluruh kedudukan sosial telah mengalami perubahan-perubahan yang radikal samada di kawasan luar bandar atau di kawasan bandar. Revolusi itu telah menghancurkan strakcer dan pertalian keluarga, di mana kaum wanita dan kanak-kanak ditolak bekerja di dalam kilang-kilang. Di samping itu Revolusi Industri juga telah mendorong pekerja-pekerja dan kawasan luar bandar yang hidup dengan tradisi gotong-royong itu berhijrah ke bandar di mana orang tidak kenal-mengenal dan bantu-membantu satu sama lain, di mana setiap orang bebas dengan kerja dan pendapatan masing masing, di mana orang-orang dapat memuaskan keinginan sexnya dengan mudah melalui saluran zina. Hal ini dengan sendirinya mengurangkan keinginan mereka untuk mendirikan rumahtangga dan menyarakan keluarga atau sekurang-kurangnya mendorong mereka menundakan masa perkahwinan mereka untuk beberapa waktu yang lama. Dari sinilah pendokong materialisma dan komuninisma yang mentafsirkan sejarah dengan berdasarkan faktor ekonomi menandaskan bahwa faktor ekonomi itulah yang menciptakan kedudukan sosial dan menentukan bentuk-bentuk perhubungan di antara manusia. Tetapi sebenarnya tiada siapa yang membantah terhadap pengaruh faktor ekonomi dalam kehidupan manusia, malah apa yang dibantah dengan keras ialah apabila faktor ekonomi itu dianggap sebagai satu-satunya faktor yang menguasai hidup manusia dan apabila dikatakan ekonomi itu mempunyai daya jabriah terhadap alirah fikiran dan perasaan-perasaan manusia. Daya jabriah ekonomi yang seperti itu hanya dapat dilihat dalam kehidupan umat Eropah, di mana tidak terdapatnya kepercayaan-kepercayaan yang luhur yang meninggikan perasaan, membersihkan jiwa, dan menetapkan hubungan hubungan ekonomi atas prinsip kemanusiaan. Seandainya kepercayaan kepercayaan yang sedemikian muncul di Eropah seperti munculnya di dunia-dunia Islam tentulah kepercayaan-kepercayaan itu dapat melunakkan tekanan ekonomi yang kejam dan menyelamatkan manusia dan belenggu belenggunya.

Tetapi tujuan kami dalam artikal ini bukanlah untuk menyemak seluruh sejarah Eropah, malah tujuan kami di sini ialah semata-mata untuk meninjau faktor-faktor yang mempengaruhi kehidupan kaum wanita saja.

Tadi telah kami sebutkan, bahwa Revolusi Industri telah memaksa kaum wanita dan kanak-kanak turut bekerja dan akibahnya meleburkan strakcer dan pertalian keluarga. Dalam hubungan ini kaum wanitalah yang terpaksa membayar dengan harga yang mahal. Mereka terpaksa bekerja lebih keras dan dulu di samping hilangnya kehormatan mereka, tetapi walaupun demi kian, namun mereka tidak juga mendapat kepuasan baik dan segi material atau dan segi kejiwaan. Kaum lelaki bukan saja mengelak dan membayar sara hidup kaum wanita, malah memaksa mereka bekerja untuk menyarakan din sendiri walaupun dia seorang isteri atau seorang ibu. Di samping itu kaum wanita yang bekerja di kilang itu telah ditindas dan

diperah dengan seburuk-buruknya. Mereka dipaksa bekerja lebih masa, sedangkan upah yang diterima mereka lebih rendah dan upah lelaki yang melakukan kerja yang sama di kilang itu. Kita tidak payah bertanya mengapa Eropah bersikap begitu kejam terhadap perempuan, kerana Eropah memang begitulah sifatnya iaitu selalunya tidak bertimbangrasa, tidak mengenang budi dan tidak menghormati manusia sebagai manusia dan tidak ingin melakukan kebajikan secara sukarela jikaia masih berpeluang melakukan kejahatan-kejahatan dengan aman.

Itulah sifat dan tabiat Eropah di sepanjang sejarah, baik di zaman silam atau di zaman sekarang dan akan datang kecuali ia mendapat hidayah dan Allah.

Seandainya kanak-kanak dan perempuan-perempuan itu merupakan golongan-golongan yang lemah, maka apakah sesuatu yang dapat menghalangi mereka dan ditindas dan diperah dengan sekejam-kejamnya? Tentulah hati nurani yang sedar saja dapat menghalangi mereka dan penindasan, tetapi malangnya Eropah tidak pernah mempunyai hati norani.

Walaupun demikian, namun di sana terdapat juga manusia manusia Eropah yang berhati perut dan berperikemanusiaan. Mereka tampil dengan gigih memperjuangkan nasib kanak-kanak yang lemah. Mereka selaku pemimpin-pemimpin reformasi sosial telah mengecam tindakan-tindakan majikan yang menggunakan kanak-kanak yang lemah itu sebagai boroh-boroh kasar yang melakukan kerja-kerja berat yang di luar kemampuan mereka dengan upah yang rendah. Hasil dan perjuangan mereka yang bersungguh-sungguh lahirlah undang-undang yang mengharamkan pengambilan boroh kanak-kanak, juga undang-undang menaikkan bayaran upah dan mengurangkan jam-jam kerja.

Seandainya nasib kanak-kanak telah mendapat pembelaan, tetapi nasib kaum wanita tidak mendapat sebarang pembelaan, mereka terus ditindas. Eropah tidak berbuat apa-apa terhadap mereka kerana hati norani Eropah belum maju sampai ke peringkat itu. Akibatnya kaum wanita terus terpaksa bekerja menyarakan diri mereka sendiri dan menenima upah yang lebih rendah dan upah yang diterima kaum lelaki walaupun hasil dan jenis kerja itu sama saja.

Kemudian meletus Peperangan Dunia Yang Pertama, di mana berjuta-juta pemuda Eropah dan Amenika terbunuh. Kaum wanita di sana menghadapi akibah-akibah yang paling pahit. Berjuta-juta dan mereka kehilangan lelaki yang dapat menanggung sara hidup mereka kerana terbunuh di medan peperangan, atau mendapat kecederaan yang melumpuhkan mereka atau mengidap kerusakan saraf akibah ketakutan dan gas-gas racun, atau kerana mereka baru saja dibebaskan dan penjara, di mana mereka ditahan selama empat tahun dan kini mereka ingin berihat dan memulihkan tenaga saraf mereka. Lelaki yang seperti tadi telah kehilangan selera untuk mendirikan rumahtangga dan menanggung sara hidup keluarga yang biasanya meminta pengorbanan wang dan tenaga.

Di satu segi yang lain pula peperangan besar itu telah mengakibahkan kekurangan tenaga boroh lelaki yang tidak mencukupi untuk menjalankan semula kilang-kilang guna membina apa yang telah diruntuh dan dimusnahkan oleh peperangan. Untuk menghadapi keadaan ini kaum wanita mahu tidak mahu terpaksa bekerja di kilang-kilang untuk melindungkan mereka juga orang-orang tua dan kanak-kanak bawah tanggungan mereka dan kebuluran.

Di samping itu kaum wanita yang menceburkan diri bekerja di kilang-kilang itu terpaksa pula mengenepikan persoalan-persoalan akhlak dan sifat-sifat kewanitaan yang kini mengancam usaha mencari rezeki mereka. Tuanpunya-tuanpunya kilang-kilang perusahaan dan pegawainya bukanlah semata-mata memerlukan tenaga boroh, malah mereka mendapat kesempatan memuaskan nafsu mereka dengan boroh-boroh wanita itu. Dan selama adanya wanita-wanita yang bersedia menyerah tubuhnya untuk mendapatkan pekerjaan-pekerjaan, maka peluang-peluang kerja hanya diberikan kepada wanita-wanita yang seperti itu saja.

Kaum wanita ketika itu bukan hanya menghadapi masaalah kebuluran saja, malah menghadapi masaalah sex juga, kerana sex merupakan satu keinginan semulajadi manusia yang pasti dipenuhi, tetapi oleh kerana jumlah kaum lelaki di waktu itu merosot akibah terkorban di dalam peperangan, maka tidak semua kaum wanita dapat memuaskan keinginan sex mereka melalui pernikahan. Di samping itu ajaran dan peraturan agama yang menguasai masyarakat Eropah dewasa itu tidak dapat menerima prinsip poligami yang dibenarkan oleh Islam sebagai jalan keluar untuk mengatasi keadaan dharurat itu. Akibahnya kaum wanita mahu tidak mahu terpaksa menyerahkan badan mereka untuk mendapat makanan dan kepuasan sex di samping mendapat kewangan yang diperlu untuk memenuhi keinginan mereka kepada pakaian-pakaian yang indah, alat-alat solek dan segala sesuatu yang menjadi idaman wanita.

Demikianlah nasib kaum wanita, mereka terpaksa meneruskan cara hidup yang tidak dapat dihindari mereka, mereka terpaksa bekerja di kilang-kilang dan di firma-firma, mereka terpaksa menyerah badan mereka kepada nafsu kaum lelaki dan terpaksa berusaha memenuhi keinginan mereka dengan apa saja cara yang dapat dilakukannya. Tetapi walau bagimanapun, namun masaalah kaum wanita semakin bertambah buruk. Kilang kilang masih terus mengambil kesempatan menindas mereka yang laparkan pekerjaan itu dengan memberi layanan-layanan tidak adil yang tidak diterima akal dan hati norani. Mereka terus diberi upah yang lebih kecil dan upah yang diterima kaum lelaki dalam pekerjaan yang sama dan di tempat yang sama.

Oleh kerana itu satu pemberontakan besar harus dicetus oleh kaum wanita. Ini tidak dapat dielakkan lagi, iaitu satu pemberontakan untuk melenyapkan kezaliman atau keadaan tidak adil yang berlangsung jenerasi demi jenerasi itu. Selama ini kaum wanita tidak mempunyai apa-apa walaupun mereka telah mengorbankan kehormatan dan keperempuanan mereka dan walaupun mereka telah mengorbankan kecenderungan semulajadi mereka yang ingin mempunyai Keluarga dan anak-pinak yang dapat menegakkan keperibadian merëka dan memungkinkan mereka hidup bersama dengan penuh bahagia. Dengan pengorbanan-pengorbanan yang sedemikian besar kaum wanita sepatutnya dapat menerima sekurang-kurangnya upah yang sama dengan kaum lelaki sebagai satu-satunya hak yang halal dan lojis bagi mereka.

Tetapi kaum lelaki Eropah tidak mahu mengalah dengan semudah itu. Mereka tetap mempertahankan tabiat selfish mereka, akibahnya terjadilah pertarungan yang hebat, di mana kaum wanita menggunakan segala senjata yang tercapai oleh mereka, mereka melancarkan pemogokan demi pemogokan, demonstrasi demi demonstrasi, mereka menggunakan pentas-pentas pidato di khalayak yang ramai dan ruangan-ruangan akhbar untuk mernperjuangkan hak-hak mereka. Kemudian mereka sedar bahawa satu-satunya jalan untuk melenyapkan sumber keadaan tidak adil itu ialah mereka harus diberi hak turut serta dalam menyusun undang-undang negara. Bertolak dan kesedaran itu mereka mula-mula berjuang menuntut hak mengundi kemudian menuntut hak menjadi wakil rakyat di parlimen.

Setelah kaum wanita melalui peringkat-peringkat persekola hari yang sama dengan kaum lelaki dan mempunyai kelayakan yang sama untuk menjalankan pekerjaan yang sama, mereka dengan lojis pula menuntut agar mereka dibenar menjadi pegawai-pegawai kerajaan sama seperti kaum lelaki. Mereka tidak mahu dibeza-bezakan selama mereka dilatihkan dengan pelajaran dan pengajian yang sama.

Demikianlah kisah perjuangan kaum wanita untuk mencapai hak mereka di negeri-negeri Eropah. Satu kisah yang bersambung-sambung seperti mata-mata rantai, setiap langkah yang telah diperjuangkan itu membawa pula kepada satu langkah perjuangan yang baru

samada perjuangan itu mendapat restu kaum lelaki atau tidak atau samada mereka sendiri suka atau tidak. Mereka terpaksa bertindak terus kerana mereka tidak mempunyai sebarang kuasa dalam masyarakat yang runtuh dan terlepas liar itu. (Di sini sekali lagi pendokong komunis mendakwa bahwa faktor ekonomi itulah satu-satunya faktor yang menentukan nasib kaum wanita di Eropah. Dalam hubungan ini sekali lagi kita tegaskan bahwa kita tidak memandang enteng kepada faktor ekonomi dalam kehidupan manusia, tetapi kita berpendapat bahwa apa yang telah berlaku di Eropah itu tidak semestinya berlaku demikian seandainya Eropah mempunyai ajaran dan peraturan agama yang seperti Islam, di mana kaum lelaki diwajibkan menanggung nafkah kaum wanita dalam segala keadaan dan di mana kaum wanita harus menerima upah yang sama dengan kaum lelaki apabila mereka bekerja, dan di mana peraturan poligami dibenarkan apabila berlakunya keadaan-keadaan dharurat. Inilah satu-satu jalan keluar yang bersih untuk menga masaalah sex secara berlakunya peperangan besar. Dan dengan jalan keluar yang sedemikian kaum wanita tidak perlu lagi melacurkan diri mereka atau mencari kepuasan sex secara gelap.)

Tetapi walaupun demikian gigih perjuangan mereka, namun tentulah anda terkejut apabila anda mengetahui bahwa negeri Inggeris yang dianggap ibu demokrasi itu hingga ke saat ini masih menggaji kaum wanita dengan gaji yang lebih rendah dan gaji yang diterima kaum lelaki di dalam jawatan-jawatan kerajaan, walaupun di dalam parlimen Inggeris terdapat yang berhormat wakil-wakil rakyat wanita.

Marilah kita kembali meninjau kedudukan kaum wanita di dalam Islam untuk melihat samada di sana wujudnya suasana-suasana jeografi, ekonomi, kepercayaan dan undang-undang yang menyebabkan kaum wanita Islam terpaksa berjuang merebutkan hak mereka seperti yang telah dilakukan oleh saudara-saudara mereka wanita-wanita Barat, atau kekecohan yang ditimbulkan oleh pejuang-pejuang hak wanita di dalam masyarakat-masyarakat Islam itu adalah semata-mata didorong oleh keinginan meniru atau keinginan menjadi pak turut Barat tanpa disedari. Keinginan keinginan inilah yang mengabui mata kita dan memandang hakikat yang sebenar dan membuat kita melihat sesuatu dengan kacamata orang lain, malah keinginan inilah yang melahirkan suasana-suasana kecoh di dalam konggres-konggres wanita Islam.

Menurut prinsip asasi Islam, kaum wanita adalah dipandang sebagai makhluk manusia yang mempunyai roh kemanusiaan yang sama dengan kaum lelaki firman Allah, "Wahai sekalian manusia bertaqwalah kepada Tuhanmu yang telah menciptakanmu dan satu jiwa (Adam) dan darinya Allah menciptakan isterinya (Hawa) dan dan kedua-duanya Allah membiakkan kaum lelaki dan kaum perempuan yang ramai."(Surah al-Nisa(1)) Dan sini ternyatalah bahwa lelaki dan perempuan itu merupakan satu kejadian yang sama asal keturunan dan sama pula destinasinya dan persamaan itu melahirkan pula persamaan hak-hak seperti hak-hak nyawa, hak-hak kehormatan dan hak-hak hartabenda. Kaum wanita di dalam Islam diberi kehormatan yang sewajarnya. Kehormatan mereka tidak boleh disinggung dan tidak boleh diumpat. Mereka juga tidak boleh diintip atau digelidahi rumahnya.

Pendeknya Islam memberi hak yang sama baik kepada kaum lelaki atau kaum wanita tanpa sebarang perbedaan. Seluruh larangan dan perintah Allah adalah meliputi seluruh lelaki dan seluruh wanita firman Allah, "Wahai orang-orang yang beriman janganlah satu kaum mengejek-ngejek kaum yang lain kerana boleh jadi kaum yang diejek-ejekkan itu lebih baik dan mereka. Dan janganlah pula, wanita-wanita mengejek-ngejek wanita-wanita yang lain kerana boleh jadi wanita-wanita yang diejek itu lebih baik dan mereka, dan janganlah kamu mencela dirimu satu sama lain dan janganlah kamu panggil dengan gelaran-gelaran yang buruk." (Surah al-Hujurat(11))

"Janganlah kamu intip-mengintip dan mengumpati satu sama lain. (Surah al-Hujurat (12)) Wahai orang-orang yang beriman janganlah kamu masuki rumah-rumah yang lain dan rumah kamu sehingga kamu Iebih dulu meminta izin dan memberi salam kepada penghuninya."(Surah an-Nur(27)) "Setiap orang Islam diharam mencerobohi darah, kehormatan dan hartabenda orang Islam yang lain."(Hadith Bukhari dan Muslim)

Hinggakan balasan di akhirat juga sama di antara kaum lelaki dan kaum perempuan. Firman Allah, "Maka Tuhan mereka telah memperkenankan permohonan itu dengan berfirman sesungguhnya Aku tidak akan mensia-siakan amalan orang-orang yang beramal di antara kamu baik kaum lelaki atau kaum wanita."(Surah ali-lmran(195))

Kaum lelaki dan kaum wanita diberi hak-hak yang sama untuk merealisasikan keperluan-keperluan kebendaan mereka dan kebebasan menguruskannya seperti hak memilik dan hak mengurus harta milik dengan bebas. Mereka sama-sama berhak untuk menggadai, memberi sewa, mewakaf, menjual, membeli dan mendapatkan faedah dan harta milik mereka, mendapat pesaka dan sebagainya, firman Allah, "Bagi orang lelaki ada hak bahagian dan harta peninggalan ibubapa dan kerabatnya dan bagi orang perempuan juga ada hak bahagian dan harta peninggalan ibubapa dan kerabatnya."(Surah al-Nisa(7)) "Bagi orang lelaki ada bahagian dan hasil usaha mereka dan bagi orang perempuan juga ada hak bahagian dan hasil usaha mereka."(Surah al-Nisa(32))

Kita pasti berhenti di sini sejenak untuk memperhatikan dua perkara yang penting mengenai hak kaum wanita, iaitu hak memilik, hak mengurus harta milik dan hak mengambil faedah dan harta milik, kerana undang-undang di negeri-negeri Eropah yang bertamaddun itu hingga sampai kepada masa-masa baru ini masih menafikan hak-hak itu kepada kaum wanita. Mereka hanya dapat menggunakan hak-hak mereka secara tidak langsung saja iaitu melalui lelaki samada suami atau bapa atau penjaga. Ini bererti bahwa kaum wanita Eropah tidak mendapat hak-hak yang diberikan oleh Islam itu selama lebih dan dua belas abad selepas lahirnya Islam di dunia.

Dan apabila kaum wanita pada. akhirnya mendapat hak-hak itu, maka mereka mendapatnya bukanlah dengan cara yang mudah, malah mereka terpaksa berjuang dengan mengorbankan akhlak dan kehormatan mereka, mereka terpaksa menitiskan peluh, darah dan airmata untuk mendapat sebahagian dan hak-hak yang dikurniakan Islam kepada kaum wanita secara sukarela, bukan kerana tunduk kepada tekanan ekonomi, bukan kerana mengaiah kepada pertentangan kelas di antara manusia, malah kerana Islam sedar bahwa hak-hak itu adalah hak-hak yang benar dan adil sejak azali lagi, juga kerana Islam ingin merealisasi kan hak-hak yang benar dan adil itu di alam kenyataan bukan di alam impian atau alam ideal.

Satu perkara lagi yang harus mendapat perhatian kita, iaitu komunisma khususnya dan asyarakat Barat umumnya adalah menganggapkan bahwa kewujudan manusia ialah kewujudan ekonomi. Mereka dengan terus terang menandaskan bahwa wanita itu tidak mempunyai kewujudan sèndiri kerana mereka tidak mempunyai hak memilik dan hak mengurus harta milik sendiri. Kecuali apabila wanita mempunyai kebebasan ekonomi, iaitu kebebasan milik yang berasingan dan lelaki, iaitu kebebasan hidup dan menggunakan hak-hak milik sesuka hatinya, maka barulah kewujudannya dianggap sebagai kewujudan mãnusia yang sebenar.

Walaupun kita tidak bersetuju dengan pendapat mereka yang sempit, yang telah menjatuhkan taraf manusia menjadi barang barang ekonomi itu, namun pada dasarnya kita bersetuju dengan mereka bahwa kebebasan ekonomi itu mempunyai kesannya yang besar dalam membentukkan perasaan merasa bangga dan besar hati terhadap din sendiri. Dalam hubungan ini Islam dapat bermegah kerana ia telah memberi hak kebebasan ekonomi kepada

kaum wanita, di mana mereka dengan bebas dapat memilik, mengurus harta miik dan menggunakan harta miiknya secara langsung dan dengan pendirian tanpa melalui sebarang campur tangan perwakilan dan mereka mempunyai hak untuk meladini masyarakat tanpa campurtangan sebarang orang tengah.

Islam bukan saja memperlihatkan kewujudan kaum wanita dalam persoalan hak milik, malah Islam memperlihatkan kewujudannya di dalam persoalan paling penting yang menyangkuti hidupnya, iaitu persoalan kahwin, di mana Islam telah menetapkan bahwa ia tidak boleh dikahwin tanpa izinnya dan sesuatu akad nikah itu tidak boleh dilangsungkan sehingga lebih dulu ia memberi keizinannya. Sabda Rasulullah, "Tidak boleh dikahwin wanita janda melainkan setelah mendapat persetujuannya dan tidak boleh dikahwin anak dara melainkan sesudah mendapat keizinannya dan diamnya tanda keizinannya."(Riwayat al-Bukhari dan Muslim) Akad nikah itu akan terbatal apabila ia mengumumkan bahwa ia tidak bersetuju dengan perkahwinan itu.

Perempuan sebelum Islam memérlukan jalan-jalan bengkok dan tidak jujur untuk menghindari dirinya dan perkahwinan yang tidak disetujuinya, kerana ia tidak mempunyai sebarang hak di sisi undang-undang dan adat untuk menolak perkahwinan itu. Tetapi kini Islam dengan tegas memberi hak kebebasan memilih suami itu kepada penempuan yang dapat digunakannya pada bila masa saja apabila ia suka (Mungkin sepintas lalu hak yang sedemikian itu hanya merupakan satu hak khayali saja dalam kontek suasana ekonomi, sosial dan tradisi masyarakat Islam sekarang ini, tetapi Islam sama sekali tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penyelewengan yang bertentangan dengan peraturan dan hukum-hukumnya. Kaum wanita di zaman permulaan Islam telah menggunakan hak ini dan telah mendapat pengesahan dan Rasulullah dan para khalifahnya. Umat Islam hari ini dituntut menghormati hak ini dan melenyapkan halangan samada halangan itu berupa kedudukan ekonomi, sosjal atau adat yang bertentangan dengan Islam. Lihat buku "Ma'rkat al-Taqalid."), malah Islam memberi hak meminang lelaki yang disukainya untuk menjadi suaminya sedangkan hak yang seperti itu hanya baru saja dapat dicapai oleh wanita Eropah dalam abad yang kedelapan belas dan mereka mengalu-alukannya sebagai satu kemenangan besar dalam perjuangan menentang tradisi lapuk.

Satu lagi bukti yang menunjukkan bagaimana tingginya penghargaan Islam terhadap rukun-rukun kewujudan manusia ialah sewaktu manusia sedang berada di zaman kejahilan dan kegelitaan, Islam telah pun menganggap ilmu dan mempelajari ilmu itu sebagai satu keperluan kepada umat manusia, satu keperluan kepada setiap individu dan satu keperluan yang bukannya terbatas pada satu golongan manusia saja. Kerana itu Islam bukan saja menetapkan hak cari ilmu kepada umat manusia malah Islam menganggapkan usaha mencari ilmu itu sebagai satu fardhu dan satu rukun kepercayaan kepada Allah menurut cara Islam.

Di sini juga Islam mempunyai hak untuk bermegah sebagai satu sistem hidup manusia yang pertama-tama mengakui wanita selaku makhluk manusia dan menganjur agar kaum wanita itu mencari ilmu pengetahuan sama seperti kaum lelaki untuk menyempurnakan keperibadiannya. Islam mewajibkan kaum wanita menuntut ilmu pengetahuan sebagaimana ia mewajibkan kaum lelaki dengan tujuan agar mereka dapat meninggikan taraf pemikiran mereka sebagaimana mereka meninggikan roh dan badan mereka mengatasi taraf binatang. Dan sewaktu Islam menggalakkan umatnya menuntut ilmu pengetahuan, wanita wanita di Eropah masih lagi belum mendapat hak-hak itu kecuali di abad-abad belakangan setelah ditekan oleh keadaan-keadaan yang memaksa.

Demikianlah caranya Islam menghormati dan menghargai kaum wanita dan dengan kenyataan-kenyataan itu tiada seorang pun boleh berdegil untuk mengatakan bahwa apa yang

dilakukan oleh Islam terhadap kaum wanita adalah berdasarkan prinsip bahwa wanita itu hanya merupakan makhluk nombor dua atau hamba kaum lelaki saja atau mengatakan bahwa peranan. Wanita di dalam kehidupan hanya satu peranan yang kecil saja yang tidak masuk dalam perhitungan, kerana jika demikianlah sikap 'Islam terhadap wanita sudah tentu ia tidak menggalakkan wanita menuntut ilmu. Sebab galakan menuntut ilmu itu sendiri mempunyai implikasinya yang tersendiri, malah dengan galakan menuntut ilmu itu saja sudah cukup untuk membuktikan bagaimana tingginya kedudukan wanita di dalam Islam, satu kedudukan yang bukan saja tinggi di sisi Allah, malah tinggi di sisi manusia seluruhnya.

Setelah Islam mengaku hak-hak kemanusiaan yang sam kepada lelaki dan wanita, maka Islam bertindak pula membeda bedakan di antara keduanya dalam setengah-setengah hak dan kewajipan. Perbezaan dalam beberapa aspek inilah yang menimbulkan kekecohan yang dibangkitkan oleh pemimpin-pemimpin konggres wanita dan disokong oleh setengah-setengah penulis, pemimpin-pemimpin masyarakat dan angkatan-angkatan muda dan kaum lelaki. Allah sajalah yang mengetahui samada mereka benar-benar jujur untuk memperbaiki masyarakat atau mereka hanya bertujuan agar kaum wanita itu mudah dipikat di perhimpunan-perhimpunan dan di tengah-tengah jalan.

Sebelum kita memperincikan aspek-aspek perbedaan yang telah digariskan oleh Islam di lelaki dan wanita, eloklah kita tinjau persoalan ini dari kacamata fisiologi, biologi dan saikologi dan selepas itu barulah kita kemukakan pandangan Islam.

Marilah kita bertanya adakah wanita dan lelaki itu satu jenis atau dua jenis? Adakah kedua-duanya melaksanakan satu tugas yang sama atau dua tugas yang berlainan? Inilah pokok persoalan. Seandainya pemimpin-pemimpin wanita yang sering mengadakan konggres untuk menuntut hak-hak persamaan dan seandainya penulis-penulis wanita bermaksud untuk mengatakan kepada kita bahwa di antara jenis lelaki dan jenis wanita tidak terdapat sebarang perbedaan dan segi susunan badan, perasaan dan fungsi biologi dalam hidup, maka tentulah kita tidak dapat berkata apa-apa pun kepada mereka, tetapi jika mereka mengakui adanya perbezaan di antara dua jenis itu, maka barulah kita mendapat asas-asas yang wajar untuk mengadakan satu perbincangan yang jujur dalam persoalan ini.

Saya telah pun membincangkan masaalah persamaan di antara jenis lelaki dan wanita itu dengan agak detail dalam buku saya "Manusia Di antara Materialisma dan Islam" pada bab "Masaalah Sex" dan saya kira tidaklah menjadi satu halangan jika saya kutipkan di sini beberapa paranya:

"Hasil dan perbedaan tugas dan matalamat yang penting itu, timbullah perbedaan tabiat di antara lelaki dan perempuan agar masing-masing dapat memikul tugas-tugas hidupnya yang pokok. Kedua-dua jenis itu telah diperlengkapkan dengan segala kemudahan untuk menyesuaikan din dengan tugas masing-masing.

"Kerana itu saya tidak dapat mengerti apakah yang dimaksudkan oleh laungan-laungan kosong yang menuntut hak persamaan mutlak di antara lelaki dan wanita. Untuk menuntut hak persamaan sebagai manusia sudah tentu merupakan satu tuntütan yang memang wajar dan makkul kerana lelaki dan wanita memanglah dua bahagian manusia yang tidak boleh dibedakan, tetapi untuk menuntut hak persamaan di antara tugas-tugas hidup dan segala tindak-tanduknya tentulah merupakan satu tuntutan yang tidak dapat dipraktikkan walaupun seluruh wanita di dunia menuntut demikian dan walaupun mereka mengadakan berbagai bagai konggres dan membuat resolusi-resolusi yang tegas.

Konggres-konggres dan keputusan-keputusan yang penting tidak akan dapat mengubahkan hakikat-hakikat kejadian lelaki dan wanita, ia tidak akan dapat menjadikan

kaum lelaki mengongsikan kaum wanita dalam tugas-tugas mengandung, melahir dan menyusukan bayi.

"Sesuatu tugas biologi itu tidak dapat dilaksanakan tanpa satu penyesuaian jiwa dan fizikal yang khusus. Ini bererti bahwa ikhtisas jenis wanita dengan tugas-tugas mengandung dan menyusu itu tentulah memerlukan kepada perasaan-perasaan, sentimen sentimen dan pemikiran khusus yang sesuai untuk mereka memikul tugas yang besar itu.

Perasaan kasih mesra yang tinggi, kesediaan memberi khidmat-khidmat luhur, kesabaran bekerja tidak putus-putus, ketelitian membuat perhitungan dan tindakan yang menjadi ciri-ciri keibuan itulah yang merupakan bentuk strakcer jiwa, saraf dan pemikiran kejadian seorang wanita kemudian strakcer itu disesuaikan pula dengan satu bentuk strakcer tubuh badan yang sesuai untuk melaksanakan tugas mengandung dan menyusukan bayi. Kedua-dua strakcer itu mengkoordinasi dan menyempurnakan satu sama lain. Dan kedua strakcer itu harus wujud bersama-sama jika tidak, maka kejadian wanita akan menjadi satu kejadian yang anih dan abnormal.

Perasaan kasih mesra yang begitu halus, letusan emosi yang pantas dan perasaan-perasaan yang sentiasa berkubar-kubar itulah yang membentuk sumber sentimen wanita yang penuh, limpah dan mudah dirangsang dan seluruhnya itu merupakan keperluan keperluan untuk menjadi ibu. Ini menunjukkan bahwa wanita itu lebih banyak mempunyai aspek sentimen dan aspek intelektual. Ini adalah sesuai untuk melayani kehendak-kehendak kanak-kanak kerana tugas untuk mengasuh kanak-kanak itu tidak banyak memerlukan kepada fikiran-fikiran yang kadang-kadang cepat dan lambat atau kadang-kadang bersedia memberi respon dan kadang-kadang tidak, malah ia lebih banyak memerlukan kepada sentimen-sentimen yang berkubar-kubar, yang tidak berfikir dan sentiasa bersedia untuk menyahut panggilan bayi dengan segera tanpa lambat-lambat dan tempoh-menempoh.

Inilah ciri-ciri kejadian kaum wanita dan ciri-ciri inilah yang menolong kaum wanita dalam melaksanakan tugas keibuannya yang pokok dan matlamat hidupnya yang memang sedemikian dirancang.

Pihak kaum lelaki pula ditugaskan untuk memikul kewajipan yang berlainan pula dan ia dilengkapkan dengan susunan kejadian yang sesuai dengan kewajipannya dan berlainan dan kaum perempuan. Ia ditugaskan untuk berjuang di dalam gelanggang luar kehidupan dalam bentuk usaha-usaha menentang ancaman-ancaman binatang buas di hutan rimba, atau dalam bentuk usaha-usaha menghadapi kekuatan-kekuatan alam baik di langit atau di bumi atau dalam bentuk usaha-usaha menentang peraturan-peraturan pemerintahan dan undang-undang ekonomi yang tidak adil. Seluruh usaha itu adalah untuk menjamin sumber rezeki dan untuk melindungi dirinya dan anak isterinya dari segala pencerobohan.

Untuk melaksanakan tugas-tugas itu kaum lelaki tidak memerlukan kepada emosi dan sentimen yang berkubar-kubar, malah sentimen yang berkubar-kubar itu akan merusakkan tugasnya, kerana sentimen yang meluap-luap sering membuat seseorang itu berubah-ubah sikap dan tidak tabah dalam melaksanakan sesuatu tindakan atau matalamat.

Pendeknya kekuatan sentimen dan emosi yang subur itu hanya sesuai untuk melaksanakan tugas-tugas keibuan yang menghadapi keadaan-keadaan yang tidak tetap, dan tidak sesuai untuk melaksanakan tugas-tugas berencana yang memerlukan kesabaran dan ketabahan dalam jangka waktu yang lama, kerana itu kejadian lelaki lebih banyak memerlukan kepada ciri kekuatan fikiran dan intelektual. Sebab kekuatan fikiran lebih mampu mengaturkan tadbir-tadbir dan membuat rancangan-rancangan yang teliti sebelum dilaksanakan. Kekuaran fikiran juga tidak bertindak secepat sentimen yang berkubar-kubar, kerana apa yang diharapkan dari fikiran itu bukannya kepantasan bertindak, malah ialah ketelitian bertindak

yang memperhitungkan segala kemungkinan dan akibah-akibah juga ketelitian memilih cara-cara yang baik untuk mencapai matalamat-matalamat yang dikehendaki, samada matalamat itu berupa memburu-buruan atau merekakan satu alat atau mengaturkan rancangan ekonomi atau menyusun politik pemerintahan atau melancarkan peperangan atau mengadakan perdamaian. Semuanya itu merupakan urusan-urusan yang memerlukan penggunaan fikiran yang mendalam dan urusan urusan itu akan rusak apabila dikendalikan oleh sentiment-sentimen yang tidak stabil.

Kerana itu kaum lelaki diletakkan pada tempat yang wajar untuk melaksanakan tugas-tugasnya yang wajar. Hakikat ini dapat menjelaskan peri adanya banyak perbedaan kelakuan di antara kaum lelaki dan kaum wanita misalnya mengapa lelaki begitu mantap dan gigih melaksanakan tugas-tugasnya, di mana ia memberi sebahagian terbesar dan jiwa dan akal fikirannya, sedangkan dalam bidang sentimen kaum lelaki kelihatan terumbang-ambing dan berubah-ubah seperti kanak-kanak. Se baliknya kaum wanita pula kelihatan begitu mantap dan tenteram dalam hubungan-hubungan sentimennya terhadap kaum lelaki. Apabila ia menghadapi lelaki ia menghadapinya dengan seluruh jiwa-raganya dan menyusun gerak langkah dan sepak-terajangnya dengan begitu teliti dan hati-hati. Ia merancangkan matalamat matalamat yang mahu dicapainya untuk jangka waktu yang jauh dan dengan gigih berusaha untuk melaksanakan kehendak kehendak yang diidaminya. Tetapi di dalam bidang pekerjaan kaum wanita tidak merasa begitu mantap dan tenteram melainkan di dalam pekerjaan yang dapat memberi kepuasan kepada sebahagian dan tabiat keperempuannya seperti pekerjaan pekerjaan merawat, mengajar, mengasuh dan sebagainya. Pekerjaan di gudang-gudang perniagaan juga dapat memberi kepuasan kepada sebahagian sentimen perempuan, kerana di sana ia dapat melaksanakan cita-citanya untuk mencari suami yang wajar, tetapi pekerjaan yang seperti itu merupakan pekerjaan sementara atau sambilan saja kerana cita-citanya yang sebenar dan asli ialah mendapatkan suami, membangun sebuah rumahtangga, membentuk satu keluarga dan mengasuh anak-pinak. Sebab itu apabi1a ia mendapat kesempatan melaksanakan cita-cita aslinya Ia akan meninggalkan pekerjaan sementaranya dan terus memberi seluruh jiwa kepada rumahtangganya kecuali ia terpaksa meneruskan pekerjaan itu kerana sebab-sebab kewangan.

Bagaimanapun, namun ini bukanlah bererti satu pemisahan yang muktamad di antara kaum lelaki dan perempuan dan bukanlah pula bererti bahwa kaum lelaki dan perempuan itu masing-masing tidak layak untuk melaksanakan pekerjaan yang diuntukkan kepada jenis yang lain.

Malah, kedua-dua jenis itu bertimbal-balik dan bercampur aduk dan kedua-duanya masing-masing mempunyai unsur jenis awannya dengan kadar-kadar yang tidak sama. Kerana itu seandainya anda dapati ada wanita-wanita yang berkebolehan dalam mentadbirkan pemerintahan atau menjalankan urusan pengadilan atau boleh berkecimpung dalam pekerjaan-pekerjaan yang berat atau turut serta dalam peperangan dan pertempuran. Begitu juga seandainya anda dapati ada lelaki-lelaki yang berkebolehan di dalam bidang masak-memasak, mengurus rumah tangga, mengasuh dan memberi kemesraan kewanitaan kepada kanak-kanak, - maka semuanya itu bukanlah perkara luar biasa kerana unsur kedua-dua jenis itu begitu bercampur-aduk dan boleh didapati pada jenis lawannya. Tetapi hakikat ini bukanlah membawa yang falsu bahwa seluruh perempuan itu dapat mengerjàkan semua pekerjaan lelaki seperti yang mahu dikatakan oleh pemimpin-pemimpin masyarakat Barat yang lucah atau oleh pemimpin-pemimpin masyarakat Timur yang runtuh, malah masalah yang sebenar harus ditinjau begini; adakah pekerjaan pekerjaan yang di luar fungsi kewanitaan yang dapat dikerjakan oleh mana-mana wanita itu dapat menggantikan fungsi kewanitaan yang asli dengan erti ia tidak merasa perlu lagi untuk mempunyai rumahtangga, anak-pinak dan

keluarga dan seterusnya tidak merasa perlu lagi kepada lelaki untuk melindungi rumah tangganya di samping memenuhi keinginan sex dan kebuluran jasadnya?

Setelah kami bincangkan tentang hakikat-hakikat perbezaan di antara jenis lelaki dan jenis wanita, maka sekarang marilah kita kembali membincangkan masaalah-masaalah perbedaan di antara dua jenis itu di dalam Islam.

Keistimewaan Islam adalah terletak pada sistem hidupnya yang realistis. Islam sentiasa memelihara tabiat manusia dan tidak pernah membuat peraturan-peraturan yang bertentangan dengannya atau memesongkannya. Islam mengajak manusia membersih dan mempertinggi tabiat-tabiatnya hingga sampai kepada darjah-darjah ideal yang diimpi-impikannya. Tetapi dalam usaha usaha untuk membersihkan tabiat-tabiat itu, Islam tidak menganjur manusia supaya bertindak mengubahkan tabiatnya, malah Islam tidak pernah memperhitungkan bahwa perubahan yang sedemikian boleh dilakukan atau boleh mendatangkan faedah faedah kepada manusia. Islam hanya percaya bahwa sebaik-baik peraturan yang dapat dicapai oleh manusia ialah peraturan peraturan yang sesuai dengan tabiatnya yang bersih atau peraturan peraturan yang dapat meninggikan tabiatnya dan darjah terpaksa kepada darjah sukarela.

Dalam menghadapi masaalah-masaalah kaum lelaki dan kaum wanita Islam memilih sikapnya yang realistis yang memahami tabiat manusia. Ia memberi hak persamaan di antara keduanya dalam perkara-perkara yang memang wajar disamakan dan membedakan di antara keduanya dalam perkara-perkara yang memang wajar dibedakan menurut hukum kejadian semulajadi. Kini marilah kita tinjau dua masaalah besar, di mana Islam membeda bedakan di antara lelaki dan wanita, iaitu masaalah pembahagian pesaka dan masaalah pengetuaan keluarga.

Menurut Islam lelaki diberi hak menerima pesaka sekali ganda dan perempuan. Pembahagian sedemikian memang wajar kerana Islam mewajibkan lelaki menanggung semua perbelanjaan keluarga, sedangkan perempuan tidak diwajibkan mengeluarkan perbelanjaan seperti itu kecuali perbelanjaan untuk kepentingan diri dan perhiasannya saja. (Melainkan jika perempuan itu satu satunya menjadi penyara hidup keluarganya dan hal yang seperti ini jarang berlaku di dalam sistem Islam, kerana lelaki yang mengambil bahagian asabah diwajibkan menanggung perbelanjaan perempual walaupun darjah pertaliannya jauh). Dengan peraturan yang sedemikian di manakah ketidakadilan yang dikatakan oleh pejuang yang menuntut persamaan yang mutlak di antara lelaki dan perempuan? Marilah kita ketepikan sentimen dan dakwaan-dakwaan dan marilah kita tinjau persoalan ini dengan menggunakan satu kira-kira yang mudah, iaitu jika perempuan menerima sepertiga bahagian dan harta pesaka untuk dibelanjakan bagi kepentingan dirinya, sedangkan lelaki pula menerima dua pertiga bahagian tetapi, pertama ia harus menanggung -sara hidup isterinya (kaum perempuan) dan kedua ia harus menanggung sara hidup keluarga dan anak-anaknya, maka manakah pihak yang lebih banyak mendapat bahagian menurut lojik kira-kira dan angka? Seandainya di sana terdapat laki-laki yang membelanjakan seluruh harta kekayaan mereka untuk kepentingan diri mereka saja tanpa berkahwin dan membentuk keluarga, maka kes-kes yang seperti itu sangat sedikit berlaku, kerana kaum lelaki sememangnya ditugas mëmbelanjakan harta kekayaannya untuk membentuk keluarga yang sudah tentu termasuk di dalamnya kaum wanita iaitu isterinya. Dia mengeluarkan perbelanjaan itu bukan di atas asas sukarela, tetapi di atas asas kewajipan sebagai lelaki.

Bagi pihak perempuan (isteri) pula walaupun sebanyak mana ia memiliki kekayaan, namun lelaki (suami) tidak berhak menggunakan kekayaan itu sedikit pun kecuali dengan sepenuh persetujuannya. Malah dialah yang harus menyarakan perbelanjaan hidup isterinya seolah-olah isterinya itu tidak punya milik apa-apa dan bagi pihak isteri yang kaya itu pula

berhak mengadu kepada pihak yang berkuasa jika suaminya enggan memberi nafkah atau tidak cukup memberi nafkah kerana menimbangkan isterinya sudah berharta, maka pihak mahkamah akan memaksa suami itu samada menanggung nafkah isterinya atau menceraikannya.

Berdasar perhitungan ini tidak syak lagi bahwa kaum wanita lah yang lebih banyak mendapat bahagian dan keseluruhan harta pesaka, sedangkan dua bahagian yang diterima oleh kaum lelaki itu bukanlah merupakan satu pembahagian istimewa, kerana kaum lelaki telah dipertanggungjawabkan dengan tugas nafkah yang tidak dipertanggungjawabkan kepada kaum wanita.

Demikian sistem pembahagian yang diatur oleh Islam mengenai harta pesaka yang didapati tanpa susah payah itu. Pembahagian itu memanglah diasaskan di atas seadil-adil undang undang yang pernah dicapai oleh manusia hari ini iaitu undang-undang yang menetapkan bahwa, "Setiap orang berhak mendapat kadar. yang diperlukannya" dan ukuran keperluan itu bergantung keparta tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan kepadanya.

Tetapi di dalam harta pencarian Islam tidak menetapkan sebarang perbedaan di antara lelaki dan wanita samada dalam peraturan upah atau di dalam keuntungan perniagaan atau hasil mahsul tanah atau sebagainya, kerana di dalam bidang ini Islam menggunakan satu ukuran yang lain pula iaitu "Persamaan tenaga dan ganjaran." Dengan sikap yang demikian jelaslah bahwa Islam sama sekali tidak berlaku tidak adil terhadap kaum wanita atau memandang persoalan wanita dengan berdasarkan ukuran bahwa nilai wanita ialah separuh dan nilai lelaki seperti yang difahamkan oleh orang-orang Islam yang jahil atau seperti yang dituduh oleh musuh-musuh Islam, kerana dengan menggunakan ilmu kira-kira yang mudah saja kita dapat membuktikan bahwa tuduhan itu adalah tidak benar.

Penilaian kesaksian (jadi saksi)(Evidence) dua orang perempuan sama dengan kesaksian seorang lelaki dalam Islam itu bukanlah dapat dijadil dalil bahwa nilai wanita dalam Islam itu sama dengan separuh nilai lelaki. Malah apa yang ditetapkan oleh Islam dalam peraturan jadi saksi itu merupakan satu langkah yang bijak untuk benar-benar menjamin keutuhan kesaksian itu samada untuk kepentingan pihak yang tertuduh atau untuk menentangnya.

Melihat tabiat perempuan itu mudah dan cepat terpengaruh kepada emosi dan sentimen yang mungkin melencongkan kedudukan-kedudukan kes yang sedang dibicarakan itu, maka kerana itu Islam menetapkan bahwa kesaksian seorang perempuan itu haruslah disokong oleh seseorang perempuan yang lain agar jika keterangan salah seorangnya tidak tepat, maka yang seorang lagi itu dapat membetulkannya, kerana mungkin pihak yang tertuduh atau yang dibela itu seseorang perempuan jelita yang mungkin merangsangkan perasaan cemburu pada perempuan yang menjadi saksi, atau mungkin pula pihak yang tertuduh atau yang dibela itu seorang budak muda yang mungkin menimbulkan perasaan keibuan, kasihan belas dan sebagainya, pada saksi perempuan samada disedari atau tidak, dan hal ini mungkin mendorongnya untuk memberi keterangan-keterangan yang tidak benar. Tetapi jarang sekali dua orang perempuan yang berdiri di muka pengadilan sebagai saksi dapat berpakat memberi keterangan yang dusta melainkan salah seorangnya ada-ada saja memperlihatkan telatah-telatah yang boleh membuka rahsia pembohongan kawannya. Namun demikian kesaksian seseorang perempuan itu adalah diterima dan dipegang oleh mahkamah apabila ia menjadi saksi dalam perkara-perkara atau urusan-urusan ke perempuanan yang menjadi bidang ikhtisasnya.

Mengenai masaalah pengetuaan keluarga, satu hal yang pasti ialah perkongsian rumahtangga di antara lelaki dan wanita itu harus diserahkan kepada seorang ketua untuk mentadbirkannya dan melindungi anak-pinak yang lahir dan perkongsiannya itu dan

seterusnya untuk memikul tanggungjawab-tanggungjawab kekeluargaan yang lain. Di dalam mana-mana organisasi pun memerlukan seorang ketua yang bertanggungjawab, jika tidak, organisasi-organisasi itu akan menghadapi kekacauan dan keadaan yang tidak teratur dan semua orang-orang yang terlibat akan mengalami kerugian-kerugian.

Dalam menentukan siapakah yang harus diserahkan teraju pengetuaan keluarga atau rumahtangga itu, di sana terdapat tiga pilihan. Pertama diserahkan kepada lelaki, kedua diserahkan kepada wanita dan ketiga diserahkan kepada pengetuaan bersama.

Pada dasarnya kita terpaksa menolak pilihan yang ketiga, kerana pengalaman-pengalaman hidup telah membuktikan bahwa satu urusan yang diketuai oleh dua orang ketua itu lebih merusakkan lagi dan dibiarkan urusan itu tanpa ketua. Al-Quran telah pun menjelaskan tentang penciptaan langit dan bumi jika keduanya dicipta dan ditadbirkan oleh dua tuhan lain dan Allah sudah tentu kedua-duanya akan rusak binasa dan sudah tentu tiap-tiap tuhan itu masing-masing berbangga dengan ciptaannya dan masing-masing berusaha untuk menewaskan yang lain. Kalau hal ini mungkin berlaku di antara tuhan-tuhan, maka sudah tentu kekacauan akan lebih hebat berlaku dalam kalangan kita manusia biasa.

Ilmu jiwa telah pun menandaskan bahwa kanak-kanak yang terdidik di dalam naungan dua ibubapa yang sentiasa bergaduh kerana berebut kuasa di rumahtangga sering menjadi korban kekacauankekacauan perasaan dan komplek-komplek jiwa.

Kini yang tinggal hanya pilihan yang pertama dan pilihan yang kedua saja. Dan sebelum kita membincangkan kedua-dua pilihan itu eloklah kita lebih dulu bertanya. manakah yang lebih layak untuk bertugas menjadi pemimpin fikiran atau sentimen? Jika jawapannya fikiran dengan alasan kerana fikiranlah yang dapat menjalankan pentadbiran dan pengurusan yang teliti tanpa dipengaruhi oleh sentimen-sentimen yang berkubar yang sering menyelewengkan manusia dan jalan yang lurus, maka masaalah itu dengan sendirinya selesai tanpa memerlukan perbahasan perbahasan yang panjang lebar. Tegasnya kejadian lelaki yang lebih banyak dilengkapkan dengan kehandalan berfikir dan kesanggupan benjuang dan memikul akibah-akibah dan tanggungjawab tanggungjawabnya adalah lebih sesuai dan wanita untuk memegang tampuk pimpinan dan pengetuaan di rumahtangga. Malah wanita sendiri tidak memandang hormat kepada lelaki yang dapat dikongkong olehnya, malah lelaki seperti itu dipandang hina dan tidak diberi sebarang kepercayaan olehnya.

Kita tidak dapat mengatakan bahwa sikap wanita yang suka tunduk kepada lelaki itu sebagai saki-baki dan kesan-kesan pendidikan lama yang telah bersarang dalam akal tak sedarnya dan telah mempengaruhi perasaannya di luar kesedarannya, kerana wanita Amerika yang mempunyai kedudukan yang sama dengan kaum lelaki dan mempunyai sepenuh kebebasan juga kembali tunduk kepada lelaki. Mereka lebih hebat membujuk-membujuk dan membelai lelaki, mereka begitu tertarik kepada otot-otot anggotanya yang gagah dan kepada dadanya yang lebar, di mana mereka menyerahkan diri ke dalam rangkulannya sesudah hati mereka begitu puas dan pasti bahwa lelaki itu memang lebih kuat dan gagah dan mereka.

Di permulaan mendirikan rumahtangga, si isteri mungkin juga bercita-cita untuk menguasai tampuk pengurusan rumahtangga, tetapi setelah ia memjkul bebanan membela anak-anak yang melesukan badan dan sarafnya, ia dengan segera akan melepaskan cita-cita itu, kerana ia sedar bahwa ia tidak mempunyai simpanan tenaga-tenaga fikiran dan saraf yang memungkinkannya untuk memikul tugas yang lebih besar dan apa yang sedang dipikulnya.

Apabila Islam menyerah tampuk pengetuaan rumahtangga kepada lelaki, maka ini bukanlah bertujuan supaya lelaki itu bertindak sewenang-wenang terhadap perempuan dan pentadbiran rumahtangga, malah sebaliknya supaya ia berlaku adil dan mentadbir dengan saksama. Pengetuaan yang bertanggungjawab tidak menepikan perundingan dan tidak

menolak kerjasama, kerana itu pentadbiran rumahtangga haruslah dijalankan dengan semangat kerjasama di antara lelaki dan wanita. Pimpinan dan pengetuaan yang berjaya ialah pimpinan yang berlandaskan sikap saling mengerti dan saling bertimbangrasa terhadap satu sama lain. Ajaran-ajaran Islam dalam hubungan ini adalah dituju untuk mewujudkan semangat kerjasama di dalam pentadbiran rumah tangga dan untuk melahirkan perasaan saling mengerti dan saling mesra. Firman Allah di dalam al-Quran, "Bergaullah dengan isteri-isterimu itu dengan baik."(Surah an-Nisa(19)) Sabda Rasulullah pula, "Orang yang paling baik di antara kamu ialah orang yang paling baik terhadap isterinya."(Riwayat al-Tirmizi) Di sini Rasulullah dengan tegas menentukan bahwa ukuran kebaikan seseorang lelaki itu ialah cara layanannya terhadap isterinya. Ini adalah satu ukuran yang sungguh-sungguh tepat kerana apabila seseorang lelaki itu memberi layanan yang buruk kepada isterinya, maka ini membuktikan bahwa jiwanya mungkin diserapi penyakit-penyakit yang akibahnya membunuh atau menghambat sikap-sikap yang baik.

Tetapi hubungan-hubungan resmi di dalam keluarga itu banyak menimbulkan kekeliruan yang memerlukan penjelasan. Setengah-setengah kekeliruan itu bersangkutan dengan kewajipan isteri terhadap suami dan setengah-setengahnya pula berkaitan dengan masaalah "Talaq" dan "Poligami."

Pada hemat saya perkahwinan sebahagian besarnya merupakan masaalah peribadi. Ia adalah sama seperti ikatan-ikatan yang lain yang berlangsung di antara dua manusia yang mana pada pokoknya adalah bergantung kepada sifat-sifat peribadi, keadaan keadaan jiwa dan akal fikiran, juga keadaan-keadaan rupa-paras tubuh badan dan dua pihak yang berkenaan itu. Semuanya itu merupakan hal-hal yang sukar untuk diatur oleh undang-undang. Seandainya kita dapati keadaan hubungan suami isteri itu begitu rukun dan damai, maka itu tidaklah semestinya bererti kerana kedua-dua suami isteri itu masing-masing pandai menjaga kewajipan-kewajipannya terhadap satu sama lain.

Kita juga sering mendengar setengah-setengah suami isteri tidak dapat kembali kepada hubungan rukun dan damai melainkan setelah mereka bergaduh dengan sengitnya dan dengan menggunakan lebih dan tangan dan lidah. Kerana itu apabila didapati suami isteri yang selalu bergaduh dan bertengkar maka ini bukanlah semestinya bererti bahwa sebab-sebab pergaduhan itu ialah kerana si suami bersifat kasar atau kerana si isteri selalu durhaka. Malah kita sering juga mendengar tentang suami isteri yang masing masing merupakan manusia-manusia yang cukup baik, tetapi perasaan mereka tidak secocok satu sama lain, walaupun kadang kadang kedua-duanya begitu sedih menyesali nasib mereka yang tidak dapat hidup sefaham dan seia sekata itu, tetapi malangnya mereka tidak juga dapat mencapai persefahaman.

Walau bagaimanapun, satu undang-undang umum adalah perlu untuk mengaturkan perkahwinan itu. Islam sebagai satu undang-undang yang cukup arif dengan selok-belok hidup manusia tentulah tidak akan membiarkan masaalah perkahwinan yang sensitif tanpa satu peraturan khusus yang sekurang-kurangnya menentukan batas-batas tertentu yang tidak seharusnya dilewati, setelah itu terpulanglah kepada suami isteri itu menyesuaikan diri sendiri dalam batas peraturan itu.

Sudah tentu kita tidak perlu menggunakan senjata undang undang seandainya kita suami isteri dapat hidup dalam rukun dan damai, kerana perkahwinan yang sefaham itu tidak perlu lagi kepada kekuatan undang-undang. Dengan erti setiap suami isteri itu tidak perlu mengatakan kepada dirinya, "Menurut undang undang aku pasti bertindak begini, jika tidak, aku bererti menyalahi undang-undang kerana persefahaman yang sebenar itu biasanya lahir dan persesuaian mizaj di antara suami isteri atau lahir dan persamaan jiwa yang menyintai satu

sama lain atau lahir dan perasaan cinta yang mengikatkan di antara dua hati itu walaupun cinta di antara keduanya itu tidak seimbang, kerana yang dipenlukan ialah wujudnya perasaan cinta yang cukup untuk meneruskan perkongsian hidup mereka.

Tetapi apabila kita suami isteri terlibat di dalam perselisihan dan persengketaan, maka barulah kita mencari undang-undang dan menuntut keadilannya untuk menyelesaikan perselisihan itu.

Apa yang diperlukan dan satu undang-undang itu ialah ia harus sentiasa adil dan tidak menyebelahi mana-mana pihak untuk menentang satu pihak yang lain dan ia harus seboleh-bolehnya meliputi sebanyak-banyak kes yang dapat. Tetapi dalam hubungan ini saya ingin ulangkan bahwa tiada undang-undang yang dapat meliputi seluruh kes manusia, atau dengan lain-lain perkataan, tiada undang-undang yang cukup lengkap dan secara literalnya dapat diaplaikan kepada semua kes dengan adil dan wajar.

Sekarang marilah kita tinjau undang-undang Islam dan segi tugas-tugas seorang isteri yang sering menimbulkan sungutan dan kekeliruan itu dan dalam hubungan ini bagi saya ada tiga pertanyaan penting:

Adakah tugas-tugas itu merupakan tugas-tugas yang tidak adil terhadap perempuan?

Adakah tugas-tugas itu merupakan tugas-tugas pihak kaum isteri saja tanpa sebarang ganjaran dan suami?

Adakah tugas-tugas itu merupakan tugas-tugas abadi yang tidak .dapat dielak oleh isteri apabila ia ingin membebaskan dirinya?

Ada tiga tugas pokok seorang isteri terhadap suaminya iaitu:

1) Isteri harus mentaati suaminya apabila dijemput bersetiduran dengannya.

2) Jangan membiarkan orang yang tidak disukai suaminya masuk ke dalam rumahnya.

3) Menjaga kesucian dirinya apabila suami tiada di rumah.

Mengenai tugas pertama eloklah diterangkan dengan lebih jelas lagi dan hikmat dan tugas itu memanglah nyata, kerana tabiat fizikal lelaki begitu mendesak untuk meluahkan tenaga sexnya setiap kali terkumpul dan menggarangnya tenaga itu. Apabila keinginan sexnya puas dapatlah ia menumpukan - kepada kerja kerja dan usaha-usaha yang lain atau dapatlah ia menghadapi masaalah-masaalah hidup dengan perasaan yang tenang tanpa dikongkong oleh kegelisahan-kegelisahan dan keinginan-keinginan yang memberontak. Semasa muda terutamanya, lelaki lebih acap mengingini kepuasan sex, sedangkan wanita pula lebih mendalam responnya kepada keinginan sex, di mana ia memberi seluruh jiwa dan jasadnya sekali bukan hanya sekadar memberi jasadnya saja.

Sudah sememangnya perkahwinan itu dituju untuk memenuhi keinginan sex di samping memenuhi keperluan jiwa, sosial dan ekonomi, kerana itu seandainya suami mendapati isterinya enggan memberi kerjasama untuk memuaskan sex, maka ia akan mencari kepuasan yang haram di luar rumah. Masyarakat tentulah tidak seharusnya membiarkan terjadinya hal yang seperti itu dan si isteri pula tentulah tidak rela melihat suaminya mencari kepuasan jasad dan jiwanya pada perempuan yang lain, kerana walau bagaimana pun kedudukan perempuan itu ia tetap menjadi musuhnya.

Sebab-sebab keengganan seorang isteri untuk menyahi pelawaan suaminya yang ingin bersetiduran dengannya itu tidaklah terkeluar dan tiga sebab yang berikut: Pertama mungkin kerana si isteri itu begitu benci kepada suaminya hingga tidak sanggup untuk bersetubuh dengannya. Kedua mungkin kerana si isteri itu pada dasarnya merasa jejek dan takut kepada

persetubuhan walaupun hatinya begitu cinta kepada suaminya. Ini merupakan satu pengidapan jiwa yang tidak normal dan memang berlaku di dalam kenyataan. Ketiga mungkin kerana si isterinya di waktu dipelawakan oleh suaminya itu tidak berselera untuk bersetubuh walaupun ia kasihkan suaminya dan tidak menaruh sebarang perasaan jejek kepada persetubuhan.

Kes pertama merupakan satu sikap keengganan yang berkekalan, bukan satu sikap sementara kerana sebab-sebab waktu atau perbuatan-perbuatan tertentu. Satu kes yang jelas membayangkan bahwa di sana tidak ada sebarang harapan baik bagi kedua-duanya untuk meneruskan perkongsian hidup mereka. Jalan penyelesaian yang balk bagi mereka ialah mengatur langkah-langkah untuk bercerai. Dan untuk meneruskan perceraian itu, Si isteri mempunyai lebih dan satu jalan sebagaimana yang akan diterangkan nanti.

Kes yang kedua juga merupakan satu sikap keengganan yang berkekalan yang bukan terjadi akibah kegelojohan suami. Satu persetujuan untuk mengatasi keadaan ini perlu dilakukan dengan terusterang oleh kedua suami isteri iaitu samada si suami menerima keengganan isteninya itu dengan penuh sabar atau si isteri memaksakan dirinya menyahut permintaan suaminya demi menyelamatkan kasihnya terhadap suaminya dan demi menghindarkan perceraian. Dan sekiranya tiada jalan lain lagi yang dapat melahirkan penyelesaian, maka bolehlah mereka berpisah dengan baik.

Tindakan undang-undang mewajibkan isteri patuh kepada pelawaan suami bukanlah satu tindakan yang sewenang-wenang dan zalim, malah kerana intisari perkahwinan pastilah mengan dungi hubungan kelamin. Sebarang keengganan isteri mungkin mengakibahkan suami mencari kepuasan sex dengan melakukan jinayah akhlak atau dengan mengahwini perempuan lain iaitu satu hal yang memang tidak disukai isteri. Tetapi undang-undang tidak mewajibkan isteri menyerahkan dirinya jika ia sendiri begitu benci terhadap suaminya dan tidak sanggup lagi bersetubuh dengannya. Kasih sayangnya yang selama ini telah lenyap dan berganti dengan kebencian. Dalam kes ini mereka dibolehkan bercerai kerana benci.

Kes yang ketiga pula merupakan satu kesulitan sementara yang dapat diatasi dengan mudah. Hilang selera atau jejekkan persetubuhan dalam waktu-waktu tertentu mungkin disebabkan oleh kepenatan atau kemasyghulan, tetapi keadaan itu tidak lama akan hilang apabila kekuatan jiwa dan jasmaninya kembali pulih dan segar. Kerana itu Rasulullah menggalakkan lelaki agar bercumbu-cumbu dan belai-membelai sebelum bersetubuh. Tujuannya supaya hubungan kelamin bukanlah semata-mata merupakan hubungan jasmani, malah pastilah serentak merupakan perhubungan jiwa dan supaya perasaan yang dingin terhadap sex itu dapat dibangkitkan dengan sebaik-baiknya.

Tetapi apabila keadaan berlaku sebaliknya, iaitu isteri inginkan hubungan kelamin, sedangkan suami euggan bersetubuh kerana sebab-sebab yang tertentu — hal seperti ini jarang berlaku terutama dalam masa muda — maka si isteri masih mempunyai jalan untuk mengatasinya, kerana undang-undang Islam yang mewajibkan isteri mematuhi keinginan suaminya juga tidak lupa melindungi hak keinginannya yang halal. Islam mewajibkan suami menunaikan kewajipan rnembayar nafkah batin apabila dituntut oleh isterinya dan seandainya suami gagal berbuat demikian, maka isteri berhak menuntut talak. Di sini dapatlah kita melihat bagaimana Islam mengenakan kewajipan dan memberi hak yang sama kepada suami dan isteri, di mana hak dan peribadi kaum isteri tidak pernah disia-sia dan dizalimi.

Tugas kedua seorang isteri ialah ia harus jangan membenarkan orang-orang yang tidak disukai suaminya masuk ke rumahnya (ini bukanlah untuk maksud yang curang kerana hal ini memanglah diharamkan oleh Islam walaupun dibenarkan oleh suaminya). Tugas ini diwajibkan kerana banyak pertelingkahan dan salah faham di antara suami dan isteri adalah

terjadi akibah campur tangan dan hasutan seorang asing yang tidak bertanggungjawab yang berulang-alik ke rumah itu. Seandainya si suarni melihat hal yang seperti itu berlaku di rumahtangganya dan menuntut isterinya supaya jangan membenarkan orang itu berulang ke rumahnya, maka si isteri wajib mernatuhinya. Keengganan isteri untuk berbuat demikian akan mengekalkan sumber-sumber fitnah yang membawa porak peranda kepada rumahtangga yang mungkin mengakibahkan mustahil untuk didamaikan lagi. Kerana itu kewajipan isteri mematuhi permintaan suaminya itu adalah satu langkah untuk kebaikan dan keamanan rumahtangga yang di bangun bersama oleh kedua-duanya, juga untuk kepentingan anak-anak yang memerlukan suasana rumahtangga yang aman damai dan sebarang percekcokan dan pergaduhan-pergaduhan kerana kanak-kanak yang dibesarkan dalam suasana pergaduhan itu akan mengalami berbagai kesulitan jiwa dan kekacauan fikiran.

Barangkali tentu ada orang yang merasa musykil dan ingin bertanya, "Mengapa undang-undang tidak pula mewajibkan suami supaya jangan membenarkan orang-orang yang tidak disukai oleh isteri itu berulang-alik ke rumahnya?"

Di dalam keadaan-keadaan normal atau di masa suasana rumahtangga di penuh kasih sayang, saling mengerti dan budi bahasa yang tinggi dan kedua-dua belah pihak, maka tentulah segala persoalan rumahtangga dapat diselesaikan melalui tolak ansur dan persefahaman yang baik tanpa sebarang pertelingkahan dan tentulah kita tidak memerlukan pertolongan undang-undang untuk menyelesaikannya. Tetapi dalam hubungan ini kita harus jangan lupa bahwa emosi-emosi wanita dalam kebanyakan keadaan mereka tidaklah selalunya lojis, kadang-kadang perasaan cemburu atau rnasaalah-masaalah peribadi yang bukan merupakan masaalah kepentingan rumahtangga menjadi motif si isteri membencikan mertuanya atau saudara suaminya atau kerabat-kerabatnya yang perempuan. Dalam kedudukan yang seperti ini jika si suami diwajibkan juga mematuhi kehendak-kehendak isterinya supaya menyingkiri perempuan-perempuan yang tidak disukainya itu sudah tentu bertentangan dengan kepentingan dan keharmonian rumahtangga kerana kemarahan dan kecemburuan itu kadang kadang merupakan satu ledakan emosi semata-mata yang tidak lama kemudian akan hilang. Dan terkadang-kadang pula tidak berasas.

Saya sama sekali tidak bermaksud untuk menegaskan bahwa apa yang dilakukan oleh suami itu adalah betul belaka dan apa yang dibuat oleh isteri salah semuanya. Memang benar si suami itu kadang-kadang bertindak seperti kanak-kanak yang kecil dan suka membuat helah dan tipudaya dan memang benar bahwa si isteri kadang-kadang wajar apabila ia menuntut suaminya menyingkirkan perempuan tertentu yang tidak disukainya dan rumahtangganya, kerana mereka benar-benar berusaha untuk meruntuhkan rumahtangganya kerana sebab-sebab yang tertentu. Tetapi walau pun demikian undang-undang terpaksa memandang kepada kejadian-kejadian yang lebih banyak dan menyelaraskan dirinya dengan tabiat semulajadi yang memandang lelaki itu lebih banyak berhakimkan akal dan perempuan lebih banyak dipengaruhi emosi dan sentimen. Selain dan itu kaum isteri mempunyai jalan keluar lain yang terbuka lebar apabila ia tidak sanggup lagi untuk meneruskan perkongsian hidupnya dengan lelak itu. Jalan yang lebar itu ialah perceraian.

Tugas isteri yang harus memeliharakan kehormatan suami dan harta bendanya ketika ia tidak berada di rumah tentulah merupakan satu tugas yang lojis yang saya fikir tiada seorang pun yang akan membantah, malah tugas itu merupakan satu tugas bersama suami dan isteri.

Kini marilah kita bincangkan pula perkara nusyuz samada dan pihak isteri atau suami.

Oleh kerana suami memegang teraju pimpinan terhadap isteri, maka ia diberi hak mendisiplinkan istërinya yang nusyuz. Hak ini telah diterangkan di dalam ayat, "Mengenai isteri-isteri yang kamu bimbangkan nusyuznya, maka nasih mereka dan pisahkan diri dari

tempat tidur mereka dan pukullah mereka."(Surah an-Nisa(34)) Kemudian jika mereka kembali menaati kamu, maka janganlah kamu mencari jalan untuk menyusahkannya lagi."

Di sini dapatlah diperhatikan bagaimana al-Quran memberi arahan-arahan yang berperingkat-peningkat mengenai cara-cara untuk mendisiplin dan mengatasi isteri yang nusyuz dan kemuncak dan disiplin itu ia memberi kebenaran kepada suami untuk memukul isterinya dengan pukulan ringan yang tidak meninggalkan kesan. Di sini kami merasa tidak perlu untuk memperkatakan kes-kes suami yang telah menyalahgunakan hak-hak mendisiplinkan isteri mereka, kerana setiap hak di dunia ini mungkin kadang-kadang disalahgunakan dan hal yang sedemikian tidak dapat diatasi melainkan dengan wujudnya akhlak yang luhur dan rohaniah yang murni dan hal ini memanglah tidak pernah diabaikan oleh Islam, malah Islam sentiasa memberi perhatian dan bimbingan-bimbingan yang serius ke arah itu.(Tujuan kami di sini ialah memperkatakan dasar-dasar Islam dan kami akan bincang di tempat yang lain di bab ini juga tentang amalan jelik yang dilakukan atas nama Is'am) Yang perlu dibincangkan di sini ialah bagaimana perlunya hak mendisiplinkan isteri dan bagaimana hak itu dijadikan suatu hak yang dikuat kuasakan oleh syara' demi memelihara keutuhan keluarga dan kehancuran dan porak peranda.

Setiap undang-undang atau peraturan di dunia perlukan kuasa tertentu untuk mendisiplinkan mereka yang melanggarinya. Jika tidak undang-undang dan peraturan itu hanya merupakan dakwat di atas kertas yang tidak berguna apa-apa.

Perkahwinan merupakan satu peraturan yang diadakan untuk menjaga kepentingan masyarakat, kepentingan suami dan kepentingan isteri. Peraturan itu dikira harus dapat melindungi sebanyak-banyak kepentingan bagi semua pihak yang tenlibat. Ketika hubungan suami isteri berada dalam rukun dan damai maka seluruh kepentingan dan kebaikan dapat direalisasikan tanpa campurtangan undang-undang, tetapi apabila hubungan itu di keruhkan oleh pertelingkahan dan perbalahan, ia akan melahirkan akibah-akibah buruk yang bukan saja melibatkan suami isteri, malah akan turut melibatkan kanak-kanak yang menjadi benih jenerasi masyarakat yang akan datang yang pasti dilindungi dan diasuh dengan sebaik-baik didikan dan asuhan.

Apabila keretakan rumahtangga itu berpunca dari isteri maka siapakah yang harus mendisiplinkan supaya kembali ke pangkal jalan? Adakah hak itu patut diberikan kepada mahkamah? Tentulah tidak, kerana campurtangan mahkamah dalam perkara perkara yang menyentuh hubungan suami isteri itu akan menyebabkan lebih meluasnya lagi jurang perselisihan mereka, sedangkan perselisihan itu kadang-kadang merupakan ribut dalam cawan saja yang tidak lama akan reda. Malah campurtangan mahkamah akan terus merusakkan hubungan itu kerana perbicaraan terbuka di mahkamah akan menyentuh kehormatan pihak isteri dan pihak suami, di mana masing-masing akan berdegil dengan kesalahannya dan pendiriannya. Mahkamah-mahkamah sebetulnya, tidak seharusnya bertindak campurtangañ kecuali dalam masaalah-masaalah yang cukup serius setelah gagalnya segala percubaan mencari jalan selesai.

Di samping itu adalah tidak bijak untuk meminta campur tangan mahkamah dalam masaalah-masaalah titik-bengik yang berlaku setiap han dan setiap saat. Ini adalah satu ketololan yang tidak akan dilakukan oleh orang-orang yang berakal, kerana perbuatan itu bererti seolah-olah mengadakan mahkamah di setiap rumah yang akan menyelenggarakan perbicaraannya siang dan malam.

Untuk mengatasi keadaan ini tentulah memerlukan satu kuasa di numahtangga yang berhak menjalankan tindakan-tindakan disiplin, iaitu kuasa suami yang harus bertanggungjawab terhadap unusan-urusan rumahtangga. Tindakan-tindakan disiplin itu

mula-mula harus dilakukan dengan memben nasihat-nasihat yang baik untuk mengembalikan isteri yang menyeleweng itu ke pangkal jalan tanpa menyinggungkan kehormatannya. Seandainya cara ini berjaya maka itulah hasil yang baik yang ditunggu-tunggu, tetapi jika sebaliknya cara nasihat itu tidak memberi kesan apa-apa, maka di sana ada dua lagi tindakan selanjut yang lebih tegas dan tindakan yang pertama, iaitu tindakan memisahkan diri dari berseketiduran dengannya. Tindakan ini menunjukkan betapa Islam begitu mendalam memahami saikoloji perempuan yang sangat berbangga dengan kecantikan dan kejelitaannya hingga kadang-kadang membawanya kepada nusyuz. Pemulauan untuk berseketiduran dengannya bererti satu pernyataan tidak mengakui kejelitaan dan kepesunaannya dan ini tidak syak lagi akan menjadi satu pukulan yang hebat kepada isteri yang menyeleweng dan satu tindakan yang berkesan untuk mengembalikannya ke pangkal jalan. Tetapi jika tindakan-tindakan itu tidak juga berkesan, maka ini bererti kita sering berhadapan dengan masaalah kedegilan yang luar biasa yang tidak dapat diatasi melainkan dengan tindakan yang keras, iaitu mengenakan disiplin pukul tanpa fiat mencedera atau menyakitinya. Dalam hubungan ini syara' telah menentukan dengan jelas bahwa kadar pukulan yang dibenar ialah pukulan ringan yang tidak meninggal kesan.

Di sini mungkin timbul kekeliruan bahwa tindakan itu mengandung unsur menghinakan maruah wanita atau unsur kekasaran terhadap wanita, tetapi kita harus ingat bahwa senjata senjata simpanan itu tidak harus diguna kecuali seluruh cara-cara damai yang lain telah menemui kegagalan. Dan satu segi yang lain pula di sana terdapat kes-kes penyelewengan saikoloji yang tidak dapat diatasi melainkan dengan menggunakan cara pukulan. Ilmu jiwa juga turut menandaskan bahwa cara-cara damai yang telah disebutkan itu memang dapat digunakan dengan jayanya kecuali kepada orang-orang yang terkena penyakit penyelewengan sex, iaitu sejenis pengidapan jiwa yang disebut "Masukisma' Orang-orang yang mengalami pengidapan ini biasanya tidak kembali waras melainkan setelah ia menerima tindakan-tindakan yang keras secara fizikal atau mental. Jenis penyelewengan ini lebih banyak berlaku pada kaum perempuan dan kaum lelaki, sedangkan kaum lelaki pula lebih banyak terkena penyakit penyelewengan sex yang sebaliknya iaitu pengidapan "Sadisma" atau pengidapan mendapat kenikmatan dan tindakan-tindakan menyiksakan orang lain. Oleh itu seandainya si isteri itu mendapat penyakit masukisma maka sudah tentu pukulan menjadi sebaik-baik ubat untuk mewaraskannya dan untuk memenuhi keinginannya yang pada akhirnya dapat membetul dan menenteramkan keadaan rumahtangga.

Di antara persesuaian yang anih yang kadang-kadang berlaku secara kebetulan ialah lëlaki yang berpenyakit sadisma berkahwin dengan perempuan yang berpenyakit masukisma. Walaupun keadaan rumahtangga mereka sering dipukul gelumbang akibah penyelewengan-penyelewengan sex yang dialami oleh kedua-dua pihak, namun kedua-duanya dapat hidup dalam rukun damai dan saling mengerti.

Walaupun terlalu jarang berlaku, namun ia merupakan satu perkahwinan sekupu yang anih apabila seorang suami yang berpenyakit masukisma berkahwin dengan seorang wanita yang berpenyakit sadisma, di mana si wanita itu akan bertindak memukul dan mencerobohinya dan dengan demikian keadaan hubungan mereka menjadi aman dan damai.

Tetapi di dalam keadaan-keadaan biasa yang tidak sampai kepada had sakit atau mengidap, maka disiplin menggunakan pukulan tidak perlu dilaksanakan oleh suami, kerana pukulan hanya merupakan satu senjata simpanan saja yang digunakan untuk langkah-langkah ikhtiar yang akhir bukan untuk langkah permulaan mendisiplinkan isteri yang menyeleweng. Tertib disiplin yang disebutkan oleh al-Quran itu pun terang-terang bermaksud demikian. Rasulullah sendiri melarang para suami menggunakan hak disiplin memukul itu melainkan dalam keadaan dharurat yang tidak berguna lagi pelaksanaan cara-cara yang lain, malah beliau

pernah mengecam mereka dengan katanya, "Janganlah ada seorang dan kamu yang membelasahkan isterinya seperti ia membelasahkan untanya, kemudian di petang hari ia dating bersetubuh dengannya pula."(Riwayat al-Bukhari).

Sebaliknya jika pihak suami pula yang melakukan nusyuz, maka di sana terdapat sedikit perbezaan dan segi undang-undang. Seandainya si isteri bimbangkan suaminya melakukan nusyuz atau tidak menghiraukannya, maka kedua-duanya tidaklah bersalah untuk berusaha mencari perdamaian di antara keduanya dan perdamaian itu adalah lebih baik.(Surah'an-Nisa(128)).

Pada seimbas pandang, bagi setengah orang tentu merasa kena pada tempatnya untuk menuntut undang yang sama terhadap suami yang melakukan nusyuz itu. Tetapi persoalan kita di sini ialah satu persoalan yang realistik dan satu persoalan tabiat manusia, bukannya satu persoalan keadilan dan segi teori idealisma yang tidak mempunyai sebarang landasan yang kukuh, ierana tentulah tidak ada perempuan yang normal di dunia ini yang sanggup memukul suaminya yang nusyuz dan serentak dengan itu menaruh pandangan hormat kepadanya dan anggup pula hidup dengannya selepas itu. Di samping itu tidak ada kaum wanita samada di negeri Barat yang bertamaddun atau di negeri Timur yang mundur yang pernah membuat tuntutan untuk memukul suami-suami mereka yang nusyuz.

Walau bagaimanapun, yang pentingnya ialah undang-undang Islam tidak memaksakan kaum wanita menanggung tindakan tindakan nusyuz suami mereka, malah ia memberi peluang kepada mereka untuk menuntut cerai apabila keadaan tidak tertanggung lagi.

Di dalam ulasan-ulasan yang lalu kita dapat membuat kesimpulan.kesimpulan.

Pertama: Tugas-tugas perempuan terhadap lelaki bukanlah diatur secara sewenang-wenang, malah diatur demi kepentingan kepentingan umum yang meliputi si isteri samada secara langsung atau tidak secara langsung.

Kedua: Kebanyakan tugas-tugas kaum isteri itu diselaraskan pula dengan tugas-tugas yang sama yang dikenakan di atas kaum suami. Di dalam beberapa hal di mana lelaki mendapat kuasa yang tidak diberikan kepada wanita, maka tujuannya bukanlah untuk menghina atau memandang rendah kepada wanita malah untuk memelihara perimbangan tabiat lelaki dan tabiat perempuan.

Ketiga: Dalam menghadapi kekuasaan si suami, maka si isteri diberi kebebasan untuk menolak kekuasaan itu jika ia tidak dapat menerima atau jika ia merasa bahwa penerimaan sedemikian bererti satu kezaliman kepadanya.

Soal bercèrai atau berpisah dan suaminya yang kita telah singgung beberapa kali sebagai satu-satunya jalan untuk menolak bebanan-bebanan dan tanggungan-tanggungan yang tidak terdaya ditanggung olehnya, maka si isteri diberi tiga jalan.

Pertama: Si isteri boleh menuntut hak menentukan perceraian atau talak itu terletak di dalam tangannya (sewaktu diadakan akad nikah). Hak yang sedemikian memang dibenarkan oleh syara' walaupun tidak banyak kaum isteri yang menggunakan hak itu. Tetapi walau bagaimanapun hak talak itu tetap menjadi hak isteri yang halal apabila ia mahu menggunakannya.

Kedua: Si isteri boleh menuntut talak dengan alasan dia bencikan suaminya dan tidak sanggup lagi hidup bersama-sama dengannya. Saya mendapat berita mahkamah-mahkamah di sini tidak mengamalkan prinsip ini, tetapi sebenarnya inilah satu prinsip yang jelas yang ditetap dan diamalkan oleh Rasulullah, kerana itu prinsip ini merupakan sebahagian dan undang-undang syara'. Dalam hubungan ini satu-satunya syarat menuntut talak ialah si isteri harus

sanggup melepaskan segala hartabenda yang dimilikinya melalui perkahwinan. Ini adalah satu syarat yang adil, kerana tanpa syarat ini maka suami yang isterinya akan kehilangan semua harta benda yang dibenikan kepada isteniriya melalui perkahwinan itu. Oleh itu adalah wajar seandainya pihak yang menjadi sebab terjadinya perceraian itu samada si isteri atau si lelaki menanggung kerugian-kerugian material kerana menentukan perceraian itu.

Ketiga: Ia boleh menuntut talak bersama-sama dengan mas kahwin dan naf'kah hidupnya dengan alasan suami memberi layanan yang buruk dan gagal memberi nafkah yang wajar. Ia akan diberikan hak talak itu jika ia dapat memberi bukti-bukti yang cukup kepada mahkamah. Dalam kes-kes yang seperti ini pihak mahkamah biasanya bertindak begitu hati-hati, kerana banyak kes-kes yang dibawa ke mahkamah merupakan kes-kes tipudaya yang tidak betul. Tetapi mahkamah akan memberi hak talak kepada isteri apabila kes-kes itu memang benar.

Inilah senjata-senjata kaum wanita untuk menghadapi kekuasaan lelaki ke atas mereka. Kerana itu hasil analisa yang terakhir membuktikan bahwa lelaki dan perempuan itu mempunyai hak-hak yang sama.

Sampai di sini tibalah pula masanya kepada kita untuk memperkatakan persoalan talak.

Kita sering mendengar berbagai-bagai kesah yang trajis akibat dari bertalak atau bercerai. Isteri dan anak-anak hidup terlantar. Berbagai-bagai kes dakwaan dikemukakan kepada pengadilan hingga tak pernah putus-putus, selesai satu kes datang pula satu kes yang baru.

Sering terjadi seorang isteri yang hidup tenang bahagia dan bekerja keras memelihara dan mengasuh anak-anaknya di samping melakukan segala sesuatu untuk memberi kerehatan dan keselisaan hidup kepada suaminya, tiba-tiba pada suatu hari ia menerima surat cerai dan suami tanpa satu sebab dan tanpa satu amaran, mengapa? Suaminya telah bertindak secara sewenang-wenang, semata-mata kerana didorong oleh satu nafsu yang mendadak. Ia melihat seorang perempuan lain yang disangkakannya lebih cantik dan isterinya atau ia merasa jemu dengan rotin perkelaminan yang wujud sekarang dan timbullah keinginannya untuk mencari perubahan, atau kerana dia minta kepuasan sex dan isterinya tiba-tiba isterinya enggan atau berlambat-lambat kerana ia berada dalam keadaan letih lesu.

Bukankah wajar untuk difikirkan apakah satu jalan yang tegas untuk menghancurkan senjata talak yang sening dipermainkan oleh si suami dalam saat-saat yang liar dan mengakibahkan hancurnya nasib seorang isteri yang sabar, yang selama ini hidup tenang, rukun dan damai, di samping hancurnya pula masa depan anak-anaknya yang masih kecil?

Kita tidak menafikan adanya kesah-kesah talak yang trajis yang diperkatakan orang di sana sini itu tetapi apakah jalan untuk mengatasinya?

Adakah kita patut menghapuskan hak talak? Dan bagaimana kah pula kita akan mengatasi trajidi-trajidi yang berlaku akibah hapusnya hak talak itu, iaitu trajidi-trajidi yang memang benar benar dialami dengan pahitnya oleh masyarakat-masyarakat Kristian aliran Katholik yang tidak menghalalkan prinsip bercerai? Dapatkah kita menganggapkan satu rumahtangga yang wajar apabila kedua-dua suami isteri itu hidup benci-membenci satu sama lain atau apabila si isteri tidak tertanggung untuk hidup bersama suaminya di bawah satu bumbung, sedangkan ikatan perkahwinan mereka wajib dikekalkan selama hidup dan tidak dibenarkan bercerai? Tidakkah kehidupan yang seperti itu akan membawa kepada perlakuan-perlakuan jinayah? Tidakkah mungkin si suami akan mendapatkan kekasih yang lain untuk mengisikan keinginan sexnya dan si isteri yang ditinggalkan itu akan mengikut jejak yang sama? Dan bagaimanakah pula nasib anak-anak yang hidup dalam suasana rumahtangga yang penuh dendam dan benci itu? Yang penting kepada anak-anak bukannya semata-mata hidup di

dalam peliharaan dua ibubapa, tetapi ialah mereka harus hidup dalam suri rumahtangga yang rukun dan damai.

Di dalam masyarakat terdapat begitu ramai manusia lelaki dan perempuan yang terjerumus di d alam penyelewengan-penyelewengan akibat mereka hidup dalam suasana rumahtangga yang buruk, di mana dua ibu bapa mereka tidak puas-puas bergaduh dan bertengkar satu sama lain.

Ada orang-orang yang mencadangkan supaya penggunaan hak talak yang ada pada suami itu dibataskan. Cadangan ini bererti bahwa talak itu tidak dianggap gugur dengan semata-mata seorang suami melafazkan kata-kata itu, malah talak itu pastilah digugurkan di mahkamah, di mana pihak mahkamah akan lebih dulu memanggil wakil-wakil perunding pihak suami dan wakil-wakil perunding pihak isteri. Mereka akan berkumpul membincangkan masaalah itu dengan matang. Setelah itu mereka akan berunding dengan pihak suami dan menasihatkan supaya berdamai. Semoga dengan langkah yang sedemikian dapat memberi kesedaran baru kepada suami dan dapat mendorongkannya untuk memelihara keutuhan keluarga dan mengekalkan hubungan perkah mereka. Sekiranya usaha-usaha itu gagal, maka ketika itu barulah talak itu diluluskan dengan penintah mahkamah. Ini bererti hak talak itu tidak diserahkan sewenang-wenang ke tangan suami saja.

Walaupun saya tidak begitu percaya bahwa cadangan itu boleh mendatangkan banyak faedahnya, namun saya tidak menentanginya kerana di dalam cadangan itu terdapat sebahagian dan anjuran syara' supaya merundingi keluarga kedua-dua suami isteri dan melakukan percubaan-percubaan untuk mendamaikan mereka. Kerana itu sebenarnya kawalan-kawalan yang dimaksudkan oleh pemimpin-pemimpin yang memberi cadangan itu memang telah pun wujud di dalam anjuran syara' tanpa memerlukan campur tangan mahkamah. Katakanlah si suami telah menceraikan isterinya dan talaknya pun gugur mengikut undang syara', maka ini tidak bererti menghalangi keluarga si suami dan keluarga si isteri untuk berusaha mendamaikan mereka kembali tanpa memerlukan satu peraturan baru seperti yang dicádangkan itu. Seandainya mereka bercerai pula pada kali yang kedua dan talaknya pun gugur, maka ini juga tidak menghalangi usaha baru untuk mendamaikan. Mereka seandainya di sana masih terdapat keinginan untuk mencari perdamaian dan masih diharap ada faedahnya, di waktu itu si suami akan dikenakan tindakan disiplin iaitu mematuhi beberapa peraturan baru dan mengadakan mas kahwin yang baru.

Keinginan untuk berdamai tidak semestinya bergantung kepada campurtangan mahkamah jika keinginan itu benar-benar wujud. Sebaliknya jika keinginan yang sungguh-sungguh itu tidak ada maka pihak mahkamah juga tidak dapat berbuat lebih dan apa yang dapat dilakukan oleh kaum keluarga dan sahabat handai.

Di sana ada Negara-negata maju yang hidup dengan undang undang yang bukan Islam. Di dalam Negara-negara ini semua perceraian dilakukan menerusi mahkamah setelah kedua-dua pihak diberi nasihat-nasihat dan anjuran-anjuran yang wajar dan setelah dilakukan segala usaha yang mungkin untuk mendamaikan mereka. Tetapi tahukah anda beberapa banyak kadar perceraian di negeri-negeri itu? Di Amerika kadar perceraian telah sampai kepada paras 40% iaitu satu kadar yang paling tinggi di dunia termasuk negeri Mesir yang penduduk-penduduknya pernah di tuduh sebagai peminat kahwin dan bercerai.

Mengenai pandangan pihak-pihak pelampau baik lelaki atau perempuan yang menuntut agar mahkamah tidak meluluskan talak seorang suami melainkan apabila terdapat bukti-bukti yang cukup terang bahwa pihak isteri itu yang benar-benar bersalah dan bahwa si suami — menurut pandangan mahkamah tidak mempunyai sebarang harapan lagi untuk hidup rukun dan damai dengan isterinya, maka saya ingin bertanya apakah cara ini merupakan satu cara

yang wajar untuk mempertahankan maruah dan kehormatan wanita? Di manakah kehormatan seorang wanita untuk terus tinggal di rumah suaminya yang benci dan tidak sudi menerimanya lagi? Di manakah kehormatan seorang isteri' untuk terus tinggal bersama suaminya yang sentiasa merungut pagi dan petang bahwa dia tidak cintakannya lagi dan bahwa hatinya tidak mempunyai seruang pun untuknya? Di manakah kehormatan seorang isteri untuk terus tinggal bersama suami yang mengabaikannya dan dengan teru sterang membuat hubungan dengan perempuan yang lain?

Adakah ia patut terus tinggal dengan suaminya untuk menerima penghinaan dan penipuan dan adakah tujuan yang seperti ini dibenar oleh undang-undang agama? Atau dengan lain-lain perkataan adakah satu-satunya jalan yang baik ialah menekan isteri tinggal bersama suami yang sudah membencikannya, sedangkan kehormatan dan kewibawaannya sebagai seorang isteri terlanyak?

Atau adakah tujuan memaksa si isteri supaya terus tinggal bersama suaminya ialah agar ia dapat terus menjaga dan mengasuhkan anak-anaknya?

Sebenarnya anak-anak itu lebih baik — dan segi didikan — hidup terpisah bersama-sama ibu mereka dan hidup di dalam suasana rumahtangga yang sentiasa muram dan penuh perkelahian.

Kerana itu, saya fikir cadangan dan pelampau-pelampau itu tidak kena pada tempatnya.

Sebenarnya problem-problem rumahtangga tidak boleh di selesaikan dengan mengubahkan undang-undang syara', iaitu satu undang-undang yang diturun untuk keperluan umat manusia, satu undang-undang yang tidak dapat dielak oleh mereka walaupun di dalam masyarakat-masyarakat yang bukan Islam, malah problem- problem itu perlu diselesaikan dengan memberikan didikan yang wajar yang dapat meninggikan taraf pelajaran dan meluhurkan jiwa dan roh khalayak rakyat jelata Perasaan-perasaan dan sentimen sentimen mereká perlu dipertinggikan agar sentiasa menyintai kebaikan dan menghargai kasih sayang yang menjadi batas asas kehidupan rumahtangga. Para suami terutamanya perlu dididik agar ia memandang hubungan suami isteri satu hubungan yang suci yang tidak patut diganggu-gugat ketenteramannya oleh sebab-sebab emosional yang remeh.

Tetapi didikan yang seperti itu merupakan satu jalan panjang yang memakan waktu yang lama. Ia memerlukan masyarakat Islam hidup mematuhi peraturan-peraturan Islam dan seluruh urusan masyarakat pastilah mengambil pedoman dan undang-undang Allah. Di samping itu didikan yang sedemikian pasti selama lamanya dilaksanakan dengan tekun samada di rumah, di sekolah, juga melalui filem-filem wayang gambar, siaran radio dan telivisyen, akhbar, majalah-majallah buku-buku masjid dan peraturan-peraturan di jalan-jalanraya. Tetapi walau bagairnanapun, namun itulah satu-satunya jalan yang dapat menjamin ketenteraman dan kedamaian rumahtangga.

Keadilan undang-undang syara' tidak dapat dipertikaikan lagi kerana ia telah memberi hak-hak yang wajar kepada kedua-dua pihak suami dan isteri. Di samping ia memberi hak menjatuh talak kepada si suami ia juga membeni hak menuntut talak kepada si isteri apabjia ia mempunyai keyakinan bahwa ia tidak mungkin lagi hidup dengan lelaki itu dalam rukun dan damai. Tetapi walaupun demikian, Islam memandang talak itu sebagai satu hak yang halal yang paling dibenci oleh Allah.

Poligami hanya merupakan satu peraturan untuk menghadapi keadaan dharurat dan bukanlah merupakan satu peratura pokok di dalam Islam. Firnian Allah, "Maka kahwinilah wanita-wanita yang kamu senangi dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu takut tidak akan dapat berlaku adil, maka kahwinilah seorang saja."(72)

Yang dituntut di dalam perkahwinan poligami ialah keadjian dan kesaksamaan dalam melayani isteri-isteri dan ini adalah satu perkara yang sukar dilaksanakan Berdasarkan hakikat ini ternyata bahwa yang menjadi peraturan perkahwinan yang pokok di dalam Islam ialah kahwin seorang, tetapi di sana terdapat banyak kes-kes di mana peraturan kahwin seorang mengakibahkan kezaliman bukannya keadilan, kerana dalam keadaan-keadaan seperti itu Islam menghalalkan poligami sebagai peraturan untuk mengatasi keadaan dharurat. Islam sedar bahwa keadilan yang mutlak untuk melayani para isteri yang berbilang itu tidak mungkin dilaksanakan namun Islam menghalalkan juga poligami untuk mencegahkan akibah-akibah buruk yang lebih besar yang mungkin timbul dan peraturan kahwin seorang itu.

Di antara keadaan-keadaan teruk yang mendesak masyarakat menggunakan peraturan poligami ialah keadaan-keadaan selepas peperangan di mana sebahagian besar dan para pemuda telah nienjadi korban dan menyebabkan hilangnya imbangan penduduk, di mana bilangan kaum wanita melebihi bilangan kaum lelaki. Dalam keadaan seperti ini poligami merupakan satu peraturan yang perlu untuk mencegahkan kerusakan akhlak dan kekacauan sosial yang pasti berlaku akibah adanya wanita-wanita tanpa suami. Walaupun wanita-wanita itu boleh mencari pekenjaan untuk menyarakan diri sendiri, namun mereka tidak mempunyai jalan keluar untuk memenuhi keinginan sex mereka yang semulajadi. Selama wanita-wanita itu bukannya makhluk-makhluk wali atau malaikat, maka sudah tentu mereka akan mencari kesempatan kesempatan haram menyerahkan diri mereka kepada lelaki untuk sebentar waktu demi mencani kepuasan samada di waktu malam atau di hari siang.

Di samping itu wanita juga mempunyai keinginan semulajadi untuk mempunyai anak-pinak, malah keinginan mempunyai anak juga merupakan keinginan kaum lelaki, tetapi keinginan itu jauh lebih mendalam pada kaum wanita, kerana keinginan itu merupakan intisari wujudnya, dan tanpa anak wanita tidak dapat menikmati keindahan hidup yang sebenar.

Jadi, apakah jalan bagi kaum wanita untuk mengisi keinginan-keinginan semulajadinya dan apakah jalan untuk memenuhi kehendak-kehendak masyarakat yang memerlukan akhlak-akhlak yang murni untuk menyelamatkan dan kebebasan-kebebasan liar atau kucar-kacir sosial yang pernah dialami masyarakat Perancis hingga negeri itu tersingkir dan barisan bangsa-bangsa yang mempunyai peranan yang besar di dalam sejarah? Tentu tiada jalan yang lebih baik dan peraturan poligami dalam mana beberapa wanita mensyarikati seorang suami dengan cara terus terang dengan restu undang-undang. Dan di samping itu setiap orang dari mereka mendapat hak-hak yang sama dalam segala perkara kecuali dalam perkara kasih sayang yang tidak dapat dikawal oleh sesiapa pun.

Inilah beberapa matalamat Islam mengadakan peraturan poligami. Walaupun demikian, namun tiada seorangpun yang mengatakan bahwa poligami dengan seorang wanita apatah lagi dengan dua atau tiga wanita dapat menyenangkan hati wanita dan dapat memberi kebahagiaan yang diimpi-impikannya, kerana ini adalah satu keadaan dharurat, sebab andainya seorang wanita yang merelai poligami itu tidak menyedari bahwa akibah poligami itu lebih ringan kepaclanya dan akibah tinggal membujang tanpa suami tentulah dia tidak sanggup menerima poligami dalam mana ini akan mengalami keadaan-keadaan yang mengeruhkan ketenteraman jiwanya.

Di sana terdapat lagi keadaan-keadaan yang seakan-akan serupa dengan keadaan perang apabila keadaan-keadaan itu mengakibahkan hilangnya imbangan di antara bilangan kaum wanita dan bilangan kaum lelaki. Biasanya kaum lelaki lebih banyak menjadi korban kemalangan-kemalangan di tempat-tempat kerja dan kemalangan-kemalangan jalanraya, juga menjadi korban wabak-wabak kerana daya melawan penyakit pada kaum lelaki lebih lemah dan kaum wanita.

Dalam keadaan-keadaan normal di mana bilangan kaum lelaki seimbang dengan bilangan kaum wanita, maka sudah tentu poligami tidak berlaku, kerana belum pernah terjadi seorang pemuda yang ingin mendirikan rumah tangganya tiba-tiba ia tidak mendapati perempuan untuk menjadi isterinya kerana ada lelaki lain telah merampas habuannya.

Di sana juga terdapat kes-kes peribadi yang diakui oleh para ahlil perundangan Islam, dalam mana suami-suami perlu berpoligami. Di antaranya ialah apabila seorang suami mempunyai tenaga sex yang luar biasa yang tidak boleh dipenuhi dengan seorang isteri saja dan tidak dapat pula ditanggung oleh isterinya yang tunggal itu. Dalam menghadapi kes ini kita hanya mempunyai dua pilihan saja. Pertama si suami itu diberi kebenaran dengan kuatkuasa undang-undang mengahwini seorang isteri lagi. Kedua si suami itu akan mencari kepuasannya dengan perempuan- perempuan yang lain secara haram dan sulit. Dan pilihan yang kedua ini tentulah tidak dapat dibenarkan oleh masyarakat yang murni.

Di antara kes-kes peribadi lagi ialah kemandulan isteni, sedangkan keinginan memperolehi anak merupakan satu keinginan semulajadi yang begitu mendalam pada manusia dan satu keinginan suci yang tidak ada salah dan cacatnya. Memang benar bahwa kemandulan tidak dapat dipersalahkan ke atas isteri yang mandul, tetapi tentulah tidak adil pula untuk menafikan hak suami untuk memperoleh anak. Oleh kerana itu apabila si isteri yang pertama sanggup untuk hidup dengan bermadu, maka ia boleh meneruskan ikatan perkahwinannyaa dan seandainya ia tidak sanggup maka ia bebas untuk berpisah dan suaminya.

Begitu juga kes isteri yang selalu sakit yang menghalangi hubungan kelamin. Dalam kes yang seperti ini tiada seonang pun yang boleh mengatakan bahwa keinginan sex itu suatu keinginan yang kotor (Islam memandang segala keinginan semulajadi yang inenjalankan tugas-tugas hidup yang penting sebagai keinginan yang suci, cumanya keinginan itu akan dipandang keji apabila ia mendorong manusia ke arah jinayah, lihat bab Nazratul lslam dalam buku "Al-Insan Bainal Madiah wal-Islam") yang tidak patut dijadikan alasan untuk meleburkan kebahagiaan seorang wanita. Persoalan kita di sini bukanlah persoalan kotor atau suci, malah satu persoalan dharurat yang tidak dapat dihindari oleh si suami. Tetapi seandainya si suami sanggup dan rela menahan nafsunya untuk memelihara perasaan isterinya. maka itu merupakan satu sifat budiman yang dijunjung tinggi. Namun demikian Allah tidak menuntut seseorang itu melakukan sesuat yang di luar kesanggupannya. Mengakui kenyataan lebih baik dan berpura-pura budiman, sedangkan di luar rumah ia mencari kepuasanl haram secara diam-diam, sebagaimana yang banyak berlaku di dalam masyarakat yang tidak membenarkan poligami.

Di samping itu ada pula kes-kes benci yang tidak dapat dielak dan diatasi oleh suami.

Dalam semua kes-kes yang telah disebutkan itu tidak ada apa-apa halangan bagi si suami untuk hidup terus dengan isterinya yang pertama kerana ia tidak ingin menceraikan atau kerana Ia tidak ingin melihat perkongsian hidup mereka sekian lama itu berakhir dengan perceraian ini tentulah merupakan satu perasaan timbangrasa yang baik walaupun keadaan-keadaan hidup yang sedemikian tidak boleh membawa kebahagiaan kepada si isteri. Namun demikian, si suami tidak boleh memegang isterinya yang pertama dengan tujuan membalas dendam atau menyiksakannya. Perbuatan sedemikian adalah diharam oleh Allah dan boleh dijadikan alasan yang wajib digugurka talak apabila dipinta oleh isterinya.

Untuk meninjau kekeliruan-kekeliruan selanjutnya, marilah kita perkatakan tentang masaalah hak bekerja bagi wanita. Kaum wanita mempunyai hak bekerja.In adalah satu hak yang cukup jelas. Di zaman permulaan Islam kaum wanita juga bekerja jika suasana-suasana memerlukan mereka bekerja. Tetapi persoalan kita di ini bukanlah persoajan menentukan hak itu saja, kerana hak itu memanglah diakui. Tetapi Islam sebetulnya tidak begitu senang melihat

kaum wanita keluar bekerja di bidang-bidang pekerjaan yang lain dan yang memang benar benar diperlukan oleh masyarakat dalam satu segi dan benar sesuai dengan tabiat semulajadi wanita itu sendjjj dan satu segi yang lain pula. Misalnya pekerjaan menjadi guru, jururawat, doctor-doktor untuk mengubati perempuan memanglah patut disandang oleh kaum wanita. Inilah tugas penting yang diperlukan oleh masyarakat dan dalam hubungan ini masyara mempunyai hak untuk mewajibkan kaum wanita dan mengera mereka untuk memenuhi bidang pekerjaan itu sebagajma ia berhak mengerah kaum lelaki untuk memikul tugas-tugas berperang.

Seorang wanjta memang berhak dan perlu bekerja apabjla tidak ada orang yang menyarakan hidupnya atau pendapatannya tidak cukup untuk menanggung Perbelanjaan hidup keluarganya. ini adalah satu hak dan satu keperluan yang memang diakui kerana dengan bekerja ia lebih terpelihara dan terjerurn ke lembah pelacuran untuk mencari makan.

Tetapi semuanya ini adalah dalam keadaan dharurat dan dalam keadaan-keadaan inilah Islam mengharuskan kaum wanita keluar bekerja. Islam tidak menyetujui untuk dijadikan kewajipan bekerja bagi kaum wanita sebagai dasar masyarakat seperti yang diamalkan oleh negeri-negeri Barat dan negeri Komunis, kerana ini bukan saja akan menyelewengkan kauni wanita dan fungsi asasinya di dalam masyarakat, malah akan menimbulkan kebejatan dan kerusakan jiwa, sosial dan moral yang lebih banyak dan kebaikan.

Tiada seorang pun di seluruh dunia ini yang dapat mengatakan bahwa kaum wanita yang mempunyai bentuk badan, fikiran perasaan yang khusus itu tidak dijadikan untuk melaksanakan satu tugas yang istimewa iaitu menjadi ibu. Andainya wanita tidak melaksanakan tugas itu, maka akibahnya bukan saja mensia-siakan satu tenaga baital yang diberikan kepada mereka untuk melaksanakan tugas itu, malah mengubahkan pengaliran tenaga itu dan salurannya yang sernulajadi. Tetapi jika terjadi keadaan memaksa, maka Islam tidak menghalangi kaum wanita keluar bekerja. Dan seandainya kaum wanita digalakkan keluar bekerja tanpa keadaan-keadaan yang memaksa, malah semata-mata untuk meniru kegilaan satu jenerasi umat manusia yang mahu mencari kenikmatan hidup tanpa batas biar apa pun akibahnya, maka sikap ini tentulah tidak dapat diterima oleh Islam. Kerana jika sikap sikap ini diterima Islam, maka bererti Islam menepikan satu prinsip pokoknya iaitu memandang seluruh manusia itu sebagai satu intaiti yang bersambung kukuh yang tidak terputus pada mana-mana jenerasi.

Ada juga orang berkata bahwa kaum wanita boleh menjadi ibu di samping menjadi pekerja, kerana semua persoalan anak-anak dapat diserahkan kepada pengasuh-pengasuh saja. Ini adalab satu omong kosong yang tidak dapat dibuktikan apabila diperiksa dengan teliti.

Memang benar bahwa pengasuh-pengasuh itu dapat melayani semua kehendak-kehendak jasmani kanak-kanak dan dapat memberi didikan yang wajar menurut prinsip saikoloji yang ilmiah, tetapi mereka tidak dapat memberi cinta seorang ibu yang menjadi unsur asasi kepada ketenteraman dan kesejahteraan hidup seorang anak.

Tamaddun Barat dan tamaddun Komunis yang melulu itu tidak berdaya untuk mengubahkan tabiat manusia iaitu kanak-kanak memerlukan seorang ibu yang sempurna yang tidak dikongsi oleh seorang yang lain walaupun saudara kandungnya sendiri sekurang-kurangnya di dalam dua tahun yang pertama dan usianya. Ia memerlukan seorang ibu yang dapat memberi sepenuh perhatian untuk melayani kehendak-kehendak dan keperluannya ibu yang dapat memberi sepenuh ketenteraman dan kemesraan ketika berada dalam pelukannya. Andainya kanak-kanak tidak mendapat layanan seperti itu, maka ia akan menjadi korban berbagai-bagai komplek dan kekacauan jiwa.

Tentulah pengasuh-pengasuh di pusat pengasuh kanak-kanak (Pusat-pusat untuk menampung dan mengasuh kanak-kanak semcntara ibu mereka berada di pejabat-pejabat atau di kilang-kilang) tidak dapat memberi layanan seperti itu, di mana seorang pengasu disyarikati oleh sepujuh atau dua puluh orang kanak-kanak yang masing-masing berusaha untuk membolotinya sebagai seorang ibu pinjaman. Kanak-kanak yang terdidik di dalam suasana itu akan mempunyai jiwa yang di kongkong oleh keinginan bergadu dan berkelahi dan mempunyai hati yang tandus dan perasaan-perasaan kasjh sayang yang mesra.

Pusat-pusat kanak-kanak itu hanya diadakan untuk menghadapi keadaan-keadaan dharurat saja dan seandainya pusatpusat itu dianggap sebagai keperluan yang pokok, maka ini merupakan satu ketololan yang tidak akan dilakukan oleh ibu-ibu yang berakal

Apakah guna manusia menambahkan pengelua barang-barang, sedangkan anak-anak yang dikeluarkan oleh mereka dibiarkan begitu saja hingga jiwa mereka terdedah kepada komplek yang merusakkan mereka?

Negeri Barat yang begitu melulu mendorong kaum wanita keluar bekerja mungkin mempunyai jastifikasi-jastifikasi yang bertunjang pada suasana sejarah, jeografi, politik dan ekonomi. Tetapi bagi kita yang hidup di dalam dunia Islam di rantau Arab tidak pula mempunyai sebab seperti itu. Kita masih mempunyai ramai kaum lelaki yang menganggur, di samping itu tentulah tidak munasabah seandainya seorang bapa atau saudara lelaki, atau suami atau kerabat yang mengaku menganuti ajaran Islam tiba-tiba enggan menyarakan nafkah hidup keluarganya dan membiarkan isterinya keluar bekerja untuk mencari makan.

Ada orang-orang yang berkata bahwa bekerja itu dapat memberikan kaum wanita satu kedudukan ekonomi yang bebas yang dapat memelihara prestijnya. Ini memang benar dan kerana itu Islam tidak pernah menghalang kaum wanita dan menikmati kedudukan ekonomi yang bebas. Tetapi masaalah di rantau negeri-negeri Islam di Timur bukanlah masaalah sistem, malah masaalah kemiskinan yang tidak dapat memberi sumber-sumber pencarian hidup yang lumayan baik kepada kaum perempuan atau kaum lelaki. Untuk mengatasi keadaan ini, maka yang perlu ialah menambahkan daya-daya pengeluaran agar seluruh rakyatnya lelaki dan perempuan mendapat taraf hidup yang lumayan dan tidak ada lagi rakyat-rakyat yang hidup melarat. Masaalah yang seperti ini tentulah tidak dapat diatasi dengan menggalakkan kaum wanita menandingi kaum lelaki dalam mendapatkan sumber sumber rezeki.

Ada pula orang berkata bahwa pendapatan suami isteri yang sama bekerja itu lebih menjaminkan kebaikan dan kemakmuran keluarga dan pendapatan suami saja. Ini mungkin benar dalam setengah-setengah kes saja, tetapi seandainya setiap wanita bekerja di dalam bidang-bidang pekerjaan yang bukan menjadi bidang bidang pokok pekerjaan wanita, maka sudah tentu akan mengaki bahkan pengangguran kepada kaum lelaki dan ini bererti akan menghal angi mereka untuk mendirikan rumahtangga-rumahtangga yang baru dan menambahkan tempoh kebuluran sex yang akan membawa jmnayah-jinayah perzinaan. Akibah-akibah kekacauan yang sedemikian tentulah tidak dapat disokong oleh mana-mana ahli ekonomi dan masyarakat.

Islam memandang berat kepada kecenderungan tabiat semula jadi manusia dan kepada keperluan-keperluan masyarakat ketika ia menentukan tugas pokok kaum wanita, yang mana kerana tugas khusus inilah kaum wanita itu dilahirkan ke dunia dan dibekalkan dengan segala kebijaksanaan dan kepandaian dalam menjalani tugas itu, dan kerana tugas itu juga kaum lelaki diwajibkan menanggung perbelanjaan hidup kaum wanita agar kaum wanita dapat menumpukan sepenuh tenaga dan perhatiannya kepada tugas itu tanpa menghadapi sebarang kegelisahan untuk memikirkan nafkah hidup. Islam memberi sepenuh penghormatan dan pandangan tinggi kepada kaum ibu hingga Rasulullah sendiri pernah ditanya oleh seorang

lelaki, "Siapakah orang yang paling utama saya sahabati dengan baik?" Jawab Rasulullah, "Ibu engkau," orang itu bertanya lagi, "Kemudian siapa?" Jawab Rasulullah, "Ibu engkau," orang itu mendesak lagi, "Kemudian siapa?" Jawab Rasululjah "Ibu engkau", orang itu masih mendesak, "kemudian siapa?" Jawab Rasulullah "Kemudjan bapa engkau."

Dengan hak-hak dan jaminan yang sedemikjan apakah lagi perkara yang dirunsingkan oleh wanita Islam? Apakah lagi matlamat hidup wanita yang tidak didokong oleh Islam hingga mereka perlu berjuang mencapaikannya melalui pilihanraya dan perwakilan parlimen?

Seandainya kaum wanita mengingini taraf kemanusiaan yang sama dengan kaum lelaki, maka hak persamaan seperti itu telah pun diberikan oleh Islam kepada mereka baik dan segi teori, mahupun dan segi praktis di depan undang-undang.

Seandainya kaum wanita mengingini kebebasan ekonomi dan kebebasan secara langsung menghubungi masyarakat, maka hak-hak kebebasan seperti itu memang telah diakui Islam, malah Islam merupakan agama yang pertama mengakui hak-hak itu.

Seandainya kaum wanita mengingini hak untuk belajar maka hak itu bukan saja telah diberikan oleh Islam, malah Islam telah menjadikannya sebagai satu tugas yang wajib di atas mereka.

Seandainya kaum wanita tidak mahu dikahwin tanpa izinnya dan menuntut hak untuk melamar sendiri suami yang disukainya, seandainya mereka menuntut diberi layanan yang baik selama mereka menjalankan tugas-tugas yang wajar sebagai isteri dan menuntut hak bercerai apabila mereka diberi layanan yang buruk, maka seluruh hak-hak itu bukan saja telah diberi dan dijamin Islam kepada kaum wanita, malah Islam telah mewajibkannya ke atas kaum lelaki.

Seandainya kaum wanita mahukan hak bekerja di luar rumah, maka hak itu juga telah diizinkan Islam.

Apakah lagi kebebasan yang dikehendaki wanita? Adakah mereka ingin mempunyai kebebasan berasmara dan melacurkan diri? Kalau inilah yang dikehendaki mereka, maka itulah satu satunya kebebasañ yang telah diharamkan oleh Islam bukan saja kepada kaum wanita, malah kepada kaum lelaki juga. Dan jika mereka mahukan juga kebebasan seperti itu, maka untuk mencapai kebebasan itu, mereka tidak perlu memasuki parlimen, malah cukuplah dengan merombakkan ikatan-ikatan dan tradisi-tradisi masyarakat dan selepas itu setiap orang bebas melakukan apa saja yang disukai nafsunya.

Penyertaan wanita di dalam parlimen bukanlah merupakan satu-satunya matalamat pokok kepada perjuangan kaum wanita seperti yang difahamkan oleh setengah-setengah pemimpin pemimpin wanita, malah ia hanya merupakan satu sarana atau alat untuk mencapai tujuan yang lain, seandainya seluruh matalamat matalamat yang dikehendaki wanita itu telah tercapai, maka mereka tidak perlu lagi menggunakan sarana itu. Kita tidak seharusnya menjadi pak turut yang buta kepada negeri-negeri Barat. Suasana hidup kita berlainan dan suasana hidup mereka dan nilai-nilai hidup kita juga tidak sama dengan nilai-nilai hidup mereka.

Ada golongan yang akan menyangkal pendapat tadi. Mereka akan berkata bahwa soal perbezaan suasana dan nilai tidak menjadi soal-soal yang diperhitungkan oleh kita. Yang menjadi pokok perhitungan kita ialah kedudukan kaum wanita Islam sedang berada dalam keadaan yang buruk yang tidak seharusnya dibiarkan. Kaum wanita di Barat telah berjaya mencapai kemerdekaan dan kedudukan yang wajar, kerana itu kaum wanita Islam juga harus mengikuti jejak mereka untuk mendapat hak-hak mereka yang dirampas oleh kaum lelaki.

Pendapat ini memang ada kebenarannya. Kaum wanita di negeri-negeri Islam pada umumnya tidak berpelajaran, mundur dan mempunyai kedudukan yang rendah dan hina. Mereka hidup seperti haiwan ternoda lahir dan batin. Mereka menderita lebih banyak dan bahagia, mereka lebih banyak memberi dan mengambil. Mereka masih terkongkong di alam naluri dan tidak mendapat kesempatan-kesempatan wajar untuk mempertinggikan kedudukan mereka.

Ini memang benar, tetapi siapakah yang bertanggungjawab terhadap keadaan yang jelik itu, adakah Islam dan ajaran ajarannya ?

Sebetulnya kedudukan yang buruk yang dialami wanita Islam adalah berpunca dan faktor-faktor ekonomi, sosial dan saikoloji yang harus kita pelajani dengan teliti agar kita benar benar tahu dan manakah datangnya semua keadaan yang jelik itu dan agar kita tidak lagi meraba-raba apabila kita ingin melancarkan langkah reformasi.

Keadaan kemiskinan yang dialami oleh umat Islam sejak beberapa abad, ketidakadilan pembahagian kekayaan yang mem buat satu golongan tenggelam dalam kemewahan-kemewahan yang liar, sedangkan golongan rakyat yang lain begitu sukar untuk mendapat sesuap makanan dan sehelai pakaian untuk menutup badan mereka, penindasan politik yang membuat pemerintah-pemenintah umat Islam bermaharajalela dengan kekuasaan-kekuasaan mereka. yang hanya tahu menikmati segala hak-hak mereka tetapi tidak tahu membayar kewajipan-kewajjpan mereka, sedangkan rakyat memikul segala beban tanpa ganjaran. Keacjaan hidup yang tidak mem ben harapan dan kelesuan saraf akibah tekanan seluruh keadaan keadaan yang jelik itulah merupakan faktor-faktor yang ber tanggungjawab yang mengakibatkan kaum wanita hidup menderita dan tertindas.

Kita tentulah tahu bahwa apa yang diperlukan kaum wanita ialah perasaan saling hormat dan mesra di antara suami dan isteri, tetapi perasaan-perasaan yang sedemikian tidak akan subur di dalam suasana kemiskinan, penderitaan dan penindasan-penindasan yang melumpuhkan rakyat. Kaum lelaki dan kaum wanita sama-sama menjadi korban walaupun pada lahirnya keadaan kaum lelaki kelihatan lebih baik dan kaum wanita.

Sebab si suami berlaku kejam terhadap isteri kerana ia ingin menonjolkan harga dininya yang telah tertindas di luar rumah, harga dirinya yang telah dihina oleh ketua kampung dan tuan-tuan tanah atau dihina oleh mata-mata, orang-orang yang bertaraf, tuan-tuan kilang dan ketua-ketua pejabat, harga dirinya yang terancam oleh kemiskinan dan kemelaratan, yang terancam oleh kedudukan..kedudukan yang tidak adil yang tidak dapat diatasinya. Dan kerana itu ia meluahkan dendam-dendam yang terpendam itu ke atas isteri dan anak-anaknya atau sanak saudar yang tinggal bersama.sama dengannya.

Kemiskinan dan kemelaratan hidup yang teruk yang menyelubungi masyarakat itulah yang telah melumpuhkan tenaga saraf dan jiwa kaum lelaki dan menyebabkan hati mereka tidak mempunyai ruang lagi untuk tumbuhnya perasaan kasih mesra dan layanan-layanan yang baik terhadap orang lain. Mereka tidak mempunyai kesanggupan untuk menerima kesalahän-kesalahan kecil orang lain atau untuk bersabar dan memberi kemaafan.

Faktor kemiskinan inilah juga yang menjadikan kaum wanita abdi kaum lelaki dan membuat mereka sanggup menerima kezaliman dan layanan-layanan yang buruk dan kaum lelaki, kerana bagi mereka hidup yang sedemikian lebih baik dan hidup tanpa suami. Kaum lelakilah yang bertindak menghalangi kaum perempuan dan menggunakan hak-haknya yang halal yang memang dikurniakan kepada mereka. Seandainya kaum wanita dapat menggunakan hak-hak yang halal tentulah kaum lelaki tidak dapat bertindak sewenang-wenang. Si isteri sentiasa berada dalam kebimbangan dicenai oleh suaminya. Dan seandainya ia dicerai apakah yang dapat dibuat olehnya. Soal anak-anak mungkin dapat dipelihara oleh

bapa mereka tetapi buat dirinya sendiri siapakah yang akan menyarakan hidupnya. Keluarganya miskin dan menderita dan oleh kerana kemiskinannya itu kaum keluarga tidak bersetuju ia bercerai dan suaminya agar tidak menjadi beban kepada mereka. Dan akhirnya mereka menasihatkannya supaya bersabar menenima penyiksaan-penyiksaan suaminya.

Di dalam masyarakat yang mundur seperti di negeri-negeri Islam yang telah hilang matlamat hidup, hilang keperibadian dan tenggelam dalam gelita kejahilan, maka seluruh nilai-nilai luhur kemanusiaan merosot jatuh dan satu-satunya nilai kelebihan ya dipegang mereka ialah kekuatan dalam segala bentuk dan manifestasinya, sedangkan kelemahan merupakan satu jastifikasi untuk menghina dan berlaku kejam terhadap orang lain.

Kerana sikap memuja kekuatan itulah maka kaum lelaki yang menjadi jenis yang lebih kuat menghinakan kaum wanita yang lemah. Mereka merasa keberatan untuk menghormati wanita sebagai manusia, kerana mereka mempunyai akhlak yang rendah yang menghalangi mereka dan meningkat kepada taraf manusia tinggi yang dapat menghormati wanita sebagai manusia. Dalam masyarakat yang seperti itu wanita hanya dihormati apabila ia mempunyai nilai kekayaan, kerana kekayaan merupakan salah satu alat kekuatan dan kekuasaan.

Begitu juga di dalam masyarakat yang mundur, manusia menurun ke taraf makhluk yang dikongkong oleh naluri-naluri yang primitif terutama naluri sex. Mereka memandang hidup dan sudut sex dan hidup mereka berligar di sekitar sex. Kerana itulah lelaki memandang wanita tidak lebih dan alat-alat hiburan untuk kepuasan nafsu mereka saja(Begitu juga pandangan wanita terhadap lelaki, tetapi oleh kerana lelaki bekerja menyarakah hidup wanita, maka wanita terpaksa memandang lelaki lebih besar dari semata-mata sex). Ia tidak dapat melihat pada wanita suatu kelebihan yang lain samada dalam segi kejiwaan, keintelekan dan kerohanian yang dapat menimbulkan perasaan kemanusiaan untuk menghormati perempuan. Kerana itu hubungan kelamin di antara lelaki dan perempuan tidak lebih dan hubungan kelamin pada binatang, di mana jantan selalunya menguasaj betina akibahnya hubungan kelamjn itu dikongkong oleh dua perasaan yang tidak luhur iaitu perasaan dominasi lelaki ketika persetubuhan dan perasaan mengabaikan wanita selepas selesai persetubuhan

Di dalam masyarakaf mundur yang hidup di tengah kejahilan dan kebuluran, pendidikan dan pelajaran tidak dipedulikan, malah dipandang sebagai perkara kemewahan yang di luar kecapaian mereka, sedangkan pendidikan dan pelajaran satu-satunya sarana untuk membikin seseorang itu sebagai manusja. Tanpa pendidikan dan pelajaran yang sempurna, manusia akán terus hidup di bawah kongkongan naluri yang primitif, di mana mereka akan memuja kekuatan dan kekuasaan dan menilai hidup di dunia ini dengan kacamata kepuasan nafsu.

Dalam suasana masyaraka yang seperti ini si ibu yang hamil bertindak di luar kesedarannya memberi asuhan yang merusakkan perasaan anak-anak lelaki terhadap perempuan dan menjadikan mereka d iktator kecil yang sewenang-wenang Dia mempermanja-manja mereka di luar batas yang wajar dan membiasakan mereka mempunyai sikap bahwa segala perintah dan kemahuan mereka pastilah dipatuhi samada salah atau benar. Dia tidak mendidik mereka supaya mengawal kemahuan dan keinginan mereka. Akibatnya keinginan-keinginan yang tidak terkawal itulah yang menjadi sumber ilham yang melahirkan perintah-perintah sewenang-wenang mereka yang hendak dipaksakan ke atas orang lain. Seandainya keinginan-keinginan itu tidak dapat dilaksana kerana halangan-halangan dan masyarakat, maka mereka akan meluahkan seluruh dendam kesumatnya ke atas orang-orang bawahan mereka samada lelaki, perempuan atau kanak-kanak.

Itulah faktor-faktor yang merusakkan masyarakat Islam dan faktor-faktor itulah juga yang menimbulkan masaalah-masaalah kaum wanita dan meletakkan mereka dalam satu

keadaan hidup yang jelik. Tetepi adakah faktor-faktor itu dilahirkan oleh Islam atau sesuai dengan semangat ajaran Islam? Marilah kita tinjau sikap Islam terhadap kemiskinan. Bukankah Islam pernah memajukan masyarakat Islam di zaman pemerintah Khalifah Omar bin Abdul Aziz hingga tidak terdapat seorang miskin pun yang tampil menuntut atau menerima wang zakat? Itulah ajaran Islam yang pernah dilaksanakan di alam kenyataan dan ajaran yang seperti itulah kita berjuang untuk melaksanakannya di hari ini.

Islam adalah satu sistem yang berjuang untuk mengaturkan pembahagian kekayaan yang adil di antara golongan rakyat masyarakat agar kekayaan tidak hanya berligar di dalam golongan hartawan-hartawan saja dan agar jurang taraf hidup antara rakyat dapat diperdekatkan. Islam menentang kemakmuran liar yang berlebih-lebihan sebagaimana Islam menentang kemiskinan dan berjuang untuk melenyapkannya.

Kemiskinan merupakan faktor utama yang melahirkan masaalah-masaalah wanita di dalam masyarakat Islam. Apabila kemiskinan itu hilang, masaalah besar wanita pun akan turut selesai dan kehormatan hidup mereka akan dicapai kembali. Ketika itu persoalan keluar bekerja tidak lagi merupakan suatu keperluan kepada perempuan walaupun mereka mempunyai hak dan kebebasan untuk bekerja mencari rezeki, kerana apabila pendapatan hidup umat Islam telah mencapai paras yang tinggi, maka dengan sendirinya kaum wanita mendapat habuan pesaka yang tinggi, iaitu satu habuan yang khusus untuk perbelanjaan peribadinya saja tidak untuk menanggung nafkah siapa pun. Dan kekuatan ekonomi kaum wanita itu bukan saja akan mendorong kaum lelaki menghormati mereka malah akan menggalakkan mereka untuk mempertahankan seluruh hak-hak mereka yang halal yang selama ini tidak dituntut mereka kerana bimbang diancam kemelaratan dan kemiskinan

Bagaimana pula dengan penindasan politik yang telah membuat kaum lelaki meluahkan dendam kesumat yang terpendam ke atas anak isteri mereka di rumah? Adakah ini kerana ajaran Islam? Tidakkah ajaran Islam ialah untuk membangkitkan umat manusia supaya tampil memberontak terhadap penindasan pemerintah- pemerintah yang zalim? Tidakkah Islam telah memberi satu ajaran politik yang tegas baik kepada pemerintah atau kepada rakyat hingga seorang rakyat biasa mempunyai keberanian untuk menegurkan pemerintah? Apabjia suatu ketika Khalifah Omar berucap, "Hendaklah anda sekaijan menjadi rakyat yang taat dan patuh," maka seorang rakyat biasa tampil berkata, "Kami mahu mematuhi anda hingga anda beritahu kami dan manakah anda ambil baju yang anda pakai sekarang ini?" Khalifah Omar tidak merasa tersinggung dan marah kerana pertanyaan itu, malah beliau melayani pertanyanan itu dan menerangkan dengan jelas hingga orang itu berpuas hati dan lantas berkata kepada beliau, "Sekarang barulah anda boleh perintah kami dan kami akan mematuhi perintah anda." Inilah bentuk ajaran Islam yang dikenali di zaman kegemilangannya dan yang mahu kita hidupkannya sekali lagi hari ini. Apabila ajaran yang seperti dilaksanakan oleh khalifah itu diamalkan, maka tentulah rakyat jelata tidak perlu lagi memendamkan dendam kesumat mereka hingga terpaksa mereka luahkan ke atas orang lain untuk mencari kelegaan jiwa. Sudah tentu layanan dan sikap adil pemerintah terhadap rakyat akan menjadi tauladan ikutan kepada setiap rakyat dalam perhubungannya dengan orang lain dan menjadi tauladan ikutan kepada suami dalam melayani isteri dan anak-anaknya dengan adil, timbangrasa dan kasih mesra.

Islam juga tidak bertanggungjawab terhadap nilai-nilai akhlak yang rendah dalani masyarakat Islam, kerana dasar perjuangan Islam ialah untuk mengangkatkan manusia dan lembah kejatuhan akhlak dan mengemuka nilai-nilai hidup yang hakiki yang dapat menjadikan meneka manusia dalam erti kata yang sebenar. Menurut nilai-nilai Islam, orang yang paling mulia di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa bukannya orang yang paling kaya atau paling kuat atau paling berkuasa. Kerana itu apabila nilai-nilai akhlak telah sampai ke batas ini, maka tiada ruang lagi kepada kaum lelaki untuk menghinakan kaum wanita yang lemah,

malah yang menjadi ukuran nilai akhlak di masa itu ialah layanan yang baik terhadap wanita. Inilah ukuran yang telah ditegaskan oleh Rasulullah dalam sabdanya, "Orang yang paling bagus ialah orang yang paling baik terhadap isterinya dan akulah orang yang paling bagus melayani isteri-isteriku."(Riwayat at-Tirmizi) Dengan kata-kata ini Rasulullah memperlihatkan pengertiannya yang mendalam terhadap hakikat-hakikat jiwa manusia, kerana setiap orang yang memberi layanan yang buruk dan kejam kepada orang-orang yang dibawah tanggungannya menunjukkan ia mempunyai komplek komplek jiwa yang menjatuhkan nilai akhlaknya.

Demikian juga Islam tidak bertanggungjawab terhadap keja tuhan orang Islam ke alam keinginan naluri-naluri yang primitif, kerana Islam tidak pernah membenarkan mereka hidup di bawah kongkongan naluri primitif tanpa diasuh dan dididik. Islam mengakui kehendak-kehendak naluri, tetapi Islam tidak mengikuti keinginan-keinginan yang rendah dan tidak membenarkannya mengongkongi manusia hingga nilai hidup dipandang dan kaca mata keinginan-keinginannya.

Tujuan Islam mewajibkan suami isteri menunaikan kehendak sex satu sama lain bukanlah bererti menjatuhkan manusia ke taraf kebinatangan atau naluri-naluri yang primitif, malah tujuannya untuk membebaskan mereka dan desakan keinginan sex mereka yang asasi, agar keinginan sex yang asasi itu tidak terus mengganggu ketenteraman jiwa mereka hingga mengakibahkan mereka tidak dapat menumpukan tenaga-tenaga mereka ke arah usaha-usaha dan kegiatan-kegiatan yang tinggi samada di dalam kegiatan kegiatan bekerja, kegiatan ilmu pengetahuan, kegiatan seni dan kegiatan amal ibadat, atau mengakibahkan mereka terjerumus ke dalam jinayah perzinaan dan perogolan apabila mereka tidak dapat memuaskan keinginan sex mengikut saluran yang halal, tetapi Islam sama sekali tidak membenarkan mereka menenggelamkan diri di dalam lembah nafsu syahwat hingga mereka tidak berpeluang menikmati hidup yang luhur. Kerana itu Islam menggalakkan kaum lelaki memenuhi hidupnya dengan kegiatan jihad yang tidak putus-putus demi kepentingan agama Islam dan menggalakkan kaum wanita memenuhi hidupnya dengan kegiatan berjihad dalam usaha nlengasuh anak-anak dan menyelenggarakan rumahtangga agar lelaki dan perempuan itu mempunyai matalamat-matalamat hidup yang tinggi yang tidak hanya terbatas pada kegiatan sex dan pada keperluan-keperjuan hidup seharian semata.

Seterusnya Islam tidak bertanggungjaw terhadap keburukan didikan yang berlangsung di dalam masyarakat Islam, kerana mungkin tiada seorang yang waras yang berani menuduh Islam sedemikian, sebab seluruh kandungan al-Quran dan Hadith merupakan anjuran dan seruan agar manusja mengasuh dan mendidik diri mereka mengawai keinginan-keinginan nafsu, berlaku adil, menghormati dan menyintai orang lain sebagaimana mereka menyintai diri mereka sendiri. Apakah hakikat tradisi tradisi islam yang dikecam oleh penulis-penulis sekarang sebagai satu penghalang kemajuan kaum wanita dan sebagai faktor yang mengakibat kaum wanita hidup seperti binatang, iaitu hidup diselubungi kejahilan, kebekuan dan kesempitan? Tradisi Islam tidak pernah menyekat kaum wanita mencari ilmu pengetahuan, tidak pernah menghalang mereka bekerja dan membuat hubungan. hubungan secara langsung dengan masyarakat. Kalau beginilah tradisi Islam, maka dimanakah cacat celanya?

Memang benar jika dikatakan bahwa tradisi Islam menghalangi kaum wanita mengamalkan kebebasan-kebebasan yang liar, lucah dan tidak berguna dan bahwa Islam menghalangi mereka berkeliaran di tengah jalan untuk menjaja pesuna sex, dan keruntuhan akhlak, kerana Islam tidak percaya bahwa cara-cara yang sedemikian merupakan cara-cara yang wajar untuk kaum wanita mencapaj kemajuan dan membangunkan kehormatannya.

Siapakah yang berani mengatakan bahwa satu jalan untuk menggilapkan keperibadian kaum wanita dan untuk membekalkan mereka dengan pengalaman-pengalaman yang berguna ialah mereka harus keluar mendedahkan diri mereka kepada godaan-godaan sex, di mana mereka bebas menyerah diri kepada pemuda yang menawan hati mereka. Dan apabila mereka dapati bahwa pernuda itu hanya seorang pemuda nakal yang inginkan mereka kerana kenikmatan jasad semata-mata dan tidak pernah memandang hormat kepada mereka sebagai wanita, maka ini bebas pula meninggalkan pemuda itu dan mencari seorang pemuda lain persis seperti yang dilakukan oleh wanita Barat yang bertamaddun?

Orang-orang yang berani berkata begitu ialah orang-orang yang inginkan masyarakat Islam menjadi bejat agar mereka dapat mencani kepuasan nafsu mereka mengikut jalan yang paling mudah tanpa diganggu oleh tradisi-tradisi Islam.

Pengalaman-pengalaman harus dicari menerusi pelajaran dan pendidikan kerana fungsi pelajaran dan pendidikan ialah memberi pengalaman-pengalaman tentang urusan-urusan kehidupan. Begitu juga pengalaman-pengalaman itu harus dicari menerusi perkahwinan, kerana perkahwinan merupakan satu pengalaman praktikal yang halal yang dapat mematangkan jiwa dan membekalkan akal dengan pengalaman-pengalaman yang berguna.

Di Mesir ada seorang penulis bukan Islam yang menulis setiap minggu dalam akhbar mingguan untuk mengeritik Islam baik secara terusterang atau secara menyindir. Dia tidak jemu-jemu menyeru wanita Mesir supaya meninggalkan tradisi-tradisi yang lapuk dan keluar bercampur-baur dengan kaum lelaki dengan penuh keberanian. Dia juga menyeru mereka supaya keluar bekerja di kilang dan di gedung-gedung perniagaan bukan kerana keadaan keadaan yang memaksa malah semata-mata untuk menentang tradisi-tradisi yang menghendaki mereka menjadi ibu dan menjaga anak-pinak.

Selanjutnya penulis itu berkata lagi bahwa sebab yang mendorong wanita Islam berjalan di jalan-jalanraya dengan mata yang ditundukkan ke bawah ialah kerana ia tidak yakin kepada dirinya dan kerana ia dikongkongi perasaan takut terhadap kaum lelaki dan masyarakat, tetapi apabila ia matang dengan pengalaman tentulah ia akan mengangkatkan matanya dengan penuh cabaran dan akan memandang lelaki dengan pandangan yang tetap dan berani.(Penulis itu ialah Cik Salamah Mesa yang sepanjang masa hidupnya mengeritik dan menyindir Islam dalam tulisan-tulisannya. Sepak terajangnya sama dengan seorang penulis Kristian yang lain iaitu Jurji Zaidan. Kedua-duanya mempunyai angkatan pengikut masing-masing yang kini hebat menentang Islam).

Mengikut sejarah Siti Aisyah yang aktif mengambil bahagian dalam urusan politik, memimpin angkatan tentera dan menyertai peperangan di permulaan zaman Islam adalah bercakap dengan orang ramai dengan memakai tudung.

Menundukkan mata ke bawah ketika berjalan bukanlah suatu sifat yang hanya dapat dilihat pada perempuan-perempuan saja, kerana sejarah juga telah menceritakan bahwa Rasulullah sendiri berbuat demikian, tetapi adakah perbuatan itu mengertikan Rasulullah tidak mempunyai keyakinan terhadap dirinya dan tidak mengetahui tugasnya yang sebenar terhadap umat manusia.

Bilakah penulis-penulis seperti itu mahu merentikan penulisan mereka di sekitar masaalah-masaalah titik-bengik?

Memang tidak diragui lagi bahwa wanita Islam berada di dalam kedudukan yang buruk, tetapi jalan untuk membetulkan kedudukan itu bukanlah dengan meniru cara hidup wanita Barat yang mempunyal latarbelakang dan penyelewengan-penyelewengan yang tersendiri.

Satu-satunya jalan untuk mereformasikan kehidupan kauin wanita juga kaum lelaki kita ialah kembali kepada sistem hidup Islam. Tegasnya jalan reformasi kita ialah menyeru seluruh umat Islam lelaki dan wanita, belia dan beliawanis kembali berpegang kukuh kepada hukum undang-undang Islam. Ini adalah satu perjuangan yang harus menjadi intisari kepercayaan kita, di mana kita harus mencurahkau daya usaha, tenaga fikiran dan seluruh perasaan kita, kerana apabila kita percaya dan bertindak melaksanakan kepercayaan kita, maka bererti kita telah menyerahkan kepada - Islam untuk memerintah kita dan membetulkan kedudukan-kedudukan yang salah dengan adil dan saksama.

Islam Dan Hukuman-Hukumannya

ADAKAH hukuman-hukuman kejam yang telah dilaksanakan dalam masyarakat padang pasir itu sesuai dijalankan dalam masyarakat moden sekarang? Patutkah seseorang yang mencuri barang yang bernilai seperempat dinar itu dipotong tangannya? Sedangkan penjinayah-penjnayah di abad dua puluh hari ini hanya dianggap sebagai korban-korban kejelikan masyarakat. Mereka tidak patut dihukum, tetapi patut diubati.

Di manakah lojik abad dua pulub yang dapat membenarkan mereka membunuh empat puluh ribu jiwa rakyat Afrika Utara yang tidak bersalah dalam satu tindakan penjajahan yang ganas tetapi ia tidak dapat membenarkan anda menghukum seorang yang benar-benar bersalah?

Kita harus jangan tertipu dengan kata-kata molok yang meyembunyikan hakikat yang sebenar. Sekarang biarlah kita tinggalkan sebentar tamaddun abad dua puluh itu bergelumang dalam noda dan dosanya dan marilah kita mempelajari konsep jinayah dan hukuman di dalam Islam.

Jinayah sering digambarkan sebagai tindakan pencerobohan individu terhadap kelompok. Kerana itu konsep jinayah dan hukuman mempunyai hubungan yang rapat dengan pandangan sesuatu bangsa terhadap bentuk hubungan di antara individu dan masyarakat

Negara-negara yang mementingkan individu seperti negara negara kapitalis Barat begitu keterlaluan mendewa-dewakan individu dan menganggapkan sebagai pusat seluruh kehidupan bermasyarakat. Selanjutnya negara itu juga begitu keterlaluan menyempitkan hak-hak masyarakat untuk mengena sekatan.sekatan terhadap kebebasan individu dan pandangan yang sedemikian telah menjangkau pula kepada konsep jinayah dan hukuman, di mana penjenayah dipandang dengan penuh kasihan belas dan dimanja-manjakan dengan anggapan bahwa mereka sebenarnya adalah korban dari kejelikan-kejelikan masyarakat atau korban dari complex-komplex jiwa dan kehuruharaan-kehuharaan saraf yang tidak terdaya diatasi mereka, kerana itu mereka patuf diberi hukuman-hukuman yang seringan mungkin Di dalam Negara-negara itu jinayah-jinayah akhlak khususnya dipandang begitu ringan hingga hukuman-hukuman terhadap jinayah-jinayah itu seolah-olah tidak merupakan hukuman lagi.

Dan di peringkat ini ilmu jiwa tampil campurtangan untuk menfastifikasikan kesajahan dan jinayah.

Encik Frued merupakan tokoh yang menjadi juara perubahan yang bersejarah yang memandang kepada penjinayah itu sebagai korban dan komplek-komplek sex yang terjadi akibat tenaga-tenaga sex yang sepatutnya mendapat salurannya yang bebas telah ditindas oleh masyarakat, akhlak agama dan tradisi. Kemudian pendapat beliau telah diikuti pula oleh mazhab-mazhab analisa jiwa yang lain samada mereka yang sependapat dengan beliau yang mengata bahwa tenaga sex itu merupakan pusat kegiatan hidup manusia atau mereka yang tidak bersetuju dengan pendapat itu, kerana seluruh mazhab-mazhab itu memandang seseorang penjinayah itu sebagai manusia pasif yang menjadi korban environment dan suasana tertentu, di mana ia dibesarkan Mereka percayakan prinsip yang kita namakan sebagaj "Jabriyah jiwa" yang mengertikan bahwa manusia itu tidak mempunyai kersa dan kebebasan bertindak, kerana seluruh tenaga jiwanya berlangsung secara jabriah.

Sebaliknya negara-negara yang mementingkan masyarakat seperti negara-negara Komunis menganggapkan masyarakat itu sebagai satu lembaga suci yang tidak seharusnya dicerobohi individu dan dan konsep inilah negara-negara itu mengenakan hukuman-hukuman

yang berat seperti hukuman bunuh dan hukuman siksa ke atas individu yang melakukan tindakan-tindakan anti masyarakat.

Komunisma khususnya menganggap bahwa seluruh perlakuan jinayah adalah berpunca dan sebab-sebab ekonomi bukan berpunca dan sebab-sebab saikoloji seperti yang dianggap oleh Frued dan lainnya dan tokoh-tokoh analisa jiwa. Menurut mereka, di dalam negara yang pincang kehidupan ekonominya pertumbuhan akhlak-akhlak yang baik tidak mungkin lahir, kerana itu penjinayah-penjinayah tidak patut dihukum. Tetapi bolehkah pendokong-pendokong komunisma menerangkan mengapakah di Russia masih terdapat perlakuan jinayah dan masih terdapat mahkamah-mahkamah dan penjara-penjara, sedangkan negara itu telah pun menjalankan sistem ekonomi komunis yang adil!

Walau bagaimanapun, namun kedua-dua teori itu masing masing ada kebenarannya dan ada pula keterlaluannya. Misalnya memang benar bahwa suasana-suasana hidup seseorang itu mempunyai pengaruh yang besar dalam pembentukan dan perkembangan dirinya. Demikian juga komplek jiwa yang terpendam di dalam akal tak sedar itu kadang-kadang mendorong seseorang ke arah perlakuan jinayah. Tetapi walaupun begitu manusia bukanlah semata-mata satu makhluk yang pasif menghadapi suasana-suasana hidupnya.

Kesalahan ahli-ahli analisa jiwa ialah mereka hanya memandang kepada tenaga penggerak tetapi tidak memandang kepada tenaga pengawal, sedangkan tenaga pengawal ini juga merupakan sebahagian yang semulajadi dan kejadian manusia bukan satu tenaga yang didatangkan dan luar. Misalnya tenaga yang mem bolehkan kanak yang kecil mengawal berak kencingnya di atas tilam dalam peringkat umur yang tertentu, maka tenaga seperti ini juga dimiliki manusia untuk membolehkannya mengawal emosi dan tindak-tanduknya agar ia tidak selalu terburu-buru mengikut hawa nafsunya yang liar dan yang bebas lepas.

Begitu juga memang benar bahwa keadaan-keadaan ekonomi sebuah masyarakat mempunyai pengaruhnya yang tertentu dalam perkembangan perasaan dan tindak seseorang. Kelaparan boleh membawa seseorang ke arah perlakuan jinayah dan ke arah keruntuhan akhlak. Kelaparan juga boleh menyubur perasaan dendam dan dengki dan merusakkan keperibadian seseorang. Tetapi untuk mengatakan faktor ekonomi sebagai satu-satunya faktor yang mempengaruhi tindak manusia adalah satu pendapat yang amat keterlaluan, satu pendapat yang dibohongi oleh hidup dan dibohongi oleh wujudnya kes-kes jinayah di negeri Russia yang mendakwa telah berjaya menghapus kemiskinan dan kebujuran’

Sebelum kita menentukan samada penjinayah itu patut atau tidak patut dihukuin, maka lebih dulu kita harus bertanya sejauh manakah tanggungjawabnya terhadap jinayah yang dilakukannya? Segi inilah yang diperhitungkan oleh Islam ketika mempertimbangkan masaalah jinayah dan hukuman.

Islam tidak menentukan hukuman-hukuman dengan membabi buta dan tidak pula melaksanakan hukuman.hukuman itu tanpa pertimbangan Dalam hubungan ini Islam mempunyaj konsep yang unik yang berbeda dan semua konsep system-sistem di dunia. Konsep Islam di satu ketika bertemu dengan konsep negara yang mementingkan individu dan pada satu ketika yang lain pula ia bertemu dengan konsep Negara-negara yang mementingkan masyarakat. Islam duduk di tengah-tengah memegang neraca keadilan dan memperh-tungkan segala suasana dan faktor yang mendorong seseorang itu melakukan jinayah, tegasnya dalam menilaikan sesuatu jinayah, Islam membuat dua pertimbangan serentak. Pertama ia memandang perbuatan jinayah itu dan kacamata individu yang melakukannya dan kedua ia memandang jinayah itu dan kacamata masyarakat yang menjadi mangsa jinayah itu. Setelah itu barulah ia menentukan balasan yang adil, rasional dan lojis. Dalam penentuan hukuman-

hukuman itu Islam tidak akan terikut-ikut dengan teori-teori yang menyeleweng atau terikut ikut dengan hawa nafsu individu-individu dan bangsa-bangsa.

Islam menentukan hukuman-hukuman yang benar-benar menjerakan. Hukuman-hukuman itu kelihatan kejam dan terlalu keras kepada orang-orang yang memandang seimbas tanpa peneli tian yang mendalam, tetap Islam tidak akan melaksanakan hukuman-hukumannya melainkan sesudah ia mendapat kepastian bahwa penjinayah itu telah melakukan jinayahnya tanpa sebab yang boleh dimaafkan dan tanpa sebab desakan dharurat. Misalnya Islam menentukan hukuman potong tangan kepada jinayah mencuri, tetapi Islam tidak akan melaksanakan hukuman ini seandainya di sana terdapat sebarang keraguan bahwa pencurian itu dilakukan kerana desakan kebuluran.

Islam menentukan hukuman rejam kepada jinayah berzina baik lelaki atau perempuan, tetapi hukuman itu tidak akan dilaksanalan melainkan apabila kedua-dua itu melakukan perzinaan secara terang-terangan hingga perbuatan itu dapat dilihat dengan jelas oleh para saksi dan apabila kedua-dua yang bersalah itu sudah pun berkahwin.

Demikian sikap Islam dalam semua hukuman-hukuman jinayah yang ditentukannya.

Konsep ini adalah diambil dan dasar pemerintahan Omar bin al-Khattab salah seorang ahli perundangan Islam yang terkemuka dan seorang yang terkenal tegas dan ketat dalam melaksanakan undang-undang syara', kerana itu beliau tidak mungkin dituduh sebagai bersikap lembut dalam mentafsirkan undang-undang Allah.

Sayyidina Omar telah menggantungkan hukuman potong tangan pada tahun berlakunya kebuluran, ketika mana terdapat keraguan bahwa orang-orang mungkin terpaksa mencuri kerana tekanan kebuluran.

Selanjutnya pelaksanaan konsep itu dapat dilihat lebih jelas lagi di dalam peristiwa berikut:

"Menurut cerita, ada beberapa orang gaji yang bekerja dengan Ibnu Hatib bin Abi Balta'ah telah mencuri seekor untuk kepunyaan seorang lelaki dan suku Mazinah. Apabila mereka dibawa kepada Sayyidina Omar dan disoal mereka pun mengaku melakukan pencurian itu. Mendengar pengakuan itu beliau memerintah Kathir bin al-Salat supaya menjalankan hukuman potong tangan ke atas mereka. Tetapi apabila Kathir berpaling untuk berundur dan situ beliau menahannya kembali dan berkata, "Jika tidak kerana aku benar-benar tahu bahwa kamu telah menyuruh mereka bekerja dan membiarkan mereka lapar hingga halal jika meneka memakan harta orang lain yang dihanamkan oleh Allah tentulah aku akan potong tangan mereka." Setelah itu beliau menghala pula kata-katanya kepada Ibni Hatib bin Abi Balta'ah, "Oleh kerana aku telah membatalkan hukuman potong tangan ke atas mereka, maka demi Allah aku akan mengenakan engkau dengan satu denda yang memeritkan engkau." Kemudjan beliau bertanya lelaki tuan anta dan suku Mazinah itu, "Berapa banyak harga yang pernah ditawar kepada unta engkau itu?" Jawal, lelaki itu, "Empat ratus." Lalu Sayyidina Oman pun berkata kepada Ibnu Hatib, "Sekarang engkau boleh balik dan bayarkan kepada lelaki ini sebanyak delapan ratus."

Ini adalah satu dasar yang tegas yang tidak boleh didolak lagi, iaitu apabila terdapat suasana yang memaksa seseorang melakukan perbuatan-perbuatan jinayah, maka hukuman-hukuman bolehlah digantungkan kerana berdasarkan perintah Rasulullah, "Tahankan pelaksanaan hukuman apabila terdapat keragu "(Riwayat Abdullah bin Abbas).

Seandainya kita tinjau polisi Islam di dalam semua hukuman-hukuman yang telah ditentukannya kita akan dapati bahwa tujuan utama Islam ialah membersihkan masyaraka dan sebab yang boleh membawa kepada perlakuan jinayah dan selepas itu Islam mengaturkan pula hukuman-hukuman yang adil dan menjerakan yang akan dijatuhkan ke atas penjinayah yang

melaku kan jinayahnya tanpa sebab-sebab yang wajar atau tanpa di selubungi keraguan dalam apa bentuk sekali pun.

Seandainya masyarakat tidak terdaya untuk mencegahkan faktor-faktor yang membawa kepada perlakuan jinayah atau perlakuan jinayah itu diselubungi oleh sesuatu keraguan, maka hukuman-hukuman berat itu harus digugurkan oleh pihak pemerintah atau membebaskan penjinayah itu atau mengenakan hukuman-hukuman dera yang lain seperti sebat dan penjara mengikut sejauh mana seseorang itu bentanggungjawab di atas kesalahannya.

Islam berusaha dengan berbagai-bagai cara untuk menghapuskan faktor-faktor atau keadaan-keadaan yang boleh membawa ke arah perlakuan jinayah, misalnya Islam berusaha untuk mewujudkan pembahagian kekayaan yang adil di dalam masyarakat. Di zaman Khalifah Oman Ibni Abdul Aziz usaha itu telah berjaya menghapuskan kemiskinan dan masyarakat.

Menurut Islam, negara adalah bentanggungjawab terhadap, sara hidup setiap nakyatnya tanpa memperhitungkan agama, bangsa, bahasa, warna kulit dan status sosialnya dan negara juga bertanggungjawab mengadakan pekerjaan-pekerjaan yang halal kepada mereka. Mana-mana rakyat yang tidak mempunyai pekerjaan atau tidak mampu bekerja, maka negara hanus membantu mereka dan harta perbendaharaan negara (Baitulmal).

Di samping langkah-langkah itu, setiap perlakuan jinayah akan diperiksa dengan teliti untuk dipastikan sebelum dijatuhkan hukuman bahwa penjinayah itu. tidak melakukan jinayahnya di bawah desakan keadaan yang memaksa.

Islam memang mengakui bahwa keinginan sex begitu kuat mempengaruhi manusia, tetapi Islam menggalakkan mereka memuaskan keinginan itu menerusi saluran yang halal iaitu penkahwinan. Kerana itu Islam menggalakkan mereka berkahwin dalam usia yang muda dan bersedia mengadakan bantuan-bantuan dan Baitulmal kepada mereka yang ingin berkahwin, tetapi tidak mampu mendapatkan perbelanjaan-perbelanjaan yang wajar.

Serentak dengan itu Islam menggesa agar masyarakat dibersihkan dan sebarang faktor yang menggoda dan menimbulkan keinginan sex orang ramai dan selanjutnya Islam menawarkan matlamat-matlamat hidup yang luhur yang dapat menyedut tenaga sex yang berlebihan dan menyalurkannya ke dalam kegiatan-kegiatan yang baik.

Islam juga menggalakkan umatnya memenuhi kekosongan waktu dengan kegiatan-kegiatan beribadat kepada Allah. Dengan cara-cara yang demikian Islam cuba mencegahkan motif-motif yang mungkin membawa kepada perlakuan jinayah zina. Dan namun demikian Islam tidak juga tergesa-gesa menjatuhkan hukuman hukumannya yang berat melainkan apabila penzina itu secara terang-terangan dan angkuh melakukan jinayahnya dengan tujuan memassabodohkan tradisi-tradisi masyarakat dan menurun ke taraf kebinatangan hingga aksi perzinaan dapat dilihat begitu jelas oleh empat orang saksi.

Tentu saja ada orang berfikir bahwa keadaan-keadaan ekonomi, sosial dan moral yang wujud pada hari ini di dalam masyarakat Islam tidak menggalakkan anak muda untuk berkahwin, malah mendekatkan mereka ke lembah jinayah perzinaan. Pendapat ini ada kebenarannya dan dalam hubungan ini Islam tidak bersedia untuk bertolak ansur. Pilihannya hanya satu iaitu samada Islam diambil semua atau ditinggal semua. Ini bererti apabila Islam memerintah dalam erti kata yang sebenar ia tidak akan membenarkan adanya tayangan filem-filem yang lucah, surat-suratkhabar yang memuat gambar-gambar yang memberahi, nyanyian murah yang menggalakkan nafsu sex dan pemandangan pemandangan yang seksi di jalan-jalanraya. Selanjutnya ketika Islam memerintah kemiskinan tidak akan dapat menghalangi seseorang untuk mendirikan rumahtangganya. Hanya dalam suasana masyarakat yang seperti inilah orang ramai dapat diseru untuk menjadi manusia-manusia yang baik kerana mereka

memang mampu untuk menjadi orang-orang yang baik. Dan dalam keadaan yang sedemikian juga barulah hukuman dapat dijalankan ke atas mereka yang melakukan jinayah zina kerana mereka tidak lagi mempunyai sebarang apoloji dan jastifikasi untuk menghalalkan jinayah mereka.

Demikianlah sikap Islam di dalam hukuman-hukuman terhadap kesalahan-kesalahan yang lain, iaitu pertama melindungi syara' dan segala perangsang yang membawa ke arah perlaku jinayah; kedua menggantungkan perlaksanaan hukum apabila terdapat keraguan demi untuk pra waspa (precaution). Kerana itu manakah satu sistem yang seadil sistem Islam?

Oleh kerana orang-orang Eropah tidak mempelajari hakikat-hakikat konsep jinayah dan hukuman di dalam Islam, maka mereka menganggap hukuman-hukuman yang ditetapkan oleh Islam itu sebagai kejam dan menjatuh status manusia. Mereka tersalah anggap bahwa hukuman Islam itu sama seperti hukuman sivil mereka yang akan dijalani setiap hari. Akibatnya mereka melihat masyarakat Islam sebagai sebuah gelanggang pembunuhan dan penyiksaan yang kejam, di mana setiap hari di sana sini dilaksanakan hukuman-hukuman sebat, potong tangan dan rejam, sedangkan yang sebenarnya hukuman hukuman yang menjerakan itu jarang sekali dilaksanakan di dalam masyarakat Islam. Umpamanya hukuman potong tangan hanya dilaksanakan sebanyak enam kali saja dalam masa empat ratus tahun. Ini adalah satu bukti yang cukup untuk menyedarkan kita bahwa tujuan hukuman-hukuman itu pada pokoknya ialah untuk menakut dan mencegah perlakuan jinayah saja. Begitu juga cara Islam bertindak melindungi masyarakat dan pengaruh yang boleh membawa kepada perlakuan jinayah itu memberi keyakinan penuh kepada kita bahwa perlaksanaan hukuman berat yang jarang dilaksanakan itu adalah dilakukan dengan penuh keadilan.

Tidak ada sebab yang wajar mengapa setengah orang Eropah dan sebagainya merasa khuatir terhadap perlaksanaan hukuman-hukuman Islam kecuali seluruh meneka memang penjinayah-penjinayah semulajadi yang terus berdegil untuk melakukan jinayah-jinayah tanpa sebab-sebab yang wajar.

Tetapi mungkin ada orang berfikir pula bahwa hukuman hukuman yang ditetapkan oleh Islam itu tidak lebih dan hukuman hukuman bayangan saja yang. tidak bernilai pada kenyataan. Anggapan itu tidak benar kerana hukuman-hukuman itu memang realistik untuk menakutkan setengah orang yang ingin melakukan jinayah tanpa sebab-sebab yang wajar. Biarpun bagaimana kuatnya keinginan mereka untuk melakukan jinayah, namun mereka harus berfikir berkalj-kali sebelum melakukan jinayah itu kerana takutkan hukuman yang berat.

Mungkin orang-orang seperti itu menjadi korban penyelewengan dalam bentuk pembenaman atau suppresi sex, tetapi selama masyarakat berusaha untuk kebajikan dan kebaikan seluruh warganya, maka masyarakat berhak untuk mendapat jaminan terhadap keselamatan jiwa, harta benda dan maruah warga-warganya dan sebarang pencerobohan.

Di samping itu Islam tidak pula akan berpeluk tubuh dan bertindak sewajarnya untuk mengubati mereka yang cenderung melakukan jinayah tanpa sebab-sebab yang wajar, malah Islam tidak akan membiarkan mereka begitu saja menjadi korban penyelewengan-penyelewengan sex.

Inilah konsep hukuman Islam yang sebenar, tetapi malangnya setengah intelek dan ahli-ahli undang-undang kita memandang jejek kepada hukuman-hukurnan itu kerana sernata-mata takut dicap sebagai undang-undang jakun oleh orang orang Barat. Alangkah baiknya jika ada orang-orang yang dapat mengajar mereka secara mendalam segala hikrnat-hikmat yang terkandung dalam hukuman yang telah ditetapkan oleh Islam itu.

Islam Dan Tamaddun

ADAKAH anda mahu mengembalikan kami ke zaman seribu tahun yang lampau atau ke zaman manusia Arab Badwi yang hidup di dalam khemah-khemah? Islam rnemanglah sesuai dengan manusia-manusia Arab Badwi yang berkaki ayam dan liar di zaman itu. Ajaran-ajaran Islam yang simpel dan bersahaja itu cukup cocok dengan keadaan hidup mereka. Tetapi buat sekarang adakah Islam sesuai dengan zaman tamaddun dan kemajuan sains dan teknoloji, zarnan roket dan bom-bom hedrogen, zarnan bangunan-bangunan pencakar langit dan wayang garnbar tiga dimensi?

Islam satu agarna yang statis yang tidak dapat berganding dengan perkembangan tamaddun yang moden dan pasti dibuang jika kita ingin maju seperti bangsa-bangsa yang lain.

Pandangan yang sedemikian mengeliru dan meragukan itu telah membuat saya terkenang kembali kepada seorang intelek Inggeris yang bertemu dengan saya sejak dua tahun yang lampau.(Cetakan pertama buku ini lahir dalam tahun 1953) Dia telah dikirirn ke Mesir sebagai pakar Bangsa-bangsa Bersatu untuk menolong kerajaan Mesir melaksanakan rancangan mempertingkatkan taraf hidup kaum tani Mesir atau lebih tepat untuk meyakinkan orang-orang Mesir bahwa negara-negara kapitalis Barat menyintai mereka dengan penuh ikhlas dan jujur dan sebarang rancangan yang dibawa mereka ke Mesir bukanlah bertujuan untuk menegakkan penjajahan ekonomi di negeri ini.

Oleh kerana pakar Inggeris itu tidak mengetahui bahasa Arab, maka saya telah ditugas oleh pemerintah untuk bertindak selaku jurubahasa di antaranya dengan kaum tani Mesir.

Saya bersikap terus terang dengan beliau sejak mula pertemuan lagi. Saya katakan kepadanya bahwa kami umat Mesir bencikan Inggeris dan kami akan terus membencikan mereka selama tentera Inggeris masih menduduki mana-mana bumi Timur, kami umat Mesir bencikan Inggeris, Amerika dan negara-negara Sekutu kerana sikap lnggeris terhadap Mesir, terhadap Palastine dan terhadap negeri-negeri yang telah dikotori oleh tapak kaki penjajahan Inggeris.

Pakar itu menoleh kepada saya sejurus jenang kemudian bertanya, “Adakah anda seorang komunis?” Jawab saya, “Bukan, saya seorang Islam dan saya anggap Islam lebih baik dan tamaddun kapitalisma Barat, malah lebih baik dan komunisma. Islam adalah sebaik-baik sistem yang pernah diketahui manusia kerana sistem Islam meliputi seluruh bidang hidup dan kerana Islam meladini seluruh masaalah-masaalah hidup manusia dengan adil dan imbang.”

Kami berdebat hampir tiga jam dan pada akhirnya pakar Inggeris berkata, “Mungkin apa yang anda katakan mengenai Islam itu benar, tetapi buat saya, saya tidak mahu diharamkan dari menikmati hasil-hasil kejayaan tamaddun moden, saya suka naik kapal terbang dan suka mendengar musik-musik indah dan peti radio.”

Saya menyampuk hairan, “Siapa yang telah melarang awak berbuat demikian?” Dia membalas segera, “Bukankah memeluk Islam itu bererti saya terpaksa balik ke zaman manusia Badwi yang hidup di dalam khemah-khemah?”

Ini adalah satu anggapan bodoh yang tidak akan dikatakan oleh siapa saja yang pernah mempelajari sejarah Islam. Kerana selama ini Islam tidak pernah menjadi batu penghalang kemajuan dan tamaddun.

Islam telah diturun dalam kalangan umat Arab, di mana separuh dan mereka terdiri dan orang-orang Arab penghüni padang pasir yang mengelana, berbudi bahasa yang kasar dan berhati kejam hingga al-Quran pernah mengatakan tentang mereka, “Arab-arab Badwi itu ialah

manusia-manusia yang amat kufur dan hipokrit dan lebih wajar tidak mengetahui hukum hukum yang telah diturunkan Allah kepada RasulNya," tetapi kejayaan Rasulullah yang paling besar ialah beliau telah dapat mengubahkan umat yang jakun dan liar itu menjadi manusia manusia baik, bukan saja mereka dapat menerima ajaran-ajaran Allah dan mempertingkatkan diri mereka dan status kehaiwanan kepada status kemanusiaan yang luhur, malah mereka juga telah menampilkan diri mereka sebagai jaguh-jaguh pengembang ajaran Allah dalam kalangan umat-umat yang lain. Ini adalah satu satunya bukti bahwa agama Islam mempunyai kudrat yang anih untuk menamadunkan umat manusia dan mengasuhkan jiwa mereka.

Islam tidak merasa cukup dengan perkhidmatan agungn membangun jiwa manusia, iaitu satu perkhidmatan hakiki yang perlu dirakamkan di dalam sejarah, kerana pembangunan jiwa merupakan tujuan akhir dan setiap kemajuan dan tamaddun, malah di samping membangin fikiran dan meluhurkan perasaan manusia, Islam membela pula segala manifestasi tamaddun yang menarik minat manusia dan dianggap sebagai intisari hidup mereka. Seterusnya Islam melindungi unsur-unsur tamaddun seluruh negeri yang ditakluknya seperti tamaddun-tamaddun Mesir, Farsi dan negeri-negeri bekas jajahan Rome selama unsur unsur tamaddun itu tidak bercanggah dengan konsep kepercayaannya kepada Allah Yang Tunggal dan selama unsur-unsur itu tidak menyelewengkan manusia dan tugas ibadat mereka kepada Allah.

Islam juga telah melindungi dan menyuburkan hasil-hasil kemajuan ilmiah yang dirintiskan oleh umat Greek dalam bidang perubatan, astronomi, matematika, fizika, kimia dan falsafah, malah Islam juga turut memberi sumbangan kemajuan-kemajuan ilmiah yang baru yang membuktikan bagaimana serius dan mendalamnya minat umat Islam di dalam penyiasatan ilmiah.

Intisari kemajuan ilmiah yang dicapai oleh umat Islam di Andajus itulah yang merupakan tapak bagi kebangkitan dan kemajuan umat Eropah dalam bidang-bidang sains dan rekaan rekaan.

Dengan bukti-bukti sedemikjan bilakah pula Islam dikatakan menentang dan menghalangi kemajuan yang berguna kepada umat manusia?

Sikap Islam terhadap kemajuan Barat yang terdapat pada hari ini adalah sama saja dengan sikapnya terhadap kemajuan dan tamaddun-tamaddun yang lama. Ia bersedia menenima apa saja unsur kemajuan yang mendatangkan kebaikan dan sebaliknya menolak apa saja unsur-unsur yang membawa kejelikan dan kejahatan. Islam tidak pernah menyeru umatnya ke arah pemen cilan ilmiah atau kebendaan. Islam tidak memusuhi tamaddun tamaddun yang lain atas sebab-sebab peribadi dan perkauman kerana Islam percaya kepada konsep kesatuan umat manusia dan perhubungan silaturrahim dengan berbagai-bagai bangsa yang menganut berbagai faham. Kerana itu tidaklah wajar di bimbangi bahwa Islam akan menghalangi umat manusia dan mempergunakan hasil-hasil tamaddun yang moden seperti yang difaham oleh setengah-setengah intelek yang dangkal. Segala peralatan dan jentera.jentera tidaklah disyaratkan mesti ditulis dengan kata-kata "Bismillaah hirrahmaa nir rahiim" supaya dapat diterima oleh orang-orang Islam untuk digunakannya di rumah rumah, di kilang-kilang, di ladang-ladang dan di lain-lain bidang hidup mereka. Malah bagi mereka cukuplah menggunakan peralatan dan jentera itu dengan mengucapkan nama Allah dan untuk maksud yang diredhai Allah.

Di samping itu peralatan dan jentera-jentera itu sendiri tidak mempunyai agama dan tanahair, tetapi cara dan tujuan penggunaannya saja yang mempengaruhi hidup manusia, misalnya meriam tidak lain dan tidak bukan melainkan merupakan satu hasil dan rekaan manusia yang tidak mempunyai tanahair dan agama, tetapi anda tidak mungkin menjadi

seorang Islam yang sebenar apabila anda menggunakan senjata-senjata itu untuk mencerobohi orang lain, kerana syarat penggunaan senjata di dalam Islam mestilah ditujukan untuk menentang pencabulan dan untuk menegakkan agama Allah di muka bumi. Wayang gambar juga tidak lebih dan satu hasil rekaan moden manusia dan untuk menjadi seorang Mulim yang baik anda harus gunakan wayang gambar untuk mempamirkan perasaan-perasaan yang luhur dan murni, juga menggambarkan perjuangan-perjuangan untuk kebajikan. Sebaliknya anda tidak mungkin menjadi seorang Muslim yang baik seandainya anda gunakan wayang gambar untuk menayangkan cerita-cerita bogel dan lucah atau menunjul-nunjulkan cenita cerita manusia runtuh tidak bermoral, manusia yang bergelumang dalam segala macam kejahatan — akhlak, fikiran dan kepercayaan.

Kejelikan filem-filem lucah yang laris sekarang ini bukan saja kerana filem-filem itu merangsangkan nafsu syahwat yang rendah, malah kerana ia menunjul-nunjulkan aspek hidup manusia yang enteng dan hina, seolah-olah matalamat hidup hanya terbatas pada tujuan-tujuan yang remeh dan murah, iaitu tujuan-tujuan yang bukan merupakan makanan rohani yang sihat kepada manusia.

Ajaran Islam tidak pernah menentang rekaan-rekaan sains yang dihasilkan oleh manusia di mana-mana saja di dunia ini, malah setiap usaha percubaan sains yang sihat merupakan satu makanan jiwa yang harus dikecapi oleh orang-orang Islam. Rasulullah telah bersabda, ‘Menuntut ilmu itu satu tugas yang wajib. Dan apabila disebut “ilmu’ maka maksudnya seluruh jenis ilmu pengetahuan. Rasulullah telah menggalakkan umatnya mempelajari segala macam ilmu pengetahuan di mana-mana saja.

Kesimpulannya, Islam tidak menentang perkembangan kemajuan dan tamaddun selama ia mendatangkan kebajikan kepada manusia. Tetapi seandainya tamaddun itu diertikan dengan arak, judi, pelacuran moral, penjajahan dan perabdian manusia yang berselindung di sebalik berbagai-bagai nama dan istilah, maka tentulah Islam akan tampil menentang tamaddun yang palsu itu dan akan berjuang sepenuh upaya demi melindungi umat manusia dan kemusnahan.

Islam Dan Kekolotan

SETENGAH-SETENGAH orang dengan lantang menuduh bahwa setengah-setengah cara hidup Islam tidak lagi dapat diterima di zaman ini, malah tidak lagi sesuai dengan lojik hidup moden. Mereka seterusnya menuduh bahwa cara hidup Islam itu akan menjadikan kita manusia yang berfikiran batu dan berperasaan beku. Cara-cara hidup Islam merupakan tradisi-tradisi lanuk yang hanya esuai untuk jenerasi-jenerasi manusia zaman dulu saja. Islam di hari ini merupakan satu sistem kolot yang menghalangi kemajuan.

Mereka selanjutnya menyoal pemimpin-pemimpin Islam, "Adakah anda sekalian masih mendesak untuk mengharamkan riba, sedangkan riba merupakan satu keperluan ekonomi di zaman moden?"

"Adakah anda sekalian masih mendesak untuk memungut zakat dan membahagi-bahagikannya di tempat-tempat di mana zakat itu dipungut, sedangkan sistem pemungutan zakat yang seperti itu merupakan satu sistem primitif yang tidak sesuai dengan sistem negara-negara moden. Di samping itu sistem pembahagian zakat menjatuhkan maruah fakir miskin baik di bandar atau di luar bandar kerana ia membuat fakir miskin itu merasa bahwa mereka adalah penerima ihsan dan belas kasihan orang-orang kaya dan mereka pastilah menghormati dan tunduk kepada kuatkuasa mereka?

"Adakah anda sekalian masih mendesak supaya diharamkan arak, judi, percampuran di antara lelaki perempuan, tari menari, menyimpan "girl friend" dan "boy friend", sedangkan semuanya itu merupakan keperluan-keperluan sosial di zaman moden yang tidak dapat dilarang dan merupakan sebahagian dan perkembangan kemajuan yang harus berjalan terus?"

Apa yang dikatakan mereka itu memang benar dan satu segi tetapi tidak benar dan satu segi yang lain.

Memang benar Islam mengharamkan riba, tetapi tidak benar untuk mengatakan bahwa riba itu merupakan satu keperluan ekonomi.

Di dunia moden hari ini terdapat dua sistem ekonomi yang mengharamkan nba iaitu sistem Islam dan sistem komunisma walaupun kedua-dua sistem itu berlainan dasar dan tujuannya. Apa yang berbeza dan dua sistem itu ialah sistem komunisma mempunyai kekuatan yang realistik untuk melaksanakan peraturan-peraturan ekonominya, sedangkan sistem Islam masih belum mempunyai kekuatan yang seperti itu, namun demikian Islam sedang beransur-ansur menuju ke arah pencapaian kekuatan itu. Pergolakan dan perjuangan yang sedang berlaku di dunia Islam hari ini merupakan pertanda-pertanda akan munculnya renaissance Islam atau kebangunan Islam yang baru.

Apabila pemerintahan Islam dapat ditegakkan, maka Islam akan membangunkan ekonominya tanpa mengamalkan sistem nba sama seperti komunisma membangunkan ekonominya tanpa riba. Islam tidak menganggapkan riba sebagai suatu keperluan ekonomi dan komunisma juga tidak menganggapkan riba sebagai suatu keperluan ekonomi.

Tegasnya riba bukanlah suatu keperluan ekonomi yang tidak boleh diabaikan dunia moden, malah riba hanya merupakan suatu keperluan ekonomi di dalam sistem kapitalis saja, kerana sistem kapitalisma tidak mungkin tegak tanpa riba. Di samping itu setengah tokoh ekonomi di negeri-negeri kapitalis Barat mulai mengecam sistem riba. Menurut mereka sistem riba selama lamanya akan berakhir dengan satu akibah yang jelik iaitu terbolotnya kekayaan pada tangan segelintir manusia dan beransur ansur tersungkurnya berjuta-juta rakyat di bawah perhambaan segelintir hartawan yang memiliki kekayaan itu. Kebenaran pendapat ini adalah

jelas dapat dilihat pada sistem kapitalis yang wujud pada hari ini tanpa memerlukan kita mempelajari ekonomi secara mendalam.

Keistimewaan sistem Islam ialah ia telah mengharamkan riba dan monopoli yang menjadi rukun sistem kapitalis sebelum lahirnya sistem itu kira-kira hampir seribu tahun lamanya, kerana Allah yang telah mengaturkan agatna ini telah meninjau seluruh generasi manusia serentak dalam satu masa, di mana ia Maha Mengetahui dengan akibah-akibah malapetaka jelik yang mungkin dicetuskan oleh riba di dalam dunia ekonomi dan dengan akibah permusuhan dan persengkitaan di antara go1ongan rakyat yang berpunca dari amalan sistem nba.

Yang anihnya ada seorang penulis yang kononnya pejuang telah menulis di dalam salah sebuah mingguan di Mesir, di mana ia menyesali Islam kerana bersikap begitu mendesak untuk mengharamkan riba, sedangkan beliau sendiri mengaku beefaham sosialis yang juga tidak berlandaskan sistem riba dan sedangkan di waktu ini sistem kapitalis sendiri mulai tersungkur akibah mengarnalkan riba dan beransur-ansur menganut sistem sosialisma. Jelaslah bahwa yang menjadi persoalan di sini bukannya persoalan prinsip yang dianut oleh seseorang dengan penuh keyakinan, malah keinginan nafsu liar untuk menyerang Islam semata-mata.

Lagi yang anihnya ada seorang menteri Islam di Mesir yang sejak dan mudanya lagi menghubungkan dirinya dalam golongan ahli-ahli agama tiba-tiba melatah demi mempertahankan kepentingan modal asing, membuat satu seruan bahwa masanya telah tiba kepada ulama Islam menyemak semula untuk menghalalkan sistem riba sesuai dengan perkembangan zaman.

Seorang Syeikh al-Azhar juga telah mengambil sikap yang demikian, sedangkan sebelum memegang jawatan itu beliau dengan tegas mengharamkan amalan riba dengan apa corak sekali pun.

Buat kita di zaman ini sistem nba merupakan satu keperluan ekonomi umat yang terjajah, kerana penghidupan ekonomi kita masih bergantung kepada bantuan negara-negara asing, tetapi hakikat ini tidak boleh dicampur-adukkan dengan laungan laungan hendak mencari kemajuan.

Kerana itu apabila penghidupan ekonomi seluruh negara Islam telah bebas dan berdikari dan hubungannya dengan negara-negara asing berlandaskan prinsip pertukaran yang bebas bukan lagi sebagai negara jajahan yang pasti patuh dan tunduk, maka pada hari itu dapatlah kita membangunkan ekonomi kita di atas prinsip-prinsip Islam dan dapatlah kita bertindak mengharamkan pengamalan sistem riba. Di waktu itu barulah kita dipandang oleh umat-umat yang lain sebagai satu umat yang progresif yang mengamalkan sistem ekonomi yang moden di dunia yang moden.

Mengenai zakat kita telah pun memberi penjelasan yang secukupnya di bab yang lalu, di mana kita tegaskan bahwa zakat itu bukanlah satu pemberian ihsan untuk golongan fakir miskin, malah suatu kewajipan yang telah ditentukan Allah dan suatu tanggungjawab yang harus diselenggarakan oleh negara.

Tetapi yang menjadi sasaran pengeliruan ialah tentang cara pembahagian zakat yang dikatakan terlalu tempatan (discentralization) kerana zakat harus dibahagikan kepada fakir miskin setempat, iaitu di tempat zakat itu dipungut saja dan tidak boleh dipindah ke lain tempat.

Amatlah disayangi kerana masih ramai intelek kita yang menyanjung tinggi dan mengkagumi setiap peraturan yang datang dari Barat sebagai hasil perkembangan kemajuan yang terbaru,

tetapi apabila peraturan yang sama itu datang dari Islam, mereka akan memandangnya sebagai lambang kemunduran dan kekolotan.

Barangkali berguna jika kita kemukakan kepada mereka bahwa sistem pentadbiran yang terbaru di Amerika adalah dilandaskan di atas prinsip disentralisasi. Setiap desa merupakan satu unit ekonomi, politik dan sosial yang tersendiri dalam bidang hubungannya dengan pekan, kerajaan negeri dan kerajaan pusat Amerika Syarikat. Majlis kedesaan di setiap unit itu akan mengena dan memungut cukai-cukai dan penduduk-penduduk di situ dan hasil pungutan cukai itu akan diperuntukkan demi membiayai projek-projek persekolahan kesihatan, pengangkutan dan perkhidmatan sosial di unit atau di desa itu. Seandainya hasil pungutan cukai itu berlebihan, maka ia akan dikirimkan kepadâ kerajaan negeri, dan sebaliknya jika pungutan itu tidak mencukupi, maka bantuan akan dipinta dan kerajaan negeri atau pusat.

Peraturan disentralisasi memang satu peraturan yang baik kerana ia mengaturkan pembahagian kerja yang wajar tanpa memberatkan kerajaan pusat yang sudah tentu kurang mengetahui dengan perincian segala keperluan unit-unit atau kampung desa sebagaimana yang diketahui dan dirasakan oleh penduduk unit-unit itu sendiri.

Para intelek kita tentu menyanjung tinggi peraturan yang sedemikian, tetapi mereka lupa bahwa peraturan ini telah pun diamalkan oleh Islam lebih dan seribu tiga ratus tahun yang lampau, di mana cukai-cukai dipungut oleh pihak-pihak berkuasa tempatan dan hasil pungutan itu dibelanjakan untuk memenuhi keperluan-keperluan tempatan. Seandainya hasil pungutan itu berlebihan, ia akan dikirimkan ke Baitulmal dan sebaliknya jika hasil pungutan tidak mencukupi, maka bantuan akan dipinta dan tabung Baitulmal

Inilah prinsip yang telah ditetapkan oleh Islam untuk menjamin pembahagian kerja yang adil dan untuk menegakkan sistem disentralisasi dalam pentadbiran negara dan prinsip inilah yang dikecam oleh para intelek sebagai satu sistem yang mundur.

Mengenai cara pembahagian zakat telah kami jelaskan di bab yang lalu, di mana kami telah tegaskan bahwa Islam tidak memestikan zakat itu dibahagi dala bentuk wang tunai atau matabenda dan Islam tidak menghalangi jika zakat dibahagi dalatn bentuk perkhidmatan mengadakan sekolah-sekolah, hospital- hospital, dan lain-lain perkhidmatan sosial atau dalam bentuk memberi bantuan langsung kepada orang-orang yang tidak dapat bekerja kerana lemah, tua, masih anak-anak dan sebagainya.

Seandainya kita dapat melaksanakan cara pentadbiran Islam, maka apa yang kita akan lakukan tidak lebih dan mengadakan yunit-yunit kecil yang bertanggungjawab menyelenggarakan urusan keperluan dirinya dalam batas hubungánnya dengan kerajaan negeri, kerajaan pusat, dengan dunia Islam dan akhirnya dengan dunia seluruhnya.

Mengenai arak, judi, percampuran liar di antara lelaki dan perempuan, maka Islam telah mengharamkannya dengan tegas walaupun dikecam oleh orang-orang yang menamakan dirinya sebagai kaum progresif.

Baik juga disebut di sini bahwa di negeri Perancis yang pemabuk itu telah muncul baru-baru ini seorang anggota parlimen wanita menuntuk kerajaan Perancis mengharamkan arak.

Penagihan arak mencerminkan sebuah masyarakat yang sakit atau individu yang tenat. Arak hanya diperlukan oleh masyarakat sakit yang membesar-besarkan perbezaan kelas, di mana golongan atasan hidup dalam satu kemewahan lacur yang membunǔh perasaan mereka dan di mana golongan bawahan hidup dalam serba penderitaan. Dan kedua-dua golongan itu sama-sama memerlukan arak. Golongan pertama memerlukan arak untuk merangsangkan

kecergasan mereka. Golongan yang kedua juga memerlukan arak untuk melarikan diri mereka dari alam kenyataan yang pahit.

Ada lagi masyarakat-masyarakat yang memerlukan arak iaitu masyarakat yang ditindas oleh pemerintah yang kejam dan pemerintahan diktator yang menahan kebebasan berfikir, masyarakat yang terpaksa menumpukan seluruh perasaannya untuk perjuangan mendapatkan sesuap nasi, masyarakat yang digugatkan oleh kebisingan-kebisingan bunyi anika mesyin yang monotonous dan menjemukan, dan masyarakat di mana para pekerja terpaksa duduk terlalu lama di atas kerusi, dan di dalam bilik-biik mereka.

Masyarakat-masyarakat yang seperti inilah yang memerlukan arak dan lain-lain dadah untuk mengadakan alam-alam impian yang sunyi dan derita.

Tetapi keadaan-keadaan hidup yang sedemikian tidak boleh dijadikan alasan untuk menghalalkan arak, kerana arak adalah simptom wujudnya penyakit-penyakit di dalam kehidupan, kerana itu wujudnya penagihan arak di dalam masyarakat harus merupakan pendorong kepada kita untuk bertindak membasmikán faktor faktor yang menggalakkan penagihan itu. Atau dengan lain-lain perkataan, apabila Islam bertindak mengharamkan arak, maka Islam tidak melupakan faktor-faktor yang menggalakkan penagihan arak, kerana itu Islam lebih dulu bertindak membasmikan segala faktor-faktor yang membawa ke arah penagihan arak dan setelah itu barulah Ia mengharamkan arak.

Sebelum mengkritik Islam patutlah tamaddun Barat itu mempelajari dari Islam bagaimana Ia mengatasi pengidapan pengidapan jiwa melalui usaha-usaha penyusunan semula peng hidupan ekonomi, sosial, politik atau melalui pendidikan fikiran, kerohanian dan kejasmanian.

Mengenal judi tiada siapa pun yang mahu mempertahankan kecuali penganggur-penganggur yang berfikiran remeh, kerana itu kita tidak perlu memperkatakannya di sini dengan lebih lanjut.

Kini marilah pula kita bincangkan masaalah percampuran lelaki perempuan yang menjadi masaalah kontrovasial yang hangat.

Setengah orang menuduh Islam sebagai reaksyioner dan penghalang kemajuan kerana Islam tidak membenarkan percampuran yang liar itu. Mereka memandang kagum kepada tamaddun di negeri Perancis, di mana dua asyik maksyuk bebas berpeluk-peluk dan bercium di jalan-jalanraya tanpa diganggu gugatkan oleh sesiapa, malah mereka akan dilindungi oleh polis lalu-lintas dan sebarang gangguan yang merusakkan suasana perciuman mereka. Sesiapa yang berani rnengganggu mereka akan menerima penghinaan dan padah celaka.

Mereka juga mengkagumi cara hidup moden di Amerika, di mana orang-orang begitu terus terang dengan diri sendiri, mereka tidak tahu berpura-pura dan berbelit-belit. Mereka sedar bahwa sex itu satu keperluan bioloji, kerana itu mereka bukan saja mengakui keperluan sex, malah memberi seluruh kemudahan dan perlindungan untuk mengisikan keperluan itu. Setiap pemuda di sana mempunyai girl friendnya dan setiap pemudi mempunyai boy friendnya. Kedua-duanya bebas untuk masuk dan keluar bersama-sama, bersiar bersama-sama di tempat-tempat sunyi untuk menghilangkan kebuluran sex atau untuk menghilangkan desakan sex yang mengganggu jasad, jiwa dan saraf mereka. Sekembali dan piknik-piknik seperti itu mereka merasa cergas, segar-bugar dan dapat rnenghadapi tugas-tugas kerja mereka dengan hati riang dan dengan demikian kerja-kerja mereka menjadi lebih prodaktif dan berjaya, ini tentulah merupakan sumbangan ke arah kernajuan bangsa dan negara.

Tetapi orang-orang yang kagum dengan tamaddun Perancis itu lupa bahwa negara Perancis begitu mudah dapat ditakiuk oleh Jerman. Ini bukanlah kerana Perancis kekurangan

alat-alat kelengkapan perang, malah kerana umat Perancis tidak mempunyai keghairahan untuk mempertahankan tanahair mereka dan kerana urnat Perancis begitu cinta hidup berpoya-poya dalam kenikrnatan-kenikrnatan nafsu. Mereka bimbang kota Paris yang indah dan dewan-dewan tarinya yang penuh maksiat itu dihancurkan oleh bom dan dimusnahkah oleh peperangan, inikah kemajuan bangsa yang disanjung tinggi oleh intelek kita?

Mengenai Amerika, cukuplah disebutkan di sini bahwa satu perangkaan yang dijalankan di sana menunjukkan bahwa 38% anak-anak gadis sekolah menengah telah hamil. Tetapi kadar kehamilan itu agak kurang dalam kalangan pelajar-pelajar wanita di universiti kerana imereka lebih berpengalaman dan mengguna kan alat-alat pencegah hamil.

Kita tidak menafikan bahwa tindakan membuang bebanan sex yang menekan perasaan dan saraf. itu memang satu tujuan yang sihat. Islam juga turut memberi perhatiannya yang berat kepada soal itu, kerana Islam cukup sedar bahwa orang-orang yang dikongkong oleh persoalan-persoalan keinginan sex itu sering terhalang dan melakukan kerja-kerja yang prodaktif dan sering membawa mereka menjadi abdi sex yang tidak dapat dihindari mereka.

Tetapi tujuan yang sihat itu pastilah menggunakan sarana-sarana yang sihat pula. Tindakan menodai seluruh masyarakat dan memberi kebebasan yang liar kepada muda-mudi untuk berkhalwat bukanlah merupakan satu tujuan yang sihat.

Seandainya kadar pengeluaran Amerika yang tinggi merupakan hasil dan kepuasan sex yang bebas lepas seperti yang difikir oleh intelek-intelek yang keliru itu, maka mereka harus sedar bahwa pengeluaran Amenika hanya merupakan pengeluaran dalam bidang kebendaan semata-mata, yang mungkin di satu masa nanti manusia-manusia buruh yang bertugas mengusahakan pengeluaran itu akan digantikan oleh alat-alat robot. Tetapi di dalam bidang penghasilan fikiran-fikiran dan pninsip-prinsip yang mulia, Amerika masih mundur; Amerika telah memperhambakan manusia-manusia Negro dengan satu bentuk perhambaan yang paling buruk di dalam sejarah modennya. Dan Amerika menyokong setiap angkah penjajahan di dunia.

Memangnya sukar untuk dipisahkan di antara kemunduran rohaniah yang dicerminkan oleh nafsu-nafsu sex yang kebinatangan dengan kemunduran rohaniah yang dicerminkan oleh nafsu-nafsu penjajahan dan perhambaan, kerana keduanya merupakan kemunduran dan kejatuhan yang tidak seharusnya diikuti oleh Insan-insan yang bertarnaddun.

Tidak syak lagi bahwa kebanyakan manusia di lamar itu begitu gemar menikmati kesukaan-kesukaan sex yang bebas lepas. Ini memanglah benar kerana mengecapi anika lauk itu lebih nikmat dan hanya mengecapi sejenis lauk saja. Tetapi pokok persoalannya ialah kita lebih dulu perlu menentukan matalamat-matalamat hidup kita. Adakah matalamat hidup kita yang pokok ialah mencari sebanyak-banyak kesukaan dan kegembiraan tanpa menghiraukan tujuan-tujuan yang lain?

Tentulah tiada siapa pun baik di zaman dulu atau di zaman sekarang yang menafikan bahwa kesukaan-kesukaan sex itu memang digemari semua orang, tetapi kita jangan lupa bahwa kemakmuran rnenikmati keinginan sex yang bebas lepas itu bukanlah merupakan satu penemuan baru yang dicapai oleh manusia Barat di abad dua puluh saja, malah umat-umat Greek, Farsi dan Roman juga pernah menerjunkan diri mereka hingga tenggelam di dalam kemakmuran sex bebas, dan apakah akibahnya? Umat itu telah menerima kehancuran satu demi satu, kerana kegilaan mereka kepada kenikmatan sex yang bebas itu telah menyebabkan mereka lalai, tidak prodaktif dan tidak serius terhadap hidup, sama seperti keadaan yang telah berlaku di negeri Perancis malah di mana-mana tempat saja di sepanjang lembaran sejarah. Ini merupakan undang-undang Allah yang tak pernah berubah.

Walaupun negara-negera Barat di zaman moden mempunyai kekuatan-kekuatan kebendaan, iaitu kekuatan sains, teknoloji dan kesanggupan dalam usaha-usaha penghasilan, namun kekuatan kekuatan itu sedang beransur-ansur dibubuk dan dimusnahkan oleh keinginan-keinginan sex yang liar di kalangan umatnya dan lambat laun mereka akan menerima kehancuran, tetapi kita di dunia Islam tidak mempunyai kekuatan-kekuatan yang seperi itu, kerana situasi-situasi sosial dan politik yang melingkupi kita di dalam dua abad yang akhir ini tidak menguntungkan kita, oleh itu apakah faedahnya kepada kita meniru umat Barat di dalam kegilaan sex yang liar itu semata-mata supaya kita dikatakan umat yang maju dan bertamaddun atau kerana kita takut dituduh reaksyioner dan kolot? Kita tidak akan mendapat suatu faedah pun selain dan kelemahan, keruntuhan dan kepatahan di tengah jalan setiap kali kita tampil maju.

Setiap penulis bebas atau free thinker yang menggalakkan umat Islam ke arah kebebasan dan ikatan-ikatan tradisi biarpun mereka berjuang di bawah nama apa sekali pun — adalah sebenarnya ejen-ejen penjajahan samada mereka sedar atau tidak.

Penulis-penulis dan pemikir-pemikir yang sedemikian memang disanjung tinggi oleh penjajah, kerana penjajah menyedari betapa besarnya peranan yang dimainkan mereka dalam meruntuhkan akhlak umat Islam dan mengheret mereka berpoya-poya di dalam kemeriahan sex, malah penjajah selalu memberi hadiah-hadiah dan sogokan-sogokan yang baik mengikut sejauh mana jeliknya peranan-peranan yang dapat dimainkan mereka di dalam akhbar-akhbar, di dalam penulisan buku-buku, di dalam siaran-siaran radio dan di dalam jabatan-jabatan pemerintah yang boleh mengakibah kejatuhan moral umat Islam.

Penulis-penulis bebas dan free thinker, menyarankan kepada umat Islam, lihatlah kepada wanita dalam masyarakat Barat, bagaimana mereka rnernpertingkatkan diri mereka dan tahap perempuan kepada tahap wanita yang maju. Mereka telah berjaya menjadi manusia yang mempunyai peranan penting dalam masyarakat.

Di dalam bab yang lalu kami telah menyinggung tentang apa yang dikatakan kemajuan perempuan Barat yang diagung-agungkan itu, kerana itu di sini kami hanya ingin menambahkan satu pandangan saja lagi, iaitu memang benar bahwa kaum wanita yang diberi sepenuh kebebasan keluar dan rumah dan bercampur baur dalam masyarakat dalam bentuk yang sewenang itu akan mendapat pengalaman baru yang tidak mungkin didapati mereka seandainya mereka dipenjarakan di rumah untuk melahir dan menjaga anak semata-mata. Tetapi marilah kita bertanya adakah pengalaman sosial yang baru itu benar-benar menambahkan darjat wanita atau benar-benar menambahkan kemajuan manusia seluruhnya? Atau ia hanya menambah sekarung dan merugikan seguni?

Wanita di Barat telah menjadi teman yang baik kepada lelaki. Ia mensahabati lelaki di maña-mana saja. Ia melayani cumbuan-cumbuannya dan memenuhi keinginan sexnya. Malah Ia melibatkan dirinya di dalam setengah problem lelaki, namun demikian Ia tidak dapat menjadi seorang isteri yang baik atau seorang ibu yang baik. Hakikat ini tidak dapat dinafikan oleh sesiapa pun, kerana angka-angka perangkaan telah menyokong hakikat yang telah kami katakan itu. Lihatlah di Amerika kadar perceraian di sana telah meningkat kepada 40%, ini adalah satu kadar perceraian yang mencerminkan keadaan yang buruk, sedangkan di Eropah pula kadar perceraian di sana agak lebih rendah, tetapi amalan menyimpan kekasih-kekasih luar merupakan amalan yang lumrah di dalam kalangan suami isteri di sana.

Seandainya wanita di sana sanggup menjadi isteri yang baik dalam ertikata ia dapat hidup tenteram dalam satu keluarga dan dapat memberi seluruh perhatian kepada rumahtangganya, tentulah kadar perceraian tidak meningkat setinggi itu di Amerika dan

tentulah tidak berlaku peristiwa-peristiwa pelarian dan rumahtangga yang begitu lumrah di negeri-negeri Eropah itu.

Di dalam bab yang lalu juga pernah saya katakan bahwa wanita-wanita yang bekerja di pejabat-pejabat dan di kilang-kilang memang mendapat pengalaman-pengalaman yang baik, tetapi mereka tidak mendapat kesempatan-kesempatan yang cukup baik dan segi masa atau jiwa untuk memikul tugas seorang ibu. Biasanya wanita yang balik ke rumah dengan letih lesu itu tentulah tidak begitu bertenaga dan berselira untuk melaksanakan tugas-tugas seorang ibu pula dan tentulah tidak berkesempatan untuk menerima tambahan-tambahan tanggungjawab rumah tangga yang baru.

Selain dan kenikmatan dan kegembiraan maka masyarakat manusia seluruhnya, tidak mendapat apa-apa faedah dan kebebasan sex yang liar itu.

Tidak syak lagi bahwa segelintir wanita yaiig berpeluang menjadi anggota-anggota parlimen, menteri dan pegawai-pegawai tinggi, malah ribuan dan jutaan kaum ibu yang bekerja d kilang-kilang, di gudang-gudang perdagangan, restauran tidak juga dapat menyelesaikan masaalah-masaalah dunia. -

Adakah wanita tidak mempunyai peranan yang lain dan bercakap di parlimen atau melaksanakan keputusan-keputusan di pejabat kerajaan? Adakah kerja mendidik anak-anak dengan didikan yang dapat menjadikan mereka manusia yang berguna dan normal itu bukan merupakan peranan dan tugas wanita di dalam masyarakat.

Tentu kaum wanita bergembira mendapat tepukan yang bergema di dalam parlimen atau mendapat aprisiasi di salon-salon atau di jalan tetapi kegembiraan yang sebentar itu tidak bererti apa-apa kepada manusia seandainya pelarian kaum wanita dan rumahtangga itu boleh mengakibahkan lahirnya jenerasi manusia yang tidak mendapat pengasuhan yang sewajar dan ibu-ibunya atau melahirkan jenerasi yang tidak dapat menikmati kasih sayang ibunya yang menjadi satu unsur penting untuk rnengimbangkan nafsu dendam di dalam jiwa manusia. Perasaan kasih sayang tidak dapat ditanam di dalam jiwa kanak-kanak melainkan oleh ibu-ibu •yang memberi seluruh perhatiannya untuk melahir dan mendidik kanak-kanak.

Kita bukanlah bertujuan bersikap kasar terhadap kaum wanita dan bukan pula untuk menyekatkan wanita dan menikmati kesenangan hidup dan membangunkan keperibadian mereka, tetapi kita sekalian baik lelaki atau perempuan masing-masing mempunyai tugas dan peranan dan kita tidak mungkin hidup untuk benpoya-poya sesuka hati kita saja atau untuk menunjul keperibadian mengikut nafsu kita saja.

Apabila kita mementingkan diri kita dan berpoya-poya tanpa batas, maka akibahnya akan lahirlah jenerasi-jenerasi yang tidak bahagia. Dan jenerasi itu tentulah termasuk kaum lelaki dan kaum wanita.

Tentulah tidak menguntungkan kaum wanita seandainya sebahagian dan mereka melibatkan diri di dalam kenikmatan kebebasan sex, sedangkan akibahnya membawa kecelakaan kepada kaum wanita yang lain di dalam jenerasi-jenerasi akan datang.

Islam tentulah tidak dapat dikecam kerana sikapnya yang mahu melindungi kepentingan seluruh jenerasi manusia tanpa membedakan satu-satu jenerasi dan jenerasi-jenerasi yang lain, kerana Islam memandang hubungan jenerasi-jenerasi manusia itu sebagai satu rantai yang terus bersambung-sambung tanpa terputus pada satu jenerasi yang tertentu, kerana itu Islam berusaha untuk melindungi kepentingan seluruh generasi.

Islam boleh dikecam seandainya Ia cuba mengharamkan seluruh bentuk kesukaan dan keseronokan dan seandainya ia menentang dan menindas segala keinginan naluri-naluri semulajadi dan sudah tentu Islam tidak pernah cuba berbuat demikian.

Agama Dan Represi Sex

AHLI-AHLI saikologi Barat menuduh agama menindas keinginan sex yang merupakan satu tenaga manusia yang baital dan akibatnya menyebabkan mereka menderita kerana dikongkong olch perasaan merasa berdosa terutama di kalangan mereka yang kuat beragama. Mereka menyangka segala apa yang dilakukan mereka merupakan dosa-dosa yang tidak dapat dibersihkan melainkan dengan menjauhkan diri dari keseronokan-keseronokan hidup.

Seterusnya menurut ahli-ahli jiwa itu, umat Eropah terpaksa hidup dalam gelita kejahilan dan kemunduran di sepanjang masa mereka berpegang teguh dengan agama, tetapi sebaik-baik saja mereka membuang rantai-rantai dan belenggu agama, jiwa mereka pun mencapai kebebasannya dan dengan pantas dapat membuat kemajuan-kemajuan yang mengkagum di bidang prodaksi.

Kerana itu golongan yang menamakan diri mereka sebagai "Progresif' membuat cabaran-cabaran berikut.

Adakah kalian ingin kembali kepada agama? Adakah kalian ingin membelenggukan perasaan-perasaan yang telah kami bebaskan itu? Adakah kalian ingrn mengeruh dan memahitkan kehidupan anak-anak muda yang cergas dengan persoalan-persoalan ini halal dan ini haram?

Demikianlah pendapat ahli-ahli saikologi Barat. Mereka sebenarnya bebas untuk memberi sebarang pendapat terhad agama mereka sendiri. Kita di sini tidak mahu memberi komen samada membenar atau membohongi pendapat-pendapat itu, kerana maksud kita di sini bukan untuk memperkatakan persoalan-persoalan agama seluruhnya, malah untuk memperkatakan tentang Islam saja.

Sebelum kita membincangkan samada Islam itu menindas atau tidak tenaga naluri manusia yang baital itu, maka kita Iebih dulu harus mengetahui difinisi yang jelas tentang apakah yang dikatakan represi atau pemendaman naluri itu kerana kata-kata ini sering kali disalah mengerti dan disalah guna oleh kaum intelek apatah lagi oleh orang-orang biasa dan separuh terpelajar.

Represi bukanlah hasil dan keengganan seseorang untuk memuaskan keinginan nalurinya, malah represi adalah hasil dan memandang kotor kepada keinginan naluri itu sendiri atau hasil dan sikap tidak mengakui bahwa dorongan naluri itu merupakan sesuatu yang patut terlintas di dalam hatinya atau mengganggu fikirannya. Represi dengan pengertian merupaka satu perasaan yang di luar kesedaran dan kadang-kadang represi yang sedemikian tidak dapat diubati dengan bertindak memuaskan keinginan naluri itu. Tegasnya orang yang bertindak memuaskan keinginan nalurinya, sedangkan di dalam jiwanya ia merasa dirinya telah, melakukan satu perbuatan yang kotor, maka orang itu dianggap menderitai represi wataupun ia memuaskan keinginan nalurinya dua puluh kali sehari, kerana pertarungan di antara apa yang telah dilakukannya dengañ apa yang sepatut dilakukannya akan tercetus dalam jiwanya setiap kali ia memuaskan keinginan nalurinya. Dan pertarungan semacam inilah yang melahirkan berbagai-bagai komplek dan kekacauan jiwa.

Definisi represi yang seperti itu bukanlah dan rekaan kami, malah itulah pentafsiran Frued sendiri yang telah menghabiskan seluruh usia ilmiahnya di dalam pengajian represi sex. Dalam bukunya yang berjodol "Three Contributions," di halaman 82, "To The Sexual Theory " harus memberi perbezaan yang tegas di antara represi dan keengganan untuk memuaskan keinginan naluri, kerana keengganan hanya merupakan satu penggantungan atau, penangguhan untuk bertindak."

Sesudah kita mengetahui bahwa tafsiran represi yang sebenar ialah memandang kuno kepada keinginan naluri dan bukannya keengganan untuk melakukannya untuk beberapa waktu yang tertentu, maka tibalah waktunya untuk kita membincangkan di manakah letaknya represi di dalam Islam.

Tiada agama di dunia ini yang lebih tegas mengakui keinginan-keinginan semulajadi manusia sebagai keinginan yang sihat dan bersih. Firman Allah, "Manusia digemarkan dengan kecintaan memuaskan keinginan-keinginan kepada wanita-wanita, anak anak-pinak, harta yang banyak dan emas, perak, kuda-kuda pilihan, ternakan dan sawah ladang. Itulah keseronokan hidup di dunia dan di sisi Allah tempat kembali yang baik (syurga)."(Surah ali-Imran(14)) Di dalam ayat ini Allah sebutkan seluruh kegiatan-kegiatan hidup yang menyeronokkan dan mengakuinya sebagai keinginan yang realistis dan digemari manusia atau sebagai keinginan-keinginan yang sihat yang pada dasarnya tidak dibantah. Begitu juga orang orang yang menghayati keinginan-keinginan itu pada dasarnya tidak disangkal dan dikecam sama sekali.

Hanya yang benar ialah Islam tidak mengizinkan manusia hanyut dalam arus keinginan-keinginan itu sehingga mereka terkongkong menjadi abdinya, kerana bentuk hidup yang seperti itu rnenyeleweng dan tujuan hidup yang sebenar.

Matlamat hidup yang harus dituju manusia ialah kemajuan yang tidak berhenti-henti menuju taraf yang tinggi dan matalamat yang sedemikian tentulah tidak mungkin dicapai apabila manusia bertungkus-lumus memuaskan keinginan-keinginannya hingga di sana saja tercurah segala daya tenaganya, kerana hidup yang sedemikian akan beransur-ansur membawa manusia kepada kejatuhan menuju kehidupan kebinatangan.

Tegasnya Islam tidak membenarkan manusia menurunkan diri mereka ke taraf kehidupan binatang. Tetapi tentulah di sana térdapat perbedaan yang jauh di antara represi dan larangan Islam, kerana represi adalah akibah dan memandang kotor kepada keinginan-keinginan semulajadi dan akibat dan keengganan menurut keinginan itu yang dilakukan dengan motif untuk membersih dan meninggikan diri.

Dalam melayani jiwa manusia Islam pada dasarnya mengakui keinginan-keinginan semulajadi manusia dan tidak pernah menganjur mereka agan melakukan represi terhadapnya, malah Islam mengizinkan mereka bertindak memuaskan keinginan-keinginan itu di dalam batasan-batasan yang dapat memberi keseronokan yang wajar kepada mereka tanpa mendatangkan akibat-akibat yang buruk samada kepada individu atau kepada masyarakat.

Apabila seseorang tu membiarkan dirinya tenggelam dalam keinginan-keinginan nafsu, maka akibahnya yang jelik ialah dia akan kehilangan tenaga baitalnya sebelum tiba waktunya yang wajar, dan dia akan diperhambakan oleh nafsu keinginan, hingga ia tidak dapat melakukan kerja-kerja yang lain dengan sempurna kerana seluruh tenaga dan fikirannya tertumpu ke arah memuaskan keinginan-keinginan itu. Selepas puas seketika, nafsunya kembali lagi mengganggu dan menyiksakannya. Pendeknya dia berada dalam kebuluran nafsu yang tak kunjung puas dan tenteram.

Masyarakat juga turut menderitakan akibah-akibah yang jelik apabila para anggotanya mencurahkan seluruh tenaga baital ke arah satu tujuan saja, iaitu mencapai keseronokan-keseronokan nafsu dengan mengabaikan tujuan-tujuan hidup lain yang lebih tinggi. Seterusnya hidup memburu keseronokan nafsu itu akan mengakibahkan hancurnya ikatan keluarga dan perpaduan masyarakat, di mana setiap kelompok membawa haluan masing masing seperti yang digambarkan oleh al-Quran, "Engkau menyangka mereka bersatu padu sedangkan sebenarnya hati mereka berpecah belah." Keadaan yang sedemikian memudahkan musuh-

mush mereka untuk menyerang dan menaklukkan mereka seperti yang telah berlaku kepada negeri Perancis.

Di dalam batas-batas yang bertujuan menghindarkan individu dan masyarakat dan kemudharatan-kemudharatan itulah Islam mengizinkan umatnya mencari keseronokan-keseronokan hidup, malah Islam menyeru ke arah itu dengan nada yang lantang dan tegas. Finman Allah mengecam, "Tanyakanlah siapakah yang berani mengharamkan nikmat-nikmat hidup dan rezeki-rezeki yang baik yang telah diberikan Allah untuk para hambaNya."(Surah al-A'raf(32)) FirmanNya lagi, "Janganlah kamu lupakan habuan kenikmatan dunia kamu."(Surah al-A'raf(160)) FirmanNya lagi, "Makanlah kamu rezeki-rezeki yang baik yang telah Kami kunniakan kepada kamu."(Surah al-Qasas(77)) Dan, "Makan dan minumlah tetapi jangan melampau batas."(Surah al-A'raf(31))

Islam dengan begitü tegas mengakui keinginan sex hingga Rasulullah pernah bersabda, "Di antara kenikmatan-kenikmatan hidup dunia yang saya sukai ialah bau-bauan dan wanita. Dan yang menjadi buah hati saya ialah sembahyang."(Hadith ini disebut oleh Ibn Kathir di dalam tafsirnya.) Di sini jelaslah bahwa keinginan sex telah diletakkan setaraf dengan bau-bauan yang paling harum di bumi, kemudian digandingi dengan ibadat sembahyang yang merupakan sebaik-baik serana untuk manusia mendekati Allah. Di samping itu Rasulullah telah membuat satu ketegasan lagi. Sabdanya, "Seorang lelaki itu diberi pahala kerana persetubuhan yang dilakukan dengan isterinya." Orang-orang Islam yang hairan dengan pernyataan itu lantas bertanya Rasulullah, "Mengapa pula orang yang memuaskan keinginan nafsunya mendapat pahala?" Jawab Rasulullah, "Tidakkah awak fikir seandainya dia mencari kepuasan nafsunya secana haram dia akan memikul dosa? Kerana itu apabila ia mencari kepuasan nafsu secana halal maka ia diberi pahala."(Riwayat Muslim)

Bertolak dan ajaran-ajaran inilah represi tidak mungkin berlaku di dalam Islam. Seandainya muda-mudi diharui keinginan sex maka keinginan itu tidaklah tnerupakan suatu keinginan yang jahat dan tidak ada sebab untuk mereka memandang keinginan itu sebagai kotor dan jejek, malah apa yang dituntut oleh Islam terhadap muda-mudi ialah mengawalkan keinginan sex itu bukannya menindas atau merepresikannya. Mereka harus mengawalkannya dengan penuh sedar dan spontan, dengan erti mereka harus menempoh atau menggantungkan pemuasannya sehingga sampai waktunya yang wajar. Penggantungan seperti itu tentulah berlainan dengan represi seperti yang telah diakui oleh Frued sendiri kerana penggantungan itu tidak akan mengakibatkan ketegangan saraf yang sama dengan ketegangan saraf yang terdapat pada represi dan ia juga tidak membawa kepada komplek komplek dan kekacauan seperti yang diakibahkan oleh represi.

Seruan Islam supaya manusia mengawal keinginan-keinginan sex itu bukanlah suatu perintah sewenang-wenang yang bertujuan mengharamkan manusia dari keseronokan hidup. Sejarah telah membuktikan bahwa mana-mana umat yang lemah mengawal keinginan nafsunya dan lemah dan berpuasa dan setengah setengah keseronokan hidup tidak akan dapat mempertahankan kedaulatan negaranya dengan tabah. Begitu juga tidak ada umat yang tabah dan tegak dalam penjuangan mempertahankan kedaulatan negara, melainkan umat itu cukup terlatih dalam rnenghadapi kesulitan-kesulitan dan mempunyai kesanggupan untuk meninggal atau menempohkan keseronokan-keseronokan hidup mereka untuk beberapa jam, hari dan tahun jika perlu.

Di sinilah letaknya hikmat puasa di dalam Islam. Setengah setengah mereka yang menganut faham bebas yang menggelarkan diri mereka sebagai orang-orang progresif pernah mengecalti puasa selaku amalan karut yang menyiksakan badan dengan kelaparan dan kedahagaan, juga mengharamkan manusia dan menikmati makan minum dan keseronokan

yang didaminya tanpa suatu tujuan selain dan menjunjung perintah kosong yang sewenang-wenang.

Kepada orang-orang yang progresif itu kami ingin mengajukan pertanyaan. Di manakah nilai manusia yang tidak mempunyai kesanggupan-kesanggupan untuk mengawalkan keinginan keinginan nafsunya? Bagaimana seorang itu dapat menjadi seorang manusia yang sempurna, sedangkan dia tidak mampu untuk menahankan dirinya dan sesuatu yang diingininya untuk beberapa waktu? Orang yang seperti itu tentulah tidak mungkin berjuang dengan tabah untuk menentang pencerobohan-pencerobohan di dunia, kerana perjuangan sedemikian memerlukan pengharaman diri dan berbagai-bagai keseronokan hidup.

Penganut-penganut komunis yang mempersenda-sendakan amalan puasa di dalam Islam tentulah sedar bahwa tentera-tentera komunis Russia juga tidak akan dapat mempertahankan Stalingrad seandainya mereka tidak menerima latihan-latihan yang gigih untuk menghadapi keadaan-keadaan yang teruk. Tetapi sayang mereka memperbeza-bezakan antara amalan-amalan disiplin yang diwajibkan oleh negara dengan amalan-amalan disiplin yang diwajibkan Allah pencipta alam, dalam ertikata mereka nienjunjung perintah pertama dan mempersenda-sendakan perintah yang kedua.

Amalan-amalan disiplin yang terkandung di dalam ibadat ibadat yang lain dan puasa seperti sembahyang juga tidak mensia-siakan manusia. Ibadat sembahyang hanya memakan waktu yang pendek saja, iaitu tidak lebih dan masa sekali menonton wayang dalam seminggu. Tentulah manusia tidak rugi rnelapangkan sekelumit waktunya itu untuk membuat hubungan dengan Allah guna meminta hidayat dariNya dan mencari ketenteraman dan kesejahteraan jiwa di depanNya.

Mengenai dosa-dosa pula Islam tidaklah menggambarkannya sebagai momok-momok yang memburu manusia siang dan malam, malah Islam rnernberi peluang-peluang minta ampun sebelum ia mengancam balasan-balasan siksa.

Demikian juga Islam tidak menganggapkan dosa itu sebagai satu kegelapan abadi yang tak kunjung cerah, ia tidak menganggapkan kesalahan-kesalahan Adam yang besar itu sebagai sebilah pedang yang sentiasa terhunus di atas kepala setiap manusia yang memerlukan tebusan dan pembersihan, malah kesalahan Adam itu menupakan satu kesalahan yang dimaafkan Allah dengan mudah, firman Allah, "Kemudian Adam menerima beberapa perintah dan Allah, lalu Allah menerima taubat darinya." (Surah al-Baqarah(37))

Anak-anak cucu Adam juga seperti Adam mereka tidak dianggap keluar dan lingkungan rahmat Allah ketika mereka terjerumus ke dalam dosa. Allah mengetahui strakcer tabiat mereka, kerana itu Allah tidak mentaklipkan mereka melainkan sekadar yang terdaya oleh mereka.(Surah al-Baqarah(286)) Sabda Rasulullah, "Setiap manusia tidak sunyi dan berbuat salah dan sebaik-baik orang yang membuat salah itu ialah orang-orang yang banyak bertaubat."(Riwayat al-Tarmizi)

Ayat-ayat yang menyebut kemurahan Allah memberi keampunan dan menenima taubat dan hamba-hambaNya memang banyak di dalam al-Quran, tetapi cukuplah di sini kita perturunkan satu ayat saja yang mempunyai pengertian yang begitu mendalam betapa luasnya rahmat kasihanbelas Allah yang meliputi seluruh makhlukNya. Firman Allah, "Bersegeralah kamu kepada keampunan Tuhanmu dan kepada syorga yang selebar langit dan bumi yang disedlakan untuk orang-orang yang bertaqwa, iaitu orang-orang yamg membelanjakan hartanya (untuk kebajikan) baik di waktu senang atau di waktu susah, orang-orang yang menahankan amarahnya dan memaafkan kesalahan-kesalahan orang. Allah itu menyayangi mereka yang membuat kebajikan, dan juga orang-orang yang apabila mengerjakan sesuatu perbuatan yang keji atau menzalimi diri mereka sendiri, mereka lantas teringat kepada Allah,

lalu memohon keampunan terhadap dosa-dosa mereka, dan tiada siapa yang dapat mengampuni dosa-dosa melainkan Allah, dan mereka tidak meneruskan perbuatan-perbuatan mereka yang keji sedangkan mereka mengetahuinya. Mereka akan mendapat balasan keampunan dan Tuhan mereka dan syorga yang di bawah nya berlari sungai-sungai, di mana mereka hidup kekal abadi dan itulah sebaik-baik balasan orang-orang yang beramal."(Surah ali-Imran(133-136))

Alangkah luasnya rahmat Allah terhadap hamba-hambaNya. Ia bukan saja menerima taubat mereka apabila mereka terjerumus ke dalam perbuatan-perbuatan yang keji, malah ia membeni keredhaan dan kasih sayangNya dan mengangkatkannya ke taraf para ahli taqwa.

Dengan keterangan ayat-ayat tadi tiada lagi ruang untuk kita meragui keampunan Allah. Komplek dosa tidak akan memburn manusia apabila mereka sedar bahwa Allah bersedia memberi kemaafan kepada mereka jika mereka membuat sepatah pengakuan bertaubat.

Kami tidak perlu membawa nas-nas yang lain lagi untuk menegakkan apa yang kami telah katakan tadi. Namun demikian biarlah kami sebutkan sepotong hadith yang sungguh menarik. Sabda Rasulullah, "Demi jiwaku di tangan Allah, jika kamu langsung tidak terjerumus ke dalam perbuatan-perbuatan yang berdosa nescaya Allah akan hapuskan kamu dan menggantikan kamu dengan kaum yang terlibat dalam dosa-dosa, lalu mereka memohon keampunan, kemudian Allah memberi keampunan kepada mereka."(Riwavat Muslim)

Memberi keampunan dan kemaafan di atas kesalahan kesalahan manusia memanglah merupakan iradat Allah.

Untuk menggulungkan perbincangan ini biarlah kami sebutkan sepotong ayat yang amat mengkagumkan. Firman Allah, "Masakan Allah akan menyiksakan kamu seandainya kamu bersyukur dan beriman dan sungguhnya Allah itu amat menghargai kebaikan dan Maha Mengetahui."(Surah an-Nisa(147))

Ya, masakan Allah akan menyiksakan manusia sedangkan Dia begitu murah memberi rahmat dan keampunanNya.

Islam Dan Kebebasan Berfikir

DALAM satu perbincangan, saya dituduh:

— Anda bukan seorang yang liberal!

— Mengapa?

— Adakah anda percayakan kewujudan Tuhan?

—Ya.

— Adakah anda bersembahyang dan berpuasa keranaNya?

— Ya.

— Jika begitu anda bukanlah seorang yang liberal.

— Sekali lagi anda menuduh begitu, mengapa?

— Kerana anda percayakan khurafat yang tidak wujud.

— Bagaimana kepercayaan anda pula? Siapakah yang menjadikan alam dan hidup ini?

— Necet.

— Necer itu siapa?

— Satu kuasa rahsia yang tidak terbatas, tetapi ia mempunyai gejala yang boleh ditanggap oleb pancaindera kita.

— Jadi anda melarang saya beriman kepada satu kuasa ghaib kerana anda mahukan saya percaya kepada satu kuasa ghaib yang lain pula. Jika persoalan ini hanya berkisar di sekitar menukarkan satu kuasa ghaib dengan satu-satu kuasa ghaib yang lain, maka tentulah tidak wajar bagi anda melarang saya beriman kepada Allah Tuhan yang sentiasa memberikan rasa kedamaian dan ketenteraman kepada saya, dengan tujuan untuk menyuruh saya beriman kepada tuhan necer yang dipercayai anda, iaitu tuhan yang tidak pernah mendamaikan hati saya dan tak pernah mendengar doa saya.

lnilah intisari persoalan kebebasan berfikir pada orang-orang progresif. Bagi mereka kebebasan berfikir bererti tidak percaya kepada Tuhan. Bagi Islam pula, sebagaimana ia tidak mengizinkan kepercayaan yang mengingkari Tuhan, maka begitu juga ia tidak mengizinkan kebebasan berfikir untuk mengingkari Tuhan.

Kita ingin menanyakan mereka yang bijak berkata-kata seperti burung nuri itu. Apakah perlunya kita kepada isma atau kepada kepercayaan yang mengingkari wujud Tuhan?

Jika aliran kepercayaan yang mengingkari kewujudan Tuhan itu merupakan satu aliran kepercayaan yang tidak dapat dihindari di negeri-negeri Eropah kerana sebab yang wujud di sana, tidaklah pula pasti bahwa aliran kepercayaan itu harus tercetus subur di negeri-negeri yang lain pula, kerana gambaran yang diberikan oleh gereja Eropah terhadap kepercayaan Kristian adalah cukup jelik sekali, dan di samping itu gereja juga bertindak menindas kegiatan-kegiatan ilmiah, membakar dan menyiksa ahli-ahli sains, memaksakan kepercayaan yang karut dan dusta ke atas orangramai dengan nama percayaan yang diturun oleh Tuhan. Inilah faktor-faktor yang melahirkan golongan free thinker yang tidak beriman kepada Tuhan dan mewujudkan garis pemisah kepada mereka di antara kepercayaan kepada Tuhan yang merupakan keinginan semulajadi manusia dengan kepercayaan kepada hakikat-hakikat sains yang berdasarkan teori dan ujian-ujian.

Aliran bertuhankan necer merupakan satu jalan keluar kepada kaum intelek Eropah untuk menyelamatkan diri mereka dan keadaan-keadaan yang menyulitkan. Mereka seolah-olah berkata kepada gereja, "Ambillah balik tuhan awak yang dengan namanya awak memperhambakan kami, awak mengenakan kami dengan cukai-cukai yang berat, awak melakukan pemerintahan yang kejam dan awak memaksa kami menganuti kepercayaan kepercayaan karut yang menghendaki kami hidup sebagai padri padri yang zahid, kami tidak sudi lagi menerima tuhan awak, kami akan beriman kepada tuhan baru yang mempunyai sifat-sifat yang sama dengan tuhan awak, tetapi ia tidak mempunyai gereja yang memperhambakan manusia, dan tidak pula mengenakan mereka sebarang kewajipan moral, akidah dan cukai, malah mereka bebas lepas dan segala ikatan."

Tetapi bagi kita umat Islam kita tidak perlu kepada atheisma kerana dalam sistem kepercayaan kita tidak terdapat masaalah-masaalah ketuhanan yang membengongkan akal fikiran. Tuhan yang kami imani ialah Tuhan Yang Tunggal. Dialah satu-satunya Tuhan yang menjadikan seluruh alam ini. Dialah satu-satunya Tuhan yang menjadi sumber rujukan dan pergantungan seluruh makhluk dan sumber perintah-perintah yang harus ditaati. Satu sistem kepercayaan yang cukup mudah, jelas dan tidak mengelirukan siapa saja hinggakan kaum neceralis dan atheis juga sukar untuk mengingkarinya.

Di dalam Islam juga tidak terdapat sistem padri-padri atau alili-ahli agama seperti di Eropah. Agama di dalam Islam adalah milik semua orang. Setiap orang Islim berhak menimba faedah-faedah dan ajaran Islam mengikut kemampuan intelektual, kerohanian dan kecenderungannya masing-masing. Setiap orang dianggap Muslim belaka dengan masing-masing darjah amalannya. Dan orang yang paling baik di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa samada ia seorang jurutera atau seorang guru atau seorang buruh atau seorang tukang. Dalam Islam agama bukanlah salah satu profesyen. Seluruh ibadat dilakukan tanpa perantaraan padri-padri atau ahli-ahli agama. Hanya dalam jurusan perundangan dan syari'at saja perlu adanya golongan profesyional yang pakar untuk mempelajari perundangan itu dengan teliti sebagal perlembagaan yang menjadi asas pemerintahan Negara, tetapi taraf mereka tidak lebih dan taraf ahli-ahli undang-undang di negeri-negri yang lain. Mereka tidak mempunyai sebarang kuasa atau hak istimewa ke atas orang ramai, malah mereka tidak lebih dan penasihat-penasihat dan ahli-ahli undang-undang negara.

Segolongan ulama-ulama Azhar telah menggelarkan diri mereka sebagai "Ulama-ulama Besar." Mereka bebas berbuat demikian, tetapi mereka tidak mempnyyai apa-apa kuasa ke atas orang ramai melainkan dalam batas yang diganiskan oleh undang-undang. Walaupun Universiti Azhar merupakan sebuah yayasan tinggi pengajian ilmiah dan agama, namun ia tidak mempunyai kuasa untuk membakar atau menyiksakan para cerdik pandai yang lain. Apa yang dapat dibuat oleh Azhar tidak lebih dan mengkritik dan mengecam setiap yang mengemukakan faham faham yang salah mengenai Islam. Di samping itu cerdik pandai yang lain pula mempunyai kebebasan untuk mengkritik dan mengecam pendapat-pendapat ulama-ulama Azhar mengenai Islam, kerana agama di dalam Islam bukanlah milik seseorang atau satu lembaga tertentu. Malah Ia menjadi milik kepada siapa saja yang mempunyai kemampuan untuk memahami dan melaksanakannya.

Seandainya pemerintahan Islam dilaksanakan dalam sebuah negara, maka tidaklah bererti semua jabatan kerajaan akan dipenuhi dengan ulama-ulama. Tidak ada apa-apa perubahan dalam susunan pentadbiran kerajaan kecuali undang pemerintahannya mestilah didasarkan di atas hukum-hukum Islam. Urusan-urusan kejuruteraan tetap diselenggarakan oleh para jurutera, urusan perubatan tetap diserahkan kepada para doktor. Demikian juga urusan ekonomi tetap ditadbirkan oleh ahli-ahli ekonomi tetapi dengan syarat pentadbiran

ekonomi itu berdasarkan ajaran-ajaran Islam. Demikianlah dalam bidang bidang pentadbiran yang lain.

Sistem kepercayaan dan pemerintahan Islam sama sekali tidak menghalangi kemajuan sains dan pelaksanaan teori-teorinya. Sejarah dapat membuktikan bahwa di dalam masyarakat yang dikuasai Islam tidak pernah didengar ada ahli-ahli sains yang dibakar atau disiksa kerana mengemukakan pendapat ilmiah yang baru. Sains yang sebenar tidak bertentangan dengan kepercayaan Islam yang menentukan bahwa hanya Allah Yang Tunggal jua yang menjadikan seluruh alam ini, dan tidak pula bertentangan dengan saranan Islam yang mengajak manusia berfikir pada kejadian langit dan bumi untuk mendapat keyakinan terhadap kewujudan Allah. Di dalam kalangan ahli-ahli sains Barat juga tidak sedikit terdapat orang-orang yang mengakui kewujudan Allah melalui ilmiah mereka yang betul.

Pendek kata, di dalam Islam tidak terdapat halangan halangan yang memaksa manusia memilih jalan atheis, kecuali mereka yang ingin menjadi kaum pak turut yang buta kepàda tuan-tuan besar penjajah.

Kaum free thinker menghendaki agar mereka diberi kebebasan menyerang dan ibadat-ibadat agama, mereka ingin diberi kebebasan menghinakan ajaran-ajaran agama dan mengajak orang ramai untuk membuang agama tanpa dipandang salah oleh undang negara.

Tetapi apakah perlunya kebebasan yang seperti itu di dalam masyarakat Islam, kerana kebebasan seperti itu bukanlah merupakan satu matalamat yang tersendiri seperti yang difikirkan oleh orang-orang Islam yang dungu, malah di Eropah kebebasan itu digunakan sebagai sarana untuk mencapai satu tujuan yang lain, iaitu membebaskan fikiran orang ramai Eropah dan belenggu kepercayaan-kepercayaan yang karut dan dan kezaliman dan penindasan gereja.

Apakah tujuan yang mahu dicapai oleh kaum free thinker yang hidup dalam naungan masyarakat Islam?

Mereka mahu mengembangkan keruntuhan akhlak dan kebebasan sex yang liar. Inilah tujuan mereka yang sebenar.

Mereka menggunakan "Kebebasan berfikir" itu sebagai tabir untuk melindungi diri mereka yang telah menjadi abdi keinginan sex, sedangkan Islam berjuang untuk membebaskan manusia dari segala perhambaan termasuk perhambaan keinginan sex.

Selanjutnya kaum free thinker menuduh sistem pemerintahan Islam sebagai satu pemerintahan diktator, kerana negara diberi kuasa yang begitu luas. Dan yang lebih buruk lagi negara memiliki kuasa mutlak itu atas nama agama, satu nama suci yang menggerunkan rakyat jelata. Dengan kuasa-kuasa yang sedemikian hebat pemerintah-pemerintah Islam dengan mudah menjadi diktator-diktator yang menindas kebebasan rakyat dan membuat mana-mana orang yang menentang pemerintahan mereka terdedah kepada tuduhan menentang agama dan Allah.

Dari manakah mereka ambil pendapat-pendapat yang karut itu, sedangkan al-Quran sendiri begitu jelas dan tegas menandaskan bahwa di antara sifat-sifat yang harus ada pada pemerintah-pemerintah Islam ialah bermesyuarat dan adil. Firman Allah, "Semua urusan di antara mereka diputuskan dengan mesyuarat."(Surah al-Syu'ara(38)) FirmaNya lagi, "Jika kamu menjalankan pengadilan di antara orang ramai maka jalankanlah pengadilan itu dengan saksama."(Surah an-Nisa(58))

Khalifah Abu Bakar pernah menandaskan kepada orangramai katanya, "Kamu tidak wajib taat kepadaku seandainya pemerintahanku bertentangan dengan ajaran Allah dan RasulNya."

Khalifah Omar juga menyatakan sikap yang sama, katanya, Jika kamu dapati pemerintahanku menyeleweng maka hendaklah kamu tampil membetulkannya, tiba-tiba seorang awam Islam bangkit berkata, "Demi Allah jika kami dapati saudara menyeleweng, kami akan betulkan saudara dengan mata pedang."

Memang benar adanya pemenintahan yang zalim yang menggunakan nama agama dan sehingga kini pemerintahan yang seperti itu masih wujud di setengah negeri. Tetapi bukan agama saja yang digunakan untuk melindungi pemerintahan yang zalim di dunia ini. Hitler tidak menggunakan agama dalam melaksanakan pemerintahan Nazinya yang zalim. Stalin juga tidak menggunakan agama sebagai pelindung pemerintahan yang zalim, tetapi akhbar-akhbar Russia telah mengakui selepas matinya bahwa Stalin telah menjalankan pemerintahan diktator yang zalim, ia memerintah Russia dengan undang-undang polis yang kejam.

Begitu juga Jeneral Franco, Malan di Afrika Selatan, Chiang Kai Shik di negeri Cina Kebangsaan, Mao Tze-tung di negeri Komunis Cina, semuanya masing-masing menjalankan pemerintahan diktator dengan menggunakan slogan-slogan lain yang bukan agama.

Abad dua puluh yang dianggap sebagai abad yang bebas dan kuasa-kuasa agama telah menyaksi berbagai-bagai pemerintahan diktator yang menggunakan berbagai-bagai slogan yang menarik yang tidak kurang keramatnya dan keramat agama.

Tetapi maksud kami di sini bukanlah hendak mempertahankan pemerintahan diktator, kerana tiada seorang yang berfikiran bebas dan berhati norani bersetuju dengan pemenintahan diktator, tetapi tujuan kami yang sebenar ialah untuk menyatakan hakikat bahwa setiap slogan yang indah dan setiap konsep yang molok pernah digunakan sebagai pelindung untuk mencapai cita-cita peribadi yang tamak. Berbagai-bagai kekejaman telah dilakukan atas nama kemerdekaan di zaman Revolusi Perancis? Ini tentulah tidak boleh dijadikan alasan bahwa itu tidak baik dan pasti dihapuskan. Berapa ramai orang-orang yang disumbat di dalam penjara atas nama undang-undang perlembagaan? Ini juga tidak boleh dijadikan alasan untuk menghapuskan perlembagaan.

Begitu juga pemerintahan kejam yang berselindung di sebalik agama tidak boleh dijadikan alasan untuk menentang agama kecuali seluruh sistem dan ajaran-ajaran agama itu sendiri menggalakkan kezaliman dan kekejaman. Kejelikan-kejelikan yang seumpama ini tentulah tidak terdapat dalam sistem Islam, kerana Islam memperjuangkan konsep keadilan yang mutlak bukan saja di antara orang-orang Islam, malah di antara orang-orang Islam dengan orang-orang bukan Islam walaupun yang menjadi musuh yang memerangi mereka. Contoh-contoh keadilan Islam dapat dilihat di dalam sejarah dan pernah diakui oleh musuh-musuhnya sendiri.

Sebaik-baik jalan untuk menghapuskan pemerintahan yang zalim ialah mendidik rakyat jelata beriman kepada Allah dan menyintai kemerdekaan dan kebebasan yang diperjuang dan dipertahankan oleh agama hingga mereka sanggup menentang apabila pemerintahan berlaku zalim. Dalam hubungan ini saya tidak fikir ada satu sistem lain yang sama dengan sistem Islam, kerana Islam telah mewajibkan rakyat jelata membetulkan pemerintah apabila ia berlaku zalim. Sabda Rasulullah, "Siapa di antarã kamu yang melihat kejahatan, maka hendaklah ia ubahkannya."(Hadith Bukhari dan Muslim) Sabdanya lagi, "Sebesar-besar jihad di sisi Allah ialah keadilan di depan raja yang zalim."(Riwayat Abu Daud dan al-Tirmizi)

Berdasarkan prinsip-prinsip inilah rakyat jelata di zaman pemerintahan Khalifah Othman bangkit memberontak menentangnya, kerana mereka menganggap beliau telah menyeleweng dan jalan yang benar, walaupun pemberontak-pemberontak itu telah melakukan penyelewengan-penyelewengan yang lebih besar.

Mengakhiri perbincangan ini kami ingin mengatakan kepada kaum progresif bahwa jalan untuk menghapuskan kezaliman bukanlah dengan menghapuskan agama, malah dengan mendidik orangramai agar mempunyai semangat revolusioner yang bencikan kezaliman dan sanggup menentang pemerintah-pemerintah yang zalim. Inilah semangat agama Islam.

Agama Candu Rakyat

DEMIKIANLAH sepatah kata Karl Marx. Kemudian kata-kata ini menjadi slogan yang dilaung-laungkan oleh propagandis propagandis komunis di negeri-negeri Islam dengan tujuan untuk memadankan kata-kata itu kepada agama Islam pula.

Karl Marx dan lain-lain pemimpin komunis angkatan pertama yang memberontak terhadap agama dan ahli-ahli agama itu mungkin boleh dimaafkan kerana mereka telah menghadapi keadaan-keadaan hidup yang jelik di Russia, di zaman itu sistem feudalisma sedang memainkan peranannya yang paling buruk di Eropah terutama di Russia, di mana beribu-ribu rakyat jelata mati kelaparan setiap tahun dan berjuta-juta pula yang terkorban akibah penyakit batuk kering dan lain-lain penyakit. Serangan udara dingin di musim dingin juga turut mengorbankan manusia dalam jumlah yang sama, sedangkan kaum feudalis terus memerah kaum pekerja dan hidup di dalam kemakmuran-kemakmuran yang fasik menikmati anika keseronokan yang terlintas di hati. Seandainya kaum pekerja mengangkat kepala untuk menentang kaum feudal atau seandainya mereka memperlihatkan kesedaran terhadap kezaliman-kezaliman yang dilakukan oleh kaum feudal, maka padri-padri akan tampil menasihatkan mereka dengan ajaran-ajaran Injil, "Siapa yang menampar pipi kanan anda, maka serahkan pula pipi kiri anda dan siapa yang merampas sebahagian dan pakaian anda, maka serahkan saja semua pakaian anda."

Padri-padri itu seterusnya berusaha menenangkan perasaan rakyat yang merasa tertindas dan ingin memberontak itu dengan menimbulkan angan-angan kepada kenikmatan-kenikmatan hidup di hari akhirat yang disediakan kepada orang-orang yang sabar menanggung kezaliman dan mereka yang rela dengan penderitaan penderitaan yang dialami mereka.

Seandainya angan-angan itu gagal untuk mententeramkan perasaan rakyat yang meluap-luap itu, maka padri-padri akan menggunakan tektik ugutan pula, iaitu sesiapa yang menderhaka tuanmasnya yang feudalis itu, maka bererti ia telah menderhakakan Allah, gereja dan padri-padri semuanya.

Patut juga disebutkan di sini bahwa gereja itu sendiri di waktu itu merupakan satu lembaga yang hidup dengan cara-cara feudalis, di mana gereja mempunyai berjuta-juta hamba tanah yang bekerja di dalam estate-estate kepunyaannya untuk kepentingannya, kerana itu gereja dengan sendirinya terpaksa berdiri sama tegak dengan Zar dan kaum-kaum bangsawan yang lain untuk menentang kaum pekerja, kerana seluruh kaum pemilik merupakan satu barisan saja, mereka semua sedar seandainya revolusi kaum pekerja itu meletus, maka ia tidak akan memaafkan seseorang pun dan penghisap darah baik dan kaum bangsawan atau kaum padri.

Seandainya tektik memberi angan-angan syurga dan ugutan itu tidak juga berjaya, maka padri-padri itu akan menggunakan pula tektik menghukumkan orang yang memberontak atas nama mengajar orang-orang yang menderhaka kepada agama dan tidak beriman kepada ajaran-ajaran Tuhan.

Dan sikap-sikap dah tindakan-tindakan itulah agama di Barat menjadi musuh ketat kepada rakyat jelata dan memang kena pada tempatnya apabila Karl Marx berkata, "Agama itu candu rakyat."

Pengembang-pengembang komunis di Timur Tengah sering menyentuh tindak-tanduk ahli-ahli agama profesional di sana yang suka menghampu pemerintah dalam perkara-perkara yang merugikan kepentingan kaum pekerja. Mereka menyabarkan rakyat jelata menanggung

penderitaan-penderitaan hidup demi untuk mendapatkan syurga yang disediakan untuk manusia manusia yang sabar agar dengan itu golongan yang menindas dan memeras rakyat dapat hidup makmur dalam suasana yang aman. Untuk membuktikan dakwaan itu, mereka membawa contoh bagaimana setengah-setengah ulama Azhar di zaman King Farouk selalu saja mengucup tangan baginda dan menggelarkannya sebagai "Raja yang salih." Mereka juga menggubah doa-doa khusus untuknya. Mereka mentafsirkan ayat-ayat al-Quran menurut nafsu mereka dan menyelewengkan prinsip-prinsip Islam untuk mengukuhkan kedudukan baginda dan untuk menghalangi rakyat jelata mencetuskan pemberontakan terhadap baginda, kerana pemberontakan itu dianggap bertentangan dengan perintah Allah yang mewajibkan rakyat jelata patuh dan taat kepada pemerintah-pemerintah mereka.

Kemudian pengembang-pengembang komunis itu terus mencampur-adukkan cerita-cerita ini dengan satu pengeliruan yang lain pula, iaitu kata mereka Islam sendiri menggalakkan manusia agar merelai perbedaan hidup yang jelik seperti yang terkandung dalam ajaran al-Quran yang berbunyi, "Dan janganlah kamu irihati terhadap apa yang dikurniakan Allah kepada sebahagian kamu lebih banyak dan sebahagian yang lain."(Surah al-Nisa(32)) Dan dalam satu ayat yang lain berbunyi, "Dan janganlah kamu memandang dengan irihati kepada kenikmatan-kenikmatan yang telah kami kurniakan kepada beberapa golongan dan mereka, itu hanya bunga kehidupan dunia untuk kami ujikan mereka dengannya, sedangkan kurnia Tuhan kamu adalah lebih baik dan lebih kekal."(Surah Taha(131)) Kerana itu kata mereka Islam juga sama dengan agama-agama yang lain menjadi candu yang melemahkan perjuangan kaum pekerja. Inilah pengeliruan yang kami ingin bincangkan sebentar lagi.

Mengenai tindak-tanduk setengah-setengah ulama profesional yang dikatakan mereka itu kami ingin bertanya, "Adakah tindak-tanduk mereka itu dan ajaran agama atau hanya merupakan penyelewengan mereka dan ajaran agama yang sebenar? Buat saya, ulama yang seperti itu sama saja dengan golongan penyair, pengarang dan wartawan hipokrit yang sanggup menyembamkan muka mereka dalam lumpur dan melanyakkan kehormatan mereka dalam noda untuk mendapat secebis kenikmatan hidup yang fana dan tidak sebenar.

Buat saya, saya begitu yakin bahwa jinayah ahli-ahli agama seperti itu lebih besar dan lebih jelik lagi dan jinayah penyair penyair, pengarang-pengarang dan wartawan-wartawan hipokrit yang mencari makan itu, kerana para ulama itu memegang al-Quran di tangan mereka dan mereka baca semua ayat-ayatnya, mereka tahu hakikat ajaran agama yang sebenar dan mereka memang sedar bahwa sikap mereka yang hipokrit untuk rnendapatkan secebis kenikmatan itu merupakan satu perbuatan yang salah.

Tetapi walau bagaimanapun saya ingin ulangi di sini bahwa di dalam Islam tidak ada golongan sami dan padri dan apa yang dikatakan oleh orang-orang komunis itu tidak dapat dijadikan alasan untuk menentang Islam.

Yang menjadi masaalah umat Islam bukannya kelemahan hukum-hukum Islam, tetapi ialah kejahilan mereka terhadap hakikat-hakikat agama sendiri.

Sebagai bukti bahwa Islam bukannya candu rakyat ialah gerakan yang telah menggulingkan Raja Farouk itu pada hakikatnya adalah dimulai oleh gerakan agama (Gerakan Pertubuhan Ikhwanul Muslimin (100)) iaitu satu gerakan yang memang telah disedari oleh Raja Farouk sebagai satu gerakan yang mengancam singgahsananya, kerana itu baginda telah membunuh pemimpinnya (Al-Syeikh Hassan al-Banna) dan menangkap anggota anggotanya untuk menghancurkan gerakan itu, tetapi tidak berjaya.

Ini adalah satu bukti yang cukup untuk menghapuskan kekeliruan faham itu, dan sebagai bukti selanjutnya kita ingin sebutkan di sini bahwa semua gerakan pembebasan di negeri-negeri Timur Tengah adalah dan inspirasi agama. Misalnya gerakan rakyat Mesir

menentang pendudukan Perancis adalah satu gerakan yang dipimpin oleh ulama-ulama Islam dan pemberontakan menentang kezaliman Muhammad Ali adalah dipimpin oleh Omar Mukram seorang pemimpin agama.

Pemberontakan menentang Inggeris di Sudan adalah dipimpin oleh al-Mahdi al-Kabir seorang pejuang agama. Demikian juga gerakan-gerakan menentang penjajahan Itali di Libya, penjajahan Perancis di Maghribi adalah seluruhnya merupakan gerakan gerakan agama. Fenentangan Kasyani terhadap Inggeris di Iran juga dilakukan atas nama agama dan dasar agama.

Pendek kata di mana-mana saja tercetusnya pemberontakan di negeri-negeri Islam di Timur Tengah adalah mengandungi bukti bukti bahwa agama Islam merupakan satu kekuatan pembebasan bukannya satu agama yang mengajak untuk mengalah dan menerima penindasan dan kezaliman.

Kita merasa penjelasan tadi belum lagi cukup sebelum kita menolak tuduhan komunis yang mengelirukan bahwa agama Islam juga turut menjadi candu yang melemahkan perjuangan kaum pekerja untuk menuntut keadilan sosial dan pembahagian kekayaan yang adil. Untuk menguatkan hujjah mereka, propagandis-propagandis komunis mengemukakan ayat-ayat yang berikut:

(1) "Dan janganlah kamu irihati terhadap apa yang dikurniakan Allah kepada sebahagian kamu lebih banyak dan sebahagian yang lain."

(2) "Dan janganlah kamu memandang dengan irihati kepada kenikmatan-kenikmatan yang telah kami kurniakan kepada beberapa golongan mereka, itu hanya bunga kehidupan dunia untuk kami ujikan mereka dengannya."

(1) Surah an-Nisa(32).

(2) Surah Taha :131

Menurut ahli-ahli tafsir, ayat pertama itu adalah diturun untuk menjawab kernusykilan Seorang wanita yang bertanya, "Mengapa kaum lelaki saja yang diberi kehormatan berjihad untuk sabilillah, sedangkan kaum wanita tidak? Dan menurut satu pendapat lagi, iaitu satu pendapat yang lebih banyak diterima oleh para mufassarin — bahwa tujuan ayat itu ialah melarang umat Islam berangan-angan kosong terhadap kenikmatan-kenikmatan hidup yang dicapai oleh orang lain, sedangkan mereka duduk berkilas tangan saja tanpa sebarang usaha, kerana angan-angan yang seperti itu akan membawa kepada irihati dan hasad dengki yang merugi dan sia-sia. Tegasnya tujuan ayat tadi ialah mengajak manusia bekerja keras untuk mendapat kenikmatan-kenikmatan hidup bukannya duduk membeku dengan angan-angan yang kosong.

Tujuan ayat yang kedua pula ialah menyeru manusia memperjuangkan nilai-nilai yang lebih tinggi dan nilai-nilai kebendaan iaitu nilai-nilai yang mungkin dipandang tinggi oleh kalangan yang tidak berada. Menurut pendapat yang terkuat, ayat itu adalah dituju kepada Rasulullah (s) untuk memperkecilkan kedudukan orang-orang yang tidak beriman yang memiliki berbagai-bagai kemewahan dan kenikmatan hidup kerana apa yang diperjuangkan oleh Rasulullah itu adalah lebih mulia dan lebih kuat dan kedudukan mereka. Tegasnya ayat itu mempunyai tujuan yang berlainan dan apa yang difahamkan dengan dangkalnya oleh propagandis-propagandis komunis.

Seandainya— dengan tujuan berdiskusi semata-mata ayat-ayat itu, dikatakan juga sebagai bermaksud menganjurkan manusia menenima kenyataan dengan hati yang rela dan melarang mereka menaruh irihati terhadap kenikmatan-kenikmatan yang dicapai oleh orang

lain, maka pengertian yang seperti itu masih boleh diterima dengan syarat penganjuran ini ditinjau dan dua pihak sekali, dengan erti, di satu pihak Islam menganjur kaum fakir miskin dan golongan yang tidak punya supaya bersabar dan jangan menaruh perasaan irihati terhadap kekayaan-kekayaan yang dimiliki kaum hartawan dan serentak di satu pihak lagi Islam menganjur pula kaum hartawan supaya jangan membolotkan kekayaan itu untuk kepentingan mereka saja, malah mereka harus menyumbangkannya untuk kebajikan umum atau kepentingan sabilillah dan seterusnya Islam mengancam mereka dengan balasan-balasan siksa di hari akhirat jika mereka terus mementingkan diri sendiri.

Jika anjuran itu difahamkan demikian tentulah terdapat perimbangan yang baik di antara dua pihak itu; pihak hartawan mencurahkan pengorbanannya untuk kebajikan kaum yang tidak punya dan pihak yang tidak punya pula membersihkan dirinya dan perasaan irihati dan hasad dengki. Dengan sikap-sikap yang seperti itu tentulah dapat diwujudkan sebuah masyarakat yang damai dan adil pembahagian kekayaannya, di mana tidak ada lagi golongan yang terlalu mewah dan golongan yang terlalu miskin.

Apabila masyarakat dapat diwujudkan dalam bentuk yang sedemikian, maka sudah tentu tidak akan terjadi lagi kezaliman-kezaliman dan penderitaan ekonomi yang perlu dianjur agar diterima dengan penuh kerelaan oleh kaum yang tidak punya.

Tetapi seandainya kaum hartawan enggan menyumbangkan harta kekayaan mereka untuk kebajikan umum, maka Islam tidak pernah menganjur kaum yang tidak punya supaya menerima keadaan itu dengan penuh kerelaan, malah sebaliknya Islam memberi amaran kepada orang-orang yang rela menerima penindasan dan kezaliman bahwa mereka akan menerima nasib yang buruk dunia dan akhirat. Firman Allah, "Sesungguhnya orang-orang yang dimatikan oleh malaikat dalam keadaan menganiaya diri sendiri, kepada mereka malaikat bertanya, Bagaimana kamu jadi begini'?" Jawab mereka, "Kami adalah orang-orang yang lemah tertindas di negeri itu (Mekah)." Lantas para malaikat bertanya lagi, "Bükankkah bumi Allah itu luas, dan kamu dapat berhijrah ke sana?" Orang-orang yang seperti itu akan ditempatkan di dalam neraka yang merupakan seburuk buruk tempat kembali, kecuali mereka yang benar-benar lemah tertindas baik lelaki atau wanita atau pun anak-anak yang tidak berdaya-upaya dan tidak mengetahui jalan untuk berhijrah. Kepada mereka, mudah-mudahan Allah memaafkan saja dan sesungguhnya Allah itu Maha Pemaaf dan Maha Pengampun."(Surah an-Nisa (97-99))

Dari sini nyatalah bahwa perbuatan menerima penindasan dan kezaliman dengan penuh kerelaan dengan alasan lemah dan tidak mampu itu merupakan satu perbuatan jinayah yang tidak diampun. Orang-orang seperti itu telah disifatkan oleh al-Quran sebagai orang-orang yang menganiayai diri sendiri kerana mereka sanggup menerima kedudukan yang hina-dina yang tidak direlai Allah. -

Seruan berhijrah dan negeri Mekah, di mana umat Islam ditindas dan tidak berdaya menentang penindasan itu adalah dibuat kerana satu sebab yang khusus, dan bukanlah bererti bahwa hijrah itu satu-satunya jalan untuk menentang kezaliman dan penindasan malah di sana terdapat berbagai-bagai cara untuk menentang kezaliman yang kami akan terangkan selepas ini. Apa yang kami mahukan di sini ialah untuk menegaskan babwa Islam memandang hina kepada sikap mengalah atau menerima kezaliman dengan kerelaan. Hinggakan orang-orang yang benar-benar lemah dan tidak berdaya pun hanya didoa agar mereka diberi keampunan, bukannya terus mendapat keampunan yang tegas walaupun mereka mempunyai keuzuran yang wajar dan walaupun mereka benar-benar lemah bukannya pura-pura.

Namun bukanlah pula tujuan ayat itu untuk menyatakan bahwà Allah mungkin tidak memberi keampunan kepada mereka, kerana Allah itu Maha Suci dan menzalimi hamba-

hambaNya, malah makst utama ayat itu ialah untuk memberi gambaran yang mengerikan agar setiap orang Islam yang mempunyai daya upaya walaupun sekelumit tidak akan lalai dan berjuang menghapuskan penindasan yang menimpal mereka.

Mengenal Islam yang tertindas dan benar-benar lemah untuk menengkiskan penindasan itu, maka nasib mereka tidak akan dibiarkan menerma penindasan-penindasan itu tanpa dibantu, malah seluruh umat Islam adalah berkewajipan bangkit berjuáng menolong menghapuskan penindasan yang menekan saudara-saudara mereka yang lemah - itu. Firman Allah, "Mèngapakah kamu tidak mahu berjuang demi sabilillah dan demi menolong orang-orang yang tertindas baik lelaki, perempuan dat kanak-kanak yang semuanya berdoa, 'Ya Tuha kami. keluarkanlah kami dan negeri ini (Mekah) yang mana penduduknya begitu zalim'."(Surah al-Nisa (75))

Allah tidak akan rela dengan sikap mereka yang bersédia menerima penindasan dan kezaliman, malah mereka diwajjbkan berjuang melenyapkan kezaliman dan penindasan itu.

Setengah-setengah orang mungkin menyangka bahwa ayat-ayat ini dituju khusus untuk menggalakkan kaum Muslimin mempertahankan akidah mereka apabila mereka berada di tengah masyarakat orang-orang kafir yang berusaha keras memaksa mereka mempersekutukan Allah dan meninggalkan amalan-amalan ibadat yang menjadi syi'ar agama Islam.

Sebanarnya Islam tidak membedakan di antara pelaksanaan amalan ibadat dengan pelaksanaan peraturan sosial, ekonomi dan politik yang lahir dan akidah-akidah Islam. Begitu juga Islam tidak membedakan di antara penghalang sistem hidup Islam itu samada mereka terdiri dan orang-orang yang benar-benar kafir atau terdiri dan orang-orang Islam sendiri yang namanya saja Islam, tetapi semangatnya kafir. Firman Allah, "Sesiapa yang tidak memerintah mengikut undang yang diturun oleh Allah, mereka adalah orang-orang yang kafir."

Islam memberi arahan supaya kekayaan itu jangan dibiarkan beredar di antara hartawan-hartawan saja dan Islam mewajibkan pemerintah memberi jaminan hidup yang cukup kepada rakyatnya samada dengan mengadakan pekerjaan yang halal bagi mereka atau dengan menghulurkan bantuan Iangsung kepada mereka dan tabung Baitulmal seandainya mereka tidak mampu bekerja.

Rasulullah (s) juga mewajibkan pemerintah memenuhi tuntutan-tuntutan hidup kakitangan kerajaan sebagaimana yang kami telah terangkan dalam bab yang lalu.(Islam dan Kapitalisma) Dan perintah Rasulullah itu mencakup semua pekerja samada di tempat-tempat' perusahaan swasta atau umum. Semuanya itu merupakan sebahagian yang tidak dapat dipisah dan akidah Islam yang harus dipatuhi dan dilaksanakan dalam kenyataan hidup. Dengan pengertian yang luas dan umum inilah kita harus memahami ayat yang mengecam manusia yang menerima kezaliman dan penindasan dengan penuh kerelaan yang kita bincangkan tadi.

Marilah kita membuat satu hipotisa, katakanlah orang ramai masing-masing enggan berjuang untuk menentang penindasan dan kezaliman sosial kerana mematuhi pentafsiran yang salah mengenai ayat yang melarang manusia memandang dengan irihati terhadap kekayaan dan kesenangan hidup yang dicapai óleh orang lain. Apakah akibahnya yang akan berlaku?

Akibahnya kekayaan akan terbolot di tangan segelintir manusia, sedangkan rakyat banyak berada dalam kemiskinan seperti yang berlaku di dalam masyarakat feudal dan masyarakat kapitalis. Ini adalah satu keadaan sosial yang jelik yang bertentangan dengan ajaran Allah yang melarang kekayaan itu beredar dalam kalangan orang-orang hartawan saja.

Akibah yang kedua para hartawan itu mungkin membekukan kèkayaan itu untuk keseronokan hidup dalam anika kemewahan dan kemakmuran diri mereka saja, sedangkan

pembekuan kekayaan itu merupakan satu perbuatan jelik yang dikecam oleh Allah firmanNya, "Orang-orang yang menyimpan emas dan perak tanpa membelanjakannya untuk kepentingan sabilillah, maka gembirakanlah mereka dengan kesiksaan yang pedih."(Surah at-Taubat(24)) Demikian juga perbuatan menggunakan kekayaan untuk mencapai keseronokan-keseronokan hidup semata itu juga dianggap suatu perbuatan yang keji. Di dalam al-Quran terdapat banyak ayat-ayat yang mengecam hartawan yang asyik berseronok dengan kemewahan-kemewahan hidup itu sebagai manusia-manusia jahat dan tidak beriman. FirmanNya, "Dan Kami tidak utuskan Rasul yang memberi amanan kepada sebuah negeri, melainkan golongan orang-orang hidup mewah di dalamnya akan berkata, "Sesungguhnya kami tidak percaya dengan ajaran yang diutuskan engkau untuk menyanipaikannya'. "(Surah Saba'(34)) FirmanNya lagi, "Dan apabila Kami hendak membinasakan sesuatu negeri maka Kami perintahkan kepada orang-orang yang hidup mewah di negeri itu supaya mentaai Allah, tetapi mereka mélakukan kedurhakaan dalam negeri itu, maka sudah sepantasnya keputusan Kaini berlaku ke atas niereka, lalu Kami hancurkan negeri itu sehancur-hancurnya. "(Surah al-Isra':16) FirmanNya lagi, "Dan golongan kiri, alangkah sengsaranya golongan kiri dalam siksaan angin yang amat panas dan air panas yang mendidih dan dalam naungan asap yang hitam tidak sejuk dan tidak menyenangkan, sesungguhnya mereka sebelum itu hidup bermewah-mewahan "(Surah Al-Waqiah : 41-45)

Nyatalah bahwa akibah dan keengganan manusia untuk berjuang menentang kezaliman-kezaliman sosial itu ialah melahirkan kejahatan, kerana itu Islam tidak wajar dituduh sebagai agama yang mengajak manusia membiarkan kejahatan dan menerimanya dengan penuh kerelaan demi mencari keredaan Allah, sedangkan Allah sendiri berfirman, "Telah dilaknati orang-orang kafir dan bani Israel menerusi lidah Daud dan Isa putera Maryam, kerana mereka durhaka dan melampaui batas. Mereka tidak saling melarang kejahatan yang mereka laku'kan. Sesungguhnya amat buruk perbuatan yang dilakukan mereka."(Surah al-Maidah(78-79)) Jelas dalam ayat ini bahwa Allah mengira sikap membiarkan kejahatan dan tidak saling melarang melakukannya sebagai pertanda kekufuran yang layak menerima kemurkaan, kutukan dan siksaan Allah.

Di samping itu Rasulullah pernah bersabda, "Siapa di antara kamu yang melihat kejahatan, maka hendaklah ia bertindak mengubahkannya" Dan sabdanya lagi, "Jihad yang paling tinggi di sisi Allah ialah kesanggupan mengemuka perkara yang benar di depan raja yang zalim."

Kejahatan-kejahatan tidak akan berleluasa di dalam masyarakat dan tidak akan dibiarkan oleh pemenjntah kecuali pemerintah itu seorang yang zalim yang pasti ditentang demi mendapat keredaan Allah.

Tiada orang yang berfikiran waras ini Islam sebagai agama yang menganjur manusia agar melakukan kezaliman dan penderitaan dengan penuh kerelaan. Hanya orang-orang yang berprasangka terhadap Islam atau orang-orang yang dikongkongi hawa nafsunya saja yang sanggup membuat tuduhan sedemikian.

Tujuan ayat yang mengecam sikap irihati itu ialah melarang manusia berangan-angan kosong tanpa disertakan dengan usaha-usaha yang prodaktif, juga menganjurkan agar manusia meneninia dengan penuh kerelaan sesuatu yang telah inenjadi kenyataan hidup dan tidak dapat diubah lagi oleh sesiapa pun, samada pemerintah, masyarakat danindividu-individu, misalnya si Ahmad telah dikurniakan kebolehan yang cemerlang hingga ia menjadi seorang masyhur yang dikagumi umum, tiba-tiba si Omar menaruh irihati dan berangan-angan untuk mencapai status si Ahmad, sedangkan ia tidàk mempunyai kebolehan yang sama dengan kebolehan si Ahmad. Untuk memenuhi angan-angan si Omar dan untuk menghindarkannya

dan penyakit hasad dengki yang tidak sihat itu, kerajaan tentulah tidak dapat berbuat apa-apa kerana kerajaan tidak mempunyai kuasa untuk menciptakan kebolehan itu dengan mengguñakan mana-mana kilangnya.

Begitu juga jika si Fatimah mempunyai kejelitaan yang memikat semua hati, sedangkan. si Aminah tidak mempunyai kejelitaan seperti itu, tetapi berangan-angan untuk mendapatkan kejelitaan yang dapat menawankan hati pria. Kerajaan tentulah tidak mampu untuk memberi kejelitaan yang diimpikan oleh si Amiriah itu.

Seterusnya jika dua orang suami isteri hidup saliug menyintai satu sama lain atau mendapat anak-anak yang membahagiakan hidup mereka, sedangkan dua orang suami isteri yang lain hidup tidak sejalan atau tidak mendapat anak-anak yang diimpikan mereka walaupun dicuba dengan ikhtiar-ikhtiar perubatan moden. Hal seperti ini tentulah tidak ada mana-mana kuasa di bumi ini yang dapat memenuhi kehendak mereka.

Itulah beberapa contoh dan berbagai-bagai kenyataan hidup yang dihadapi manusia yang tidak mungkin diubah atau diselesaikan dengan peráturan-peraturan ekonomi atau undang undang keadilan sosial, kerana persoalan-persoalan itu tidak ada kaitan dengan nilai-nilai ekonomi. Hanya satu saja jalan keluar iaitu menganjur mereka menerima kenyataan dengan penuh kerelaan dan menaruh harapan kepada kurnia-kurnia Allah yang lain yang mempunyai nilai-nilai yang lebih tinggi dan nilai-nilai kebendaan, juga mengharapkan balasan gantirugi dengan nikmat-nikmat syurga di hari kemudian.

Malah dalam bidang ekonomi dan sosial itu sendiri tidak terdapat persamaan yang mutlak, kerana persamaan yang mutlak tidak wujud di bumi. Di manakah satu negeri yang seluruh gaji dan seluruh jawatan diatur sama semuanya?

Katakanlah seorang boroh yang ambisus di Russia ingin menjadi seorang jurutera, sedangkan kebolehan akalnya tidak sanggup untuk memenuhi cita-citanya walaupun pemerintah memberi peluang-peluáng yang adil kepadanya atau katakanlah seorang boroh yang tidak mempunyai tenaga lebih selepas kerja wajiblah untuk membuat kerja-kerja overtime yang dapat memberikan pendapatan tambahan kepadanya, namun ia begitu irihati untuk mendapat pendapatan lebih seperti yang dinikmati oleh boroh-boroh lain yang bertenaga kuat. Apakah yang dapat dibuat oleh pemerintah untuk memenuhi ambisi boroh itu? Dan bagaimanakah boroh-boroh itu dapat hidup bahagia, sedangkan jiwanya dikongkong oleh kegelisahan, angan-angan Mat Jenin dan perasaan irihati yang pahit? Bagaimanakah ia dapat melaksanakan kerjanya dengan sebaik-baiknya, sedangkan hatinya diserapi perasaan tidak puas? Ia tidak akan hidup bahagia melainkan apabila ia bersedia menerima kenyataan dengan penuh kerelaan.

Pendeknya Islam menganjur manusia bekerja keras untuk melaksanakan cita-cita mereka yang halal dan bersedia menerima dengan penuh kerelaan segala kenyataan-kenyataan yang tidak mungkin diubah. Tetapi seandainya terjadi penindasan-penindasan dan kezaliman yang boleh dicegah, maka mereka tidak akan mendapat kerelaan Allah melainkan apabila mereka sanggup memberontak menghapuskan penindasan dan kezaliman itu firman Allah, "Sesiapa yang berjuang untuk sabilillah lalu dlbunuh atau dikalah, maka Kami akan kurniakannya balasan yang besar." - Surah al-Nisa (74)

Seandainya di dunia ini terdapat agama yang layak dianggap sebagai candu rakyat, maka agama itu bukanlah agama Islam, kerana Islam menentang kezaliman dan penindasan dalam segala bentuk dan warnanya, dan kerana Islam menjanjikan balasan yang seburuk kepada orang-Orang yang sanggup menerima kezaliman.

Islam Dengan Masyarakat Bukan Islam

SIKAP masyarakat-masyarakat yang bukan Islam terhadap pemerintahan Islam merupakan satu masaalah yang selalu dikatakan rumit dan sukar. Ramai orang yang merasa ragu-ragu untuk memperkatak kerana bimbang berlaku pertelagahan di antara orang-orang Islam dan orang-orang yang bukan Islam.

Secara terus terang saya ingin bertanya orang-orang Kristian yang hidup di negeri-negeri Islam di Timur Tengah apakah yang mereka takut dan pemerintahan Islam itu? Adakah mereka takut kepada nas-nas suci perundangan Islam atau kepada cara pelaksanaannya?

Nas-nas perundangan suci Islam dengan tegas berkata, "Allah tidak menegah kamu berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu dan tidak pula menghalaukan kamu dan negeri-negeri kamu. Sesungguhnya Allah itu kasihkan orang-orang yang bersikap saksama."(Surah al-Mumtahanah (8))

Selanjutnya nas itu menjelaskan lagi, "Makanan sembelihan ahli kitab itu halal kepada kamu dan makanan kamu halal pula çepada mereka (dan dihalalkan mengahwini) wanita-wanita baik dari wanita-wanita yang beriman dan wanita-wanita baik dan wanita ahlil kitab."(Surah Al-MAidah : 5)

Prinsip umum perundangan Islam ialah, "Orang-orang yang bukan Islam mempunyai bak yang sama dengan hak-hak kita dan meinpunyal kewajipan yang sama seperti kita."

Nas-nas perundangan Islam begitu tegas menyuruh orang Islam berlaku baik dan adil terhadap orang-orang yang bukan Islam, dan menetapkan persamaan hak-hak dan kewajipan-kewajipan yang bukan bersangkutan dengan ibadat dan fardhu di antara mereka dengan orang-orang Islam, iaitu.hak-hak dan kewajipan-kewajipan yang berkaitan dengan peraturan masyarakat dan hak-hak kewarganegaraan.

Di samping itu nas-nas perundangan Islam menganjurkan orang-orang Islam mengukuhkan bubungan mereka dengan ahlil kitab melalui kegiatan saling berkunjung dan makan minum bersama-sama dan kemuncaknya melalui perkahwinan campuran.

Mengenai cara-cara pelaksanaan undang-ündang Islam eloklah kita peturunkan di sini pengakuan seoraug ahli sejarah Barat yang beragama Kristian yang tidak pernah dituduh sebagai memihak kepada Islam. Sir T. W. Arnold telah berkata dalani bukunya, "The Preaching of Islam" halaman 48 yang dialih bahasa oleh Hassan Ibrahim Hassan, Abdul Majid Abidin dan Ismail al-Nahrawi.

"Dan hubungan mesra yang terjalin di antara orang-orang Kristian dan orang-orang Islam dan bangsa Arab dapatlah kita membuat keputusan bahwa kekuatan tidak menjadi faktor yang memaling manusia memeluk Islam. Muhammad sendiri telah mengadakan satu pakatan dengan setengah.seteflgah suku Kristian dan berjanji bertanggungjawab untuk melindungi mereka, beliau juga telah memberi kepada mereka kebebasan untuk mengerjakan syiar-syiar agama mereka dan seterusnya beliau telah memberi kepada pegawai-pegawai gereja kebebasan untuk menikmati hak-hak dan kuasa-kuasa tradisional mereka yang lama dalam suasana aman dan tenteram."

Sir T.W. Arnold telah berkata lagi di halaman 51:

"Dan contoh-contoh yang telah kami kemukakan tadi mengenai sikap toleransi yang ditunjukkan oleh orang-orang Islam yang menang itu terhadap orang-orang Arab yang beragama Kristian di abad pertama Hijrah dan terus berlanjutan pada jenerasi-jenerasi yang bersilih ganti selepasnya, dapatlah kita membuat kesimpulan yang tepat bahwa suku-suku

Kristian itu telah memeluk agama Islam dengan pilihan bebas dan kerelaan hati mereka sendiri. Di samping itu kedudukan orang-orang Arab Kristian yang hidup di zaman sekarang di tengah-tengah masyarakat Islam merupakan satu bukti yang jelas terhadap sikap, toleransi itu.

Beliau berkata lagi di halaman 53:

"Apabila tentera Islam sampai di Wadi Alurdun dan tentera Abu Ubaidah berkhemah di Fihl (Pella), penduduk-penduduk Kristian di negeri ini telah menulis kepada tentera-tentera Islam, kata mereka, "Wahai para Muslimin kamu Iebih disukai kepada kami dan orang-orang. Rome walaupun mereka seagama dengan kami, kamu lebih setia terhadap kami dan lebih bertimbangrasa kepada kami, kamu tidak melakukan kezaliman terhadap kami, dan pemerintahan kamu terhadap kami lebih baik dan pemerintahan mereka, kerana mereka telah merampas barang-baraiig kepunyaan kami dan menggelidahkan rumah-rumah kami."

Di halaman 54 pula beliau menyambung lagi:

"Demikianlah keadaan perasaan di Syria dalam masa peperangan yang berlaku di antara 633-639, dalam mana tentera-tentera Arab beransur-ansur mengusir tentera Rome dan wilayah itu. Apabila Damsyik mempelopori mengadakan perjanjian damai dengan tentera Arab pada tahun 637 dan telah mendapat keamanan dan rompakan dan perampasan serta lain-lain jaminan yang baik, maka bandar-bandar lain di Syria tidak berlingah-lingah lagi menurut jejak langkah Damsyik. Bandar-bandar Hams, Mambij dan beberapa bandar yang lain telah mematerikan perjanjian-perjanjian sebagai bandar-bandar naungan Arab, malah Batrik Baitulmuqaddis telah menyerahkan bandar itu dengan syarat-syarat yang sama. Kebimbangan berlakunya paksaan agama dan Sri Maharaja Rome yang tidak menaati agamanya supaya mengikut mazhab baginda itu telah membuat janji-janji tentera Islam yang berikrar memberi kebebasan beragama lebih tertarik lagi kepada mereka dan hubungan dengan Empayar Rome atau dengan kerajaan Kristian, dan sebaik saja ketakutan-ketakutan pertama akibah dan pendaratan tentera tentera Arab yang menyerang itu hilang, maka timbullah perasaan ghairah yang kuat menyokong penakluk-penakluk Arab itu."

Demikianlah pengakuan seorang ahli sejarah Kristian mengenai toleransi Islam. Oleh itu apakah yang ditakuti oleh orang-orang Kristian dan pemerintahan Islam?

Mungkin mereka takut kepada fanatik orang-orang Islam terhadap mereka, jika ini benar, maka nampaknya mereka masih belum mengerti erti fanatik yang sebenar. Untuk itu biarlah kami membeni beberapa contoh fanatik yang berlaku di dalam sejarah.

Contoh pertama ialah mahkamah-mahkamah Inquisation yang diadakan di Sepanyol. Mahkamah ini diwujudkan dengan tujuan pokoknya ialah untuk menghapuskan umat Islam di Sepanyol..Ia telah menggunakan berbagai-bagai cara penyiksaan yang paling kejam di dalam sejarah seperti membakar hidup-hidup, mencabut kuku, mencungkil mata dan memotong anggota-anggota untuk memaksa orang-orang itu meninggalkan agama mereka dan mengikut mazhab Kristian yang tertentu.'

Adakah orang-orang Kristian di negeri-negeri Timun Tengah pernah mengalami penyiksaan-penyiksaan yang seumpama itu sepanjang mereka tinggal di sini?

Contoh kedua ialah pembunuhan beramai-ramai yang dilakukan terhadap orang-orang Islam di setiap negeri Eropah atau di negèri-negeri yang terletak di bawah kekuasaan Eropah, pembunuhan-pembunuhan yang dilakukan di Yugoslavia, Albania, Russia dan di negeri-negeri Afrika Utara, Somalia, Kenya, Zanzibar, India dan lain-lain negeri. Pembunuhan-pembunuhan itu kadang-kadang dilakukan atas nama pembersihan barisãn dan kadang-kadang atas nama menjaga keamanan dan keselamatan negara.

Satu lagi contoh yang amat penting ialah penindasan terhadap orang-orang Islam di negeri Habsyah, sebuah negara yang mempunyai hubuñgan-hubungan sejarah, jeografi, kebudayaan dan agama dengan negeri Mesir. Gereja Habsyah adalah tunduk kepada gereja Mesir dan penduduknya bercampur di antara pemeluk-pemeluk Islam dan pemeluk-pemeluk Kristian. Jumlah mereka dianggar kira-kira di antara 35%- 65% dan jumlah keseluruhan rakyat Habsyah.

Namun demikian tiada sebuah sekolah pun di Habsyah yang memberi pelajaran agama Islam kepada pelajar-pelajarnya yang beragama Islam dan tiada sebuah sekolah pun yang mengajar bahasa Arab. Sekolah-sekolah swasta yang didinikan oleh orang orang Islam dengan perbelanjaan sendiri telah dikenakan cukai cukai yang tinggi dan peraturan yang ketat yang selalu menyusahkan orang-orang Islam. sehingga sekolah-sekolah itu pada akhirnya terpaksa ditutup. Tindakan dan peraturan itu telah menyebabkan orang-orang Islam berputus asa untuk melakukan percubaan percubaan yang baru. Akibahnya anak-anak Islam di sana mendapat kesempatan belajar di kelas-kelas agama secara kono saja.

Tidak lama sebelum ini, iaitu sebelum Itali menyerang negeri Habsyah, mana-mana orang Islam yang berhutang pada orang Habsyah yang beragama Kristian dan tidak mampu membayar hutangnya akan dihukum menjadi abdi kepada penghutang Habsyi Kristian itu, kemudian abdi-abdi itu dijual beli dan disiksa di bawah pengetahuan kerajaan.

Di samping itu tiada seorang Islam pun di dalam kabinet kerajaan Habsyah atau di dalam jawatan-jawatan penting, yang mewakili satu pertiga penduduk yang beragama Islam itu.

Adakah orang-Orang Kristian yang tinggal di dalam negeri negeri Islam pernah mengalami penindasan dan diskrirninasi seperti itu di sepanjang sejarah mereka?

Itulah yang dikatakan sikap fanatik yang sebenar. Di Mesir, orang-orang Kristian tidak diharamkan mencari dan memiliki harta kekayaan dan banyak di antara mereka yang kaya-raya. Mereka diberi hak untuk belajar, memegang jawătan kerajaan, hak kenaikan dalam jawatan tanpa diskriminasi kerana agama mereka.

Pengerjaan amal ibadat mereka tidak pernah diganggu melainkan di dalam insidin yang amat jarang berlaku yang sengaja dthalangkan oleh penjajah Inggeris untuk memecah-belahkan rakyat Mesir, demi memperkuatkan kedudukan penjajahannya.

Ada pula orang menuduh bahwa Islam melakukan diskriminasi dalam pengenaan jiziah terhadap orang-orang yang bukan Islam. Tuduhan ini kami ingin' jawab dengan kenyataan Sir Arnold sendiri. Beliau berkata di halaman 58: (The Preaching of Islam)

"Seperti telah diterangkan tadi jizyah itu hanya dikenakan ke atas setiap orang lelaki yang berkuasa sebagai' bayaran perkhidmatan tentera yang memang akan diwajibkan ke atas mereka jika mereka beragama Islam. Satu hal yang jelas bahwa mana mana kelompok orang-orang Kristian adalah dibebaskan dan bayaran jiziah apabila mereka masuk ke dalam perkhidmatan tentera Islam. Beginilah peraturan yang dilakukan terhadap suku Jurajimah iaitu satu suku yang beragama Kristian yang tinggal berhampiran Antioch. Mereka hidup aman damai dengan orang-orang Islam dan membuat perjanjian untuk berdiri di samping mereka dan berjuang bersama mereka di dalam mana mana pertempuran, dengan syarat mereka tidak dikenakan jiziah, juga diberikan habuan yang wajar dan harta rampasan perang."

Beliau menyambung lagi d halaman 59:

"Sebaliknya peladang-peladang telah dibebaskan dan perkhidmatan tentera walaupun mereka beragama Islam, tetapi mereka dikenakan jizyah sebagai bayaran kebebasan itu sama seperti jizyah yang dikenakan di atas penduduk-penduduk yang beragama Kristian."

Dan kenyataan-kenyataan ini jelaslah bahwa persoalan jiziah bukanlah persoalan diskriminasi terhadap orang-orang yang bukan Islam, malah yang menjadi persoalan di sini ialah perkhidmatan tentera. Sesiapa yang nienunaikan perkhidmatan ini ia dibebaskan dan bayaran jiziah dan sesiapa yang tidak menunaikannya, Ia harus membayar jiziah tanpa diperhitungkan agama yang dianutinya.

Mengenai firman Allah yang berbunyi. "Perangilah mereka yang tidak beriman kepada Allah dan hari akhirat dan tidak mengharamkan apa yang telah diharamkan oleh Allah dan RasulNya dan tidak menganuti agama yang benar, iaitu orang orang yang dikurniakan kitab suci (Yahudi dan Kristian), hingga mereka membayar jiziah dengan patuh dan tunduk."(Surah al-Taubat(29))

Firman itu khusus ditujukan kepada orang-orang yang bukan Islam yang telah melancarkan peperangan terhadap negeri-negeri Islam dan bukannya ditujukan kepada onang-orang yang bukan Islam yang tinggal di dalam negeni-negeri Islam.

Untuk mengakhiri perbincangan ini saya ingin mengingatkan bahwa orang-orang komunis sedang melakukan fitnah-fitnah yang jahat. Mereka memberi janji-janji yang molok kepada setiap golongan. Mereka berkata kepada kaum boroh, "Jika kamu berjuang bersama kami, maka semua kilang-kilang akan kami serahkan kepada kamu." Kepada kaum peladang mereka berkata, " kamu berjuang bersama kami, kami akan memberi tanah-tanah yang cukup kepada kamu." Seterusnya bila mereka mereka berdepan dengan golongan siswazah dan lepasan-lepasan sekolah yang menganggur mereka berjanji untuk mengadakan pekerjaan-pekerjaan yang sesuai dengan ijazah-ijazah mereka. Apabila mereka bercakap dengan muda-mudi yang kebuluran sex mereka berjanji untuk membentuk sebuah masyarakat yang bebas lepas, di mana mereka boleh mencari keseronokan dengan bebas tanpa campurtangan undang-undang dan adat resam.

Kepada masyarakat Kristian yang hidup dalam negeri-negeri Islam mereka berseru, "Berjuanglah bersama kami, kami berjanji akan menghancurkan agama Islam yang membeda-bedakan manusia atas dasarjcepercayaan."

Apa yang dikatakan mereka adalah pembohongan-pembohongan semata-mata. Islam tidak membeda-bedakan manusia dengan berdasarkan kepercayaan, kerana Islam telah memberikan segala hak-hak asasi kepada manusia tanpa sebarang perbedaan, malah Islam berusaha menyatupadukan mereka di atas prinsip-prinsip kemanusiaan dan serentak dengan itu juga menjamin kebebasan penuh kepada mereka untuk memilih mana-mana agama yang disukai mereka di bawah lindungan dan naungannya.

Di samping itu masyarakat-masyarakat Kristian di negeri-negeri Timur Tengah tentulah lebih ingin memelihara pertalian-pertalian mereka yang bersejarah dengan orang-orang Islam dan melindungi kepentingan bersama mereka dan mendengar propaganda-propaganda Kristian yang jahat.

Islam Dan Idealisma (1)

KITA pernah ditanya manakah Islam yang kamu sering ceritakan kepada kami wahai pemeluk-pemeluk Islam? Bilakah ajaran-ajarannya yang sebenar pernah dilaksanakan? Kamu selalu mengatakan kepada kami bahwa Islam adalah satu sistem idealis yang cukup indah, tetapi sayang Islam yang kamu kemukakan itu tidak pernah wujud di bumi kenyataan. Seandainya kami tanyakan kamu tentang masa pelaksanaan Islam yang sebenar, kamu hanya menunjukkan kepada zaman hidup Rasulullah dan Khulafa al-Rasyidin terutama dua khalifah yang pertama Abu Bakar dan Omar saja.

Kamu tidak puas-puas menunjul-nunjulkañ Omar bin al-Khattab sebagai manifestasi dan gambaran Islam yang sebenar. Kamu gambarkan Omar dengan gambaran yang begitu indah dan menyilaukan mata, tetapi apabila kami selidiki keadaan-keadaan hidup di zaman-zaman pemerintahan mereka, kami hanya menemui sejarah-sejarah hitam yang penuh dengan feudalisma, kezaliman dan kedikdatoran, kemunduran dan kekolotan.

(1) Idealisma pada asalnya digunakan untuk memerikan suatu sistem masyarakat yang terbaik, malah kita gunakannya di sini dengan pengertian yang jelik yang dibuat oleh penulls-penulis Barat, iaitu mengelamun dalam alam impian dan membiarkan manusia, lapar, bogel dan tertindas di bumi tanpa dipedulikan oleh sesiapa. Idealisma yang dikecam oleh orang Barat ialah idealisma yang membiarkan orang ramai tertindas dan tersiksa di dalam neraka. Sistem feudal atau idealisma yang hanya memperkatakan tentang masaalah falsafah yang tidak berpijak di bumi kenyataan, remeh, karut dan tak masuk akal. Inilah péngertian idealisma yang dicaci dan disenda-sendakan orang-orang Barat dan pengertian inilah yang mahu digunakan oleh propagandis-propagandis komunis yang jahil untuk mengecapkan sistem Islam. Sejarah-sejarah hitam yang penuh dengan feudalisma, kezaliman dan kediktatoran, kemunduran dan kekolotan.

Kamu katakan pula bahwa dalam Islam rakyat mempunyai kuasa untuk menegur atau mensusilakan pemerintah mereka, tetapi selain dan zaman-zaman Khulafa al-Rasyidin. Bilakah rakyat jelata Islam pernah diberi hak untuk memilih pemerintah pemerintah mereka apatah lagi hak untuk mensusilakan mereka.

Kamu juga telah memperkatakan tentang pembahagian ekonomi yang adil dalam sistem pemerintahan Islam. Tetapi bilakah perbezaan-perbezaan kelas masyarakat pernah didekatkan di zaman-zaman pemerintahan Islam termasuk zaman pemerintahan Khulafa al-Rasyidin sendiri.

Kamu memperkatakan bahwa kewajipan pemerintah dalam Islam ialah mengadakan pekerjaan bagi setiap warganegara tetapi mengapa ribuan, malah jutaan rakyat jelata Islam menjadi penganggur yang kadang-kadang hidup dengan mengemis atau hidup dalam kemelaratan dan penderitaan yang tidak putus-putus.

Kamu memperkatakan tentang hak-hak wanita di dalam Islam, tetapi bilangan wanita-wanita Islam pernah menikmati hak-hak itu, bilakah tradisi-tradisi masyarakat Islam yang zalim dan kedudukan sosio-ekonomi masyarakat Islam telah membolehkan wanita-wanita menikmati hak mereka?

Kamu juga memperkatakan tentang didikan Islam yang boleh membersihkan jiwa manusia dan menanamkan rasa taqwa pada mereka, dan dengan rasa taqwa inilah hubungan-hubungan di antara pemenintah dan rakyat dan di antara berbagai-bagai golongan warganegara berlangsung di atas prinsip saling membantu demi kebajikan umum, tetapi bilakah rasa taqwa terhadap Allah itu dapat mencegah pemerintah-pemerintah Islam dari

menelan hak-hak orang-orang miskin, dan berlaku zalim terhadap mereka? Bilakah rasa taqwa itu dapat mencegah pemerintah Islam dan membolot faedah-faedah dan kenikmatan dan dan tindakan menindas kebebasan rakyat dan mempergunakan mereka?

Segala apa yang kamu perkatakan itu tidak lebih dan impian-impian belaka yang tidak wujud dalam kenyataan. kecuali dalam masa yang pendek saja yang tidak dapat menggambarkan suatu sistem yang jelas. Contoh-contoh yang sering disebutkan kamu hanya contoh-contoh peribadi yang tidak akan berulang di dalam sejarah.

ltulah dakwaan-dakwaan dan tuduhan-tuduhan komunis dan golongan-golongan yang seumpamanya yang telah berjaya menimbulkan kekeliruan pada orang-orang yang tidak mempelajari sejarah Islam yang sebenar kecuali pengajian-pengajian sejarah yang ditulis oleh kakitangan penjajah.

Sebelum tampil lebih jauh eloklah kita menibuat ganis perbedaan yang jelas di antara idealisma sistem itu sendiri dengan idealisma pelaksanaannya.

Adakah Islam semata-mata merupakan satu sistem yang idealis yang tidak dapat dipraktikkan dalam kehidupan manusia kerana sistem itu berpijak pada unsur-unsur khayal yang rnustahil dipraktikkan atau Islam itu memang satu sistem yang praktis tetapi belum dilaksanakan dengan bentuk yang sempurna dan generasi kemenerasi?

Perbedaan di antara jua bentuk idealisma itu memang besar. Seandainya Islam itu sendiri merupakan semata-mata satu sistem idealis saja. Ini tentulah selama-lanmanya tidak ada harapan untuk dipraktikkan walau bagaimana besar berlakunya perubahan-perubahan keadaan sosial. sebaliknya jika Islam itu merupakan satu sistem yang memang praktis cumanya pelaksanaannya saja telah terhalang oleh keadaan-keadaan yang tertentu, maka tentu persoalan ini mempunyai erti yang berlainan, kerana ia mengertikan bahwa harapan untuk mempraktikkan Islam itu memang ada apabila keadaan-keadaan yang menjadi batu penghalang itu telah hilang.

Manakah salah satu gambaran yang benar-benar tepat dengan Islam?

Kami kira persoalan ini cukup jelas dan tiada seorang pun yang patut mempertikaikannya kerana Islam telah pun dilaksanakan sekali dengan jayanya di dalam sejarah manusia dan ini tentulah merupakan satu dalil yang kukuh bahwa Islam adalah satu sistem yang praktis yang boleh dilaksanakan di alam kenyataan, satu sistem yang tidak dibangunkan di atas unsur-unsur khayal yang mustahil. Tambahan pula manusia itu tetap manusia pada bila-bila masa pun. Apa yang pernah berlaku sekali mungkin berulang pula sekali demi sekali.

Mungkin ada pula golongan kaum progresif berpendapat bahwa Islam tidak dapat dibangunkan kembali di zaman ini, malah Ia hanya dapat ditegakkan di zaman dulu saja kerana manusia di zaman permulaan Islam itu telah mencapai taraf kemajuan yang terlalu tinggi yang tidak dapat diulangi lagi oleh manusia selepasnya. Kalau inilah pendapat mereka tentulah bertentangan dengan konsep evolusi yang dipegangi mereka sendiri yang mengatakan bahwa manusia sentiasa maju ke depan.

Mengenal persoalan mengapakah zaman Khulafa al-Rasyldin itu tidak berulang sekali lagi melainkan dalam tempoh yang pendek dalam sejarah Islam seperti di zaman Omar bin Abdul Aziz, maka persoalan ini memanglah satu persoalan yang wajar dibincangkan dan jawapan kepada persoalan ini memang boleh didapati di dalam peristiwa sejarah yang berlaku di negeri-negeri Islam khususnya atau dalam kehidupan manusia umumnya.

Untuk memahami persoalan ini kita perlu sedar kepada dua hakikat:

Pertama: Lompatan Islam rnengangkat manusia Arab dan taraf mereka yang paling rendah ke taraf tinggi yang tenlaksana di zaman Khulafa al-Rasyidin itu bukanlah merupakan satu jompatan biasa, malah merupakan salah satu mirakal (miracle) atau mukjizat Islam yang telah terlaksana di bumi kenyataan. Tetapi kemajuan yang sedemikian memerlukan persediaan yang memakan waktu yang lama dan memerlukan didikan peribadi yang intensif untuk pahlawan-pahlawan Islam yang telah berjaya melaksanakan mirakal itu dan mencerminkan Islam pada diri dan tindak-tanduk mereka.

Selepas itu Islam tersebar begitu cepat hingga tiada tandiñgannya di dalam sejarah. Ini juga salah satu mirakal Islam yang tidak dapat ditafsirkan dengan tafsiran-tafsiran kebendaan dan ekonomi yang selalu digunakan oleh kaum materialis dan komunis dalam mentafsirkan sejarah manusia.

Akibah dan perkembangannya yang begitu cepat, Islam telah menarik berbagai-bagai bangsa yang begitu ramai menjadi pemeluknya, sedangkan tidak semuajnereka bersebati dengan jiwa Islam dan benar-benar memahami peraturan-peraturan sosial, ekonomi dan politiknya, tambahan di waktu itu tidak terdapat pula kemampuan dan kemudahan-kemudahan yang cukup untuk mendidik seluruh mereka dengan didikan yang diterima oleh angkatan pelupur-pelupur Islam yang pertama di Semenanjung Arab. Akibah dan kemasukan bangsa-bangsa itu dalam agama Islam dan mereka dengan sendirinya terhitung sebagai umat Muslimin, maka kawasan Empayar Islam semakin bertambah luas, tetapi ajaran-ajaran Islam tidak benar-benar meresap di dalam jiwa penduduknya, kerana itu penyelewengan-penyelewengan begitu mudah berlaku di kalangan moreka, malah Islam dijadikan mainan oleh setengah-setengah pemerintah yang zalim dan dinasti-dinásti Umaiyah dan Abbasiah dan pemerintah-pemerintah Turki dan Mamluk. (di Mesir) dan sebagainya dan pemerintah pemerintah yang tidak benar-benar memahami hakikat ajaran Islam.

Kedua: Lompatan Islam yang tangkas itu adalah satu lompatan yang luar biasa dalam perkembangan dan kemajuan manusia. Dalam tempoh yang begitu singkat Islam telah berjaya mengangkatkan manusia dan masyarakat hamba kepada masyarakat adil. Ini adalah satu langkah yang amat progresif dibandingkan dengan sistem-sistem hidup lain yang pernah dicuba manusia. Islam telah berjaya meningkatkan mereka dan lembah nafsu-nafsu kebinatangan ke kemuncak kehalusan moral yang membanggakan manusiadi sepanjang zaman.

Kemampuan umat Arab di waktu permulaan Islam untuk mengikuti lompatan kemajuan yang pantas itu adalah didorong oleh satu tenaga rohaniah yang raksaksa, iaitu tenaga Rasulullah (s.a.w.) dan para sahabat yang terpilih. Inilah tenaga magis yang telah berjaya mengangkatkan umat Islam angkatan pertama ke tingkat kemajuan yang di luar batas kemampuan mereka yang biasa, iaitu kemajuan yang sama dengan mirakal.

Tetapi apabila tenaga pendorongnya yang agung itu beransur-ansur hilang, maka umat Islam mulai beransur-ansur menurun dan puncak-puncak akhlak mereka yang tinggi. Namun begitu sebatang ubur dan semangat Islam masih kekal dipelihara oleh mereka.

Ini bukanlah pula bererti, seperti yang pernah dikatakan oleh setengah-setengah pengeliru, bahwa umat Islam memerlukan wujudnya Rasul sendiri dan para sahabatnya untuk mengulangi kejadian-kejadian yang telah dicapai oleh umat Islam dan angkatan pertama sekurang-kurangnya dalam bidang-bidang hidup yang praktis.

Islam dengan sistem-sistem pemerintahan, ekonomi dan sosialnya yang telah dianggap sebagai satu mirakal pada masa sebelum seribu tiga ratus tahun yang lalu itu sebetulnya kini mempunyai kemungkinan untuk ditegakkan kembali di banyak negeri di dunia ini setelah

sekian lama manusia menempuh berbagai-bagai pengalaman dengan sistem-sistem yang lain dan setelah umat Islam meneliti pengalaman-pengalaman mereka sendini.

Seandainya kita mahu laksanakan sistem Islam di hari ini, maka tidaklah semestinya bagi kita membuat lompatan-lompatan mirakal seperti yang dilakukan oleh umat Arab di permulaan Islam, kerana pengalaman-pengalaman kita yang lampau telah rnendekatkan kita dengan kemuncak-kemuncak yang diperjuangkan oleh Islam. Ini bererti bahwa perjuangan kita menuju kemuncak matalamat-matalamat Islam itu lebih dekat dan lebih senang dan zaman-zaman sebelum ini. Untuk rnembuktikan kebenaran apa yang kami katakan itu kami ingin membawa contoh berikut:

Negara-negara moden hari ini memilih pemerintah-pemerintahnya melalui pilihanraya umum dan menggulingkan mereka apabila menyeleweng. Sistem pilihanraya seperti ini sama saja pada dasarnya dengan sistem pilihanraya Islam yang telah diamalkan di permujaan kekuasaan Islam. Jika sistem ini merupakan satu sistem yang mirakal di zaman khalifah-khaljfah Abu Bakar dan Omar, tetapi di hari ini ia tidak lagi merupakan sesuatu yang mirakal kerana sistem seperti itu memang dapat dipraktikkan oleh kita, sekiranya kita benar-benar ingin atau sekiranya kita mempunyai kesedaran yang dipunyai oleh umat-umat yang telah mengamalkan sistem itu.

Seandainya kita boleh mengambil sistem pilihanraya itu dan Inggeris atau Amenika, maka mengapakah pula kita tidak boleh mengambil sistem itu atas nama Islam, kerana sistem itu memang wujud dalam Islam?

Peraturan yang menjamin kehendak-kehendak asasi kakitangan kerajaan atau kaum pekerja di mana-mana organisasi umum atau swasta yang diamalkan oleh negara-negara moden sekarang adalah salah satu peraturan yang telah ditaja oleh Rasulullah (s.a.w.) sendiri. Peraturan ini telah pun dilaksanakan komunis di abad dua puluh, tetapi malangnya ia dilaksanakan di bawah kuasa kediktatoran kaum proliteriat, sedangkan Islam mihukan peraturán dilaksanakan bebas dan sebarang tekanan kediktatoran.

Seandainya kita benar-benar ingin melaksanakan peraturan ini dalam masyarakat Islam sudah tentu peraturan ini dapat kita amalkan dengan sebaik-baiknya. Kerana itu mengapakah kita bersusah payah meminjamkan peraturan ini dan komunis dan tidak mengambilnya secara langsung dan Islam?

Demikianlah seterusnya di dalam bidang-bidang yang lain, di mana peraturan-peraturan moden dipinjam dan masyarakat yang lain, sedangkan peraturan itu memang telah wujud di dalam Islam.

Pendek kata pengalaman manusia yang sekian banyak itu telah membawa mereka semakin dekat dengan system-sistem hidup Islam pada hari ini, kerana itu sekiranya sistem itu dianggap praktis dan realistis apabila diamalkan oleh negeri Barat, mengapakah pula dianggapkan fantastik dan idealis apabila diamalkan oleh masyarakat Islam?

Untuk memberi satu penilaian yang adil kepada sistem-sistem Islam ia perlu ditinjau begini: Adakah sistem-sistem Islam itu, samada sosial, ekonomi atau politik — merupakan sistem-sistem yang boleh dipraktik atau tidak boleh dipraktik? Dan seandainya system itu boleh dipraktik di mana-mana masyar atau di bawah mana-mana corak pemerintahan, niaka tidak ada sebab mengapa sistem itu tidak mungkin diamalkan di dalam masyarakat: Islam, sedangkan Islam telah pun melaksanakannya di zaman-zaman gemilang?

Kita tidak dapat menerima dakwaan yang ditimbulkan oleh propagandis komunis bahwa system-sistem hidup yang moden itu adalah ditegakkan di atas asas-asas ilmiah yang kukuh, sedangkan sistem Islam hanya ditegakkan di atas sentimen dan niat-niat yang balk

sahaja. hi adalah tidak benar. Perundangan Islam bukannya ditegakkan di atas sentirnen-sentimen. Khulafa al-Rasyidin yang mengadakan mesyuarat-mesyuarat untuk melaksanakan syari'at Islam dan memberi tafsiran-tafsiran undang-undang kepadanya bukanlah mereka mengelamun dalam impian-impian dan bukan pula merekk menegakkan undang undang itu di atas niat-niat yang baik saja. Sebenarnya dalam kontek perlaksanaan undang-undang, Islam tidak suka bergantung kepada undang-undang semata-mata, malah Islam bertindak lebih jauh dan itu lagi, ia berusaha membersihkan jiwa manusia agar mereka sanggup mematuhi undang-undang itu dengan dorongan hati yang murni, bukan semata-mata kerana takut kepada kuasa pemerintah sahaja. Ini tidak syak lagi merupakan satu polisi yang paling bijaksana untuk menegakkan undang-undang di dalam masyarakat manusia.

Dalam Islam, undang-undang selama-lamanya ada dan selama.lamanya dilaksanakan tanpa rnenghiraukan niat-niat manusia. Hal ini memang tepat dengan kata Khalifah Othman, "Sesuatu yang tidak dapat dicegah oleh al-Quran, maka Allah akah cegahkannya dengan kuasa pemerintah. "

Setengah penulis menyangka bahwa mereka dapa meletakkan umat Islam dalam keadaan yang serbasalah apa mereka mencabar pengembang-pengembang Islam den mengatakan bahwa pemerintahan Islam tidak dapat dibangun kembali dan orang-orang Islam tidak boleh menunjulkan Omar sebagai bukti kebagusan pemerintahan Islam, kerana Omar satu peribadi unik yang tidak akan berulang di dalam sejarah.

Ini adalah satu pemikiran yang terlalu dangkal, Omar tidaklah merupakan satu-satunya hujjah yang paling besar yang kita tonjolkan kepada orang ramai untuk membuktikan keunggul pemerintahan Islam, walaupun Omar merupakan satu peribadi contoh yang dibentuk dan dididik oleh Islam, tetapi tujuan kami menonjol Omar ialah untuk membuktikan kecekapan dan kebijaksanaan beliau dalam melaksanakan hukum-hukum Islam. Misalnya apabila Omar membuat keputusan bahwa tangan pencuri tidak boleh dihukum potong apabila terdapat sesuatu keraguan seperti seorang itu mencuri kerana ditekan oleh keadaan darurat ekonomi atau sosial, maka apa yang dilakukan beliau itu memanglah satu pentafsiran undang dan Allah dan pentafsiran undang seperti itu tidak semestinya memerlukan adanya Omar sebagai satu satunya orang yang layak mentafsir dan menjalankan undang itu kerana keputusan yang telah dibuat oleh beliau bukanlah kata kata pendapat dan beliau sahaja, malah satu keputusan yang memang didasarkan kepada satu prinsip undang undang Islam yang terkandung dalam sabda Rasulullah, "Tahankan perlaksanaan hukuman apabila terdapat keraguan tertentu."

Seandainya kita amalkan prinsip ini di masa sekarang, maka tiada siapa yang boleh menahan kita dan mengatakan kepada kita, "Mengapa kamu amalkan prinsip hukum ini sedangkan Omar tdak ada di masa ini?"

Begitu juga apabila Omar membuat keputusan bahwa pemerintah berhak mengambil harta-harta lebih dan hartawan hartawan untuk kepentingan golongan yang tidak berada seperti - yang dijalankan di negeri Inggeris melalui cukai pendapatan progresif, maka apa yang dilakukan beliau itu memanglah merupakan satu pentafsiran dan undang-undang Allah bukan semata-mata dan pendapat penibadi beliau, kerana pentafsiran undang-undang yang dibuat oleh beliau itu adalah dilandaskan kepada prinsip hukum yang terkandung di dalam al-Quran, "Agar kekayaan itu tidak hanya beredar di dalam kalangan hartawan hartawan sahaja." Dan untuk melaksanakan prinsip hukum ini tidaklah semestinya memerlukan adanya Omar sendiri. Negeri Inggeris telah pun mengamalkan prinsip ini tanpa Omar.

Dan apabila Omar menetapkan dasar bahwa negara berhak melakukan penyiasatan terhadap harta kekayaan gabnor-gabnor atau pegawai-pegawai tinggi kerajaan untuk

dipastikan samada harta itu benar-benar harta mereka atau harta-harta rakyat yang didapati secara tidak sebenar, maka peraturan itu memanglah merupakan satu peraturan Islam yang harus dijalankan setiap waktu walaupun tanpa Omar.

Begitu juga apabila Omar menetapkan peraturan bahwa kanak-kanak buangan pastilah ditanggung perbelanjaan hidupnya dan perbendaharaan kerajaan (Baitulmal) kerana mereka tidak bersalah apa-apa dan tidak patut mendenita akibah jinayah ibubapa mereka, maka peraturan itu memanglah merupakan satu peraturan Islam di setiap waktu, sedangkan peraturan ini baru sahaja diamalkan oleh negeri-negeri Eropah dan Amerika di dalam abad dua puluh.

Pendeknya tujuan kita menonjol-nonjolkan Omar bukanlah kerana beliau mempunyai peribadi yang unik, malah kérana beliau seorang ahli perundangan yang paling bijak di permulaan Islam, juga seorang yang benar-benar memahami roh keislaman dalam segala langkah pentadbirannya. Berdasarkan hakikat ini kita akan terus menonjol-nonjolkan Omar sebagai Satu contoh pemerintah Islam yang ideal agar dapat diikuti oleh umat Islam dan satu jenerasi ke satu jenerasi, walaupun hal ini dicemuhkan oleh setengah-setengah penulis Barat.

Seandainya pemerintah-pemerintah Islam berjaya atau hampir-hampir berjaya menyontohi Omar, maka ini bererti mereka telah berjaya memberi kebajikan yang besar kepada umat manusia, dan sebaliknya jika mereka masih tidak berjaya untuk menjadikan diri mereka benar-benar seperti Omar, maka cukuplah dengan kesanggupan mereka untuk mengamalkan peraturan-peraturan pentadbiran yang dijalankan oleh beliau. Ini adalah lebih baik dan mengemis atau meminjam peraturan-peraturan dan undang-undang negeri lain.

Ada satu pengeliruan lagi yang dibuat terhadap Islam iaitu kononnya kata mereka pemerintahan Islam tidak pernah terlaksana melainkan di zaman Khulafa a1- Rasyidin. Ramai di antara orang-orang Islam sendiri turut mempercayai kekeliruan itu.

Memang benar bahwa gambaran pemerintahan Islam yang sempurna tidak terlaksana selepas Khulafa al-Rasyidin melainkan dalam satu period yang pendek di zaman pemetintahan Khalifah Omar bin Abdul Aziz, tetapi ini tidaklah bererti bahwa Islam sebagai satu agama dan sistem hidup telah berakhir selepas khalifah yang agung itu. Apa yang sebenar berlaku ialah kerajaan-kerajaan sahaja yang telah mengalami penyelewengan-penyelewengan baik secara total atau setengah-setengah sedangkan masyarakat di luar kota masih tetap merupakan masyarakat Islam yang hidup dengan semangat Islam yang menjunjung prinsip kerjasama dan gotong atau masih tetap dengan semangat Islam yang tidak membahagikan masyarakat kepada golongan yang bermilik dan golongan yang tidak bermilik atau kepada golongan tuan dan golongan hamba, malah seluruh mereka terikat dalam satu persaudaraan yang kukuh; senang sama senang, susah sama susah.

Undang-undang dan peraturan hidup Islam selepas khalifah-khalifah itu tetap kekal memerintah setiap bahagian negara Islam, di mana tidak terdapat mahkamah-mahkamah khas yang didirikan oleh kaum feudal untuk menghukurn rakyat jelata yang tingg di kawasan-kawasan estate mereka seperti yang berlaku di negeri Eropah semasa itu.

Tradisi Islam yang luhur tetap dijunjung dalam semua peperangan Islam ,nelawan musuh.musuhnya. Kejujuran tentera tentera Islam memãtuhi tradisi-tradisi itu memang telah diakui tentera tentera Salib sendiri terutama di zaman Sallahuddin al-ayyubi.

Kesetiaan umat Muslimin terhadap perjanjian-perjanjian internasional yang ditandatangani akan terus kekal menjadi contoh kepada negara-negera di dunia.

Kecintaan umat Muslimin kepada ilmu pengetahuan tetap terus bernyala hingga dunia Islam merupakan pusat-pusat berbagai-bagai ilmu pengetahuan yang terkenal seperti Andalus dan sebagainya.

Pendek kata selepas khalifah-khalifah yang agung itu Islam sebagai agama dan sistein hidup tetap subur hingga akhirnya berjaya menyalakan ubur-ubur ilmu pengetahuan yang kemudian dipelajari oleh orang-orang Eropah, malah dengan ilmu pengetahuan yang disuburkan oleh Islam itulah umat Eropah dapat memajukan masyarakatnya, tetapi malangnya selepas itu umat Eropah telah melupai budi Islam lalu bertindak menghapuskan Islam di Andalus dan setelah mereka mencapai kemajuan, mereka terus berusaha menghancurkan Islam dan merusakkan imejnya di seluruh dunia.

Dan penjelasan-penjelasan tadi nyatalah bahwa Islam bukanlah satu sistem hidup yang idealis dalam erti katanya yang jelik yang dibuat oleh penulis-penulis Barat, malah Islam satu sistem hidup yang praktis dan realistis, satu sistem yang pernah ditegakkan satu kali dengan cemerlangnya oleh umat Islam di zaman lampau dan hari ini sistem Islam mempunyai kemampuan kemampuan yang lebih besar lagi untuk ditegakkan kembali jika dibandingkan dengan masa-masa yang silam, kerana pengalaman pengalaman manusia yang sekian lama telah membawa mereka semakin dekat dengan sistem Islam.

Sebetulnya tuduhan idealisma dengan erti katanya yang jelik itu adalah lebih wajar dihadapkan kepada sistem hidup konunisma kerana pengikut-pengikut komunis selalu menggembar-gemburkan bahwa mereka belum lagi sampai ke mertabat komunisma yang hakiki, malah mereka baru sahaja berada di tingkat sosialiasma.

Jika prodaksi negara komunis telah mencapai kemuncaknya dan seluruh dunia bersatu di bawah kerajaan komunis sejagat, di masa itu barulah tiba waktunya untuk ditegakkan komunisma yang hakiki, di mana kekayaan dapat dibahagi sama rata dan cukup kepada setiap rakyat jelata dan di waktu itu pertarungan kelas yang jelik di antara golongan yang berada dengan golongan yang tidak berada akibah prodaksi yang tidak cukup itu akan terus lenyap buat selama-lamanya.

Sistem komunisma yang sedemikian tentulah merupakan satu sistem idealis yang mengawan-awan tinggi dan tidak akan terlaksana di bumi kenyataan, kerana ia ditegakkan di atas angan-angan fantastik yang mustahil dan kerana Ia ditegakkan di atas anggapan bahwa setiap rakyat di satu hari nanti dapat dibahagikan kekayaan samarata apabila hasil pengeluaran negara mencapai kemuncaknya, begitu juga mereka menganggap bahwa pertarungan kelas akan berakhir apabila pengeluaran negara mencapai kemuncaknya, sedangkan yang sebenar kehendak kehendak dan tuntutan manusia itu tidak pernah terbatas dan inilah tabiat semulajadi mereka. Jika kehendak-kehendak mereka dapat dilayani hari ini maka di han esok mereka akan membuat tuntutan-tuntutan yang baru pula, begitu juga persaingan dan perjuangan antara mereka untuk menegakkan kedudukan masing-masing merupakan satu pendorong yang penting ke arah kemajuan umat manusia.

Itulah anggapan-anggapan idealisma yang dungu yang lahir dan materialisma dan pandangan ilmiah semata-mata.

Islam Dan Komunisma

ORANG-ORANG Islam yang terpengarub kepada komunisma pernah berkata, "Kami memang terima bahwa Islam mempunyai segala prinsip hidup yang baik, Islam merupakan satu agama yang sesuai untuk semua jenerasi dan masyarakat, tetapi oleh kerana undang Islam mengenai persoalan ekonomi telah terbantut selama empat abad yang kebelakangan ini akibah kemunduran dan kejatuhan negeri Islam, maka bukankah elok di samping kita mengambil Islam sebagai akidah yang membersihkan hati dan fikiran, kita mengambil pula komunisma sebagai satu sistem ekonomi untuk menyelesaikañ masaalah-masaalah ekonomi kita tanpa mengubahkan sistem pentadbiran negara dan setiap masyarakat kita. Dengan kombinasi yang sedemikian dapatlah kita memeliharakan akhlak, tradisi, dan adat-adat resam keislaman kita di samping mengamalkan sistem komuñis yang paling moden dalam dunia ekonomi."

Inilah satu tektik tipu muslihat yang dimainkan oleh pengembang komunis sejak dulu-dulu lagi. Mula mula mereka bertindak memerangi Islam di negeri-negeri Timur secara terang-terangan dan terbuka, mereka membuat berbagai bagai pengeliruan tentang Islam, tetapi apabila mereka sedar bahwa tindak-tanduk mereka itu telah menyebabkan umat Muslinijn semakin berpegang teguh dengan agama mereka, lantas mereka menggunakan tektik-tektik yang jahat. Kata mereka: Komunisma tidak bertentangan dengan Islam kerana intisari perjuangan komunisma ialah pembangunan masyarakat adil, di mana negara memberi segala jaminan hidup yang diperlukan oleh setiap rakyat jelata. Dan tentulah Islam tidak menentang prinsip keadilan sosial yang diperjuangkan oleh komunisma itu.

Tektik jahat yang seperti itu juga pernah digunakan oleh kaum penjajah. Mula-mula mereka menyerang Islam dan tiba-tiba serangan-serangan itu semakin menyedarkan umat Islam, lantas mereka memilih satu tektik lain yang jahat, mereka berkata kepada orang-orang Islam, "Kami orang-orang Barat tidak mempunyai kepentingan apa-apa selain dan ke kami untuk membawa tamaddun ke negeri-negeri Islam di timur ini, dan Islam sebagai bapa tàmaddun tentulah tidak bencikan tamaddun. Tuan-tuan boleh tetap menjadi para Muslimin yang patuh mengerjakan ibadat-ibadat sembahyang, puasa, berzikir ala tariqah-tariqah sufi dan serentak dengan itu menikmati tamaddun Barat." Sedangkan sebenarnaya mereka yakin apabila umat Islam mendokong tamaddun Barat, mereka tidak akan menjadi umat Muslimin yang mempunyai keperibadian Islam dan di dalam beberapa jenerasi sahaja mereka akan diperhambakan oleh tamaddun falsu itu di luar kesedaran mereka. Dari dan situ akan muncul pula jenerasi jenerasi baharu Islam yang bukan sahaja tidak mengenal Islain malah akan meninggal Islam secara membabibuta.

Kini pengembang-pengembang komunisma sedang menggunakan tektik jahat yang sama. Mereka katakan kepada orang-orang Islam, "Tuan-tuan boleh tetap menjadi para Muslimin yang patuh menunaikan sembahyang, puasa dan berzikir ala tariqah-tariqah sufi tanpa sebarang gangguan dari kami. Kami tidak mempunyai kepentingan apa-apa selain dan keinginan kami hendak memperkenalkan sistem ekonomi komunis yang memang berasal dan intisari ajaran Islam dan kemudian dikembangkan oleh sarjana-sarjana Eropah, kerana itu terimalah sistem ini dengan segala senang hati'' Sedangkan pada hakikatnya mereka yakin seandainya umat Muslimin menerima komunisma, mereka tidak akan tetap menjadi penganut Islam lagi, malah di dalam beberapa tahun sahaja mereka dengan pantas akan ditelan komunis di luar kesedaran mereka.

Namun begitu masih ramai orang-orang Islam yang terpedaya dengan tektik penipuan itu, kerana bagi méreka itu adalah satu jalan keluar yang senang yang dapat menyelamatkan mereka dan kesukatan menyiasat dan mengembangkan prinsip prinsip ekonomi dan ajaran

agama sendiri. Mereka adalah orang yang mengelamun sama seperti mengelamunnya pemadat di bawah kepulan asap ganja dan kenikmatan candu.

Di sini kami ingin tandaskan bahwa Islam pada dasarnya tidak menentang apa sahaja sistem yang dapat menyelesaikan masaalah-masaalah dan memenuhi kehendak orang Islam selama sistem itu tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip ajarannya.

Tetapi sistem komunis adalah satu si yang benar-benar bertentangan dengan ajaran Islam walaupun secara kebetulan dan beberapa titik keserupaan yang dangkal dengan Islam dalam setengah-setengah perinciannya. Masyarakat Islam yang telah memiliki satu sistem hidup yang lebih baik tentulah tidak menasabah untuk meninggal sistem itu guna mengambil sistem komunis atau sistem kapitalis atau sistem sosialis kebendaan atau sebagaimya walaupun sistem-sistem itu mengandungi beberapa titik pertemuan dengan Islam dalam setengah perincian, kerana Allah telah menandaskan dengan tegas, "Sesiapa yang tidak memerintah dengan undang yang diturun oleh Allah, maka mereka adalah orang-orang yang tidak beriman." Allah tidak pernah berfirman dengan kataNya, "Sesiapa yang tidak memerintah dengan undang-undang yang sama dengan undang-undang yang diturun oleh Allah atau dengan undang-undang yang mirip dengan undang-undang yang diturun oleh Allah.

Orang-orang Islam tentulah tidak boleh menenima komunisma dan serentak dengan itu juga menjadi orang Islam.

Seandainya kita menerima komunisma dan segi ekonomi maka kita akan berlanggar dengan Islam dan segi falsafah dan arnalan pula. Kita tidak dapat menghindari pertentangan itu.

Di antara aspek-aspek pertentangan komunisma dengan Islam iaiah:

Pertama: Komunisma berlandaskan falsafah kebendaan tulin. Ia hanya percaya kepada apa yang. dapat disaksikan oleh pancaindera manusia sahaja, dan segala apa yang tidak dapat dikuasai oleh pancaindera adalah tahyul yang tidak wujud belaka atau setidak-tidaknya tidak dapat dipertimbangkan. Ujar Engels, "Benda adalah satu-satunya yang hakiki di alam ini." Sementara kaum materialis pula berkata, "Akal manusia tidak lain dan tidak bukan melainkan ialah benda yang mencerminkan gejala-gejala alam sekelilingnya." Seterusnya mereka berkata lagi, "Apa yang dikatakan roh bukanlah satu benda yang berdiri sendiri, malah satu prodaksi dan benda."

Dari sini nyatalah bahwa komunisma adalah satu faham kebendaan tulin yang menolak segala perkara kerohanian dan menganggapnya sebagai fakta-fakta yang bukan ilmiah, sedangkan Islam enggan menjadikan seluruh hidup manusia hanya tertutup dalam alam kebendaan yang sempit yang tidak sesuái dengan kejadian mereka yang murni dan mulia. Komunisma mahu mengubahkan manusia dan satu makhluk yang luhur, yang badannya berjalan di bumi dan rohnya menjelajah di langit kepada satu makhluk kebendaan dan kebinatangan yang seluruh ambisinya ialah memuaskan keinginan-keinginan asasi, iaitu makan, minum, mendapatkan tempat tinggal dan mengisi nafsu sex seperti yang didakwakan oleh Karl Marx.

Tiada seorang Islam yang terpengaruh dengan dakyah komunis boleh mendakwa bahwa seandainya kita menerima sistem ekonomi komunis, kita tidak semestinya terikat dengan falsafah kebendaannya, malah segala kepercayaan kita, Tuhan kita dan Rasul kita dan segala akidah kerohanian kita tidak akan terjejas sedikit pun, kerana sistem ekonomi komunis tidak ada kaitan langsung dengan segala kepercayaan itu.

Tiada seorang pun yang boleh mendakwa demikian, kerana orang-orang komunis sendiri memustahilkan konibinasi itu. Mereka telah membuat satu pertalian yang begitu rapat

di antara sistem ekonomi dengan akidah dan falsafah yang menjadi asasnya, menurut anggapan mereka sistem ekonomi itulah yang melahirkan akidah-akidah dan falsafah-falsafah, kerana itu sistem ekonomi komunis yang berlandaskan kebendaan yang tulin itu tidak mungkin melahirkan falsafah kerohanian atau tidak mungkin hidup seiringan dengan falsafah kerohanian.

Orang-orang komunis juga percaya kepada dailektik kebendaan "Dialectical materialism". Menurut mereka pertarungan di antara yang berlawanan (golongan yang bermilik dengan golongan yang tidak bermilik) merupakan satu-satunya faktor yang wujud di belakang setiap perkembanganl ekonomi dan manusia, bermula dan tahap komunisma yang pertama inenuju ke tahap perhambaan dan terus ke tahap feudalisima dan dan sini berkembang pula kepada kapitalisma dan dan kapitalisma berkembang kepada tahap kornunisma yang kedua (sosialis 'dan seterusnya akan berkembang kepada tahap komunisma yang terakhir. Dengan menggunakan lojik dailektik kebetldaan inilah mereka cuba membuktikan kebenaran sistem ekonomi komunis mereka. Mereka mendakwa adanya satu pertalian ilmiah yang rapat di antara komunisma dengan lojik dailektik kebendaan itu.

Di dalam teori dailektik kebendaan, Tuhan tidak mempunyai tempat untuk campurtangan dalam perkembangan hidup manusia, para Rasul dan ajaran-ajaran yang dibawa mereka juga tidak mempunyai tempat dalam perkembangan hidup manusia, malah menurut mereka, ajaran para Rasul tidak merupakan faktor yang melahirkan perkembangan ekonomi manusia, bahkan sebaliknya seluruh ajaran itu adalah hasil dan pertembungan faktor-faktor ekonomi sahaja. Dengan konsep ini hilanglah nilai Islam sebagai tenaga pembimbing umat manusia.

Selain dari itu menurut teori dailektik kebendaan, seluruh perubahan dan perkembangan hidup manusia adalah berpunca dan faktor ekonomi, tetapi ternyata bahwa pentafsiran yang sedemikian apabila hendak ditafsirkan revolusi dan kemajuan umat Islam yang mendadak muncul tanpa sebarang perubahan ekonomi yang berlaku di Semenanjung Arab atau di dunia seluruhnya sebelum kedatangan Islam. Apakah faktor-faktor ekonomi yang mengakibahkan bangkitnya Nabi Muhammad membawa satu sistem hidup yang baru?

Bagaimanakah sistem Islam itu dapat disesuaikan dengan sistem komunis? Setiap orang Islam percaya bahwa Allahlah yang mengatur kehidupan makhlukNya dan memberi hidayah kepada mereka melalui para RasulNya. Mereka juga percaya bahwa agama Islam itu adalah diturun oleh Allah bukannya lahir akibah faktor-faktor keperluan ekonomi. Oleh itu bagaimanakah kemurnian akidah umat Islam itu tidak terjejas apabila mereka mendokong sistem ekonomi komunis, sedangkan teori komunisma menegaskan bahwa tahap-tahap perkembangan hidup manusia itu adalah akibah dan pertarungan di antara yang berada dan tidak berada yang sama sekali tidak dicampurtangan oleh Allah, malah hanya dicetuskan oleh faktor-faktor keperluan ekonomi semata?

Kedua: Manusia mengikut konsep komunisma adalah makhluk pasif yang tidak punya sebarang iradat dan kuasa dalam menghadapi kekuatan benda dan kekuatan ekonomi. Ujar Marx, "Dalam prodaksi ekonomi yang dilakukan oleh manusia anda melihat mereka terpaksa mengadakan hubungan-hubungan tertentu di antara mereka, iaitu perhubungan yang di luar kemahuan mereka. Perasaan manusia tidak menentukan wujud mereka, tetapi sebaliknya wujud merekalah yang menentukan perasaan mereka."

Tetapi manusia dalam konsep Islam adalah satu makhluk positif yang punya iradat dan kuasa dalam menghadapi kehidupan. Firman Allah, "Kami jadikan untuk kamu segala apa yang ada di langit dan di bumi seluruhnya."(Surah al-Jathiah)

Dalam ayat ini Allah dengan tegas menandaskan bahwa manusia mempunyai kekuatan yang teragung di bumi, sedangkan kekuatan-kekuatan benda dan kekuatan ekonomi adalah tunduk di bawah kuasa dan kemahuan manusia, bukannya manusia yang tunduk kepada kekuatan-kekuatan benda dan kekuatan ekonomi. Hakikat ini telah dibuktikan oleh sejarah perkembangan Islam sendiri, kerana kemajuan Islam tidak menurut undang-undang perkembangan Jabriah yang ditetapkan oleh teori dailektrik kebendaan. Ketika umat Muslimin menganut Islam di permulaan kelahiran Islam, mereka sama sekali tidak merasa bahwa satu pengaruh ekonomi sedang menguasai mereka tanpa dapat dielak oleh mereka lagi seperti yang dikatakan oleh Marx, malah apa yang dirasakan mereka ialah mereka sedang membentuk satu sistem ekonomi seperti yang diperintah oleh Allah dan mereka sedang menjalinkan hubungan-hubungan sosial dengan berdasarkan hidayah Islam. Mereka membebaskan abdi tanpa dipaksa oleh faktor ekonomi. Mereka membendung feudalisma, sedangkan di Eropah dan negeri-negeri yang bukan Islam feudalisma telah bertapak kukuh selama ratusan tahun.

Apabila kita sanggup mendokong sistem ekonomi komunis, maka dengan sendirinya kita menerima falsafah komunis yang men jadikan manusia terkongkong kepada kekuatan ekonomi, iaitu satu kekuatan yang dianggap di luar daya—upaya dan kehendak mereka. Kerana itu mereka tidak lagi berusaha dan berfikir untuk mengubahkannya dengan kuasa iradat mereka.

Ketiga: Sistem ekonomi tidak dapat dipisahkan dan falsafah sosial yang berdiri di belakangnya, dengan erti apabila kita menerima sistem ekonomi komunis, maka kita dengan sendirinya menerima falsafah sosial komunis.

Menurut falsafah sosial komunis, masyarakat itulah yang menjadi pokok pangkal, sedangkan individu tidak lebih dan satu anggota kelompok yang tidak mempunyai wujud yang hakiki. Konsep ini bertentangan dengan konsep Islam yang begitu berat memberi perhatian kepada individu.

Dalam Islam individu harus bertugas sebagai satu anggota yang aktif dan dinamis dalam membimbing masyarakat dan memikul tanggungjawab Ia juga harus bebas memilih kerja dan tempat kerjanya, bebas untuk memilih pemerintah-pemerintah yang disukainya dan bebas pula rnenggulingkan pemerintah yang dianggapnya menyeleweng dan ajaran Allah.

Dalam Islam individu harus bertugas sebagai pengawal akhlak yang menjaga tatasusila masyarakat dan terjerumus ke dalam maksiat dan kebejatan.

Tugas-tugas yang seperti ini tentulah tidak dapat dilaksanakan oleh individu yang hidup dalam sistem yang memandang individu itu sebagai sesuatu yang enteng atau sebagai pak turut atau tukang anggih kepada negara dalam segala urusan.

Keempat: dan terakhir ialah falsafah komunis adalah berdasarkan teori bahwa faktor ekonomi merupakan satu-satunya faktor yang mempengaruhi dan mengendalikan seluruh urusan dan hubungan masyarakat.

Islam tidaklah menafikan kepentingan ekonomi dan tidak pula menafikan betapa pentingnya masyarakat itu dibangunkan di atas asas ekonomi yang sihat agar masyarakat dapat membentuk kehidupan sosial yang menjunjung prinsip-prinsip akhlak, tetapi Islam tidak menerima bahwa seluruh hidup manusia itu dikongkong oleh pengaruh ekonomi sahaja dan penyelesaian masaalah-masaalah ekonomi bererti penyelesaian seluruh masaalah-masaalah masyarakat yang lain.

Untuk lebih jelas, marilah kita ambil contoh si Ahmad dan Mahmood. Kedua-dua pemuda ini telah diberikan taraf ekonomi yang sama, tetapi kedua-duanya mempunyai tabiat yang berbeda. Si Ahmad mempunyai nafsu yang rakus. Seluruh tenaga dan fikirannya

dicurahkan ke dalam aktiviti-aktiviti mengisi keinginan nafsunya, sedangkan si Mahmood pula seorang yang bijak mendisiplinkan dirinya. Di samping memberikan kenikmatan fizikal yang sederhana kepada dirinya, ia mencari pula kenikmatan rohaniah dengan usaha-usaha meluaskan ilmu pengetahuan, memperolehi kesenian, kemahiran dan memperkukuhkan akidah yang menjadikan pegangan hidupnya, tentulah kedua-dua pemuda ini tidak sama bentuk hidupnya walaupun mereka mempunyai kedudukan taraf ekonomi yang sama.

Satu contoh lagi, si Amin seorang lelaki yang mempunyai peribadi yang kuat, kata-katanya dihargai orang dan perintah-perintahnya dipatuhi, sedangkan Si Ali seorang yang tidak mempunyai peribadi langsung. Ia hanya menjadi bahan ejekan dan mainan teman-temannya sahaja. Adakah masaalah si Ali ini dapat diatasi dengan ekonomi? Dan adakah bentuk dan kejadian hidup kedua-dua orang itu sama pula?

Jika Si Aminah jelita dan si Fatimah buruk adakah masaalah si Fatimah dapat diselesaikan dengan ekonomi? Dan adakah kedua-dua wanita dapat menghadapi hidupnya dalam bentuk yang sama?

Berdasarkan hakikat-hakikat inilah Islam tidak hanya memperhatikan nilai ekonomi semata-mata, malah ia memperhatikan sama nilai-nilai yang non-ekonomi terutama nilai-nilai akhlak, kerana Islam percaya bahwa di dalam hidup manusia terdapat nilai-nilai yang non-ekonomi. Dan nilai-nilai yang non-ekonomi itu pula memerlukan usaha-usaha untuk mengaturkannya sama seperti usaha-usaha yang diperlukan untuk mengaturkan ekonorni.

Kerana itu Islam memberi perhatian yang bcrat kepada usaha-usaha mewujudkan hubungan yang mesra di antara hamba dan Tuhan, kerana itulah satu-satunya sarana yang ideal untuk membangunkan akhlak-akhlak yang murni dan untuk mengangkat manusia dan alam hidup kebinatangan yang penuh dengan sengkita dan hasad dengki, ke alam hidup yang murni yang penuh dengan kasih sayang.

Dan satu segi yang lain pula Islam percaya bahwa tenaga rohaniah yang begitu berharga dan besar pengaruhnya dalam hidup manusia. Seandainya tenaga itu dibela sebaik-baiknya dan diasuh sebagus-bagusnya maka kesannya tidak kurang dan kesan semua faktor-faktor hidup yang lain termasuk faktor ekonomi yang digabung bersama, malah kadang-kadang lebih kuat dari seluruh faktor-faktor itu semuanya.

Di dalam sejarah Islam terdapat tokoh-tokoh yang memperlihatkan kekuatan rohaniah yang luar biasa. Misalnya keteguhan pendirian Abu Bakar terhadap golongan yang murtad selepas wafatnya Rasulullah, beliau telah berdiri seorang diri dengan penuh azam untuk memerangi orang-orang yang murtad itu, sedangkan pemimpin-pemimpin Islam yang lain termasuk Omar bin al-Khattab sendiri tidak menyokong penderian beliau. Apakah yang mengukuhkan pendirian beliau? Tentulah bukan kekuatan kebendaan, bukan kekuatan ekonomi dan bukan pula kekuatan manusia biasa, tetapi yang benar-benar mengukuhkan pendirian beliau ialah kekuatan rohaniah yang mengikat beliau dengan Tuhannya. Kekuatan inilah yang membuat orang-orang yang lemah menjadi manusia yang penuh semangat dan mengubahkan kekuatan semangat kepada kekuatan kebendaan dan ekonomi yang tiada tanding di dalam sejarah manusia.

Pendirian yang sekukuh itu juga telah diperlihatkan oleh Khalifah Omar bin Abdu Aziz. Beliau dengan gigih dan handal menentang kezaliman-kezaliman di zamannya dan membetulkan kepincangan-kepincangan masyarakat sehingga pada akhirnya beliau telah berjaya mewujudkan sebuah masyarakat Islam tanpa fakir miskin.

Kerana itu Islam memberi perhatian yang serius kepada kekuatan rohaniah yang penuh mukjizat itu. Namun demikian Islam tidak menggalak orang menunggu mukjizat, malah

menggalakkan mereka berusaha sedaya-upaya yang mungkin. Dan sebagai prinsip Islam yang tetap ialah, "Sesuatu yang tidak dapat dicegah oleh al-Quran, maka Allah akan cegahkannya dengan kuat kuasa pemerintah."

Tentulah di luar keupayaan manusia untuk memberi seluruh perhatiannya kepada urusan ekonomi sahaja seperti yang disarankan oieh komunis dan sérentak dengan itu kita mengharapkan mereka memberi perhatian kepada nilai-nilai akhlak dan rohaniah pula, kerana terlalu berat memberi perhatian kepada nilal ekonomi semata-mata itu akan membawa akibah yang buruk kepada manusia sama seperti bengkak yang menyerang mana-mana anggota penting seperti jantung atau hati. Anggota yang bengkak itu bukan sahaja tidak dapat menjalankan fungsinya dengan baik, malah mengganggu anggota-anggota lain dan menjalankan fungsi-fungsinya dengan licin.

Mungkin setengah orang merasa jemu dengan penjelasan yang panjang lebar tentang segi teori Islam dan komunisma seperti yang kami telah bentangkan tadi, kerana mereka menganggapkan segi teori itu sebagai omong-omong kosong sahaja. Apa yang dapat menarik perhatian mereka hanyalah masaalah-masaalah yang praktis sahaja, kerana menurut mereka sesuatu masaalah itu boleh diselesaikan apabila dapat dipraktikkan. Pendeknya mereka ingin tahu apakah pertentangan dan segi praktis di antara Islam dan komunis.

Kami tentulah tidak sependapat dengan mereka yang memandang sepi terhadap segi teori dan falsafah, kerana segi teori tidak boleh dipisahkan dan segi praktis. Di sana memang terdapat pertentangan dan segi praktis di antara Islam dan komunis di dalam persoalan-persoalan yang berikut:

Pertama: Islam menganggapkan pemeliharaan dan penyelenggaraan anak-pinak sebagai tugas utama kaum wanita. Islam memandang tidak begitu senang apabila kaum wanita keluar bekerja di kilang-kilang dan sawah bendang, melainkan dalam keadaan-keadaan yang darurat. Dan yang dimaksudkan dengan darurat di sini ialah tidak ada lelaki yang mencari nafkah untuknya samada bapa, saudara lelaki, suami atau kerabat lelaki.

Tetapi di dalam sistem komunis kaum wanita diwajibkan bekerja sama panjang dengan waktu kerja kaum lelaki. Komunisma menafikan perbedaan di antara lelaki dan wanita samada dan segi fungsi atau dan segi kejiwaan. Sementara ekonomi komunis pula adalah ditegakkan di atas dasar menambahkan pengeluaran hingga kepada batas yang maksima. Dan matlamat ini tentulah tidak akan tercapai melainkan dengan mewajibkan seluruh rakyat lelaki dan wanita bekerja di kilang-kilang, di makmal-makmal dan di ladang-ladang. Kaum wanita tidak dibenarkan bercuti melainkan di dalam bulan-bulan mengandung sahaja dan anak-anak yang dilahirkan mereka akan dipelihara oleh pusat-pusat pemeliharaan kanak-kanak yang diadakan oleh pemerintah.

Oleh itu apabila kita menerima sistem ekonomi komunis, maka bererti seluruh kaum wanita kita terpaksa keluar bekerja dan ini tentulah bertentangan dengan konsep Islam yang mahu menyusun sistem sosial dan ekonomi masyarakat dengan berdasarkan ikhtisas masing-masing, kaum wanita berikhtisas dengan urusan dalam keluarga atau rumahtangga, sedangkan kaum lelaki berikhtisas dengan urusan-urusan luar rumah (Ini tidaklah pula menafikan kerja lelaki dan perempuan di dalam keluarga)

Kalau ada orang yang mengatakan bahwa di dalam sistem komunis kaum wanita tidak semestinya harus bekerja di kilang-kilang, maka ia bukan lagi pendokong komunis, kerana pendirian komunis cukup jelas dalam hal ini.

Mengenai persoalan menambahkan pengeluaran memanglah merupakan satu matalamat kemakmuran masyarakat yang penting, tetapi untuk mencapai matalamat ini, kita

tidak semestinya menerima sistem ekonomi komunis, kerana negeri komunis sendiri mempelajari hal ini dan negeri-negeri kapitalis Barat.(Russia di permulaan gerakan komunis merupakan sebuah negara yang amat mundur dalam bidang perindustrian, kerana itu ia meminjam segala cara pengeluaran ekonomi negeri-negeri Barat) Di samping itu sistem pemerintahan Islam juga tidak menghalang sebarang langkah untuk menggunakan cara-cara yang paling moden untuk menambahkan hash pertanian dan perindustrian.

Kedua: Sistem ekonomi komunis adalah ditegakkan di atas konsep kediktatoran kaum proletar. Negaralah yang menentukan seluruh pekerjaan rakyatnya dan membahagikan pekerjaan pekerjaan itu kepada kaum pekerja tanpa memperhitungkan kecenderungan dan kegemaran masing-masing, pendek kata kerajaan menguasai selurüh pekerjaan, tuturkata, perhimpunan perhimpunan dan arahan-arahan. Kaum pekerja tidak mempunyai sebarang kebebasan untuk memilih jenis-jenis pekerjaan dan tempat-tempat kerja yang disukai mereka. Segala-galanya ditentukan oleh negara.

Di sini patut dibedakan di antara kediktatoran seorang pemerintah dengan kediktatoran negara. Seorang pemerintah diktator mungkin seorang yang baik, rendah diri dan bekerja semat untuk kebajikan negara, mungkin lebih dulu bermesyuarat dan berunding dengan wakil-wakil rakyat — samada benar atau bohong, sebelum menjalankan keputusan yang penting tetapi dalam kediktatoran negara hal-hal yang seperti itu tidak begitu diperhatikan apa yang menjadi tumpuan perhatian negara ialah menjalan dan mengawal sistem ekonomi komunis dengan segala kuasa dan kekuatan yang ada padanya. Kerana itu komunisma dengan tegas mengaku bahwa sistem pemermntahannya ialah sisten kediktatoran kaum proletar.

Di samping itu sistem komunis masih lagi meraba-raba mencari jalannya. Mula-mula ia menghapuskan seluruh hak milik dan menyamakan upah di antara seluruh pekerja, tetapi setelah menghadapi tekanan.tekanan dan kenyataan ia membenarkan hak milik peribadi untuk sekadar tertentu dan membedabedakan upah mengikut kesanggupan pekerja. Ini bererti menyeleweng dan dua prinsip yang diperjuangkan oleh Karl Marx dan serentak dengan itu bererti dua langkah semakin hampir dengan konsep yang didokong oleh Islam.

Kerana itu tidak ada sebab bagi kita umat Islam meninggalkan sistem Islam kita yang asli yang semakin banyak diakui oleh manusia setiap kali mereka gagal membuat percubaan yang baru. Adakah wajar bagi kita meninggalkan sistem Islam untuk menaiki keretapi komunis yang masib belum tentu haluannya walaupun haluannya berjalan begitu laju?

Tindakan ini tidak akan diambil oleh seorang Muslim yang berakal dan berperibadi, kerana tindakan ini merupakan satu kekálahan jiwa yang total, satu kekalahan yang hanya sanggup diterima oleh orang-orang yang lemah dan pengecut.

Bagaimana Jalannya?

BAGAIMANAKAH jalannya untuk merealisasikan sistem Islam?

Kita telah percaya bahwa Islam sebaik-baik sistem hidup di dunia ini. Kedudukan kita dan segi sejarah, geografi dan internasional telah meyakinkan kita bahwa Islam adalah satu satunya sarana untuk kita mencapai kembali kekuasaan, kehormatan dan keadilan sosial. Tetapi bagaimanakah jalan untuk merealisasikan pemerintahan Islam dalam sebuah alam yang anti Islam dan di dalam negerinegeri Islam yang diperintah oleh diktator-diktator yang menentang Islam sama seperti mereka menentang musuh-musuh luar. malah kadang-kadang lebih dahsyat lagi?

Tiada jalan lain lagi melainkan satu jalan sahaja, iaitu beriman. Jika di permulaan Islam iman telah menjadi tenaga pembangunnya, maka iman juga yang harus menjadi tenaga pembangun Islam di zaman belakangnya.

Kita kini sedang menghadapi suasana-suasana yang sama seperti yang dihadapi oleh angkatan pertama umat Muslimin di permulaan lahirnya Islam, umat Mushmin di waktu itu terdiri dan satu golongan yang kecil. Mereka menghadapi dua empayar yang paling kuat di zaman itu, iaitu empayar Rome di kiri mereka dan empayar Farsi di kanan mereka. Kedua-dua empayan itu mempunyai kelengkapan yang berkali-kai ganda melebihi umat Muslimin baik dan segi tenaga manusia, bekalan senjata, kekayaan kepandaian kepandaian perang. Pengalama-pengalaman ketenteraan dan politik.

Tetapi walaupun demikian satu mirakal yang paling mengkagumkan dalam sejarah telah berlaku. Segelintir umat Muslimin yang kerdil telah berjaya mengalahkan empayar Rome dan empayar Farsi dalam masa tidak sampai setengah abad. Mereka telah menaklukkan negeri jajahan dua empayar yang luas itu yang memanjang dan Lautan India ke Lautan Atlantik. Bagaimanakah mirakal itu boleh berlaku? Pentafsiran sejarah yang berdasarkan faktor kebendaan dan ekonomi tidak dapat menjelaskan bagaimana mirakal itu berlaku. Hanya satu sahaja yang dapat member pentafsiran yang konkrit iaitu faktor iman. Iman inilah yang mendorong umat Muslimin berjuang dengan penuh keberanian. Orang-orang inilah yang kedengaran berdailog di medan perang. "Bukankah tiada dinding lagi di antaraku dengan syurga melainkan hanya aku pasti berjuang membunuh lelaki ini (penentang Islam) atau aku dibunuh olehnya." Dan serentak dengan kata-kata itu Ia meluru ke medan perang dengan penuh semangat seolah-olah ia pergi untuk memeluk pengantinnya. Atau berkata kepada musuh "Kamu tidak menunggu kami melainkan untuk memberikan kami salah satu dan dua hadiah yang paling cemerlang iaitu kemenangan atau mati syahid." Kemudian mereka mara ke tengah gelanggang pentempuran untuk menerima salah satu dan hadiah yang paling cemerlang itu.

Ada 5 orang bertanya dengan hati yang ikhlas atau dengan hati yang pengecut, di mana alat senjata? Ya, kita memang memerlukan senjata, tetapi senjata bukanlah keperluan kita yang paling utama. Senjata sahaja tidak cukup. Di dalam peperangan dunia yang lepas tentera-tentera Itali memiliki senjata pembunuh yang paling pantas dan kuat, tetapi mereka kalah di sepanjang medan pertempuran mereka berlumb-lumba Ian dan medan perang meninggalkan senjata senjata mereka jatuh ke tangan musuh. Mereka tidak kurang senjata, tetapi yang kekurangan pada mereka ialah iman dan kekuatan batin.

Patut juga disebut di sini tentang gerakan komando Mesir yang berjuang nienentang Inggeris di Terusan Suez. Bilangan mereka tidak sampai seratus orang. Mereka keluar melakukan seranganserang malam tidak lebih dan lima atau enam orang, tetapi mereka berjaya

meletakkan tentera Inggeris dalam keadaan yang panik dan akhirnya penjajah si tua bangka itu terpaksa menggulung tikar.

Komando itu tidak mempunyai senjata pembinasa, tidak punya meriam-meriam berat, tidak punya kapalterbang dan kereta kebal, mereka hanya mempunyai pistol, senapang dan mesyenganmesyeng sahaja, tetapi di samping itu mereka memiliki sesuatu yang lebih kuat dan senjata iaitu iman. Mereka hidup dengan semangat segelintir pelopor-pelopor Islam di zaman silam yang benjuang menegakkan agama Allah dan kerana itu mereka berjaya mengusir penjajah British yang tua bangka itu.

Sebenarnya tiada siapa pun boleh berkata bahwa jalan untuk menegakkan sistem Islam itu adalah dihampari dengan bunga-bunga, malah jalan itu penuh dengan keringat darah dan air mata.

Setiap da'wah memerlukan pengorbanan dan setiap kemenangan juga memerlukan banyak pengorbanan.

Kerana itu kekuasaan, kehormatan dan keadilan sosial yang menjadi matalamat perjuangan kita adalah memerlukan pengorbanan-pengorbanan yang wajar dan kita semua. itu, sebetulnya tidak lebih dan apa yang kita telah korbankan untuk mengekalkan penjajah yang meletakkan kita dalam kedudukan yang hina-dina dan miskin pada hari ini. Beberapa banyak negeri-negeni di Timur Tengah ini telah berkorban di dalam peperangan dunia yang lampau? Beberapa banyak rakyat yang terbunuh di bawah kereta-kereta kebal tentera Bersekutu? Berapa banyak pula kaum wanita diperkosakan mereka, berapa banyak bekalan makanan yang dirampas tentera Bersekutu tanpa bayaran. Dan sesudah sekian banyak kita berkorban untuk pihak-pihak Bersekutu, tiba-tiba Tuan Churchill datang berkata kepada kita, "Kami telah melindungi kamu dan malapetaka peperangan, kerana itu kamu harus membayar harga perlindungan itu."

Di satu masa dulu negeri-negeri belok Barat cuba mengheret negara-negara di rantau Timur Tengah ini dalam satu pakatan tentera yang diadakan oleh mereka dengan tujuan mengeksploitasikan negeri itu untuk kepentingan mereka.

Seandainya kita pasti mati, maka mengapa kita memilih mati yang hina iaitu mati untuk kepentingan kerajaan-kerajaan Barat yang berikat.

Seandainya setengah juta umat Islam sanggup mati kerana Islam, maka sudah tentu tidak ada satu kuasa penjajah Salib (Crusade) di negara-negara Islam. Itulah satu-satunyajalan:

Setengah-setengah orang bimbang Islam akan diancam oleh komunis yang sedang berkembang di masa ini, sedangkan yang sebenarnya mereka tidak perlu bimbang, kerana bagi Islam kedudukan di dunia ini masih belum berubah, sebab negeri yang sedang dilanda oleh komunis sekarang adalah dulunya ialah negeri-negeri Kristian yang sentiasa bersikap anti Islam. Russia yang menjadi induk, di maria lahirnya komunisma, adalah dulunya sentiasa bekerja menimbulkan huru-hara di dalam negeri-negeri Islam. Negeri-negeri Eropah yang menjadi pusat Crusade yang anti Islam itu masih tetap dengan sikap lamanya. Tiada satu pun yang berubah.

Kedudukan kita hari ini sama dengan kedudukan angkatan pertama umat Islam yang menghadapi ancaman dan dua empayar besar yang terletak di kiri kanan mereka. Pemerintah-pemerintah yang zalim di negeri negeri Islam sedang beransur ansur hapus Tiada siapa yang menyangka bahwa Raja Farouk dapat di guhngkan dan takhtanya dan sudah tentu peristiwa ini akan berulang pula pada raja-raja diktator yang lain.

Kini gerakan rakyat Islam yang menuntut keadilan masyarakat melalui sistem pemerintahan Islam, bukan melalui usaha menjadi pak turut komunis dan kapitalis, tidak boleh dipandang sia-sia dan sepi lagi.

Islam sedang bergerak maju dan kuat walaupun ia digugat liar dan ganas di segala tempat. Kerana seluruh suasana alam sedang bersiap untuk menyambut kebangkitan baru Islam, kerana Islam mempunyai tugas dalam kehidupan manusia yang sama penting dengan tugas lamanya di permulaan Islam, iaitu tugas mewujudkan sebuah dunia baru yang tidak terkongkong dengán kebendaan dan pergolakan ekonomi, sebuah dunia baru yang diperintah oleh satu sistem yang mengimbangkan tuntutan kebendaan dengan tuntutan rohaniah.

Dunia yang telah lemas dalam kemajuan kebendaan dan kebuluran di dalam rohaniahnya, dunia yang tak pernah damai dan pergolakan-pergolakan yang pahit tentulah satu hari akan kembali mencari satu sistem hidup yang dapat mempertemukan alam kebendaan dengan alam rohaniah. Pendek kata, manusia lambat laun akan kembali kepada peraturan-peraturan hidup Islam walaupun mereka tidak memeluk agama Islam.

Bagi kita umat Islam, jalan untuk merealisasikan sistem Islam tidak dihampari dengan bunga. Kita harus sanggup melakukan banyak pengorbanan seperti yang telah dilakukan oleh pelopor pelopor Islam di zaman lampau demi meyakinkan dunia terhadap kebaikan-kebaikan Islam, tetapi pengorbanan-pengorbanan itu telah dijamin kejayaan oleh Allah. FirmanNya, "Allah akan menolong mereka yang memperjuangkan ajaranNya, sesungguhnya Allah itu Maha Perkasa dan Maha Berkuasa."

Sungguh benar Firman Allah Yang Maha Besar!